00-1493

# RAKYAT MENUNTUT KEADILAN



REFORMASI

ABU MIQDAD

# Rakyat Menuntut Keadilan

Penerbit
AIM PUBLICATION

# RAKYAT MENUNTUT KEADILAN

Pengarang :
ABU MIQDAD

Atur Huruf :
Ibnu Adam Al-Pariti

ISBN: 983-2103-00-2

Cetakan Pertama : NOVEMBER 1998

Diterbitkan oleh :
AIM PUBLICATION
5, Jalan SG 7/3, Taman Sri Gombak
Tel : 03-6893808 Fax :
Email :
mustm@tm.net.my
mustm99@hot mail.com

m
320.9595
ABU

Pengedar Tunggal :
PUSTAKA SYUHADA
No 583 A-B, Jalan Kg. Bandar Dalam
Sentul Ulu, 51100 Kuala Lumpur
Tel : 03-4432994 Fax : 03-4416548

APB 981117
NASKHAH PEMELIHARAAN
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA
- 3 MAY 2000

# KANDUNGAN

KANDUNGAN .......... V
KATA PENGANTAR .......... 1
Bab 1
PENDAHULUAN .......... 7
**Konsep Keadilan Dari Perspektif Islam**
Keadilan hanya berlaku dalam sistem Islam yang syumul dan kamil.
Adakah Malaysia layak diiktiraf sebagai sebuah negara Islam?
Adakah pemimpin malaysia layak digelar sebagai pemimpin Islam?
Apakah Islam menerima demokrasi atau sosialis atau fahaman yang lain?
Dimanakah sebenarnya kedudukan kita sebagai rakyat Malaysia?

Cerita di sebalik pengalaman Munawar dan Sukma.

**Bab 2**

**KAJIAN KES ANWAR .................................................. 37**

**Pandangan Islam Terhadap Afidavit Tanpa Bukti Dan Pembicaraan.**

Pandangan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan.

Pandangan majalah dan akhbar-akhbar luar Negara.

Pandangan rakyat Malaysia di dalam negeri dan di luar Negara.

Pengakuan ayah Ummi Hafilda.

**Bab 3**

**ANWAR MEMBELA DIRI ......................................... 61**

**Pandangan Islam Dan Undang-undang Malaysia.**

Fatwa terkini dari Syeikh Yusuf Al-Qardhawi Mesir.

Surat-surat sokongan dari Jemaah Islam seluruh dunia. (Ikhwan, Jamiat…)

**Bab 4**

**SERANGAN TERHADAP ANWAR DAN JAWAPAN DARIPADA ANWAR ................................................... 99**

Perdana Menteri.

Menteri-menteri dan Timbalan Menteri.

Pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan.
Akhbar-akhbar, TV dan majalah tempatan.
Surat Mahathir kepada Tunku Abdul Rahman.
Ahli-ahli Umno yang pro Mahathir.
Bukti Mahathir dan konco-konconya terlibat dalam konspirasi.

**Bab 5**

**KOLEKSI TERPILIH UCAPAN ANWAR .............. 167**

**Rentetan Program Reformasi.**

- Reformasi bermula dari sini, selepas Anwar dipecat.
- Penjelasan di rumah setiap malam dan dihadiri oleh berbagai golongan.
- Penjelasan di Masjid Umar Al-Khattab, Damansara Height.

*(teks ucapan terdapat dalam mana-mana buku isu Anwar)*

- Rakaman ucapan Anwar semasa pelancaran gerakan reformasi di Sungai Ramal, kajang (ABIM, JIM, PKPIM Dan ASASI (turut serta Ust. Harun Din).
- Ceramah di rumah Ust. Harun Din bertukar program sembahyang hajat sahaja.
- Deklarasi Permatang Pauh.
- Perhimpunan di Masjid Negara dan Dataran Merdeka (20 September 1998).

- Surat Anwar kepada Dr. Abdul Rahim Ghouse.
- Peristiwa penahanan Anwar di rumah.
- Ruangan pesanan untuk pejuang.

**Bab 6**
**KESAN SELEPAS ANWAR DAN RAKAN-RAKAN DITAHAN DI BAWAH ISA ........................................ 203**
**Sokongan Rakyat Semakin Padu Terhadap Anwar Dan Kebencian Semakin Melonjak Terhadap PM terbukti.**
(Sumber akhbar tempatan dan akhbar luar negara)
i. Demonstrasi di depan Mahkamah Sesyen KL.
ii. Demonstrasi di SUKOM Bukit Jalil.
iii. Demonstrasi di depan Mahkamah Sesyen KL.
iv. Demonstrasi di Dataran Merdeka, Jalan Raja Laut, Jalan Tunku A. Rahman.
v. Pelancaran GERAK di Taman Melewar (Gabungan 11 buah pertubuhan bukan kerajaan).
*(Sambungan ikuti buku khas tentang DEMONSTRASI)*

**Sokongan Dari Luar Memberansangkan (Sumber Akhbar Tempatan Dan Luar Negara)**
i. TV CNN, IBC, ITN, majalah Time dan akhbar luar negeri memberi liputan sebenar.
ii. Liputan terperinci dari internet tersebar ke seluruh

dunia.
iii. Akhbar Cina tempatan juga memberi gambaran lebih jelas.
iv. Surat Dr. Rahim Ghouse/Ezam/Saifuddin Nasution kepada Mahathir.
v. Gelagat YB di Dewan Rakyat.

**Bab 7**

**SELEPAS PERBICARAAN ANWAR ........................ 251**

**Berlakunya penganiayaan terhadap Anwar dalam tahanan.**

Berita yang menggemparkan dunia. (sumber dari akhbar tempatan dan luar negara).

Dari bilik kekuasaan ke bilik kurungan. (rintihan Anwar dari penjara Sungai Buloh)

Tergurisnya hati seorang isteri dan anak pejuang.

**Penutup ........................................................................ 327**

i. Keadilan hakiki akan tercapai jika seluruh sistem bernegara itu ditadbir menurut lunas-lunas Islam.
ii. Perbezaan jemaah, fahaman dan kecenderungan harus diminimakan pengaruhnya bagi mencapai sebuah negara Islam sebenar.

**Penghargaan**

DS Anwar, Datin Dr. Wan Azizah dan keluarga, Laman Reformasi, GERAK, Dr. Abd. Rahim Ghouse, Saifuddin Nasution, Ezam, Harakah, Harian Metro, Majalah Tamadun, Penyumbang artikel yang tidak saya kenali, para peguam Anwar, Pustaka Syuhada dan siapa juga yang terlibat dalam penghasilan buku ini.

Doaku : *"Ya Allah berikanlah kami kemenangan sekiranya kami benar dan hancurkanlah musuh-musuh kami sekiranya mereka bermusuh dengan-Mu. Amin."*

# Dialog seorang ibu

(9.00 Malam 2-September-1998 )

Selepas makan malam, aku pun menekan nombor 05-2013480.

Tut.. tut... tut

Aku : "Assalamualaikum mak."

"Ape kabo?"

Mak : "Waalaikumsalam...

"Mak sihat cuma sakit biasa aje le...

Aku : "Makan le ubat... bio cepat sihat...

"Abah ade ke?"

Mak : "eee ... Abah pegi ke mesjid. kejap lagi balek le tu.."

"Ape ceritenye Mio ... mak dengo.... Anwa... kene ape...."

"Ai ... ya Allah... kesian ye.... macam mana anak bininye.."

Aku: "Saya dengo. tapi mak ... dalam Islam. kita tak boleh masuk campo

Hei yang kita tak tahu dan tak nenguk.. Kalo kite ngikut oghang ... berdosa mak"

Mak : "Mak tak ngikut oghang ... lagipun mak tak pecaya ...tak kan le..oghang baik macam Anwa tu ...buat kegboje ghope itu ...?

Aku: "Baikle kite istihgfa bebanyak ... daghipade kite buat fitnah ... "

Melalui telepon aku terdengar bunyi kereta ayah ku dan dentuman pintu kereta Mercedisnya beberapa saat setelah enjin dimatikan.

Mak : "Ha ..itu pun abah dah balik...

Abah : "Sape tu ... ?

Mak : "si Mio... nah abahnya Mio nak becakap..."

Abah : "Assalamualaikum ..."

"Ape kabo kite ... ?" Suara abah yang lunak bila memulakan bicara di telefon memang sudah diketahui oleh kami adik beradik. Nada yang sama juga terkeluar bila abah terlampau marah. Suara ini memang manja tapi menggerunkan kepada sesiapa yang tahu rahsianya.

Aku : "Waalaikum salam... abah ape kabo ... ?"

Abah : "Baik ... sihat ... sekarang abah sebok siket dengan ade le due tige projek di kampung ni...."

"Macam mana Arab tu ... dah hantonye Quran."

Aku : "Belum lagi abah ... tak taule arab ni ...."

Abah : "Mio. abah dengo bughu..haghe. betoi ke ...

Aku : "Hanco Malaysia ni abah ... hanco ..."

Abah : "eee ... ..ha cakap dengan emak balik ..."

Ayah aku memang tak suka cakap banyak, terutama hal-hal yane sekeji berita di akhbar dan tv bahkan seumur hidupku, tidak pernah aku mendengar dia mencarut. Begitulah juga dengan datuk nenekku. Aku pasti afidavit yang dipaparkan di akhbar dan di TV, menjadi bahan bukti bahawa mereka yang terlibat menguzankan afidavit itu dipaparkan adalah terdiri dari mereka yang hina. Alamat berkuburlah Umno di kampung ini jika aku turun memberi penerangan kepada mereka.

Emak : "Mio.. mak pesan ni jangan lebih-lebih sangat. awak tu ade anak bini, kalo kene tangkap ke ape ke... susah nanti,emak ... abah jauh ... ate dengo kate buat buku..ha jangan ngate Mahade je dah."

Aku : "Saya nuleh yang betoi je mak ... tak kera le sape ... Kalo tak betoi ...kita wajib betoikan."

Mak : "Betoi ...tapi deme ... memerentah...kite ni ape je ... nuleh. nuleh aje jangan ngentam aghang ... susah nanti ..."

Aku : "Insyaallah mak janganle riso, doa aje le ... " (Dalam hati aku, emak aku tahu..bahawa aku takkan mengundur setelah aku melangkah. Sejak dari kecil lagi, aku memang begitu)

Mak : "itu ajele... ingat Mio ..."

Aku : "Assalamuaikum.."

Mak. "Waalaikum salam ..."

Akupun meletakkan telepon ditempatnya dan ilhamku terus mengalir untuk menyiapkan buku ini.

# KATA PENGANTAR

Hasrat untuk mengumpulkan nota-nota yang serba ringkas ini telah lama terpendam dalam jiwa saya. Tetapi ada sahaja halangan hingga menyebabkan ia tertangguh-tangguh. Saya berdoa kepada Allah agar usaha yang tidak lebih dari mengumpul bahan-bahan dari beberapa buah buku ulama ternama, ucapan dan pandangan dari beberapa orang tokoh ini mendapat taufik dan hidayah-Nya. Allah sahaja tempat kita memohon dan menyerah. Semoga ianya memberi manfaat kapada kita semua. *Amin.*

Saya rasa benar-benar terpanggil untuk berbuat sesuatu demi keadilan dan kebenaran setelah beberapa insiden ngeri berlaku di depan mata. Budaya fitnah yang begitu popular dalam masyarakat Melayu jahiliyah sejak di zaman Lagenda Hang Tuah tidak putus-putus hinggalah sekarang masih diterima pakai oleh segolongan masyarakat pimpinan Melayu dalam memberi pertimbangan untuk menjatuhkan sesuatu hukuman. Lalu bila hukuman dijatuhkan rakyat jelata mesti akur dan terus taat setia di belakang pemerintah. Mempertikaikan hukuman bermakna

derhaka. Inilah fahaman warisan kita yang masih kekal disanjung kononnya kita suatu bangsa yang berbudaya tinggi, lemah lembut dan bersopan santun. Pelik tapi benar ramai pemimpin Melayu yang menerima dan mengulangkan kalimat keramat ini sekali pun kita sudah masuk ke era globalisasi serta dunia maklumat tanpa sempadan.

Mendidih darah saya bila mengenangkan nasib rakyat yang buta Islam sebenar dan terus diperbodohkan oleh segolongan pimpinan Melayu. Mereka bertopeng dengan berbagai bentuk dan rupa agar diri mereka yang sebenar tidak kelihatan. Berbagai dasar, seribu jenis wawasan dan polisi dilihat dari mata kasar sangat menguntungkan rakyat tetapi dalam waktu yang sama keuntungan lebih banyak kepada golongan ini.

Rakyat yang dapat sedikit keuntungan, terus mendabik dada dan berpuas hati. Maka bertambahlah penyokong sistem yang penuh dengan kezaliman di negara kita ini. Sokongan ini juga dijadikan sebagai dalil yang kuat kononnya mereka telah berlaku adil dan rakyat berpuas hati. Dalil yang sangat wajar dipertikaikan oleh rakyat ini dihafal dan diulang-ulang terutama apabila tiba musim pilihan raya.

Rakyat terus menjadi mangsa dan diperbodohkan oleh berlapis-lapis generasi pemimpin Melayu sejak dari awal kemerdekaan Malaysia.

Saudara pembaca yang budiman,cukuplah sampai di sini. Sistem yang bergelumang dengan kezaliman wajib ditumpaskan dengan cara yang penuh hikmah. Sekira-

nya kita membiarkan ia berleluasa tanpa berbuat sesuatu maka kita akan mendapat kerugian di dunia dan juga di akhirat. Firman Allah, maksudnya :

*"Sesungguhnya orang-orang yang diwafatkan Malaikat dalam keadaan menganiaya diri,(kepada mereka) malaikat bertanya : Dalam keadaan bagaimana kamu ini? Mereka menjawab : ADALAH KAMI ORANG-ORANG YANG TERTINDAS DI NEGERI (Makkah). Malaikat berkata : Bukankah bumi Allah itu luas, sehingga kamu dapat berhijrah di bumi itu? Orang-orang itu tempatnya adalah Jahannam, dan Jahannam itu seburuk-buruk tempat kembali. Kecuali orang-orang yang tertindas sama ada lakilaki atau wanita ataupun anak-anak yang tidak mampu berdaya dan tidak mengetahui jalan (untuk berhijrah)."* **(Surah An-nisa' : 97-98)**

Dalam hal ini terdapat ulama yang mempunyai kepentingan tertentu akan mengatakan kepada mereka yang bersungguh-sungguh berusaha untuk melakukan suatu perubahan dalam sistem yang zalim supaya menjadi lemah semangat. Malahan ada yang sanggup mereka-reka berbagai dalil palsu dari al-Quran dan Hadis demi maslahat dunia mereka. Di bulan Ogos 1998 yang lalu, syeikh al-Azhar telah dijemput secara rasmi oleh kerajaan demi untuk menegaskan beberapa fatwa yang berkecenderungan untuk mengiakan beberapa fahaman dan tindakan kerajaan Malaysia. Beberapa forum telah diadakan dan rakamannya disiarkan dalam TV1(Saluran Perdana). Ter-

nyata sekali soalan yang ditujukan kepada syeikh tersebut menyentuh persoalan asas tetapi sangat mengelirukan. Contohnya, adakah Malaysia boleh diiktiraf sebagai sebuah negara Islam? Jumhur ulama tidak pernah bersetuju bahawa Malaysia adalah sebuah negara Islam kerana praktikal Islamnya tidak menyeluruh.

Dari sudut ilmu kita tidak mempertikaikan syeikh tetapi dari sudut pemahaman tentang realiti, ia amat bertentangan sekali dengan kebanyakan ulama lain. Mengapa soalan yang sama tidak pernah diajukan kepada syeikh-syeikh yang lain? Sudah tentu jika syeikh tadi memberi jawapan yang lain dari apa yang diharapkan, fatwanya tidak akan disiarkan. Inilah keadaan ulama kita,pil apa yang mereka makan hinggakan sesuatu yang benar-benar jelas jadi kabur bagi mereka dan yang lebih dahsyat lagi apabila mereka mengambil daya usaha untuk mengkaburkan rakyat dengan Islam sebenar melalui fatwa-fatwa syeikh tersebut. Al-Arqam sesat, Ustaz Kamal sesat, Mufti Selangor sesat dan bermacam-macam jenis orang yang sesat tetapi siapa yang sebenarnya paling sesat. Golongan ini bukan sahaja sesat malahan menyesatkan. Mereka seolah-olah sedang menempah untuk menetap di neraka tanpa rasa bersalah dan ngeri. *Nauzubillah.*

Saya berharap nota yang serba ringkas ini dapat memberi gambaran sebenar tentang keadilan yang dituntut oleh Islam dan rakyat Malaysia. Kekeliruan dan fitnah yang digembar-gemburkan oleh pemimpin dan media

massa akan terjawab. Firman Allah, maksudnya :

*"Kebenaran itu hanya dari tuhan kamu dan janganlah kamu termasuk dalam golongan orang-orang yang ragu."* **(Al-Baqarah : ayat 147)**

**Abu Miqdad**

**Sila hantarkan jika ada sebarang komen, cadangan, artikel atau bahan-bahan bukti yang boleh dipertanggungjawabkan untuk menyokong tuntutan keadilan dan kebenaran!!! Rahsia anda tanggungjawab kami. Terima Kasih.**

**Email : mustm@tm.net.my**

**: mustm99@hotmail.com**

BAB I

# PENDAHULUAN

## Konsep Keadilan Dari Perspektif Islam

Salah satu nama Allah ialah *Al-Adl* (Yang Maha Adil). Lawan sifat tersebut ialah kezaliman (*Adz-zulm*). Kezaliman merupakan suatu sifat yang diharamkan Allah atas diri-Nya sebagaimana Ia mengharamkannya ke atas hamba-Nya.

> *"Wahai hamba-hamba-Ku, sesungguhnya Aku telah mengharamkan kezaliman atas diri-Ku dan Aku telah menjadikannya di antara kamu sekalian sebagai hal yang diharamkan, maka janganlah kamu saling menzalimi."*

Prof. Syed Naquib Al-Attas menegaskan bahawa bukan sahaja kaum Muslimin, tetapi lain-lain agama pun tahu dan masing-masing agama mengajarkan mengenai keadilan dan mereka semua setuju bahawa keadilan itu suatu keadaan di mana masing-masing letak pada tempatnya yang wajar dan tidak boleh dikusut masaikan atau-

pun dikucar kacirkan di tempat masing-masing. Dan sekiranya keadaan demikian itu dikucar kacirkan, maka itulah kezaliman. Kezaliman adalah kegelapan seperti mana perkataan Arab *'zalim'* yang digunakan dalam al-Quran,ertinya sesuatu yang gelap.

Keadaan gelap boleh menyebabkan kita tidak nampak tempat yang wajar bagi tiap sesuatu. Kita akan keliru tentang tempat masing-masing. Oleh itu, istilah kezaliman dirujuk kepada kegelapan dan kejahilan. Firman-Nya yang bermaksud :

*"Sesungguhnya Allah menyuruh kamu menyampaikan amanat kepada yang berhak menerimanya, dan menyuruh kamu apabila menetapkan hukum di antara manusia supaya kamu menetapkan dengan adil. Sesungguhnya Allah memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepadamu. Sesungguhnya Allah adalah Maha Mendengar Lagi Maha Melihat."* ***(An-Nisa' : ayat 58)***

Dari ayat ini, Allah mengarahkan kita supaya meletakkan amanah pada ahlinya, dan apabila menjatuhkan hukuman mestilah dengan adil. Keadilan bukan diatur menyebelahi mana-mana pihak, keadilan adalah menyebelahi pihak yang benar.

Suatu pertanyaan yang amat berat, adakah keadilan yang dikehendaki oleh Islam ini dapat dipraktikkan di mahkamah-mahkamah kita di Malaysia?

Berbagai jawapan akan kita perolehi tergantung kepada siapa kita bertanya. Dari sini juga kita akan berte-

mu dengan berbagai bentuk salah faham dalam masyarakat terhadap Islam. Pihak yang berkepentingan akan cuba memberi jawapan supaya masyarakat meyakini bahawa keadilan tersebut wujud. Amat memilukan bila jawapan *'Yes'* ini datangnya dari seorang alim yang pernah belajar bertahun-tahun tentang syariah Islam. Sekiranya mereka yang sepatutnya menjadi tempat rujukan ummah, berpendirian begini maka siapa lagi yang boleh diharap. Yang pasti segolongan Ummah akan terus sesat sehingga mereka bertemu Allah.

Kita patut bertanya kepada ulama seperti ini mengapa mereka tidak berani menyatakan sesuatu perkara menurut kacamata Islam. Islam tidak sekali-kali menerima campur aduk dalam akidahnya dan seluruh sistemnya. Seharusnya ulama yang berkepentingan ini menerima status Malaysia sebagai sebuah negara yang ditadbir oleh orang Islam dan tidak layak sama sekali digelar negara Islam. Dari sudut perundangan juga sumbernya bukanlah al-Quran dan Sunnah. Jadi konsep keadilan mutlak seperti yang ada dalam Islam sudah tentu tidak boleh dibandingkan dengan sistem yang ada di Malaysia. Jika kita bandingkan pula dengan sistem undang-undang (bukan Islam) yang berjalan diseluruh dunia juga, keadilan ini mungkin tinggal dalam kamus dan buku perundangan sahaja apatah lagi sekiranya sistem kehakiman itu pula sudah boleh dijual beli. Pandangan ini mungkin terlalu berat bagi sesetengah pihak tetapi cubalah sama-sama kita renungkan dalam kes seperti di bawah:

jua suasana. Luahan isi hati rakyat yang agak cerdik sedikit boleh dijadikan bukti untuk pendakwaan di mahkamah. Rasanya undang-undang semacam ini perlu dilihat kembali sama ada masih boleh diterima pakai atau pun tidak. Sekarang bukan zaman rakyat hanya duduk dan tunduk bila menerima sebarang perintah seperti mana di zaman raja-raja Melayu berkuasa. Mengapa kita yang sedang menuju zaman alaf baru dan wawasan 2020 boleh terus mengekalkan sistem perundangan purba ini. Kalau diteliti sebenarnya sistem perundangan yang ada sekarang tidak banyak berbeza dengan zaman dulu kala. Jika rakyat derhaka kepada Raja alamat menempah maut sekalipun kesalahannya terlalu kecil atau memang Raja yang bersalah. Terlalu banyak bukti dalam sejarah jika kita buka dan kaji.

Jadi sebenarnya rakyat yang ingin mengecapi nikmat keadilan dalam negara ini mesti terus mendesak agar pihak berwajib lebih prihatin terhadap soal keadilan yang lebih sempurna. Usaha yang sesungguhnya mesti dibuat oleh para hakim supaya mengkaji seluruh sistem perundangan dan kehakiman yang ada di Malaysia. Jangan persalahkan rakyat bila tiba suatu ketika mereka *boycot* mahkamah serta menghina mahkamah. Saya amat yakin sekiranya rakyat sudah berani menyatakan sesuatu terhadap mahkamah sekarang maka tunggulah saatnya mereka bukan sahaja akan menolak sistem perundangan Malaysia malahan akan menjatuhkan kerajaan yang ada sekarang melalui pilihanraya. Kita sama-sama berdoa

agar sebuah negara Islam akan dapat diwujudkan. Pada masa itu ketua hakim dan para hakim yang masih degil dengan kebenaran Islam terpaksa dilucutkan sebab kelayakan mereka menurut Islam mungkin hanya layak sebagai seorang penyapu sampah di tepi mahkamah. Islam tidak zalim dan ia akan meletakkan sesuatu itu kena pada tempatnya. Dalam sistem yang bukan Islam seperti sekarang, kita tidak boleh letakkan sedikit pun perasaan *'seqah'* walaupun sebesar habuk sebab asasnya kesesatan dan kezaliman. Ramai pemimpin Melayu dan ulama Melayu yang telah dibeli masih mempertahankan sistem yang bukan Islam ini dan mereka mendabik dada kononnya Malaysialah sebuah negara yang paling adil dan makmur di dunia terutama dalam soal isu kemanusiaan.

Bila negara seperti Australia ,Britain,Amerika Syarikat dan beberapa negara lain memberi pandangan dan membuat gesaan supaya Anwar Ibrahim dan yang lain dibebaskan dari ISA dan dibicarakan secara terbuka, PM kata *'I don't care'*. Selepas itu Hisyamuddin bakal pengganti Zahid dalam Pemuda Umno,berkata dengan lantang dan mencabar siapa sahaja terutama negara luar, jangan masuk campur urusan dalaman negara. Beberapa orang menteri yang lain juga turut menghentam negara luar.

Soalnya sekarang bukan masalah negara luar atau masalah dari dalam negeri tetapi ia soal maruah diri, keadilan peribadi dan kebebasan rakyat yang merdeka. Mereka dan rakyat bersatu dalam membuat desakan ke-

rana keadilan tidak berjalan di Malaysia terutama dalam kes Anwar. Kadangkala PM dan kuncu-kuncunya tidak rasional dalam hal begini. Kritikan dari orang luar adalah balasan kritikan yang sering PM canangkan di peringkat antarabangsa. Kita boleh, orang tak boleh. Mungkin ini konsep tersirat dari 'Malaysia Boleh' dan kalau begini rakyat mesti ubah slogan ini kepada 'Rakyat Boleh'. 'Malaysia Boleh' nampaknya terlalu kabur dan takbur. Kabur dari sudut falsafahnya dan takbur menjadi agenda pemimpinnya yang menolak dan menghina Islam. Boleh, bila kena ke dia. Bila PM bercakap orang lain mesti diam walaupun tak bisu. Kalau dengan orang luar PM buat begitu tunggulah hasilnya nanti. Rakyat hendak lihat hasil yang baik tapi kalau PM tidak ada perasaan saling hormat menghormati dengan mereka, Malaysia bakal menjadi sebuah pulau yang dikelilingi oleh musuh. Contoh yang amat jelas, baru-baru ini Clinton telah menyenaraikan Malaysia sebagai sebuah negara bahaya selepas berlaku pengeboman terhadap kedutaannya di Kenya dan Tanzania. Rakyat bukan takut tapi bimbang. Dalam banyak hal kita masih bergantung dan berharap dengan mereka apatah lagi dalam suasana gawat ini.

Kadangkala rakyat kerdil ini sering silap membuat tanggapan, ketegasan PM dan kuncu-kuncunya yang penuh emosi bila berdepan dengan wartawan asing atau negara asing sebenarnya mungkin cebisan dari drama. Drama bersiri 'emosi rakyat'. Drama jiwa-jiwa ini bukan sahaja akan melupakan rakyat terhadap isu sebenar malahan Isu keadilan Anwar dan tahanan ISA akan dile-

nyapkan secara penuh misteri. Isu kuasa-kuasa besar akan bertindak terhadap Malaysia menjadi isu mega. PM pun akan membuat pengisytiharan di Dataran Merdeka atau Di Bukit Jalil dengan slogan "Rakyat Yakin Mahathir". Belum buat perhimpunan lagi dah isytihar ke seluruh dunia tentang kehadiran 100,000 orang di Stadium Bukit Jalil pada 10 Oktober 1998. Anjuran bersama Pemuda Umno, MCA dan MIC. Nak tunjuk kuat dengan rakyat buat apa dah terlewat. Rakyat bukan nak menonton siapa kuat tapi rakyat mahukan bukti siapa yang benar-benar jujur mempertahankan hak keadilan rakyat. Saya yakin jumlah itu tidak akan tercapai jika tidak dengan wang. Ada wang boleh lulus, tak ada wang boleh mampus. Perhimpunan Perdana yang mega ini sudah tentu perlukan wang yang besar. Wang siapa pula yang jadi mangsa. Harap-harap janganlah lesapkan pula duit rakyat. Rakyat nak kumpulkan RM 10 pun susah tambahan dalam keadaan sekarang. Kadang-kadang *syoru pun mis*. Bagi mereka mungkin tak bermasalah sebab taukeh-taukeh dari tiga bangsa ini ramai. Cakap sahaja mahu apa, *'No Problem'* syaratnya projek mega jangan bagi kepada orang lain. Alhamdulillah tak jadi - alasannya permit tak dapat. Ya ka nih,... atau rakyat dah meluat atau takut kalah dengan GERAK yang mampu himpun rakyat 500,000 orang lebih? Sebenarnya isu suap menyuap dah lapuk dan rakyat dah muak nak cakap hal remeh-temeh ini. Cuma ada juga lagi rakyat yang mungkin masih belum percaya bahawa setiap projek mega dan tak mega di Malaysia ini 'ada masyuk' kepada orang ter-

tentu terutama pihak yang paling hampir dengan projek tersebut. Pengagihan di antara mereka kita tak nampak, pinjam ayat Pak Syeikh mungkin seperti filem P. Ramlee. 'Satu untuk kamu,dua untuk aku'. Yang pasti, lagi tinggi kuasa untuk meluluskan projek tersebut lebih tinggilah kadarnya.

Pengalaman saya beberapa tahun terlibat dengan tender-tender kerajaan dan bercampur dengan orang-orang penting untuk dapatkan projek, inilah budayanya. Pakcik dan makcik yang tinggal di kampung, sekali-kali datang ke KL tentu rasa kagum melihat hutan batu yang mencakar langit tapi berapa peratuskah agihan nikmat yang sebenarnya kita dapat. Nikmat tengok mungkin satu dan nikmat yang lain siapa yang dapat kita pun tak tahu. Penyamun tak pakai tarbus ini lebih hebat dari sebarang penyamun di alam ini sebab mereka boleh berada di dua alam. Di depan rakyat boleh menitiskan air mata dan dalam masa yang sama mereka membuatkan rakyat teresak-esak merana kerana derita. Ekonomi hancur, nilai sosial berkecai, agama jadi mainan,undang-undang ditunggang dan politik digenggam. Rakyatnya dibentuk seperti di zaman batu,selepas memburu di pagi hari dan berehat di waktu petangnya dan tidur. Esoknya pun begitu. Jangan fikir yang lain sebab orang lain sudah tolong fikirkan. Makan, minum, rehat dan tidur sampailah tiba masa untuk mati. Sabar sajalah.

Budaya ini sudah membentuk isme baru dalam masyarakat kita dan dengan itu bertambah mudahlah pen-

zalim ini memerintah. Baru-baru ini penzalim benar-benar terkejut bila rakyat yang disangkakan sedang bermimpi berarak dari Masjid Negara, Dataran merdeka,PWTC dan ke Sri Perdana dengan slogan yang lain. Slogan 'Rakyat Boleh' berkumandang sepanjang Jalan Raja Laut hingga ke Sri Perdana.

Maka bertanyalah para menteri, apakah gerangannya ini? Sye!!..jangan kuat sangat nanti rakyat dengar,

Kata salah seorang menteri : "Apa salahnya!..? Nanti mereka naik minyak. Bahaya! Bahaya! Kalau kamu tak diam dan tak sokong alamat penggal depan terpaksa tukar nama dan alamat. Mahu ke? Ok! Ok!.YES. Biar aku seorang saja yang cakap. Yang lain jangan pandai-pandai. Aku nak ganyang betul-betul Hang Anwar, biar dia tahu siapa aku!..Yes! Yes!. Yang lain tunduk dah dekat sampai ke lutut termasuklah yang ada PHD dalam jurusan Islam. Mereka pun bersurai dengan penuh azam untuk berbuat apa sahaja asalkan mereka terus di atas dan rakyat terus di bawah sampai bila-bila." Slogan 'Kita Boleh'. Menutup tirai perbincangan.

Tapi kali ini rasanya rakyat Malaysia sudah tak makan dengan slogan lagi. Mereka benar-benar nekad untuk menghirup madu keadilan dari kerajaan. Tanpa keadilan mereka tidak akan undur, itulah antara kalimat keramat rakyat yang dilaungkan setiap kali demonstrasi. Bila kalimat ini dilaungkan bulu roma dan tengkuk naik bersama semangat yang berkobar-kobar. Mereka tidak reda ditindas lagi. Penindas tetap akan dihancurkan. Inilah sumpah

suci mereka kepada diri, agama dan negara mereka.

Tahun lalu berlaku satu lagi peristiwa ulama dihina dengan begitu dahsyat oleh PM dan ulamanya. Kes teguran Mufti Selangor terhadap pertandingan ratu cantik yang melibatkan tiga orang gadis Islam. Akibatnya Mufti diberhentikan tanpa melalui prosedur undang-undang yang jelas. Seorang Mufti yang tidak ada apa-apa kepentingan politik dicantas macam batang pisang apatah lagi rakyat yang terlibat dalam percaturan politik di Malaysia. Tambahan pula jika isu yang boleh menggugat pihak-pihak tertentu dalam kerajaan.

Kemudian kita digemparkan pula dengan isu Ustaz Kamal. Yang dtonjolkan kepada rakyat ialah tentang mayat jadi babi tetapi isu sebenar tentang murtad didiamkan. Bagi memenangkan tindakan pihak berkuasa, satu forum khas telah diadakan di Dewan Pusat Islam dan disiarkan ke seluruh Malaysia. Seolah-olah TV telah menjadi suatu ruang majlis fatwa memutuskan sesuatu fatwa. Kita khuatir jika cara serangan melalui akhbar dan TV ini diterima dan dipersetujui oleh ulama di Malaysia maka hancurlah institusi ulama yang sepatutnya di letakkan di tempat paling tinggi. Jadi apa ertinya Majlis Fatwa dan berbagai majlis yang berada di bawah Jakim. Jika fungsinya seperti robot lebih baik dirobohkan sahaja. Apa ertinya majlis kalau tidak dapat bebas berfatwa seperti yang Islam tetapkan. Benda yang terlalu kecil diperbesarkan dan perkara yang besar yang berkait keadilan ummah dibiarkan sandiwaranya dalam masyara-

kat Islam.

Di sini saya ingin menyeru kepada seluruh ulama supaya bangun dan angkat kepala sikit bagi menyatakan pendirian sebenar menurut kehendak Islam. Bagaimana ulama akan terus dihormati jika keadaan ummah yang gawat ini mereka hanya mendiamkan diri. Kami dari barisan muda sedia berbuat apa sahaja demi mempertahankan kredibiliti ulama. Ummah perlukan lebih ramai lagi ulama yang berani menegakkan keadilan di negara kita. Janganlah biarkan kami yang penuh semangat terdampar akhirnya kerana kekurangan ulama meniupkan roh jihad di belakang kami. Sejarah hitam, ulama dipertikai,dipecat dan di rendahkan martabatnya tidak harus berulang lagi dan sepatutnya tidak terjadi jika ulama benar-benar berani menyatakan yang hak dan menyanggah yang batil. PUM dan institusi ulama yang lain harus lebih aktif bagi menarik lebih ramai lagi ulama untuk turut serta memperjuangkan keadilan di Malaysia.

Mengapa kita tidak boleh mengambil contoh dari beberapa ulama yang sanggup mati atau merengkok dalam penjara kerana menegakkan keadilan.Rasanya tafsiran tentang makna keadilan bagi ulama sudah tidak perlu lagi. Apa yang terlebih penting bagi mereka ialah rasa tanggungjawab terhadap makna keadilan itu. Keadilan bagi orang biasa mungkin perlu kepada penjelasan yang mendalam sebab pemahaman yang jelas terhadap sesuatu perkara dapat menentukan keberkesanan amal selepasnya.

Keadilan dari pandangan Dr. Yusuf Qardawi dalam beberapa buah bukunya amat jelas. Cuma di sini saya dapat mencatatkan secara ringkas beberapa inti patinya sahaja. Menurut beliau perkataan 'keadilan' adalah inti kepada seluruh sistem Islam. Ia merupakan perkara utama dan bukan perkara kedua atau ketiga. Ia merupakan asas kukuh dalam semua ajaran dan hukum Islam dari sudut akidah, syariah dan akhlak.

Ketika Allah memerintahkan tiga hal, maka keadilan merupakan hal pertama yang disebutkan. Firman Allah yang maksudnya :

> *"Sesungguhnya Allah menyuruh kamu berlaku adil dan berbuat kebajikan, memberi kepada kaum kerabat."* **(An-Nahl : 90)**

Ketika Allah memerintahkan dua hal, maka keadilan merupakan salah satu hal yang disebutkan. Firman Allah, maksudnya :

> *"Sesungguhnya Allah menyuruh kamu menyampaikan amanat kepada yang berhak menerimanya, dan menyuruh kamu apabila menetapkan dengan adil."* **(an-Nisa' : 58)**

Ketika Allah memerintahkan satu hal, maka keadilan merupakan hal yang diperintahkan tersebut. Allah berfirman, maksudnya :

> *"Katakanlah, 'Tuhanku menyuruh menjalankan keadilan'."* **(al-A'raf : 29)**

Sesungguhnya tauhid itu sendiri iaitu inti Islam dan

asas bangunannya merupakan makna dari keadilan dan kemusyrikan adalah suatu bentuk kezaliman. Firman Allah, maksudnya :

*"Sesungguhnya mempersekutukan Allah adalah benar-benar kezaliman yang besar."* **(Lukman : 13)**

Terdapat beberapa dalil yang amat jelas menunjukkan betapa tingginya perhatian Islam terhadap keadilan dan betapa kerasnya kecaman terhadap orang-orang yang zalim. Allah akan datangkan seksaan maha dahsyat di dunia dan di akhirat kepada sesebuah negara yang penuh dengan kezaliman.Firman-Nya yang bermaksud :

*"Sesungguhnya Dia tidak menyukai orang-orang yang zalim."* **(Asy-Syura : 40)**

*"Dan Allah tidak memberi petunjuk kepada orang-orang yang zalim." **(al-Baqarah : 258)***

*"Dan sesungguhnya telah merugilah orang yang melakukan kezaliman"* **(Taha :111)**

*"Dan penduduk negeri itu telah Kami binasakan ketika mereka berbuat zalim, dan telah Kami tetapkan waktu tertentu bagi kebinasaan mereka."* **(al-Kahfi : 59)**

*"Maka itulah rumah-rumah mereka dalam keadaan*

*runtuh disebabkan kezaliman mereka."* **(an -Naml : 52)**

*"Dan begitulah azab Tuhan mu, apabila Dia mengazab penduduk negeri-negeri yang berbuat zalim. Sesungguhnya azab-Nya itu adalah sangat pedih lagi keras."* **(Hud : 102)**

*"Dan janganlah kamu cenderung kepada orang-orang yang zalim, yang menyebabkan kamu disentuh api neraka, dan sekali-kali kamu tiada mempunyai seorang penolong pun selain Allah, kemudian kamu tidak akan diberi pertolongan."* **(Hud :113)**

Al-Quran telah memperjelaskan bagaimana seksaan Allah akan datang segera apabila kezaliman berlaku secara berleluasa dalam sesebuah negara atau terhadap sesuatu bangsa. Seksaan Allah terhadap sesebuah negara atau bangsa yang melakukan kekafiran kadangkala ditangguhkan di akhirat seperti mana firman-Nya :

*"Dan Tuhanmu sekali-kali tidak akan membinasakan negeri-negeri dengan sebab kezaliman, sedang penduduknya orang-orang yang berbuat kebaikan."* **(Hud : 117)**

Para ahli tafsir berkata : 'Maksud kezaliman di sini adalah kemusyrikan.' Allah Taala berfirman :

*"Sesungguhnya mempersekutukan Allah adalah benar-benar kezaliman yang besar."* **(Lukman :13)**

Maksud dari ayat di atas ialah Allah Taala tidak akan membinasakan penduduk sesebuah negara semata-mata kerana mereka musyrik. Walaupun mereka musyrik tetapi mereka masih berbuat baik antara mereka. Oleh kerana itu, para ahli fikah berkata, 'Sesungguhnya hak-hak Allah Taala dasarnya adalah pengampunan dan kemudahan sedangkan hak-hak hamba dasarnya adalah penyempitan dan kekikiran.'

Demikianlah tafsiran dari ahli Sunnah wal Jamaah tentang ayat di atas. Mereka berkata : "Dan dalil untuk hal ini telah pun berlaku terhadap kaum Nuh, Hud, Saleh, Luth dan Syuib. Kaum ini di musnahkan secara total disebabkan tindakan mereka menyakiti manusia dan menzalimi manusia lain. Kisah seksaan terhadap kaum ini diceritakan Allah dalam banyak ayat-ayat yang membicarakan tentang mereka.

Jadi jelaslah kepada kita bahawa seksaan Allah akan turun sekiranya kita tidak lagi ada rasa peri kemanusiaan antara kita dan terus menerus melakukan kezaliman. Inilah hal yang paling kita bimbangkan sekiranya kezaliman yang berlaku di negara kita tidak dihapus atau ditentang hingga tuntas. Bala ini pula turun tidak mengira bulu sama ada orang baik atau orang yang zalim. Jika kita tinjau dari keadaan yang berlaku sekarang sama ada di Malaysia atau Indonesia masalahnya hampir sama. Bala yang menimpa kita bermula dari masalah jerebu,masalah air tak cukup, masalah nilai wang jatuh,saham menjunam, pelabur asing lari,syarikat gergasi tempatan me-

nanggung kerugian, hilang pekerjaan dan pengangguran meningkat, politik bergolak, rakyat hilang keyakinan kepada pemerintah dan akhirnya huru hara berlaku. Di Indonesia sudah pun berlaku dan telah tercatat dalam sejarah. Malaysia akan mengikut di belakang sekiranya perkara yang sama berulang di sini. Suharto tidak pernah percaya yang rakyatnya akan bangun menentang beliau hingga saat-saat yang genting setelah beliau pulang dari Mesir,beliau masih mengatakan beliau belum sedia berundur. Kenyataannya itu disangkakannya boleh meredakan kemarahan rakyat sebab beliau telah berjanji untuk melakukan reformasi ekonomi sebulan sebelumnya. Ternyata ia berlaku sebaliknya. Rakyat benar-benar hilang sabar dan terus memberontak. ABRI pada mulanya menyebelahi Suharto telah bertukar arah membela rakyat dan yang paling ketara yang berpangkat rendah. Gaji mereka terlalu kecil berbanding dengan pegawai tertinggi ABRI dan menteri-menterinya yang bukan hanya dapat berbagai keistimewaan malahan memiliki saham dalam beberapa syarikat besar. Orang bawahan yang menghabiskan umur mereka untuk mempertahankan negara dan orang tertentu mendapat layanan paling minima dari kerajaan. Mereka mungkin boleh bersabar untuk satu atau dua tahun tapi tidak untuk selamanya.

Marina Mahathir (anak Mahathir),*The Star* 23hb September 1998 cuba menghurai makna Reformasi dari perspektif seorang pembangkang. Mustahil anak Mahathir boleh sokong dan memberi erti sebenar Reformasi. Ka-

lau dia berbuat begitu bermakna menempah maut. Begitu juga jika kita bertanya dengan orang-orang Suharto di Indonesia. Sudah tentu jawapannya sama seperti Marina. Reformasi sudah basi di Indonesia. Reformasi mematikan langkah konglomerat keparat yang tidak pernah puas menghisap darah rakyat. Reformasi bagi suami dan rakan-rakan Marina yang kaya raya di Indonesia bagaikan api yang telah membakar hangus cita-cita serta rencana perdana mereka. Reformasi bagi anak-anak dan teman-teman Suharto bagaikan bom nuklear yang melenyapkan seluruh istana yang terbina dari keringat rakyat. Reformasi bagi ulama upahan Suharto bagaikan kapal harapan yang tenggelam di tengah lautan kedurjanaan. Itulah erti dan makna Reformasi bagi mereka. Marina boleh tanya semula dengan suami dan temantemannya. Benar atau tidak ?

Jika kita tinjau pandangan rakyat Indonesia bawahan tetapi cerdik, seluruh rakyat Indonesia mengatakan bahawa mereka sebenarnya baru merasakan makna merdeka. Kami miskin tetapi kami bebas. Kami tidak punya apa-apa tetapi kami punya bahagia. Kami mahukan keadilan dan kesaksamaan. Nilai diri kami terangkat selepas Reformasi. Terima kasih Reformasi. Inilah suara hati rakyat yang telah lama didiamkan oleh pemerintah yang zalim. Marina boleh bertanya juga kepada mereka tapi janganlah tanya dengan mereka yang kurang cerdik. Sebab pengukuran diri mereka hanyalah dari sudut material. Sudah pasti jawapannya seperti yang Marina kehendaki dan memang itu pun yang diharapkan.

Soal 17 juta rakyat Indonesia sedang kelaparan adalah natijah dari pemerintahan Suharto. Kita dapat bayangkan betapa zalimnya Suharto dan kuncu-kuncunya selama 32 tahun memerintah masalah kemiskinan dan kelaparan 17 juta penduduk ini masih tidak dapat diselesaikan. Jika kita lihat orang kaya semuanya gendut tapi rakyat tinggal tulang. Alasan, kononnya Reformasi sekarang tidak berkesan adalah tidak munasabah sebab umur Reformasi itu juga terlalu muda belum lagi menjangkau usia setahun malahan Reformasi itu sendiri belum lagi sempurna. Selagi masih ada sistem dan orang-orang yang sehaluan dengan Suharto, itu menandakan Reformasi belum selesai. Pemimpin yang dikehendaki oleh rakyat adalah pemimpin yang benar-benar dari rakyat. Habibie tidak lebih pengganti sementara kepada Suharto. Banyak perkara dan hal ia masih sama. Habibie juga menerima hakikat ini cuma dia mahu berundur secara terhormat. Pemimpin yang dikehendaki rakyat akan tiba setelah diadakan pilihan raya terbuka pada May 1999.

Pemimpin yang sebenarnya yang pasti menyelamatkan ummah ialah pemimpin yang memiliki keperibadian muslim yang tinggi dan bersungguh-sungguh untuk melaksanakan Islam dalam seluruh sistem bernegara. Sistem Islam yang total pasti memberi jaminan keadilan, kemakmuran, keamanan dan kestabilan kepada negara. Masalahnya ialah sistem Islam ini tidak pernah diberi peluang untuk berjalan secara menyeluruh,yang ada mungkin tempelan atau campuran. Jadi hakikat se-

benarnya belum benar-benar teruji. Saya yakin rakyat Indonesia akan sedia menerima dan memulakan sesuatu yang benar-benar baru dan tulen.

Menurut Marina lagi, Malaysia dan Indonesia terlalu banyak perbezaan. Bagi saya perbezaan itu mungkin wujud dalam bentuk pemahaman. Contohnya, pemilihan pemimpin dalam demokrasi ala Malaysia biasanya dimonopoli oleh BN dan di Indonesia dari Golkar. Yang dikejar oleh pemimpin BN ialah 'bintang dan nama'. Pemimpin Golkar pula mengejar 'gold and car'. Jika kita melawat ke Indonesia pergilah ke Jakarta kawasan super elit atau ke Puncak pertengahan jalan ke Bandung. Mahligai mereka kadangkala lebih hebat dari rumah Agung di Malaysia. Mewah semewah-mewahnya. Taukeh emas pun ada taukeh kereta pun ada.

Begitu juga jika kita berkunjung ke Damansara Height, rumah Anwar tenggelam di celah-celah mahligai menteri-menteri lain. Nak tahu nama menteri sila berkunjung sendiri sekitar jalan Setia Budi. Yang tinggi dan megah itu biasanya rumah menteri atau suku tak bersakat mereka. Jika nak tahu lebih lanjut kita boleh buat bancian di sekitar kawasan itu seorang menteri ada berapa buah rumah.Setelah kita kumpulkan maklumat serahkan kepada Marina supaya ia boleh membuat kajian yang lebih terperinci. Jika dia kata hampas kita terus ke BPR suruh mereka buat kerja lebih sikit. Tapi buat masa sekarang kawasan rumah Anwar dan berhampiran jadi kawasan larangan macam zaman komunis dulu

dan jika tempoh darurat selesai pun yang tukang kutip terlalu ramai. atas rumah, bawah rumah, bawah rumah dan sekelilingnya ada sahaja *Spy* yang bergaji dan tak bergaji. Rasanya selepas buku ini berada di pasaran mungkin semua kawasan itu jadi kawasan larangan sebab terlampau ramai berkunjung untuk buat bancian terutama wartawan asing. Di Malaysia dan Indonesia wartawan asing amat digeruni oleh pemimpinnya malahan ada yang menganggap mereka telah menipu dan mereka-reka berita. Kita tunggu siapa yang tipu siapa. Yang pasti berita Malaysia semua makhluk dimuka bumi ini sudah tahu. Berita pemimpinnya yang bermacam-macam kaki hinggalah kepada polis mendera rakyat dan Hakimnya telah dibeli.

Siapa kata Parlimen Indonesia tiada pembangkang. Ada tapi tak kuat. Di Malaysia pembangkangnya lebih kuat malahan salah sebuah partinya , PAS telahpun mampu memerintah sebuah negeri iaitu Kelantan. Kuatnya pembangkang bukan bererti mereka telah mendapat keadilan dari apa jua sektor yang selayaknya diterima oleh mereka. Apa ertinya pembangkang jika tersilap sedikit buat kenyataan disumbat dalam akta ISA. Yang penting bukan kewujudannya tetapi yang terlebih penting ialah makna dari kewujudannya. Rasanya jika tidak ada langsung pembangkang, Malaysia mungkin 10 kali ganda lebih teruk dari Indonesia. Dalam keadaan ada pembangkang pun nepotisme dan kronisme boleh bertapak apatah lagi jika tiada. Mahathirisme, Yesisme, anggukisme atau ampuisme mungkin menjadi salah satu

anutan dalam masyarakat Malaysia. Walaupun sudah wujud tetapi masih terkawal. *Nauzubillah.*

Di Indonesia ada ABRI dan boleh campur tangan dalam kerajaan secara sah dari sudut undang-undang. Di Malaysia ada ATDM tetapi tidak berhak campur tangan dalam urusan kerajaan. Begitu juga dengan PDRM. Cuma dari sudut kerjasama yang terselindung nampaknya PDRM kurang lebih hampir sama seperti ABRI di Indonesia. Beza atas kertas memang ada tetapi beza dari sudut fungsi rasanya mustahil. Contoh paling ketara bila berlaku Demonstrasi iaitu tunjuk perasaan bukan rusuhan. Saya tidak gunakan perkataan rusuhan sebab demonstrasi berbeza dari rusuhan. Tetapi kebanyakan akhbar tempatan menggunakan perkataan rusuhan sebagai suatu cara untuk memburukkan pandangan rakyat kepada orang yang mengadakan demonstrasi. Di Indonesia kerajaan mengerahkan tenaga ABRI dan di Malaysia kerajaan mengerahkan tenaga Polis. Cara bertindaknya hampir sama iaitu air pemedih mata dan belantan. Dalam kes Anwar, Polis turut diseret bersama dalam percaturan kerja dan tindakan. Apa yang jelas Polis memang berada di Kementerian Dalam Negeri dan di bawah pengawasan PM. Boleh atau tidak, Polis sudah pasti memainkan peranannya. Betul atau tidak,tergantung pada PM.

KPN dan TKPN menafikan polis terlibat dalam konspirasi politik tetapi beberapa peristiwa yang terjadi, rakyat dapat menilai sendiri bahawa memang ada. Salah satu contoh, Hanif Omar pernah memaklumkan kepada

PM pada tahun 1993 yang Anwar terlibat dengan homoseks tetapi PM menolaknya. Pelik ,kes yang sama terpakai pula pada tahun 1998 malahan telah dimuatkan dalam akhbar dan TV tempatan bagi menguatkan lagi hujah PM tentang rendah moral TPMnya. Lima tahun lalu kes itu belum lagi ditakrif sebagai rendah moral dan sekarang takrifnya sudah berubah. Jika kita ajukan soalan ini kepada PM, ia mati-mati mengatakan dia tidak percaya.

Jika benar-benar PM hendak melonjakkan Anwar sebagai penggantinya sudah tentu diajar dari awal-awal bukan setelah Anwar terlibat sehingga berbelas-belas tuduhan. Isu ini pernah saya tanyakan dengan banyak pihak dan kebanyakan mereka merasakan amat tidak logik. Di waktu yang sama timbul persoalan, sejauh manakah hubungan polis dan bekas polis dengan PM? Yang pasti biasanya taukeh-taukeh besar akan terus menyambar mereka ini dan diletakkan dalam syarikat multinasional? Rakyat terus bertanya, adakah ini kroni atau digeruni? **(dibincang dengan terperinci dalam buku akan datang).**

Soal perlantikan pemimpin di Malaysia dan Indonesia memang berbeza. Tetapi tanggungjawab yang dipikul dan perlaksanaannya hampir sama. Biasanya wakil rakyat makan isi dan kuah. Sisa kuah dan pinggan itu adalah untuk rakyat. Dulu rakyat boleh kenyang walaupun makan sisa tetapi sekarang bila sudah terlalu ramai yang makan sisa maka terpaksalah makan pinggan. Bila ber-

tambah ramai lagi pinggan pun habis mereka mula mencari orang pula. Orang yang berada disekeliling mereka semuanya tak cukup zat dan kurus kering. Mereka tak berselera lagi dengan tulang sebab tulang kawan mereka hasil dari sisa. Jadi tidak ada pilihan yang paling mereka gemari melainkan daging-daging gebu dari wakil-wakil rakyat mereka.

Fenomena dua negeri ini hampir sama dan akhirnya juga akan sama. Nanti dan saksikanlah jika tidak percaya. Sebab itu jangan berdegil dengan rakyat jika mereka suruh berundur lebih baik berundur. Mereka tidak seperti PM mungkin ada juga hati perut dan pertimbangan bila hendak mengundurkan seseorang tetapi rakyat yang latar belakangnya yang berbeza agak sukar diduga tindakannya. Walaupun ketua-ketua rakyat yang berang ini menasihatkan supaya bertenang dan bersabar. Patuh dengan undang-undang dan gunakan laluan demokrasi. Namun begitu mereka semakin ramai dan panasnya terus meluap menunggu masa untuk meletup. Jadi ambillah iktibar apa yang berlaku kepada Suharto,beliau undur dan terus kendur. Rakyat juga akan turut kendur dan mundur.

Marina juga ada menyentuh tentang tidak ada seorang rakyat Malaysia pun yang kelaparan sekalipun si pemalas. Di Malaysia rakyatnya bangun bukan tak cukup makan tetapi tak dapat cukup keadilan. Isu di Indonesia memang berbeza dari Malaysia tetapi ke arah yang sama. Rakyat Malaysia tidak berpuas hati terhadap layanan

Polis, Hakim,wakil rakyat ,menteri dan PM terhadap hak keadilan mereka. Rasanya jika Marina juga mendapat layanan yang sama seperti rakyat biasa sudah tentu pada masa itu barulah tergerak hati untuk merasa betapa deritanya perasaan rakyat. Memang sukar untuk merasakan sesuatu yang belum kita lalui dan alami apatah lagi jika hati kecil kita memang benci untuk merasainya.

Saya ingin memberi pandangan kepada Marina dan siapa juga yang berpandangan sama sepertinya agar bertenang dan bersabar. Bukankah PM selalu mengingatkan kita supaya bertenang. Jika kita bertenang rakyat juga akan bertenang. Tetapi kalau hati mereka yang sudah terhiris kemudian diperah dengan asam limau maka manusia paling sabar di dunia pun akan mengamuk. Adalah lebih baik pujuk ayahanda PM yang nampaknya sudah agak uzur supaya undur. Undurnya seorang wira dari takhta lebih mulia dari diundurkan oleh orang yang di bawahnya seperti yang terjadi kepada negara lain sekalipun melalui pilihan raya. Tetapi alangkah malunya jika PM undur kerana diundurkan oleh orang yang pernah dimalukan.

Malunya PM kali ini mungkin membawa maut sebab denyutan malu boleh menyekat saluran darah dari jantung ke seluruh badan. Kes maut semacam ini mungkin belum lagi ditemui oleh para doktor termasuklah PM sendiri. Namun begitu jika maut tiba, biarlah dalam keadaan kita sering bertaubat dan permusuhan kita dengan orang lain telah selesai. Lihatlah Sukarno dan Suharto

sehingga sekarang perasaan dendam dari keluarga dan keturunan mereka masih belum padam. Adakah ini yang PM inginkan di saat akhir kehidupannya? Saya dapat melihat PM memang sudah uzur dan yang kuat hanyalah semangatnya apatah lagi dikelilingi oleh kaki-kaki ampu dan kaki kipas. Apa salahnya jika kaki kipas yang ada agama nasihatkan PM berehat dan bertenang. Rasulullah SAW sering berdoa agar dia mati dalam keadaan beriman dan terselamat dari seksaan kubur. Semoga Allah memberi kita kesempatan untuk berbuat seperti yang Rasulullah SAW ajarkan kepada kita.

Di waktu yang sama kita juga berharap agar keamanan yang kita kecapi ini biarlah berterusan dan pemerintahnya semakin ikhlas dan menjalankan keadilan. Bukan bermakna bila rakyat menegur PM atau pemerintah menandakan kita terus membenci mereka. Yang rakyat benci ialah sikap pemerintah terhadap keadilan dan berdolak dalik. Rakyat yang baik tidak semestinya sentiasa ampu dan sikap 'Yes'. Kadangkala golongan *'Yes'* inilah yang terlebih dahulu menghancurkan pemerintahnya. Sejarah banyak membuktikan keadaan ini. Harapkan pagar, pagar makan padi. Harapkan jaga, dia cabut lari.

Budaya ampu nampaknya bukan hanya di kalangan orang jahil malahan berlaku di kalangan ulama. Antara tempat untuk mereka mengampu ialah di masjid atau lebih tepat lagi di mimbar setiap hari Jumaat. Apakah akan terjadi kepada ummat sekiranya mimbar dan isi khutbah hanya berkisar tentang kebaikan negara dan ampu pemimpinnya. Umat apa yang hendak kita ba-

ngunkan? Umat ampu atau Umat Islam yang cerdik dan mampu membina generasi gemilang di masa depan. Laungan kosong dari para pemimpin Melayu tentang pembangunan ummah amat diragui keberhasilannya. BAGAIMANA IA AKAN BERHASIL, HINGGA SETAKAT INI TIDAK NAMPAK USAHA YANG BENAR-BENAR TULEN KE ARAH ITU.

Perkara utama yang sepatutnya direalitikan ialah institusi masjid mesti bebas dari cengkaman mana-mana parti politik apatah lagi jika parti politik nasionalis buta. Apa yang terjadi sekarang ialah semua masjid berada di bawah pengawasan JAKIM. Dari satu sudut memang cantik tetapi banyak sudut yang lain disedari atau tidak ia telah menjajah sebuah institusi Islam yang sewajarnya bebas dari sebarang syarat. Cuba kita bayangkan mengapa Rasul SAW membangunkan Madinah bermula dari sebuah masjid di Quba. Bukankah itu petanda bahawa masjid adalah pusat menggerak masyarakat yang tidak boleh dipermudahkan. Maka dalam suasana kezaliman yang parah selayaknya masjidlah tempat para ulama dan para ilmuan mengajak masyarakat berfikir, merenung dan menyusun langkah untuk menghapus apa jua bentuk kezaliman. Malang sekali bila masjid ini terus dijajah dengan berbagai syarat maka roh masjid itu seolah-olah telah terpadam sendiri. Roh iman dan keyakinan yang sebenarnya tidak dapat dihidupkan dari masjid-masjid ini. Tinggallah masjid sebagai lambang dan syiar semata-mata tanpa isi serta misi. Bila rakyat menggunakan masjid untuk menuntut keadilan,mereka dikatakan men-

yalahgunakan masjid iaitu sebagai tempat ibadat. Fahaman begini bukan sahaja dari PM malahan dari Yusuf Noor yang kononnya memiliki autoriti dalam bidang agama. Kemudian kaki kipas paling kuat pun beratur tolong kipas bermula dari (KPIM) sekarang hinggalah beberapa orang bekas Ketua Pengarah Pusat Islam (KPIM) yang lain. PM gunakan masjid untuk bercakap soal politik tak salah tapi rakyat tak boleh. Ucapan PM di Masjid Felda Guar Napai bukan sahaja dapat didengar oleh rakyat sekitar malahan dapat dibaca oleh seluruh rakyat Malaysia melalui akhbar. Saya tidak pasti, arahan JAKIM tentang larangan menggunakan masjid sebagai tempat penerangan politik termasuk Umno atau tidak? Inilah masalahnya,larangan yang belum bertakrif atau takrif mengikut pemahaman PM.

Berbalik kepada cerita (KPIM) dalam khutbahnya menceritakan bagaimana keadaan negara kita yang sangat hebat berbanding dengan negara lain. Saya bukan anti Malaysia tetapi cubalah kita bandingkan dengan negara luar. Majoriti penduduknya bukan orang Islam tetapi kedamainnya lebih 10 kali ganda dari Malaysia. Jadi tanggapan yang keterlaluan terhadap Malaysia boleh membuatkan kita lupa dunia orang. Dalam masa yang sama kalau boleh tak perlulah dibawa ke mimbar sebab di bawah mimbar bukan semuanya buta alam. Banyak persoalan yang lebih besar dari itu semua tidak mahu disentuh dan dihurai kepada jemaah. Contohnya soal keadilan tidak berani disentuh langsung dan perkara-perkara kezaliman didiamkan. Kepincangan nilai dan

budaya tidak pernah disentuh secara yang benar-benar serius. Kelesuan umat terhadap jihad dan dakwah terbiar. Umat yang hauskan keadilan terus hanyut dibuai mimpi indah dan janji-janji palsu dari tukang-tukang karut yang tidak takut mati. Saya amat bimbang sekiranya institusi masjid yang menjadi harapan umat tidak dapat berfungsi lagi maka apakah masih ada institusi lain yang boleh menjadi alternatif. Persoalan ini sepatutnya menjadi agenda utama bagi seluruh masjid di Malaysia dan AJK Masjid.



Umi Hafilda (dua dari kiri), Tun Ghafar Baba, Tan Sri Rahim Tamby Chik dan Dato' Haji Sharif Omar di atas pentas Dewan Muhibbah, Sungai Dua sebelum majlis bermula.

Keterangan

1. Bukti dari aktiviti Ghafar dan kuncu-kuncunya, terlibat secara langsung dalam konspirasi menjatuhkan Anwar. Ini adalah tanggapan rakyat secara kasar...

2. Mereka telah melanggar arahan mahkamah Tinggi supaya tidak membuat sebarang kenyataan tentang Anwar sebelum 2 November.

3. Dalam majlis ini Umi Hafilda telah dijadikan sebagai alat untuk memperdayakan sebilangan pendengar yang hadir.

4. Bapa Ummi Hafilda terlalu kecewa dengan anaknya, lalu terkeluarlah dari mulut dan hatinya, "...Ummi bukan lagi anak saya di dunia dan akhirat".

(Pesanan untuk Ummi) "Bertaubatlah... janganlah mengikut mereka yang sudah muflis akhlak." *(sila rujuk surat ayah Ummi Hafilda)*

## PENGAKUAN BAPA UMMI HAFILDA

*(dari tarikh tersebut saya lucutkan warisan zuriat Ummi Hafilda dengan tidak mengaku anak dunia dan akhirat)*

UMMI HAFILDA ialah anak bongsu dari enam beradik, tiga laki-laki tiga perempuan. Lahir pada bulan Jun 1967 di Kampung Klang Gate.

Bersekolah lulus tingkatan lima pelajaran agama lebih dari mencukupi umur enam tahun sudah membaca Quran dengan baik dan sudah tahu bersembahyang. Boleh menulis dan membawa jawi dan dapat melancar pelajaran agama Fikah dan Hadis.

Berhenti sekolah dia bekerja di dua buah bank sebagai kerani dan pegawai bank dalam masa empat tahun. Dia meletakkan jawatan itu dan menubuhkan syarikat sendiri. Hasil yang diperolehi dari pinjaman bank yang banyak dia telah menjelajah ke London, Australia, Tokyo dan... (tidak terang), lain-lain tempat. Sebenarnya *business* belum diuruskan dengan baik. Dengan sikapnya yang angkuh, riak, takbur dan memiliki kenderaan-kenderaan mewah seperti Mercedes, Jeep, Isuzu, Van biasa, BMW. Tiga empat kereta dalam satu-satu masa.

Sepanjang masa dalam riwayat hidupnya belum pernah ada risik dari mana-mana pihak yang bersetuju meminang hingga sekarang masih seorang andartu.

Bila umurnya meningkat lebih 20 tahun tingkah

lakunya yang agresif begitu menjadi-jadi. Melawan, tidak pedulikan dengan nasihat, riak, takbur, pembohong, penipu.

25.8.98 - kali terakhir dia keluar dari rumah ini. Klang Gate Setapak KL.

1.9.98 - jam 5.20 petang saya memangil kakaknya yang sulong dan memberi nasihat kepadanya bahawa dari tarikh tersebut saya lucutkan warisan zuriat Umi Hafilda dengan tidak mengaku anak dunia dan akhirat dan berwasiat dengan pesanan jangan lagi dia balik kerumah ini.

30.9.98 - dia selitkan tiga surat layang di pintu pagar besar dengan nama samaran jiran yang bersimpati.

6.10.98 - dia suruh kakaknya mengemas semua kain bajunya yang berada dalam tiga bilik di rumah ini.

Kakaknya menunggu kedatangan dia bila saya tidak ada di rumah kerana sembahyang Jumaat.

Hasil komplot Megat Junid sampai ketangan Khalid Jafri untuk dijadikan buku 50 Dalil sebelum sampai ke PM. Kerja-kerja fitnah ini dibiayai oleh Daim dan Tengku Adnan, Ziela isteri Megat Junit menjadi orang perantaraan.

Dalam hidupnya semasa dewasa ini hutang keliling pinggang. Pernah beberapa kali orang yang memberi hutang datang menyerang di rumah ini. Surat-surat bank dari seluruh KL menuntut hutang datang sepanjang masa pernah saya di tipu dengan lenyapnya kereta mercedes

yang berharga $90,000 kerana melangsaikan hutang banknya.

Kekasarannya pernah menyebabkan beberapa kali ibunya mengeluarkan airmata. Dia sanggup menuding jari telunjuk ke muka ibunya dan menyebut "*shut up*" Jaga sikit mulut. Semenjak tahun 1988 sudah tiga empat kali lari dari rumah berbulan-bulan lamanya keluar.

**Sifat fitnah menjadi-jadi walau pun dinasihati tetapi tidak diendahkan.**

Saya telah berkahwin dengan ibunya 42 tahun lalu tetapi pada 20.2.1998 dalam masa beberapa minit sahaja tak tahulah apa yang difitnahkan kepada ibunya hingga membuat isteri saya menyerang dalam keadaan luar biasa sehingga terpaksa saya melafazkan talak. Kami bercerai sepuluh hari sebelum rujuk kembali.

Hasil kemuncak fitnahnya adalah dengan pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim dari Jawatan TPM dan dilucutkan keahlian UMNO yang menggemparkan dunia seluruhnya hingga ke hari ini. Dialah bertanggungjawab penulis surat kepada PM pada 8.8.1997 memfitnah Anwar berzina dengan kakak iparnya hingga mendapat anak bernama Hafifah dan memfitnah abangnya Azmin setiausaha Anwar oang yang paling kaya dengan hasil rasuah serta berpakat dengan Azizan Abu Bakar memfitnah Anwar ber*homoseks* dengan Azizan.

Dengan surat tersebut, pada 9.10.98, dia menyuruh abangnya, Azwan buat laporan polis di Melawati dan menuduh dua lagi abangnya, Azman dan Azmin

memecah masuk biliknya lalu mengambil surat-surat penting dari bilik tersebut serta mendakwa Azman hendak membakar pakaiannya dan Azmin pula hendak membunuhnya.

Dua orang pegawai polis iaitu Inspektor Ramlee dan DSP Ishak datang menyiasat kes tersebut bersama seorang jurugambar.

**Catatan Haji Ali bin Omar**

**18.10.98**

*(Surat di atas telah disahkan oleh Mahazalim yang sekarang ini mempunyai alamat dan nombor telefon Tn Hj. Ali bin Omar yang lengkap.)*

**BAB 2**

# KAJIAN KES KEADILAN TERHADAP ANWAR

## Pandangan Islam Terhadap Afidavit Tanpa Bukti Dan Perbicaraan

Berbagai pihak telah memberi respon terhadap afidavit* yang didedahkan oleh semua akhbar tempatan.* Antaranya:

1. Para ulama,cendekiawan,pemimpin kerajaan dan bukan kerajaan,pegawai kerajaan,pelajar universiti, pemuda pemudi Islam, suri rumah dan golongan tua berasa sungguh terharu. Terharu disebabkan oleh beberapa faktor :

---

* Afidavit tidak disertakan dengan andaian semua sudah tahu dari akhbar tempatan, Tv, radio dan lain-lain.

* Rasa jijik, malu dan berdosa untuk menulis serta membiarkan pembaca membaca dan memikirkannya.

- Untuk tujuan kajian - sila dapatkan afidavit dari buku-buku lain dan akhbar-akhbar tempatan.

**Faktor utama** : DS Anwar menghadapi berbagai tuduhan yang semuanya berat. Kemudian didedahkan semua sekali kepada seluruh dunia. Dari salah laku seks hinggalah membocorkan rahsia negara.

Maka timbullah beribu persoalan disebaliknya. Teka teki yang seolah-olah disusun oleh seorang pakar teka teki yang tidak boleh ditandingi di abad ini. Walaupun begitu sekiranya diteliti bayang-bayang jawapannya akan lebih kelihatan jika kita soal dan merenung jawapannya. Antara soalan tersebut:

a. Mengapa akhbar dan TV dijadikan seperti ruang kamar mahkamah untuk menjatuhkan hukuman kepada seseorang yang belum pasti tuduhannya?

b. Mengapa pihak tertentu terutama kepimpinan Umno sanggup mendedahkan aib kepimpinannya keseluruh dunia?

c. Mengapa pihak Peguam Negara tidak mempersoalkannya dari sudut kemanusiaan iaitu afidavit didedahkan walaupun ianya belum lagi dibawa ke mahkamah sekalipun ia tidak salah dari sudut undang-undang Malaysia?

d. Mengapa pihak Polis begitu berani dan lantang mempertahankan afidavit tersebut di akhbar dan di TV?

e. Mengapa para ulama kerajaan membisu dalam hal ini? Kalau ada pun cuma mempertahankan tindakan tersebut.

f. Mengapa semua ketua pengarang akhbar Melayu

Muslim,ketua penyiaran TV Muslim,penulis Muslim dan pembaca berita Muslim tidak terlebih dahulu mempertikaikan berita tersebut?

g. Mengapa PM kelihatan *relax* dua hari sebelum pemecatan TPM bila ditanya oleh para wartawan seolah-olah belum ada afidavit?

h. Mengapa Ghafar Baba,Rahim TC, Abdullah B, Daim Z, Najib, Hishamuddin dan beberapa pimpinan Umno berkobar-kobar melaungkan isu petualang negara sebelum satu bulan afidavit didedahkan?

i. Mengapa selepas afidavit didedahkan orang yang sama juga menjadi pendakwa di ruang akhbar dan TV ?

j. Mengapa kedua-dua ketua pengarang akhbar tempatan ditukar (*Berita Harian* dan *Utusan Malaysia*)?

k. Mengapa pengarah urusan TV3 diberhentikan lebih awal dari isytihar afidavit?

l. Mengapa PM sendiri turun padang berjumpa rakyat keseluruh Malaysia dengan isu ekonomi gawat dan petualang sebelum afidavit?

Inilah antara keluhan dan persoalan yang timbul berikutan pendedahan afidavit.

**Apa pula pandangan orang bukan Islam yang bebas?**

Salah satu jawapan yang biasa didengar ialah "kesian itu orang (maksudnya Anwar.) Apa sudah jadi sama Malaysia? Semua *problem*. Ini macam susahlah."

Jadi seolah-olah kebanyakan mereka melihat afidavit dalam akhbar danTV itu sebagai suatu deraan. Sebab itu mereka kata kesian. Timbul pula satu persoalan, sekiranya ada deraan sudah barang pasti ada penderanya. Jadi siapa pula pendera yang sebenarnya. Teka-tekinya agak berlainan sedikit tetapi rasanya jawapan hampir sama kalau tak kena tepat pun sipilah.Walaupun begitu oleh kerana pakar pembuat teka teki Ini berpengalaman berpuluh-puluh tahun maka siapa dia yang sebenarnya masih menjadi tanda tanya. Rakyat terutama yang masih bersih hatinya terus berdoa dan berharap agar Allah menunjukkan siapa dia. Di waktu yang sama terus dijamu dengan hidangan berita yang terpaksa ditelan. Makin lama makin pahit tetapi apakan daya sudah tiada pilihan. *(Surat dan pandangan orang bukan Islam)*

**Bagaimana pula pandangan orang-orang politik.**

Hampir 100% penyokong kerajaan sama ada dari Umno, MCA, MIC, NGO pro kerajaan memberi jawapan yang sama *"Yes"*. Seolah-olah ada skrip yang disediakan oleh seorang pengarah filem yang terhebat di abad ini. Bagaikan filem misteri yang penuh liku seperti dalam filem Melayu yang akhirnya hero menang. Tetapi oleh kerana cara buat filem Melayu yang ini mungkin tak sama dengan filem Melayu lain, jadi ia nampak lebih *glamour* dan kos buat juga lebih mahal dari *"Titanic"*. Jadi semua pelakonnya rasa bangga kerana terpilih dalam filem yang begitu berprestij. Pelakon terbaik juga akan dianugerah

pingat dan kerusi. Mungkin inilah faktor penyebab mereka begitu gigih berlakon tidak kenal siang dan malam bagi memastikan filem bersejarah ini diterima serta disanjung ke seluruh dunia.

Hingga sekarang filem ini belum selesai lagi. Menurut sumber yang boleh dipercayai gangguan kesihatan beberapa orang pelakon veteran dan strategi kurang rapi adalah punca kelambatan proses menyiapkan filem ini.

Ramai yang bimbang takut -takut pengarah mati dulu, jadi pelakon yang berharap sangat dapat anugerah setiap hari berdoa agar pengarah panjang umur. *(Surat dan pandangan dari akhbar tempatan)*

NGO dan Jemaah Islam yang berpendirian sederhana menerima afidavit dengan hati yang terbuka tapi luka. Terbuka kerana sudah sedia maklum akan teknik dan seni yang dimainkan oleh seseorang musuh politik terhadap musuhnya. Tidak ada musuh dalam sejarah dunia akan berkata yang benar terhadap musuhnya. Apatah lagi jika permusuhan itu sudah berputik bertahun-tahun lamanya. Kemuncak dari persengketaan itu ialah perasaan benci yang mendalam hingga terniatlah dihati untuk membuat apa sahaja fitnah dan tuduhan kepada musuh. Pergeseran kedua-dua musuh akhirnya terbakar dan tidak dapat diselamatkan lagi. Maka kaki kipas yang sudah lama mengipas tadi melompat kegembiraan kerana tugas telah selesai cuma tunggu habuan saja. Di sinilah lukanya hati anggota NGO atau anggota jemaah Islam. Afidavit yang belum tentu sah serta berbau hanyir dimuatkan di muka

depan akhbar dan TV tempatan Malaysia dan diulang beberapa kali. Kita dapat rasakan betapa remuknya hati Anwar sekeluarga bila afidavit tadi dimanupulasi sebagai sebab musabab mengapa ia dipecat sebagai TPM , MKM dan TPUM. Peristiwa yang disinari dengan mendung matahari dan hujan lebat pada hari berikutnya amat memilukan mereka yang cintakan keadilan,ketelusan dan kepimpinan Islam. Seolah-olah Malaysia diserang garuda puaka yang menyebabkan ahli-ahli NGO dan Jemaah Islam terpempan dan tidak dapat berkata apa-apa.

Saya yakin ramai yang tidak boleh tidur dan *'depress'* bila mengenangkan nasib Anwar sekeluarga. Anwar bagi kebanyakan NGO dan Jemaah Islam di Malaysia seperti abang yang pernah bermati-matian membangun dan mempertahankan kewujudannya di Malaysia. Anwar telah melahirkan beberapa tokoh pejuang di Malaysia bermula dari perkaderan yang dipelopori oleh ABIM kemudian ada antaranya masuk ke PAS dan berbagai jemaah lain. Pada dasarnya ABIM di akhir-akhir tahun tujuh puluhan amat gemilang dan menjadi wadah umat yang paling disegani oleh teman dan lawan.

Begitu juga dengan beberapa buah sekolah swasta, DS Anwar adalah pengasas dan penggerak utama di seluruh Malaysia. Bermula dari Yayasan Anda KL, Institut Sofar Ipoh, Institut Masriyah B. Mertajam, Institut Barakan Terengganu, Institut Fajar Kuantan dan beberapa institut lain. Institut-institut ini telah menjadi alternatif kepada pelajar yang mengambil peperiksaan SRP, SPM

dan STP/STPM buat kali kedua atau ketiga. Dari sini lahirlah beberapa tokoh pimpinan pelajar, politik dan NGO di Malaysia.Antara aspek yang paling istimewa hingga mampu melahirkan tokoh-tokoh terbilang ialah kejayaan guru-gurunya menggabungkan kedua-dua kurikulum akademik dan Islam secara berkesan.

Afidavit bagaikan besi berani yang mampu menarik kembali seluruh pelajar dan bekas-bekas pelajar yang boleh dianggarkan lebih kurang 100,000 orang di seluruh Malaysia. Rasa ukhwah dan mahabbah yang sudah pudar bergemerlapan kembali. Ada di antara mereka terus membuat panggilan telefon antara satu sama lain atau ke sekolah dan ada juga yang terus ke rumah Anwar untuk mendapatkan maklumat yang lebih sahih. Ternyata afidavit benar-benar berpuaka dan akhirnya ia membawa suatu rahmat yang tidak dapat dibayangkan. Bekas pelajar, bekas ahli jemaah dan bekas NGO dapat berkumpul dan bertemu semula dengan matlamat yang sama iaitu menuntut dan memperjuangkan keadilan terhadap rakyat. Alhamdulillah riak-riak kecil yang tidak bermaya kemudiannya menjadi gelombang yang boleh meruntuhkan sebarang empangan dan tembok. Allah Maha Besar. Hati yang terhiris pada awalnya beransur pulih dan semangat baru bersama desakan Reformasi makin membara.

Pandangan penyokong PM dan yang berkepentingan sama sahaja sama ada orang Islam atau pun tidak,sama ada Melayu atau yang lain. Mereka seperti satu rombongan yang berkhemah di atas bukit. Jika ketua rom-

bongan suruh turun bukit, semua turun. Jika suruh naik, semua naik. Sungguh menghairankan mengapa tidak ada seorang pun yang berani memberi pandangan yang berlainan dengan ketua . Inikah konsep taat dan setia yang boleh menyelamatkan mereka dari mara bencana? Yang jelas apa yang penting ialah kuasa.

Nasionalisme buta terus menjadi agenda. Laungan dan slogan terus berkumandang apatah lagi jika ada yang mencabar. Kadangkala oleh kerana terlalu taksub terhadap pemimpin dan mereka punya kuasa, akhbar dan TV dijadikan gelanggang mencabar orang yang tidak bersetuju dengan mereka. Siapa yang mempertikaikan afidavit dianggap bodoh dan durhaka kepada pemimpin. Kemudian mereka menakut-nakutkan pegawai kerajaan, pelajar universiti dan ahli-ahli kumpulan mereka dengan berbagai-bagai ugutan. Jika pihak lain mengugut dilarang tapi mereka boleh. Semua boleh. Apa yang sudah jadi boleh tak jadi dan yang boleh tak jadi tapi jadi. Ini adalah disebabkab faktor nepotisme dan kronisme yang telah berakar umbi dalam masyarakat pemimpin Melayu di Malaysia. Barah nepotisma dan kronisma bukan hanya akan melenyapkan ketuanan Melayu Islam malahan ia akan merosakkan seluruh sistem bernegara di Malaysia.

Ibrahim Ali dalam siri ceramahnya di Dewan Kasturi Selandar, Melaka begitu bersungguh-sungguh mengecam kononnya bekas TPM adalah raja kronisme dan pelaksana dasar nepotisme. Kemudian ia menuduh DS Anwar memang mempunyai hubungan dan sokongan dari

Amerika Syarikat apabila Jabatan Negara Amerika Syarikat meminta PM memberi keadilan yang sewajarnya ke atas Anwar.

Pernyataan dari salah seorang ahli MT Umno ini dalam banyak hal memang tidak rasional dan tidak Islamik. Depan pengikut yang kurang belajar Islam mungkin bolehlah buat sesuatu isu itu berasap. Tapi saya yakin bukan semua yang hadir dalam perhimpunan itu jahil malahan ada yang lebih celik dari dia. Dia lebih sedikit dari yang hadir kerana dia ahli MT. Siapa tak sokong alamat kena potong. Jadi hadirin pun tepuk dan sorak bagai nak rak dewan. Rakaman sorak akan dibawa ke peringkat atas supaya dapat tambahan nilai dan penggal depan ada harapan jadi calon menteri. Kalau tak jadi timbalan menteri dapat jadi Menteri Besar pun jadilah. Biasanya orang yang mengidam kalau tak dapat sesuatu hajat dia akan cacat. Harap-harap janganlah cacat otak sebab cacat yang lain boleh lagi jadi senator tapi kalau cacat otak terpaksa tukar alamat baru di hujung tanjung.

Saya ingin mengulas sedikit tentang kenyataan Ibrahim Ali tentang afidavit. Menurut beliau afidavit tersebut semacam tuduhan terhadap Anwar. Jadi untuk membersihkan diri Anwar mesti bersumpah dengan mengangkat al-Quran bagi menangkis tohmahan tersebut. Bagi menjawab gesaan ini Dr. Yusuf Qardawi telah menghantar *fax* kepada Anwar. Menurut Dr. Yusuf Qardawi tidak perlu. Sebab : **Tuduhan di mahkamah belum ada.** Pendakwa juga mesti bersumpah dengan al-Quran.

(Macam mana boleh terjadi sebab mahkamah kita menjalankan undang-undang bukan Islam, yang Muslim mungkin hakimnya atau pendakwanya.)

Ada unsur-unsur untuk mempermain-mainkan hukum Allah. Soal yang lain dari isu ini tidak mahu menjunjung al-Quran maksudnya segala nilai, sistem dan pentadbiran negara masih lagi meletakkan al-Quran tidak lebih dari melengkapkan upacara perasmian dan pembukaan rancangan Radio TV sahaja. Sekiranya beliau bersumpah dengan al-Quran dan menafikan tuduhan tersebut, maka pihak pendakwa mesti membawa empat orang saksi yang boleh dipercayai. Islam sangat teliti dalam meletakkan kriteria saksi. Pondan, pelacur atau orang yang diupah tidak termasuk dalam kriteria saksi ini. Mungkin undang-undang di Malaysia boleh terima sebab bukan undang-undang Islam. Jadi berlakulah penghinaan terhadap sumpah bila ia tidak diterima pakai di mahkamah Malaysia.

Setelah penjelasan ini dibuat dan walau bagaimanapun Anwar telah bersumpah sebanyak dua kali, di Batu Pahat Johor dan di Masjid Negara yang disaksikan oleh ratusan ribu manusia. Ibrahim Ali sebenarnya sudah kalah dan terus mencari idea lain sama seperti tok gurunya PM bagi memenangkan diri mereka. Akhirnya terbuktilah siapa sebenarnya yang mempersendakan Islam. Selaku seorang yang tidak ada kepentingan dalam politik saya ingin menasihatkan Ibrahim Ali supaya insaf dan jangan ulangi kesilapan seperti yang pernah beliau laku-

kan terhadap Tok Guru Nik Aziz. Akibat mulut otak binasa.

Soal DS Anwar raja kronisme dan nepotisme saya rasa rakyat kurang percaya sebab dari segi harta dan kemewahan hidup Ibrahim Ali lebih hebat daripada DS Anwar. Jika para pembaca tak percaya silalah berkunjung ke rumah kedua-duanya. Buat satu senarai dan akhirnya dihitung. Masa itu kita harap Ibrahim Ali jangan lari dan rasanya tak boleh lari lagi disebabkan serangan kejang lutut. Cuma pengunjung janganlah mengapa-apakan beliau, tolong bawakan ke hospital yang berdekatan. Tapi biasanya takkanlah pemandu atau orang kiri kanannya membiarkan beliau terjelepuk di situ. Mungkin ada juga yang bertakbir atau melaungkan kata-kata semangat, 'Ibrahim bangun, bangun,!. 'Jangan lemah lutut, teruskan!!'. Kata-kata peransang itu membolehkan beliau membuka mata dan terus dipapah penyokongnya ke ICU. DS Anwar kena ISA, Ibrahim Ali berada di ICU. Masa ini kita semua mesti ziarah dan sama-sama berdoa agar beliau sempat bertaubat.*

Soal siapa biaya reformasi dan sokongan PAS tak perlu rasanya untuk dihurai, tunggu dan lihat sahaja. Kita harap Ibrahim Ali jangan terlampau keras melantun bola nanti terkena muka sendiri. Silap-silap kerusi senator pun hilang sebab tak lama lagi mungkin pembangkang

* Pesanan : Yang dibenci perangainya bukan orangnya. Reformasi juga ada harga diri dan berakhlak tinggi.

yang memerintah. Tak mustahil, dalam dunia ini semuanya diatur oleh Allah. Terpekik terlolonglah, kata orang itu jahat dan parti ini jahat jika Allah mengizinkan tak siapa yang boleh menghalang apatah lagi kalau Ibrahim Ali. Pinjam ayat *ane, 'Porah!'*. Siapa yang tak tahu makna sila tanya dengan Mr. Vellu atau Mr. Sami.

Sekiranya sokongan rakyat terus seperti begini saya yakin suatu perubahan besar akan berlaku di Malaysia. Yang pentingnya keadilan akan dijunjung semula. Mungkin masa itu afidavit tidak lagi menjadi senjata untuk menikam musuh atau kawan. Bersabarlah, sesungguhnya Allah bersama dengan orang yang sabar.

Soal sokongan negara luar adalah wajar. Sebab ini isu kemanusiaan sejagat. Tidak ada manusia yang sanggup ditahan oleh sesiapa tanpa sebab. Tak bersebab atau sebab yang direka-reka inilah yang menyebabkan rakyat mengamuk dan negara luar walaupun bukan dari negara orang Islam amat prihatin.

Sokongan kemanusiaan bukan bererti sokongan politik. Sokongan untuk politik dapat kerusi atau macam-macam lagi. Tapi sokongan dari luar dan bantahan rakyat adalah untuk keadilan. Kadang-kadang cukup menghairankan mengapa negara-negara orang Islam dipenuhi dengan pemerintah yang menggunakan Islam sebagai agama resmi tapi kuasa masih di tangan orang tertentu yang kadangkala hanya boleh membaca *basmalah* atau sebut nama Allah. Tak menghairankan kebanyakan mereka terdiri dari pemerintah yang zalim sama ada di nega-

ra Arab atau di Asean. Sepatutnya kemanusiaan dan kebebasan yang Islam letakkan suatu darjah paling tinggi menjadi syarat utama di semua negara yang menerima Islam sebagai agama resmi. Sebaliknya bila isu ini dilaungkan oleh negara bukan Islam semua negara orang Islam buka mata. Timbullah berbagai cemuhan terhadap negara berkenaan. Alangkah baiknya jika yang benar itu di *'Yes'*kan dan yang salah ditentang habis-habisan. Barulah mereka hormat kepada negara orang Islam. Bila negara orang Islam kena bom semua melenting, terus mengadakan mesyuarat dan berbagai bantahan. Dari OIC hinggalah negara kecil seperti Malaysia semua membantah. Selepas itu sejuk semula. Sebab itu kita sering ditertawakan oleh negara-negara ini. Bersemangat sebelum kena gertak.

Dari sudut lain seolah-olah semacam ada suatu herarki penyeksaan bermula dari negara kecil yang terus menindas rakyat kemudian negara kecil ditindas pula oleh negara kuasa besar. Keadaan begini tidak akan selesai selagi tidak adanya Khilafah Islamiah. Jadi jika PM menafikan hak keadilan,hak kebebasan bersuara dan menggunakan ISA sebagai alasan keselamatan maka kuasa besar juga akan menggunakan alasan yang sama sekiranya mereka bertindak sesuatu terhadap sesebuah negara. Apa yang terjadi di Sudan kita amat menentang tetapi mengapa kita pula menggunakan cara yang sama untuk menjaga keamanan dan keselamatan negara dengan menangkap orang-orang yang tidak berdosa dan diletakkan di bawah ISA.

Adakah kita wajar atau kita juga sama seperti mereka yang selalu PM kata mereka ini hipokrit. Siapa yang terlebih dahulu hipokrit kepada rakyat?

Berikut adalah Pendirian Majlis syura Ulama' Kedah tentang isu Krisis Kepimpinan Umat masa kini khususnya apa yang berlaku di dalam negara kita mutakhir ini. Harap dapat renungan bersama.

## MAJLIS SYURA ULAMA KEDAH

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang. Assalamualaikum wrh wbt. Kepada Seluruh Kaum Muslimin dan Muslimat.

**Pendirian Ulama Terhadap Krisis Umat Masa Kini.**

Segala puji bagi Allah SWT Yang Maha Bijaksana, Yang Maha Mengetahui hati dan lintasan fikiran hamba-Nya yang soleh mahupun mereka yang jahat, Yang amat teiliti tentang segala tingkahlaku serta amalan hamba-Nya, samada amalan yang makruf mahupun yang mungkar, Yang memelihara kemuliaan dan melindungi ugama-Nya dari sebarang rancangan dan konspirasi jahat musuh-musuh yang berkomplot dan Yang melindungi hamba-Nya yang soleh dari rancangan jahat golongan kafir dan munafik.

Selawat dan salam ke atas Junjungan Rasulullah SAW yang diberi petunjuk dan kekuatan iman, takwa dan ruhul-jihad untuk menegakkan yang makruf dan mencegah

yang mungkar dan menegakkan kalimah Allah.

Kami dengan penuh khusyuk dan rendah diri, setelah mengamati dan mempertimbangkan perkembangan kepimpinan umat yang sedang dilanda krisis yang amat genting dan runcing, menegaskan pendirian kami untuk pengetahuan semua pihak, pemerintah dan rakyat. Media dan anggota birokrasi kerajaan, yang diamanah menjaga amanah rakyat.

Bahawa melihat kegawatan kepimpinan yang semakin runcing adalah berpunca dari segala fitnah yang amat berat serta pendekatan mengaibkan seseorang pemimpin secara yang tidak dibenarkan oleh syarak telah dilakukan oleh golongan yang membolot kuasa.

Bahawa orang yang dituduh, walaupun belum didakwa, telah dihukum bersalah dan diaibkan secara terbuka oleh seorang pemimpin tertinggi negara melalui eksploitasi kuasa, jentera kerajaan dan media.

Bahawa suatu komplot telah berlaku untuk menghalang seorang pemimpin yang memperjuangkan nasib rakyat bawahan, menyekat perbelanjaan perbendaharaan negara secara tidak mengikut prosedur, menyekat segelintir individu untuk membolot kekayaan negara, memastikan undang-undang tidak disalah guna, menentukan amalan diperangi habis-habisan, menentukan keburukan akhlak pemimpin dibenteras.

Bahawa pihak media telah dieksploitasi secara paling berat sebelah dan tidak beretika dalam membantu menghukum seorang pemimpin yang belum lagi dibicara

dimahkamah secara adil.

Bahawasanya pihak berkuasa telah bertindak keterlaluan, kasar, mengugut dan tidak bertanggungjawab dalam menyekat rakyat menyuarakan pandangan mereka sehingga undang-undang diguna secara tidak bijak dan tidak berperikemanusiaan.

Maka kami dengan ini menyatakan pendirian kami dalam hal tuduhan ke atas Datuk Seri Anwar Ibrahim dengan dalil-dalil syarak yang perlu dihormati semua pihak iaitu :-

1. Menuduh orang yang bersih dengan tuduhan terutama tomahan yang besar seperti berzina, liwat dan membunuh adalah diharamkan secara tegas oleh Islam. (Rujukan : Al-Quran, Surah Al-Ahzab : 58; Surah An-Nur :23-25; Surah An-Nur :11-13)

2. Menjadikan saksi dari kalangan pelacur seperti yang digunakan oleh Perdana Menteri sebagai bukti beliau bahawa Datuk Seri Anwar telah melakukan zina adalah tertolak oleh syara berdasarkan nas A-Quran, (Surah An-Nur : 4-5)

3. Megaibkan orang secara terbuka seperti yang dilakukan oleh Perdana Menteri terhadap Datuk Seri Anwar adalah dilarang oleh Islam seperti yang telah berlaku apabila Rasulullah SAW menyatakan kepada Ma'iz yang mengaku berzina. "Jika engkau tutupinya dengan bajumu tentu lebih baik untukmu, serta sabdanya yang lain : "seluruh umatku akan memperolehi pengampunan, kecuali orang yang suka menyebarkan aib orang lain"

4. Tuduhan Perdana Menteri mengenai terhadap Datuk Seri Anwar, tidak diperkukuhkan dengan bukti mengikut kaedah syara' yang memerlukan empat orang saksi yang adil, tepat dan tidak berkepentingan dengan tomahan dan melihat sendiri tertuduh sedang melakukan perbuatan tersebut. Malah syarak menetapkan jika si penuduh gagal gagal menampilkan saksi sedemikian maka ia (sipenuduh) akan dihukum dengan 80 kali sebatan rotan. Al-Quran menetapkan kaedah itu melalui surah An-Nur 4-5.

5. Datuk Seri Anwar berhak membela diri dari tuduhan yang telah ditohmah keatasnya secara meninggikan suara dalam menyuarakan kebenaran. Ini dinyatakan sebagai satu keistimewaan untuk melindungi kehormatan dan maruah diri seperti yang difirmankan Allah S.W.T, dalam Al-Quran, surah An-Nisa : 148. "Tiada boleh barang siapapun mencegah atau melarang orang yang dituduh daripada membela dirinya."

Kami juga dalam isu tuduhan terhadap Datuk Seri Anwar, meneliti bahawa ia kini amat berkait isu kesinambungan masadepan kepimpinan umat Islam. Lantaran masadepan kepimpinan umat kini telah dilanda krisis yang amat parah, kami menetapkan:-

I. Seluruh masyarakat Islam perlu kembali teguh berpaut kepada perintah Allah S.W.T yang menegaskan : Terjemahan : "Dan berpegang teguhlah kamu semua kepada tali (agama) Allah dan janganlah kamu bercerai berai." (Surah Ali-Imran :103)

II. Seluruh masyarakat Muslim wajib menolong orang yang di zalimi dari terus dianiaya oleh orang yang mengzalim tanpa mengira darjat atau pangkat penzalim.

III. Setiap organisasi Islam hendaklah berusaha agar kepimpinan gerakan Islam dinegara ini dilindungi dari komplot jahat kelompok berkepentingan dan memusuhi gerakan Islam daripada skima mereka untuk menghancurkan peribadi pemimpin Islam melalui penyebaran fitnah.

IV. Seluruh umat Islam perlu bangun dan menyatakan pendirian menentang kezaliman dan ketidakadilan secara berani serta tegas.

V. Pihak kerajaan hendaklah memberhentikan tindakan penahanan dibawah ISA dan membebaskan tahanan yang dikaitkan dengan isu Datuk Seri Anwar.

VI. Pihak berkuasa perlu membawa perbicaraan Datuk Seri Anwar dalam hal tuduhan zina dan liwat melalui perbicaraan mahkamah syariah kerana sememangnya terdapat peruntukan yang memberi bidang kuasa kes tersebut dibicara dalam mahkamah syariah dan bukan mahkamah sivil.

VII. Pemerintah yang berlaku tidak adil dalam menuduh seseorang, melengah-lengahkan perbicaraan, menghukum sebelum perbicaraan bermula, serta menghalang hak rakyat untuk mendapat maklumat yang benar perlu dipersoalkan kembali

mandat kepimpinan yang diberi oleh rakyat. Jika keyakinan rakyat terhadap kepimpinan kerajaan sudah luntur, umat perlu menyatakan pendirian bahawa suatu pemilihan kepimpinan yang baru perlu dilaksanakan.

VIII. Mengingatkan umat Islam bahawa kepimpinan negara tidak boleh dibiarkan jatuh ke tangan mereka yang mencemburui dan memusuhi gerakan Islam. Oleh itu usaha mengembalikan kekuatan dan kewibawaan kepimpinan Islam hendaklah dilancarkan.

IX. Seluruh rakyat Islam perlu bertindak secara teliti menyemak semua propaganda palsu serta menyaring maklumat-maklumat media yang nyata amat cenderung untuk terus menghina dan meragui kepimpinan peribadi Islam yang difitnah dan dihukum secara paling tidak adil.

X. Menuntut kerajaan agar suatu Badan Penyiasat Berkecuali (Suruhanjaya Siasatan Khas) ditubuhkan yang tidak boleh dipengaruhi oleh pujukan atau ugutan oleh penguasa atau ganjaran atau ancaman daripada pemerintah dalam hal pendedahan Datuk Seri Anwar bahawa ujud konspirasi politik untuk menjatuhkannya.

# Dua Kes Yang Memecah Rekod Guiness Di Peringkat Dunia Setakat Ini




**Dua orang saksi yang telah membuat pengakuan dan juga membuat rayuan. Dr. Munawar (bersongkok) ketika keluar dari mahkamah, sementara di kanan ialah Sukma.**

**Pelik :**

* Dr. Munawar - kes liwat kena tahan di bawah ISA dan beliau kelihatan bingung.
* Sukma - tak kenal peguam yang mana satu.
* Dibicara dan jatuh hukum dalam masa setengah jam.
* Mengaku tapi tak mengaku bersalah.
* Satu kes - Dua peguam - satu dari polis
  - satu dari keluarga.
* Selepas ditahan - tak pernah jumpa keluarga.
  - tak dapat jumpa peguam.
* Buat rayuan kemudian batalkan pula.
* Tak sanggup jumpa keluarga terdekat.

*(lihat laporan lengkap)*

*(Penderaan keatas Sukma misalnya adalah diluar peri kemanusiaan. Sukma bukan hanya dipukul (dibelasah)dengan tangan, kaki atau alat-alat yang memang banyak disediakan... malah duburnya telah "dicucuk dan dikorek" sehingga cedera)*

## SATU PENGAKUAN

Assalamualaikum.

Saya seorang pegawai yang terlibat dalam penahanan (penderaan) DSAI dan yang lain. Walaupun saya tidak "warak" namun saya tahu apa yang kami lakukan adalah haram di sisi agama dan salah di sisi undang-undang dan tidak beradab di sisi manusia.

Penderaan keatas Sukma misalnya adalah diluar peri kemanusiaan. Sukma bukan hanya dipukul (dibelasah) dengan tangan, kaki atau alat-alat yang memang banyak disediakan... malah duburnya telah "dicucuk dan dikorek" sehingga cedera.

Sukma sempat mencampak nota khas untuk DSAI dan nota itu telah kami sampaikan kepada DSAI (secara rahsia - masih ramai kami yang simpati). Dalam nota itu Sukma memohon ampun dan maaf kepada DSAI kerana terpaksa membuat pengakuan lantaran tidak tahan menanggung penyeksaan.

Sebenarnya bukti tidak ada untuk mensabitkan kesalahan DSAI dan kami masih terus mencari bahan bukti walaupun Dr. Mahathir mengatakan yang

penyiasatan telah selesai. Sukma masih kami tahan di Bukit Aman untuk tujuan itu.

Kami juga telah "menelanjangkan" DSAI lalu mengambil "gambar" beliau dari semua sudut... kami juga telah mengambil beberapa helai "bulu" DSAI... kami juga simpan "bekas tempat tidurnya"... untuk apa.

Kalau tuan-tuan jadi kami, untuk apa gambar-gambar itu? Untuk apa "bulu" dan bekas tempat tidur DSAI jika tidak untuk dijadikan bahan bukti.

Tak cukup dengan itu, ada "team" khas diperintahkan untuk buat "video lucah" tentang DSAI yang amat menjijikkan dengan menggunakan pelakon upahan... dan paksaan.

Saya sedar dengan dosa besar yang kami lakukan. Namun kami tidak punya pilihan selain terpaksa buat atau...

Saya berserah kepada Allah. Saya insaf dan saya bertaubat serta saya mengajak rakan-rakan lain yang terlibat dalam kezaliman ini untuk sama bertaubat sebelum terlambat...

Segala yang saya ceritakan adalah benar dan Allah sebagai saksi dunia dan akhirat.

Wassalamualai kum.

*(Satu Subuh dibulan Oktober 1998)*

## SUKMA MOHON HABEAS CORPUS

KUALA LUMPUR, Okt 28 (AFP) - Seorang peniaga yang dipenjara di atas tuduhan mengadakan hubungan seks dengan bekas Timbalan Perdana Menteri Malaysia telah memohon pembebasan dan mempersoalkan pensabitan ke atasnya, demikian laporan akhbar hari ini.

Permohonan habeas corpus untuk Sukma Darmawan Sasmitaat Madja, seorang pereka dalaman yang berasal dari Indonesia yang juga merupakan seorang adik angkat Anwar, memfailkan permohonan tiu di mahkamah oleh kakaknya Komalawati Sasmita.

Anwar, yang menafikan semua tuduhan rahsuah dan salah laku seks juga sedang menunggu permohonan habeas corpus petition, di mina jika berjaya mahkamah boleh memerintahkan polis untuk membebaskan tahanan-tahanan yang ada.

Sukma, 37, dan seorang saintis Pakistan yang merupakan penulis ucapan-ucapan Anwar, Munawar Ahmad Anees, 51, kedua-duanya dipenjarakan enam bulan pada September 1998 kerana didakwa membenarkan dirinya diliwat oleh Anwar.

Anwar, 51, telah ditangkap selepas sahaja pensabitan kedua-dua orang tersebut tetapi Anwar telah menafikan kesemua tuduhan seks dan rahsuah yang dihadapkan kepadanya dan menyatakan ia sebagai satu konspirasi politik.

Dia dipecat pada awal September selepas tidak

sehaluan dengan Perdana Menteri Mahathir Mohamad, 73, dan ditangkap di bawah ISA sebelum dihadapkan dengan 10 tuduhan seks dan rasuah.

Dia akan dibicarakan pada hari Isnin depan di atas empat tuduhan rasuah.

Permohonan meminta Sukma dibebaskan menyatakan bahawa sepatutnya dia dibicarakan oleh Mahkamah Syariah kerana dia seorang Islam dan pensabitannya oleh mahkamah sessi adalah tidak sah, menurut laporan itu.

Negara yang majoritinya Islam seperti Malaysia mempunyai mahkamah syariah untu pemdengaran dan perbicaraan beberapa kesalahan yang dilakukan oleh Islam.

"Penahanannya yang berterusan adalah salah dari segi undang-undang dan mahkamah sepatutnya campur tangan dan meletakkan apa yang betul ke atas sehala yang salah dengan memeritahkan mereka dibebaskan segera," kenyataan itu menyebut lagi.

Seorang lagi teman Anwar yang dituduh ialah, di mana di dalam Mahkamah Tinggi minggu lepas mendakwa plis melakukan kekasaran sebelum pengakuan dibuat, yang mana keluarga Munawar tegaskan pengakuan itu dilakukan tanpa kerelaan.

Munawar, seorang ahli kajihayat, menyatakan dia dicukur hingga botak dan telah ditutup matanya, digari serta dikasari oelh Polis berkali-kali selepas ditangkap dirumahnya pada September 14 di bawah ISA.

"Saya telah menceritakan kepada peguam-peguam saya tentang kekasaran yang dilakukan ke atas saya oleh polis yang masih tidak dikenali, mereka menghina dan menjatuhkan harga diri saya, mereka menjatuhkan maruah saya dan memusnahkan daya mental saya dan bagaimana mereka membuat 'brainwash' terhadap saya sehingga ke tahap di mana saya berada di mahkamah pada 19 September lalu, sebagai seorang lelaki yang rela membuat apa saja demi menghentikan kemusnahan ke atas diri saya.

Anwar juga telah menuduh polis memukulnya dan muncul di mahkamah dengan matanya bengkak serta menggunakan balutan di leher, sehingga mengundang bantahan dari pemimpin-pemimpin dunia.

***(Di tempat berkenaan, katanya, empat lelaki yang tidak memperkenalkan diri mereka, dengan biadap menyuruhnya membuka pakaian sehingga dia berbogel)***

**Munawar mohon senarai pelawat**

KUALA LUMPUR, Jumaat - Dr Munawar Ahmad Aness yang menjalani hukuman penjara enam bulan selepas mengaku salah diliwat oleh Datuk Seri Anwar Ibrahim, hari ini memohon kepada Mahkamah Tinggi supaya semua rekod pergerakannya dan jadual terperinci pelawat ketika dia dalam tahanan polis dan penjara, diserahkan kepadanya.

Dr Munawar membuat permohonan itu melalui Tetuan Balwant Singh Sidhu yang memfailkannya di Pejabat Pendaftar Mahkamah Tinggi pada jam 3.30 petang ini.

Bagaimanapun, Dr Munawar yang menjalani hukuman di Penjara Kajang selepas dijatuhi hukuman oleh Mahkamah Sesyen pada 19 September lalu, tidak hadir di mahkamah. Peguamnya, Balwant Singh Sidhu, memfailkan permohonan berkenaan.

Dr Munawar menamakan Ketua Pengarah Penjara, Ketua Polis Negara dan Kerajaan Malaysia sebagai responden dalam permohonan itu.

Dia meminta Ketua Polis Negara memberi jadual terperinci segala pergerakannya sejak dia ditahan pada 14 September lalu sehingga didakwa di mahkamah pada

19 September lalu.

Bekas pensyarah di Institut Teknologi Malaysia (ITM) itu juga memohon Ketua Pengarah Penjara memberi jadual terperinci mengenai semua pelawat ketika dia dipindahkan ke Penjara Kajang pada 19 September lalu.

Dr Munawar juga membuat permohonan kedua supaya Ketua Polis Negara memberi satu salinan senarai geledah terhadap harta miliknya yang dilakukan oleh polis di rumahnya, di Happy Garden, Petaling jaya pada 14 September lalu.

Dia memohon harta miliknya itu dikembalikan kepadanya serta merta. Bagi permohonan ini, Dr Munawar menamakan Ketua Polis Negara dan Kerajaan Malaysia sebagai responden.

Pada 19 September lalu, Dr Munawar, 51, warga Pakistan dan memiliki status pemastautin tetap (PR) di Malaysia, mengaku salah melakukan perbuatan kelucahan melampau dengan membenarkan Anwar meliwatnya.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu pada Mac 1993, pada sebelah malam, di nombor 8 Jalan Setia Murni 1, Bukit Damansara, Kuala Lumpur.

Bagaimanapun, pada 29 September lalu, Dr Munawar memfailkan notis rayuan di Mahkamah Tinggi berhubung sabitan dan hukuman penjara terhadapnya

Permohonan yang dikemukakan oleh Dr Munawar hari ini adalah untuk persediaan pihaknya membuat

rayuan berhubung sabitan dan hukuman penjara terhadapnya.

Dalam afidavitnya, Dr Munawar menyatakan pada 14 September lalu, selepas ditahan polis, dia dibawa oleh anggota polis ke suatu tempat yang tidak diketahui dengan keadaan mata ditutup dan tangan digari.

Di tempat berkenaan, katanya, empat lelaki yang tidak memperkenalkan diri mereka, dengan biadap menyuruhnya membuka pakaian sehingga dia berbogel.

Selepas itu, dia diberi seluar tidur yang longgar dan ditempatkan dalam sebuah bilik tahanan tidak mempunyai tingkap dan lubang edaran udara yang kecil.

Menurutnya, tanpa kerelaan, rambutnya dicukur sehingga botak dan menjalani soal siasat yang berpanjangan dan berterusan.

"Mereka menghina dan menjatuhkan harga diri saya, mereka menjatuhkan maruah saya dan memusnahkan daya mental saya dan bagaimana mereka membuat 'brainwash' terhadap saya sehingga ke tahap di mana saya berada di mahkamah pada 19 September lalu, sebagai seorang lelaki yang rela membuat apa saja demi menghentikan kemusnahan ke atas diri saya.

"Saya malahan menjerit kepada orang yang menahan saya pada pagi itu di mahkamah bahawa saya tidak mempunyai apa-apa hubungan dengan peguam yang dibawa oleh isteri saya di mahkamah," katanya.

Menurutnya, pada 15 September lalu, dia dibawa ke

Hospital Kuala Lumpur (HKL) kerana mengalami sakit dada dan pada 19 September lalu, dia dihantar ke Institut Jantung Negara dan kemudian ditukar ke Coronary Rehabilitation Ward (CRW), HKL.

Ketika CRW (Wad 29), katanya, dia menerima kunjungan pegawai polis dan peguam Yacob Karim.

"Mereka adalah pelawat tidak diundang yang asyik mencuba untuk mengugut, menyakinkan dan menasihatkan saya agar jangan memfailkan atau meneruskan dengan rayuan berhubung sabitan dan hukuman yang direkodkan terhadap saya pada 19 September 1998 oleh Mahkamah Sesyen," katanya.

Menurutnya, seorang daripada pegawai yang melawatnya ialah Cif Inspektor Rajakopal iaitu pengadu dalam kertas tuduhan terhadapnya yang difailkan di mahkamah pada 19 September lalu.

Katanya, pegawai penjara yang menjaganya di HKL menyelenggarakan sebuah buku log berhubung segala pergerakannya dan pelawat yang mengunjunginya ketika dia di hospital.

Menurutnya, buku log itu mempunyai rekod lawatan oleh Yacob dan pegawai polis, yang mengunjunginya ketika waktu melawat atau bukan hari melawat.

Katanya, rekod lawatan, ketika dia dalam tahanan polis dan penjara adalah penting dalam penyediaan dan perbicaraan rayuannya.

*(Kenyataan NallaKaruppan membuktikan bahawa memang berlaku pemaksaan dan kekejaman dalam proses polis mendapatkan maklumat atau membuat pengakuan daripada mereka yang dituduh. Oleh itu kes Anwar amat diragui keadilannya. Sila renungkan kenyataan-kenyataan di bawah)*

## DI DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI KUALA LUMPUR (BAHAGIAN JENAYAH)

PERMOHONAN JENAYAH KECIL NO. TAHUN 1998

Dalam perkara Seksyen 31 Akta Penjara, 1995 dan Dalam perkara Arahan Ketua Pengarah

Penjara bertarikh 13 Ogos 1998. Dalam perkara bidang kuasa Mahkamah Tinggi Malaya.

Nallakaruppan a/l Solaimalai

1.Ketua Pengarah Penjara, Malaysia
2.Ketua Polis Negara, Malaysia
3.Kerajaan Malaysia

SAYA, NALLAKARUPPAN A/L SOLAIMALAI

(KP No. 461205-71-5045) seorang warganegara Malaysia yang cukup dewasa tinggal di 1-b Selekoh Tunku, Bukit Tunku, Kuala Lumpur dengan benar dan jujur memperakui kenyataan berikut

Saya adalah pemohon yang bernama seperti di atas Pada 31 Julai 1998 lebih kurang jam 4.30 petang sepasukan Pegawai Polis diketuai oleh SAC II Musa bin Hj. Hassan datang ke rumah kediaman saya.Mereka membawa bersama beberapa buah kamera, kamera-kamera video danbeg-beg dokumen (breifcases).

Mereka menyuruh saya, isteri saya, anak-anak saya dan pembantu rumah lelaki saya masuk ke dalam ruang rehat dan mengarahkan kami supaya tidak meninggalkan tempat itu. Mereka juga memberitahu kami supaya tidak membuat ataupun menjawab sebarang panggilan telefon

Mereka mengambil beberapa pita video, kaset-kaset, cakera-cakera laser, buku-buku catatan nombor telefon, buku-buku cek dan dokumen-dokumen lain. Mereka berada di rumah saya hingga sekitar jam 11.30 malam.

Mereka juga menggeledah semua kereta kami, dan mengambil beberapa barang.

Salah satu barang yang mereka ambil dari rumah saya ialah 125 biji peluru Fiocci. Peluru-peluru itu adalah untuk digunakan dengan pistol Walther nombor siri 282843, di mana saya mempunyai permit "Bawa Dan Guna" yang dikeluarkan pada 10 Oktober 1985.

Satu salinan Permit itu(KL/CU/10248) dikepilkan di

sini dan ditandakan sebagai Barang Bukti "N-I".

Permit itu didaftarkan di Balai Polis Brickfeilds dan dengannya saya dibenarkan membawa 200 biji peluru 0.25 kaliber pada bila-bila masa. (Sila baca halaman 8 Barang Bukti "N-1").

Pistol Walther berkenaan dilesenkan kepada Dato Lim Thiam Kiat dibawah Lesen Senjata Api Daerah Kuala Lumpur No. KL 15099. Lesen "Bawa Dan Guna" saya itu diperakukan di atas lesen T.K. Lim. Dato T.K. Lim pernah dan masih menjadi majikan saya.

Pada 7 Ogos 1986 sebuah lesen diluluskan (No. 812911) bagi membenarkan saya membeli 200 biji peluru hidup 0.25 (6.35mm). (Sila baca halaman 9 pada Barang Bukti "N-1).

Pistol Walther itu kerap tidak berfungsi dan oleh sebab itu, pada atau pun sekitar 15 Mei 1997, T.K. Lim menulis surat kepada Ketua Polis Cheras memohon supaya pistol itu ditukar.

Salinan surat berkenaan dikepilkan dan ditandakan sebagai Barang Bukti "N-2".

Pada ataupun sekitar 1 Jun 1991 pistol berkenaan diambil daripada saya semasa saya berada di pejabat dengan pertimbangan ia diserahkan kepada Balai Polis yang berkenaan. Saya juga menyerahkan peluru-peluru yang ada dalam simpanan saya di pejabat itu. Pistol dan peluru-peluru itu kemudian diserahkan kepada Balai Polis Cheras, seperti yang tercatit dalam resit No.282843.

Salinan dikepilkan dan ditandakan sebagai Barang Bukti "N-3"

Walaupun pistol itu sudah diserahkan, Permit saya terus diperbaharui pada 9 Oktober 1991.

Untuk tujuan rekod, saya diberikan Permit "Bawa Dan Guna" kedua untuk revolver Smith and Wesson, yang masih belum tamat tempohnya. (Salinan dikepilkan dan ditandakan Barang Bukti "N-4")

Apabila akhirnya polis meninggalkan rumah saya pada 11.30 malam, saya diarahkan ikut mereka. Saya dibawa ke pejabat saya. Saya diberi makanan hanya pada jam 1.30 pagi (iaitu subuh 1 Ogos 1998). Mereka menggeledah pejabat saya. Mereka juga membawa saya ke sebuah apartmen di Ampang; saya tidak pernah ke apartmen itu sebelumnya.

Saya dibawa ke Bukit Aman dan disoal-siasat. Saya tidak dibenarkan membuat sebarang panggilan telefon

Saya disoal-siasat terus menerus sehingga saya dibawa ke Mahkamah beberapa lama kemudian, iaitu pada pagi 1 Ogos 1998. Mahkamah mengeluarka perintah reman selama 14 hari. Sebelum itu saya tidak dibenarkan menghubungi peguam saya, oleh itu saya tidak diwakili apabila perintah reman itu dikeluarkan.

Hanya sekitar jam 2.15 petang isteri saya dibenarkan menemui saya. Saya tidak dibenarkan menemui peguam saya. Saya tidak tidur sepanjang malam 31Ogos 1998.

Sejak itu, selama 12 hari berikutnya boleh dikatakan

saya tidak henti-hentinya disoal-siasat oleh sepasukan pegawai polis. Saya boleh mengenal pasti muka pegawai-pegawai yang menyoal-siasat saya. Tiap-tiap hari soal-siasat itu bermula sejak awal pagi dan berterusan hingga lewat petang, apabila saya terlalu penat, saya dihantar ke dalam lokap polis.Saya tidak dibenarkan berehat mahupun bersenam. Tiap-tiap hari perkara yang sama diulang. Para pegawai itu bertugas dalam kelompok empat ataupun lima orang. Soal-siasat itu dijalankan terus-menerus manakala pasukan itu berganti-ganti berehat di bilik sebelah. Apabila satu pasukan berehat, satu pasukan lagi meneruskan.

Soal-siasat itu luar biasa dan menghairankan. Ia adalah berkaitan dengan soal-soal keluarga saya dan sahabat-sahabat saya. Tidak ada soalan langsung berkenaan isu-isu keselamatan negara. Sedikit pun tidak digambarkan kepada saya bahawa saya adalah ancaman kepada keselamatan negara ataupun saya terlibat dengan aktiviti yang membahayakan kebajikan negara. Sepanjang 12 hari itu tidak ada satu pun soalan mahupun jawapan yang direkodkan. Sehingga jam 12.15 tengah hari 12 Ogos 1998 tidak ada soalan langsung berkenaan 125 biji peluru yang kononnya dijumpai di rumah saya. Tetapi pada setiap waktu saya diingatkan bahawa saya akan menjalani hukum gantung di bawah ISA disebabkan peluru itu, dan bahawa isteri saya akan ditangkap dan anak-anak saya akan terbiar dan tanpa tempat tinggal. Sebagai pertukaran bagi pembebasan diri saya, saya diminta supaya menyetujui kenyataan-kenyataan yang

akan dikemukakan kepada saya oleh polis. Saya tidak sanggup berbohong dan akibatnya saya terus menerus ditekan, diancam dan dilayan dengan buruknya oleh mereka yang menyoal siasat saya.

Pada waktu malam lampu dalam bilik lokap saya tidak dipadamkan dan saya tidak dapat tidur. Saya dikurung bersendirian dalam lokap, sepanjang 12 hari saya berada di Bukit Aman, saya tidak dibenarkan membuat sebarang hubungan normal dengan manusia lain kecuali mereka yang menyoal-siasat saya, melainkan dua kali apabila isteri saya menemui saya sejenak.

Sekitar jam 12.15 pada 12 Ogos 1998, buat kali pertamanya suatu kenyataan direkodkan daripada saya berkenaan 125 biji peluru berkenaan. Sejurus selepas itu saya di bawa ke mahkamah dan dituduh di bawah seksyen 57(i)(b) Akta Keselamatan Dalam Negeri, 1960

Selepas saya dituduh saya diperintah oleh Mahkamah supaya direman di Penjara Sg. Buloh. Keadaan di penjara itu jauh berbeza daripada keadaan diBukit Aman.18. Saya bertemu dengan peguam-peguam saya pertama kali pada 13 Ogos 1998.

Walau bagaimanapun, pada 17 Ogos 1998, saya di bawa keluar dari Penjara Sg. Buloh sekitar jam 1.00 tengah hari. Peguam-peguam saya sudah membuat temujanji dengan saya pada jam 2.00 petang di Penjara Sg. Buloh. Pada hari yang sama mereka datang ke Bukit Aman dan saya dibenarkan bercakap dengan mereka dengan kehadiran 3 orang pegawai polis yang boleh

mendengar suara kami

Saya dinasihati dan sesungguhnya saya percaya polis telah mendapatkan sesuatu perintah pada 13 Ogos 1998 supaya memindahkan saya ke Bukit Aman semula bagi tujuan penyiasatan yang kononnya berkaitan dengan keselamatan negara. Yang menghairankan ialah, kalau betul ada isu keselamatan negara yang mendadak mereka tidak pula membuat apa-apa sepanjang 4 hari itu dan membiarkan sahaja hal itu tersimpan dalam fail sehingglah tidak lama sebelum peguam-peguam saya menemui saya seperti yang sudah dirancangkan bagi menerima arahan sepenuhnya berkenaan kes saya yang ditangguhkan

Saya dinasihati dan sesungguhnya saya perrcaya bahawa tidak ada apa-apa urusan berkaitan keselamatan negara yang dikemukakan kepada Ketua Pengarah Penjara yang mewajarkan pengeluaran perintah pada 13 Ogos 1998. Saya dinasihati dan sesungguhnya saya percaya bahawa perintah yang dibuat dibawah seksyen 31 Akta Penjara 1885 itu bukan sahaja tidak selaras malah ia bertujuan jahat, tidak sah dan mala fides. Salinan perintah itu dikepilkandan ditandakan sebagai Barang Bukti "N-5".

Saya dibawa balik ke Bukit Aman sekitar jam 1.00 tengah hari pada 17Ogos 1998. Satu pasukan lain pegawai polis menjalankan soal-siasat dansetiap kali mereka bertugas, seperti yang terdahulu, mereka dalam kumpulan 3 ataupun 4 orang satu pasukan. Anggota kumpulan itu

tidak memakai nama, tidak mahu memperkenalkan diri dan mereka memakai pakaian biasa. Kumpulan-kumpulan itu berganti-ganti berehat. Saya tidak dibenarkan berehat sama sekali kecuali apabila peguam-peguam saya datang menemui saya sebentar pada tengah hari itu. Apabila peguam-peguam saya pergi saya disoal-siasat oleh pegawai-pegawai itu berkenaan apa yang kami bincangkan. Pada 17 Ogos1998 saya tidak diberi makan sehingga hari malam.

Sekali lagi soal-siasat dibuat terus-menerus. Saya dipaksa duduk diatas kerusi dan saya dikelilingi oleh pasukan soal-siasat. Saya tidak ditanya apa-apa berkenaan keselamatan dalam negeri. Tidak ada soalan ataupun jawapan yang direkodkan. Anggota pasukan itu tidak putus-putus merokok. Saya tidak merokok dan asap rokok mereka mengganggu saya. Saya tidak ditanya apa-apa berkenaan 125 biji peluru itu. Sekali lagi objektif pasukan-pasukan itu nampaknya ialah supaya saya setuju kepada kenyataan yang sudah mereka sediakan tetapi tidak pernah ditunjukkan kepada saya. Berkali-kali saya diperingatkan bahawa saya tidak ada peluang langsung untuk lepas dalam perbicaraan saya, dan saya akan digantung, dan mati ditali gantung adalah sangat sakit, bahawa isteri saya akan mencari lelaki lain, anak-anak saya tidak ada tempat tinggal, tidak berayah, dan terbiar. Mereka menawarkan kebebasan kepada saya asalkan saya sanggup memenuhi apa yang mereka mahu.

Soal-siasat ini berjalan tidak putus-putus pada 18, 20,

22,23, dan 24 Ogos 1998. (Pada 19hb. saya dibawa ke mahkamah dan berada di sana hingga tengah hari. Pada 21 hb. peguam-peguam saya menemui saya di Bukit Aman.) Saya dibawa ke bilik yang sama dan dikenakan layanan kasar dan kejam yang sama dari awal pagi hingga saya dihantar balik ke bilik lokap saya bila senja. Mereka memberi amaran kepada saya bahawa polis menggunakan amaran dulu kepada anak-anak mereka dan menggunakan rotan apabila amaran mereka tidak dihiraukan. Saya faham bahawa mereka merujuk kepada niat mereka hendak menggunakan paksaan ke atas diri saya. Saya tidak dibenarkan berehat ataupun rehat waktu makan ataupun makan dalam aman. Waktu malam lampu lokap saya tidak dipadamkan dan saya tak dapat tidur kecuali sekejap-sekejap. Saya ditahan seorang diri.

Pada 21 Ogos 1998 saya tidak dibawa keluar dari bilik lokap saya pada waktu pagi. Perubahan jadual itu mengejutkan saya, sehinggalah saya berjumpa dengan peguam-peguam saya pagi itu barulah saya sedar mereka menukar cara kerja mereka supaya peguam-peguam saya tidak nampak saya dalam keadaan amat letih.

Pada tengah hari 21 Ogos 1998 selepas peguam-peguam saya pulang saya dimasukkan sebentar ke dalam lokap saya dan kemudian saya dibawa keluar lalu dikenakan soal-siasat yang lebih kasar dan bertubi-tubi, oleh seorang anggota baru pasukan soal-siasat. Dia memperkenalkan dirinya sebagai ACP Rama. Dia berkata kepada saya dia tidak nampak sebarang alasan mengapa saya sebagai seorang India sanggup menolong orang

Melayu. Saya tidak faham apa maksud sebenar kata-katanya. Selepas itu, ACP Rama menjadi sangat kasar dan selepas setiap empat ataupun lima patah perkataan yang diucapkannya dia berkata "Bastard" (anak haram). Soalan-soalannya tertumpu kepada isteri pertama saya dan mengapa perkahwinan kami hancur, dan mengapa saya tidak selalu menghubungi adik beradik saya. Dia bertanyakan tentang kematian ibu saya, sedangkan perkara itu sangat sensitif kerana saya sangat kasihkan ibu saya. Dia mencaci-caci saya dengan menggunakan bahasa yang kasar dan dia melakukan perkara yang serupa kepada isteri dan anak-anak saya. Pada petang itu hanya Rama sahaja menyoal siasat saya.

Sepanjang dia menyoal-siasat saya, Rama tidak putus-putus merokok dan menghembuskan asap rokoknya ke muka saya menyebabkan saya berasa sangat tidak selesa. Semakin saya tidak selesa, semakin kuat dia menghembuskan asap rokoknya ke muka saya.

Rama juga mengancam saya dengan berkali-kali berkata, "Anak Haram! Isteri kamu ada di luar. Kamu tahu apa kami boleh buat pada isteri kamu, bukan?"

Dia berjanji akan melepaskan saya asalkan saya sanggup memenuhi kemahuan polis, dan kalau saya degil, dia akan datang ke lokap saya waktu malam, dan tahulah saya apa akibatnya.

Malam itu saya tidak dapat tidur.

Pada 22 Ogos 1998, sekali lagi pagi-pagi saya dibawa keluar dandiserahkan kepada Rama. Rama meneruskan

cara soal-siasatnya yang kasar sebagaimana yang dilakukannya kepada saya pada petang 22hb. Sekali lagi saya disoal tentang hal-hal keluarga. Saya tidak nampak di mana kaitannya antara perceraian saya, ataupun fakta-fakta, ataupun tarikh kematian ibusaya dengan keselamatan negara ataupun kebajikan Malaysia.

Pada 23 Ogos 1998 dan pada pagi 24 Ogos 1998 sekali lagi saya disoal-siasat oleh pasukan pegawai-pegawai Melayu yang dahulu, dan sekali lagi soalan-soalan mereka ialah berkenaan hal-hal keluarga dan sahabat-sahabat saya. Tidak ada satu pun soalan yang berkaitan dengan keselamatan negara.

Pada petang 24 Ogos 1998 saya berpeluang menemui peguam-peguam saya bagi tujuan Permohonan ini.

Sehingga hari ini saya telah disoal-siasat sejak 31 Julai 1998. Selain daripada kenyataan yang direkodkan pada 12 Ogos 1998, pegawai-pegawai yang menyoal-siasat saya tidak akan dapat mengemukakan apa-apa daripada soal-siasat yang dibuat ke atas saya yang berkaitan dengan keselamatan negara mahupun ISA.

Saya dimaklumkan oleh penasihat undang-undang saya dan sesungguhnya saya percaya bahawa cara dan kaedah penyiasatan Polis dalam kes saya ini mengandungi unsur-unsur niat jahat dan penyalahgunaan proses, dan malafides.

Saya telah diletakkan secara sah di Penjara Sg. Buloh melalui perintah mahkamah. Saya telah dikeluarkan daripada situ, tanpa diberikan sebarang alasan bagi

pemindahan itu.

Saya dimaklumkan oleh penasihat undang-undang saya bahawa pemindahan saya oleh Polis dari Penjara Sg. Buloh dan penahanan ke atas diri saya yang berterusan di Bukit Aman adalah tidak sah.

Saya dinasihati oleh penasihat undang-undang saya dan sesungguhnya saya percaya bahawa terdapat peruntukan-peruntukan yang secukupnya di dalam Peraturan-peraturan Penjara yang mengawal selia proses mengambil kenyataan secara berterusan oleh polis semasa saya direman di Penjara Sg. Buloh sekiranya hal ini diperlukan. Saya dimaklumkan dan sesungguhnya saya percaya perkara ini hanya boleh dilakukan di bawah langkah-langkah keselamatan tertentu.

Maka dengan ini saya merayu untuk mendapatkan suatu Perintah selaras dengan Permohonan saya

Diakui oleh :

NALLAKARUPPAN A/L SOLAIMALAI

(KP No. 461205-71-5045)

Pada 25 Ogos 1998 di Kuala Lumpur. Di hadapan saya, Pesuruhjaya Sumpah, Np. W 037 Neoh Swee Kee

Diterjemahkan oleh :

Ahli Persatuan Penterjemah Malaysia

# Koleksi Kenangan Anwar Bersama Umno



**Pengenalan... Dr. Mahathir berjaya menarik Anwar menyertai Umno beberapa minggu sebelum Pilihan raya Umum 1982, ketika Anwar memimpin Abim. Namun akhirnya pada tahun 1998 Anwar disingkir daripada Umno dalam keadaan tuduhan yang hina.**



**Hutang lama tak habis lagi mai pula hutang baru... siapa nak tanggung... aku ke depa? Sudah tentu rakyat juga yang tanggung.**



DS Anwar bersungguh-sungguh dalam idea, kerja dan bicaranya. Namun fitnah tetap melanda. Semoga Allah memberi petunjuk kepada kita semua. Yang indah itu payah, yang payah itu amanah... sabaq la...



Jaga-jaga Syeikh... fitnah...



Semua manusia cintakan kebahagiaan. Namun kebahagian mesti dibayar dengan persefahaman dan pengorbanan. Kini mereka terpaksa berpisah sementara entah bila. Inilah pengorbanan. Semoga Allah kuatkan iman dan keyakinan keduanya. Amin.



Awat kerut dahi tu. Orang Kedah kata yang duk sebelah tu "Perut Ijau", betui ka? Dalam kamus Dewan tiada perkataan "Perut Ijau" jadi kena rujuk balik dengan orang Kedah.

BAB 3

# ANWAR MEMBELA DIRI

## Pandangan Islam dan undang-undang Malaysia

Sebagai seorang yang telah difitnah dan dilucutkan jawatannya tanpa sebab yang munasabah adakah perlu berdiam diri atau terus bangun mempertahankan dirinya.

**Ustaz Ismail Kamus**, seorang pendakwah terkenal telah menjawab beberapa persoalan ini bila diwawancara oleh wartawan Majalah *Tamadun* keluaran September.

**Soalan** : Orang yang telah dituduh terlibat dalam skandal seks, bagaimanakah ia boleh membersihkan dirinya dari tuduhan itu?

**Jawab** : Di dalam hukum syarak, orang yang menuduh seseorang itu berzina mestilah membawa empat orang saksi yang melihat perbuatan itu dan empat orang saksi itu mestilah daripada orang yang adil. Kalau tidak

membawa saksi, orang yang menuduh itu perlulah dirotan 80 kali. Tidak boleh kita menuduh seseorang itu dengan menggunakan surat layang. Kaedah ini tidak ada dalam hukum syarak. Sedangkan kalau kita sendiri nampak dengan mata kepala kita orang yang berzina, kita tidak boleh mendakwanya ke mahkamah kerana kita tidak cukup saksi. Walaupun kita bertiga melihatnya, ia juga tidak boleh diambil kira sebagai bukti kerana dalam hukum syarak,jumlah saksi mestilah empat orang.

**Soalan** : Bolehkah orang perempuan diterima menjadi saksi perbuatan zina?

**Jawab** : (Diringkaskan) Tidak boleh, hanya lelaki sahaja.Berdasarkan hadis : *"Dan orang yang melakukan perbuatan zina daripada perempuan kamu hendaklah disaksikan oleh empat orang saksi di antara kamu (lelaki)."* Maknanya kalau ada satu hingga tiga orang saksi akan tertolak, begitu juga jika ada empat orang perrempuan yang menjadi saksi juga tertolak kesaksiannya.

**Soalan** : Apa lagi ciri-ciri orang yang menjadi saksi itu?

**Jawab**: Penyaksi mestilah daripada orang lelaki, adil, mesti menyaksikan betul-betul perbuatan itu. Maknanya menyaksikan 'kedua-dua celah itu masuk ke dalam celah' (membuat hubungan seks).

**Soalan** : Adakah bukti melakukan zina menerusi gambar atau alat perakam video boleh diterima?

**Jawab** : Tidak boleh kerana video boleh ditiru atau

dibuat, seperti menukar muka seseorang dengan muka orang lain. Pernah terjadi dalam pertandingan bola sepak, bola masuk ke dalam gol tetapi pengadil tidak nampak tetapi apabila ditayangkan semula di dalam TV didapati bola itu masuk ke dalam gol. Akhirnya bola yang masuk itu tidak dikira gol kerana pengadil tidak nampak.

Kesimpulannya, penyaksi itu mestilah lelaki yang adil, tidak fasik, empat orang saksi dan menyaksikan benar-benar perkara itu berlaku. Dan orang yang berzina itu adalah kalangan orang Islam, berakal, akil baligh dan tidak dipaksa rogol.

Syarat-syarat yang akan dikenakan hukuman kepada penzina ialah : **Pertama** : Orang Islam, berakal, baligh dan reda. **Kedua** : Yang tersabit zina itu sama ada dengan ikrarnya sendiri atau disaksikan oleh empat orang saksi. **Ketiga** : Penzina tidak menarik balik pengakuannya.

**Soalan** : Adakah tuduhan skandal seks boleh menjatuhkan Anwar dari kedudukannya sebagai pemimpin negara?

**Jawab** : Semua orang boleh membuat tuduhan. Kalau orang itu tidak suka, dia akan cuba membuatkan orang itu jatuh. Masalahnya, Anwar berhak mempertahankan dirinya dengan undang-undang. Kalau membuat surat layang seperti sekarang, ia sudah menimbulkan fitnah. Kalau kita tidak suka seseorang, kita boleh membuat surat pekeliling untuk menjatuhkan orang. Ini yang tidak tidak dibenarkan dalam Islam. Kalau Anwar buat tidak

betul pun, bukan itu caranya hendak membetulkan keadaan, sebaliknya ia telah merosakkan namanya.

**Soalan** : Bagaimana kalau keburukan itu dilakukan oleh pemimpin negara?

**Jawab** : Kalau pemimpin itu membuat keburukan, jatuhkan pemimpin itu! Kita ada kuasa untuk menjatuhkan mereka di masa-masa tertentu, misalnya melalui pilihan raya. Tetapi untuk menjatuhkan maruah seseorang, disisi Islam tidak dibenarkan sama sekali.

Di Parlimen, 29 September 1998, Ustaz A. Hadi Awang, Ahli Parlimen Marang juga telah menegaskan tentang tuduhan dan syarat-syarat saksi sama seperti yang telah dijelaskan oleh Ustaz Ismail Kamus.

Begitu juga dengan pandangan **Prof Dr. Harun Din** dalam ucapan khasnya berkaitan isu tuduhan terhadap Anwar di Pelancaran Gerakan Reformasi yang diketuai oleh ABIM, Sg. Ramal Kajang.

Beliau bukan sahaja menyifatkan bahawa tuduhan ini adalah fitnah dan amat menjijikkan. Pendirian ini dibuat setelah beliau sendiri bertanya dengan Anwar sama ada beliau terlibat atau tidak. Penafian Anwar dengan bersumpah sudah cukup untuk menolak tuduhan tersebut. Beliau amat faham betapa peritnya menanggung perasaan setelah difitnah sebab beliau juga pernah difitnah melakukan zina dan dibuktikan dengan video. Tetapi warna muka dan badan tak sama. Jadi fitnah tidak mustahil berlaku terhadap Anwar apatah lagi musuh politiknya sudah tentu ramai. Jika tuduhan-tuduhan terse-

but lebih berat kepada fitnah maka sudah sepatutnya Anwar membela diri.

Dalam Islam maruah diri samalah seperti mempertahankan nyawa. Maruah Muslim wajib dipertahankan walaupun hingga terpaksa menumpah darah. Sekiranya seseorang itu membela maruah dirinya dan ia mati maka ia adalah syahid.

Menyorot kepada kes Anwar dapat kita bahagikan kepada tiga bahagian :

**Pertama** : Tercemarnya nama baik beliau dan keluarga akibat tuduhan yang berupa fitnah (Selagi mahkamah belum menjatuhkan hukuman, ini pun hanya berdasarkan kepada undang-undang Malaysia bukan undang-undang Islam).

**Kedua** : Pelucutan jawatan dalam kerajaan secara tidak demokratik dan ada unsur-unsur pemaksaan.

**Ketiga** : Pelucutan jawatan dalam parti Umno.

Dalam hal ini tidak ada agama selain Islam yang paling terperinci dan paling berhati-hati dalam soal maruah. Islam menghukum sesiapa sahaja yang membuat tuduhan palsu atau tanpa saksi dalam tuduhan seks ialah 80 kali sebatan. Sebab itu kes tuduhan berzina amat berat di mahkamah dan di luar mahkamah.

Cuma nampaknya di Malaysia seperti isu senda dan mainan bagi orang tertentu. Adakah mereka tidak tahu atau sengaja buat tak tahu. Yang pasti undang-undang sebat 80 kali memang tak wujud di Malaysia. Yang ada

hanyalah denda beberapa ratus ringgit dan selepas itu dibebaskan.Lebih teruk lagi kadangkala si pembuat fitnah masih disanjung dan yang kena fitnah merana kerana malu atau lebih teruk lagi dipenjarakan tergantung kepada kepandaian peguam yang mewakili mereka dan kejujuran hakim yang mengadili kes ini. Hingga setakat ini bukti dari siasatan polis masih boleh dipertikaikan dari banyak aspek.

Kita mesti menerima hakikat bahawa Anwar, PM, Polis, Hakim, Pendakwa, pengadu dan saksi semuanya adalah manusia biasa. Jangan siapa menafikan mereka tidak pernah berbuat silap. Setakat ini Anwar pernah mengakui kelemahan diri sebagai manusia biasa tetapi orang lain belum lagi. Yang ada kebanyakannya mengatakan profesionalisme kami jangan dipersoal. Jika dipersoalkan! ISA.

Terdapat juga hadis yang melarang umat Islam mengumpat dan mengaibkan seseorang. Mengumpat atau mengatakan sesuatu yang buruk terhadap kawan atau lawan adalah haram(berdosa). Mafhum hadis jika kita mengumpat saudara kita di dunia, di akhirat nanti kita akan dihidangkan dengan daging busuk. Terkecuali kita mengumpat kepada sistem atau pemerintah yang tidak menjalankan hukum Islam. Mencaci dan menghina sistem yang bukan Islam bukan dilarang malahan digalakkan. Contohnya kita menghina dan memburuk-burukkan pemerintah yang zalim. Tanpa adanya umpat atau mencela sistem yang zalim, umat mungkin tidak akan

faham bagaimana cantik dan indahnya Islam. Bagaimana lurusnya Islam dan betapa bengkoknya sistem yang bukan Islam. Betapa rakusnya pemimpin zalim berbanding dengan keluhuran pemimpin Islam. Tingginya Islam dan betapa rendahnya sistem yang bukan Islam.

Begitu juga soal mengaibkan seseorang adalah haram (berdosa) sekalipun ianya berlaku di depan mata kita. Kita menegur dan menasihatkan bila melihat yang *fahsya'* itu memang digalakkan tetapi kita tidak boleh gunakan ia sebagai senjata untuk memalukan seseorang. Mafhum hadis sekiranya kita menutup aib seseorang maka Allah akan menutup aib kita di akhirat.

Dalam dua aspek tadi masyarakat Melayu Islam khasnya banyak yang terkeliru. Terkeliru kerana dikelirukan dan keliru kerana malas bertanya. Keliru kerana dikelirukan agak mudah untuk diperbetulkan tetapi jika keliru kerana malas maka ia memerlukan usaha yang amat besar bagi merubah sikap ini. Sikap Melayu yang begitu ketara seperti ini akan memberi keuntungan kepada pihak pemerintah yang memerintah secara kuku besi dan kuku emas. Kuku besi dengan rakyat, kuku emas dengan koperat.

Seandainya mereka faham tentang makna umpat yang dibolehkan dan umpat yang diharamkan sudah tentu banyak masalah dalam masyarakat dapat diselesaikan. Pemerintah akan lebih berhati-hati dalam apa juga perancangan dan dasar yang dibuat. Buat dengan penuh erti dan makna. Jika tidak tekanan dari rakyat akan

menyebabkan mereka semput nafas.

Jika kita tinjau di negara maju, rakyatnya cintakan tanah air tetapi di waktu yang sama mereka terus mengecam pemerintah jika gagal merencanakan sesuatu dasar secara berkesan. Tak timbul soal malu, takut, bimbang atau apa juga perasaan negatif. Baru-baru ini Clinton melawat ke California dan disambut dengan bermacam-macam sepanduk yang meminta ia mengundurkan diri. Clinton tetap melambaikan tangan dan tidak pula mengarahkan Polis Rusuhan menghalau mereka.

Lihat betapa puasnya hati rakyat kerana mereka dapat meluahkan perasaan mereka tanpa diganggu gugat oleh sesiapa pun sekalipun dengan Clinton. Mengapa PM yang sering berdesing-desing melaungkan kitalah negara demokrasi yang terbaik di dunia tidak boleh tahan menerima hakikat bahawa rakyat mahukan perubahan dan meminta ia berundur. Rakyat berkumpul di mana sekalipun di masjid, di PWTC, di Dataran Merdeka, di rumah PM adalah untuk menyatakan rasa tidak puas hati terhadap kerajaan dan PM. Mereka tidak bawa kayu atau api atau apa juga senjata tetapi mereka disembur pemedih mata dan dihalau seperti anjing kurap oleh anjing gila. Lebih teruk lagi ada yang dipukul oleh kaki pukul berlesen tanpa rasa belas kasihan.

Inikah masyarakat penegak keadilan yang disebut oleh PM dan KPN? Inikah contoh profesionalisme yang dipraktikkan oleh Polis yang sering disebut oleh KPN?

Keadilan siapa yang hendak ditegakkan? Rakyat atau PM? Bila saya menyaksikan sendiri peristiwa ngeri ini saya dapat bayangkan bagaimana penjajah Inggeris, Jepun dan Komunis dulu menghina dan memukul orang Melayu yang ingin menyuarakan rasa hati mereka tanpa belas. Mereka tidak punya senjata, yang ada hanyalah sebuah perasaan yang amat tertekan kerana dijajah. Kini penjajah itu sudah ghaib dan peristiwanya masih dalam lipatan.

Kini rakyat yang peka masih merasakan suatu penjajahan baru yang lebih hina sedang dan akan terus berlaku. Hina kerana rakyat kononnya telah meletakkan kepercayaan yang sepenuhnya kepada kemerdekaan tetapi penjajahan yang menjelma. Suara rakyat dibisukan oleh berbagai akta dan enakmen hinggakan tidak terasa kita sekali lagi terjajah oleh penderhaka kemerdekaan. Sekalipun apa juga isu yang diminta penjelasan di Parlimen terutama oleh pembangkang di tertawakan sahaja oleh penjajah baru. (lakonan mereka sila lihat lampiran)

Salah satu jawapan yang diberi oleh PM ketika Lim Kit Siang bertanya tentang mengapa Anwar ditahan di bawah ISA ialah ia menghasut penyokongnya merusuh. Saya amat tidak bersetuju dengan perkataan merusuh sebab bukti rusuhan tidak ada. Saya ingin bertanya kepada PM, KPN dan jenteranya, adakah sesiapa orang awam atau harta awam(bukan harta Umno, harta Umno

dimusnahkan sendiri oleh ahlinya) yang musnah? Berapa orang pegawai Polis yang cedera?* Jika ada sila isytiharkan kepada rakyat supaya rakyat jelas dan puas. Tetapi jika tidak ada, inilah sebenarnya pembohongan paling dahsyat selepas kemerdekaan. PM bukan sahaja berbohong kepada rakyat malahan ia telah berbohong di Dewan Rakyat, di hadapan wakil-wakil rakyat, Menteri-menteri dan sesiapa sahaja yang mendengar ucapannya pada 29 September 1998 di Parlimen.*

Alasan menghasut rakyat dengan ucapan Anwar yang berapi-api ditakrif sebagai membahayakan hingga ada rakyat yang berarak hingga ke Sri Perdana, alasan ini sebenarnya memakan diri. PM juga sering berucap berapi-api mengkritik kuasa-kuasa besar di dalam negeri dan di luar negeri. Apakah alasan yang sama boleh digunakan oleh kerajaan untuk menahan PM di bawah ISA jika terjadi rakyat berhimpun di depan kedutaan Amerika? Sekalipun PM tidak pernah mengarahkan supaya rakyat berbuat begitu. Di sinilah letakknya ketidakadilan. Jika PM, semuanya tak apa walaupun akhirnya Amerika atau negara yang PM caci maki tadi melancarkan 'tomahawk' kepada kita. Masa itu kita sama-sama saksikan siapa yang sebenarnya yang kehadapan? Atau

* Peristiwa polis cedera di Kampung Baru 24. 10. 98 - adalah disebabkan oleh polis sendiri. Mereka telah menyerang orang awam sejak dari 20. 9. 98 dan siri-siri demonstrasi seterusnya.

* Pembohongan PM hingga ke Jepun dengan menafikan polis bertindak liar terhadap rakyat. Akibat kenyataan bodoh dan bohong itu, Jepun mula sangsi dengan PM dan mungkin bantuan kewangan yang dijanjikan akan jadi mimpi ... Selepas itu PM terus ke Brunei...

siapa dulu yang terbang? Sejarah pemimpin hipokrit dalam lipatan sejarah telah membuktikan, mereka pergi dan rakyat tinggal menanggung derita.

Yang pasti Anwar masih di bawah reman polis dan menginap di Balai Polis. PM masih bebas dan terus melancarkan roket penerangan bersama kecaman ke seluruh Malaysia. Inilah hero ala Malaysia. Tangkap musuh muatkan dalam kandang dan disuntik supaya bisu. Siapa juga yang menyatakan sokongan dan simpati di letakkan di kandang lain. Jadi terpadamlah riwayat Reformasi. Terselamatlah kroni dari cabaran Reformasi buat sementara waktu selagi kunci kandang berada di tangan mereka.

Berbalik kepada Anwar wajib membela diri. Setelah beliau membela diri maka nampaklah siapa pula yang beria-ia mempertahankan tuduhan sekalipun tuduhan belum dibawa ke mahkamah. Siri drama ini sangat menarik perhatian seluruh dunia. Seolah-olah afidavit dari kes Nallakarupan ini ada pengarang eksklusif yang penuh pengalaman dan teramat jeli.

Hari pertama 2hb September 1998 setelah beliau dilucutkan jawatan sebagai TPM dan MK, segala tuduhan telah disanggah sekeras-kerasnya dan disiarkan ke seluruh dunia. Beliau juga menegaskan bahawa ini semua adalah taktik konspirasi politik dari peringkat tertinggi. Bela diri yang dilakukan oleh Anwar dapat simpati bukan sahaja dari dalam negeri malahan dari luar negeri. Kunjungan yang tidak putus-putus dari semua

peringkat umur, jawatan dan bangsa hampir-hampir 24 jam dan jumlahnya terus meningkat hari demi hari.

Bagi PM dan kuncu-kuncunya pembelaan ini adalah suatu penderhakaan paling dahsyat yang pernah berlaku selepas lagenda Hang Tuah dan Hang Jebat. Ternyata jangkaan mereka meleset terhadap respon masyarakat terhadap DS Anwar. Afidavit yang hanyir itu tidak sedikit pun berkesan untuk menjauhkan rakyat dari DS Anwar malahan makin intim.

Rasanya PM dan kuncu-kuncunya benar-benar membuat suatu perjudian paling besar dalam abad ini bagi memastikan *'smash'* pertama melalui afidavit berkesan untuk memukul DS Anwar hingga TKO. Tapi ternyata dengan beberapa kalimat ajaib pembelaan diri DS Anwar telah dapat mematahkan serangan tersebut.

DS Anwar, isteri ,anak-anak dan keluarganya nampak tidak tergoyah walaupun sedikit. Mungkin mereka bersedih tetapi bukan bererti mengalah atau undur.* Mereka sedih bukan kerana hilang segala macam kemewahan tetapi mereka sedih seperti kata DS Anwar, "betapakah keadaan seorang rakyat biasa jika beliau yang merupakan

* Demi keadilan dan kebenaran, anak DS Anwar yang sulung Nurul Izzah telah pergi berjumpa Estrada di Filipina dan berjumpa Habibie di Indonesia. Hasilnya, desakan dari negara jiran ini makin memuncak hingga sanggup untuk membatalkanh kehadiran mereka di perhimpunan APEC pada 11. 11. 98 di Kuala Lumpur, atau mereka akan datang dan mahu berjumpa DS Anwar sekalipun dalam tahanan. Berbagai desakan lain juga telah diajukan melalui kedutaan masing-masing di Kuala Lumpur. Syabas Nurul dan tentu Anwar bangga dengan anak sulungnya.

orang nombor dua di Malaysia pun boleh mereka lakukan begini." Maknanya rakyat yang tidak punya jawatan atau pangkat sudah tentu tidak akan dapat pembelaan yang saksama dari kerajaan. Hari pertama setelah beliau mandapat surat pelucutan jawatan bekalan elektrik, air dan telefon telah dipotong. Seolah-olah beliau tidak pernah berkhidmat dan memberi sebarang sumbangan kepada Negara.

Inilah demokrasi ala Malaysia yang kononnya demokrasi paling canggih di dunia. PM selalu ulang ayat ini tetapi apakah makna tersirat tak siapa yang tahu.

Suatu hal yang amat menakjubkan akhbar-akhbar tempatan tidak langsung memberi ruang kepada Anwar untuk membela diri. Setiap hari semua cerita bangkai terhadap Anwar. Bagi orang kampung mereka hanya mendengar radio dan menonton TV, jadi persepsi mereka terhadap Anwar mungkin dapat dicorak tetapi setelah pembelaan Anwar dapat didengar sendiri oleh mereka semasa Anwar melakukan penjelasan *road show* ke seluruh Malaysia persepsi mereka yang hitam kembali putih terhadap Anwar. Kemudian PM dan kuncu-kuncunya pun cuba meyakinkan diri dan melaungkan semangat ke dalam diri mereka dengan mengatakan kehadiran rakyat di ceramah pembelaan diri dan penjelasan Anwar hanya untuk mendapatkan maklumat tentang diri Anwar sahaja. Saya suka menggunakan istilah pembelaan diri kerana seluruh ceramah beliau, pembelaan ini antara perkara terpenting dalam isi dan misinya. PM dan kuncunya mem-

buat fitnah lagi iaitu mengatakan DS Anwar cuba meraih simpati ke seluruh Malaysia. Seorang biasa yang rasional pasti menyokong usaha bela diri ini sebab cara lain tak diberi dan tidak ada. Harapkan surat khabar, masa keadaan begini statusnya mungkin lebih baik sikit dari surat layang. Bolehlah kita katakan oleh kerana banyak helai maka ia bagaikan himpunan beberapa helai surat layang dari orang-orang yang tertentu sebagai penentu. Harapkan TV pun sama.

Jadi *platform* rakyat adalah paling tepat untuk membela diri. PM dan Menteri Pendidikan pula menyelar lagi DS Anwar guna pelajar untuk kepentingan diri. Bagi saya yang baik tak kira pelajar atau orang biasa dia pasti sokong. Kepada yang tertekan sudah tentu akan dibantu oleh semua orang yang masih belum kena tekan. Apatah lagi pelajar, kalau mereka ini lembab dan tidak sensitif dengan isu semasa maka lebih baik mereka duduk di kampung dan bantu keluarga mereka. Pelajar yang bakal menjadi pemimpin di masa akan datang mesti faham dan tahu selok belok perjuangan menegakkan keadilan. Jika kita rela melihat pemimpin akan datang jenis angguk kepala sahaja maka Najib perlu susun dasar pendidikan yang baru. Saya yakin ini bukanlah harapan kita.

Saya perhatikan pelajar lebih cepat menangkap apa mesej yang hendak disampaikan oleh Anwar. Jadi tak mustahil gerak kerja mereka lebih pantas terutama dalam menyedarkan masyarakat tentang isu keadilan. Jika menterinya cerdik seorang sahaja pun susah juga untuk

mentadbir negara.Tapi jika terlampau ramai yang cerdik juga siapa pula yang harus menjadi pemimpin.

Pembelaan di mahkamah begitu lambat sekali. Pelik tapi realiti, setelah 27 hari dijatuhkan hukuman iaitu jawatan dilucutkan barulah dakwaan dibuat di mahkamah. Bila ditanya, jawapannya ialah untuk memudahkan siasatan.* Rasionalnya jika hendak memudahkan proses siasatan takkanlah sampai berminggu-minggu dan mengapa dalam waktu yang sama tuduhan di luar mahkamah terus dilontar melalui akhbar dan TV. Jika saya dalam kedudukan begini mungkin jadi biul. Afidavit yang dulu belum lagi dibicarakan , datang pula setiap hari dua tiga tuduhan yang sumbernya entah dari mana. DS Anwar dalam keadaan begini pun masih tetap *steady* dan terus mematahkan segala bentuk tohmahan yang tiba bagaikan hujan batu. Dalam waktu yang sama rakyat makin peka dan penyokong makin komited. Kehadiran dari ratusan orang hingga menjangkau puluhan ribu dan akhirnya menjangkau ratusan ribu. Berita H dan Utusan M menafikan kehadiran seramai itu. Biasanya dalam laporan mereka kosong yang di belakang akan dibuang. Saya rasa cukup marah dan kesian. Marah sebab menipu rakyat dan kesian sebab mereka para *reporter* tak tidur malam mengumpul berita kemudian sampai di meja ketua

* PM punya putar belit makin terserlah. "Kita mahu cepat, tapi penyokong Anwar yang suka kacau bagi melambatkan atau tidak perlu langsung Anwar dibicarakan di mahkamah." Konon... rakyat la ni dah cerdik, bukan sepuluh tahun dulu. Inilah ayat-ayat orang dah panik nak kalah...

pengarang semuanya bagaikan hampas kelapa dihempas oleh Mike Tyson. Minta maaf lah para wartawan kalau saya kena macam itu saya terus *"resign"*. Carilah kerja lain yang lebih afdal biarpun berpanas dan berhujan namun hendak menggadaikan prinsip tidak sama sekali.*

Pembelaan melalui internet amat menggalakkan. Pengunjung *web* Anwar dan Anwar *on line* terus meningkat dan purata pengunjung 13,000 sehari. Hingga 28hb September 1998 jumlah pengunjung telah mencecah hampir 3 juta orang dari seluruh dunia.* BH dan UM jika tak percaya boleh lihat sendiri. PM dan kuncu-kuncunya mesti iri hati sebab yang jatuh lebih popular dari yang tak jatuh. Dan yang lebih bahaya ialah apabila yang jatuh akan ditatang rakyat untuk terus bangun dan yang belum jatuh akan jatuh sendiri bertimpa-timpa. Hal ini kita serahkan kepada Allah. Biarlah Allah yang menentukan sama ada jatuh atau tak jatuh. Yang pasti Islam mesti ditegakkan sama ada jatuh atau tidak.

Apa yang jelas kepada kita ialah pembelaan diri yang dibuat oleh DS Anwar adalah tepat dari sudut Islam dan perundangan Malaysia. Cuma PM dan kuncunya mungkin

---

* Saya sendiri menyaksikan pada pukul 1 pagi 25. 10. 98 di Kampung Baru. Seorang jurugambar Reuter Encik Hanapiah telah dimarahi oleh seorang pegawai Polis di depan para pemberita tempatan. Beliau secara "Indirect" mengarahkan jurugambar tersebut merosakkan pita rakamannya. Lalu ia (saya rasa terpaksa) menurut dengan menghentakkan kakinya ke atas pita rakaman tersebut hingga rosak. Inikah profesional ala Malaysia? Yang pasti wartawan sering jadi mangsa. Bagaimana jika bos jurugambar ini tahu?

* Sekarang web masternya sahaja sudah hampir 50 dan setiap web master ada pengunjung tersendiri. Ada web master yang pengunjungnya berjumlah 50,000 setiap hari.

agak kecewa sebab mereka mengharapkan Anwar mendiamkan diri kerana malu dan rakyat akan melupakannya kerana berakhlak buruk. Tetapi malangnya usaha pembelaan diri telah dilihat sebagai suatu ancaman politik kepada PM sekalipun PM menafikan dan memberi alasan Anwar ditahan pada 20 September 1998 sebagai alasan mengancam keselamatan. Di depan rakyat dan penyokong dalam semua media PM berkata yang datang ke program Reformasi tajaan Anwar hanyalah anak-anak dan mungkin mahu tahu sahaja. Mula-mula datang mereka memang mahu tahu tetapi setelah tahu mereka pula membawa kawan lain supaya tahu. Akhirnya ratusan ribu yang datang dari seluruh Malaysia untuk tahu dan memberi tahu. Apa yang paling penting setelah mereka tahu ialah perasaan komited untuk mengusir penjajah jadian Melayu dari persada politik Malaysia di pilihan raya yang akan datang. Alahai BN...

PM gusar juga bila ada berita kononnya mereka datang untuk membakar rumah. Biasanya PM sering menerima tamu dengan hati yang gembira tetapi tidak pada hari itu. Sebenarnya mereka datang dengan tujuan yang baik sebab tidak ada bukti yang tidak baik. Jika PM hari itu keluar dan bersalaman dengan mereka dan menegaskan perkara yang sebenar tentu rakyat berpuas hati dan mereka tak perlulah dimandikan dengan air gas. Tapi sayang air gas ini tak boleh diminum seperti air gas biasa malahan mesti cari air lain untuk diminum dan mencuci muka. Tak mustahil boleh padam kalau direndam, tapi hari itu dipancut bukan direndam. Bimbang juga

jika macam penjajah Jepun, menurut cerita disuruhnya minum selepas itu dipijak dan memancutlah air dari mulut datuk nenek kita dulu. Kesian. Tapi hari itu tak sampailah peringkat kena pijak cuma kena pukul dengan belantan, penumbuk dan penendang saja. Kelihatannya kurang lebih adik beradik penjajah juga tapi penjajah dulu lebih terhormat kerana berlawan terlebih dahulu dengan senjata kemudian baru dengan cara buli. Penjajah jadian ini nampaknya lebih kejam, sebab dia berlawan dengan anak-anak kecil, pelajar, orang biasa , pegawai kerajaan dan golongan profesional.

Paling pelik mengapa penjajah jadian ini takut sangat dengan rakyat biasa yang tidak ada apa-apa malahan ada yang membawa bersama anak-anak sambil nak bersiar-siar ke rumah PM. Apalah salah mereka, setakat slogan-slogan biasalah seperti kata PM di Korea, di Amerika,di Jepun pun sama, mereka buat macam itu. Jadi tak salahlah kalau kita buat begitu. Lagipun PM kata kita sedang menuju ke era negara maju dan rakyatnya lebih ramai yang cerdik dari yang tak berapa cerdik. Masalahnya rakyat masih tidak berpuas hati terhadap layanan seperti itu dan terasa hak mereka diperkosa.

# FATWA TERKINI PROF DR. YUSOF AL-QARDHAWI

## Siapa Prof Dr. Yusof Al-Qardhawi.

*Bahagian Pertama*

Seperti mana diketahui bahawa Prof Dr. Yusof Qardhawi adalah salah seorang ulama semasa yang berkemampuan mengeluarkan pendapat syarak dengan berani dan bebas tanpa rasa takut kepada seseorang pemerintah ataupun negara. Beliau adalah anggota dalam beberapa lembaga dan institusi ilmiah dan dakwah, antaranya ialah Lembaga Fiqh Rabitah, Alam Islami Makkatul Mukarramah dan Lembaga Di Raja bagi Kajian Tamaddun Islam di Jordan dan juga Markas Pusat Kajian Islam di Oxford dan begitu juga Majlis Amanah di Universiti Islam Islamabad dan Organisasi Dakwah Islamiah di Khartoum, Ketua Jawatankuasa Perunding Syarie di beberapa bank Islam, Ketua Pusat Kajian Sunnah dan Sirah di Qatar dan

Pengerusi Majlis Fatwa dan Penyelidikan Eropah.

Ada permintaan fatwa mengenai pendapat syarak tentang tuduhan-tuduhan yang ditujukan oleh Perdana Menteri Maiaysia, Dato Sri Dr. Mahathir Mohamed terhadap Dato Sri Anwar Ibrahim. Maka beliau, Dr. Yusof Qardhawi telah menjawab persoalan ini.

**Prof Dr. Yusof Qardhawi Menjawab Isu Tuduhan Terhadap Anwar Ibrahim.**

*Soalan Pertama :*

Jika seseorang yang dikenali ramai sebagai istiqamah, keperibadian yang salih sepanjang hidupnya, tiba-tiba dituduh dengan tohmahan-tohmahan yang keji seperti berzina, melakukan liwat, membunuh dan lain-lain. Apakah hukum syarak berkenaan dengan orang yang menuduh dan yang dituduh? Adakah orang yang dituduh wajib membela diri dan apakah kewajipan masyarakat muslim terhadap perkara ini?

*Jawapan :*

Menuduh orang-orang yang bersih dengan tohmahan terutama tohmahan yang besar seperti berzina, liwat dan membunuh adalah merupakan perbuatan yang diharamkan secara tegas oleh Islam. Malahan ia termasuk dalam dosa-dosa besar yang boleh mendatangkan kemurkaan Allah dan azab-Nya. Sebab tohmahan-tohmahan seperti itu berupaya untuk menyerang kemuliaan diri orang-orang yang beriman sama ada lelaki atau perempuan.

Ianya juga boleh menyebabkan orang ramai berburuk sangka terhadapnya, manakala orang-orang yang rendah akhlaknya mungkin boleh melakukan tindakan-tindakan yang tidak diinginkan terhadapnya. Perkara sedemikian juga menyebabkan tersebarnya kejahatan di kalangan orang-orang yang beriman. Oleh itu, al-Quran mengecam keras perilaku seperti ini dan mengancam para pendusta yang melakukannya dengan seksaan di dunia dan di akhirat. Firman Allah SWT, maksudnya :

> *"Dan orang-orang yang menyakiti orang-orang yang mukmin dan mukminah tanpa kesalahan yang mereka perbuat, maka sesungguhnya mereka telah memikul kebohongan dan dosa yang nyata."* **(Surah Al-Ahzab, 33 : ayat 58)**

Firman Allah SWT yang bermaksud :

> *"Sesungguhnya orang-orang yang menuduh wanita-wanita yang baik-baik yang lengah (tidak pernah terlintas untuk melakukan perbuatan yang keji) lagi beriman (dengan tuduhan zina), mereka kena laknat di dunia dan di akhirat, dan bagi mereka azab yang besar. Pada hari (ketika) lidah, tangan dan kaki mereka menjadi saksi atas mereka terhadap apa yang dahulu mereka kerjakan. Di hari itu, Allah akan memberi mereka balasan yang setimpal menurut semestinya, dan tahulah mereka bahawa Allahlah Yang Benar, lagi Yang Menjelaskan (segala sesuatu menurut hakikat yang sebenarnya).* **(Surah An-Nur, 24 : ayat 23-25)**

Para ulama telah sepakat (ijmak) mengatakan bahawa dosa dan hukuman terhadap orang yang melemparkan tuduhan ke atas lelaki mukmin adalah serupa dengan dosa dan hukuman terhadap mereka yang melemparkannya ke atas wanita mukminah. Ayat di atas turun dalam bentuk seperti ini (menggunakan perkataan mukminat) kerana ayat tersebut diturunkan khas sebagai pembelaan terhadap Ummul Mukminin, Aisyah As-Siddiqah binti Abu Bakar As-Siddiq. Beliau merupakan salah seorang isteri yang paling dicintai oleh Rasulullah SAW selepas Khadijah. Peribadi yang suci ini terpaksa berhadapan dengan tuduhan yang keji. Orang-orang munafik menyebarkan khabar angin tentangnya dan melemparkan tohmahan bahawa beliau telah melakukan skandal dengan salah seorang sahabat Rasulullah SAW yang tidak pernah diragui kebersihan peribadinya. Orang-orang munafik benar-benar telah menggunakan peluang ini dengan mengobarkan api fitnah. Demikianlah kisah; Hadis al-Ifki; yang telah mempermalukan dan meresahkan rumah Nabi SAW, rumah Abu Bakar as-Siddiq serta seluruh bandar Madinah. Akhirnya turunlah ayat al-Quran daripada petala langit yang tujuh, bagi menerangkan perkara tersebut secara jelas dan tegas dan mengembalikan keadaan seperti sediakala. Ayat tersebut juga telah membisukan lidah-lidah para pendusta dan membersihkan kembali nama Aisyah yang jujur dan suci daripada segala tuduhan jahat. Selepas turunnya ayat-ayat tersebut, kaum Muslimin pun merasa lega kerana telah terkeluar daripada fitnah yang keras dan pahit itu.

Bacalah firman Allah SWT dalam surah An-Nur yang bermaksud :

> *"Sesungguhnya orang-orang yang membawa berita bohong itu adalah daripada golongan kamu juga. Janganlah kamu mengira bahawa berita bohong itu buruk bagi kamu malahan ia adalah baik bagi kamu. Tiap-tiap seseorang dari mereka mendapat balasan dari dosa yang dikerjakannya. Dan siapa di antara mereka yang mengambil bahagian yang terbesar dalam penyiaran berita bohong itu, baginya azab yang besar. Mengapa di waktu kamu mendengar berita bohong itu orang-orang mukmin dan mukminat tidak bersangka baik terhadap diri mereka sendiri, dan (mengapa tidak) berkata : Ini adalah suatu berita bohong yang nyata. Mengapa mereka (yang menuduh itu) tidak mendatangkan empat orang saksi atas berita bohong itu? Oleh kerana mereka tidak mendatangkan saksi-saksi maka mereka itulah pada sisi Allah orang-orang yang dusta."* **(Surah An-Nur, 24:11-13)**

Inilah hukum Allah yang tegas : sesiapa yang menuduh orang lain telah melakukan perbuatan keji seperti berzina maka dia mesti mengukuhkan tuduhannya itu dengan mendatangkan empat orang saksi yang adil dan tidak cacat keperibadiannya. Kesemua saksi itu mestilah telah melihat yang tertuduh sedang melakukan perbuatan zina dengan perempuan secara jelas dengan mata kepala mereka sendiri. Demikianlah sebagaimana yang

telah diterangkan secara kiasan dalam undang-undang syariah : seperti besi celak dimasukkan ke dalam bekasnya atau seperti pena dimasukkan ke dalam botol dakwat. Jika orang yang menuduh tidak berjaya mendatangkan empat saksi sebagaimana yang diterangkan di atas, maka dia dianggap sebagai seorang pendusta di sisi Allah SWT Allah menegaskan bahawa si pendusta ini mesti dikenakan hukuman syariah, malahan dia terkena tiga jenis hukuman yang tertera dalam al-Quran Al-Karim, iaitu pada firman Allah SWT yang bermaksud:

> *"Dan orang-orang yang menuduh wanita-wanita yang baik-baik (berbuat zina) dan mereka tidak mendatangkan empat orang saksi, maka deralah mereka (yang menuduh itu) delapan puluh kali dera, dan janganlah kamu terima kesaksian mereka buat selama-lamanya. Dan mereka itulah orang-orang yang fasik."* **(Surah An-Nur, 24 : 4-5)**

Ayat-ayat yang mulia di atas menyebutkan tiga jenis hukuman terhadap jenayah yang keji itu.

**Pertama** : Hukuman fizikal, iaitu disebat sebanyak lapan puluh sebatan. Sebatan yang menyakitkan tubuh badannya itu merupakan balasan terhadap perbuatannya menyakiti peribadi orang-orang yang baik. Tuduhan yang telah disebarkannya itu juga boleh memusnahkan kehidupan orang-orang yang dituduh beserta kaum keluarganya.

**Kedua :** Hukuman moral dan sosial, iaitu dengan menggugurkan segala pertimbangan moral dan sosial

orang yang menuduh. Kesaksiannya dalam urusan kewangan, sivil, sosial, politik tidak boleh diterima pakai. Perkataan kesaksian dalam ayat di atas diturunkan dalam bentuk *'nakirah'* (am) dan berbentuk penafian. Oleh itu, ia mencakupi seluruh jenis kesaksian. Berdasarkan hal ini, orang itu wajib digugurkan haknya untuk mengundi dalam pilihan raya, terlebih lagi hak untuk diundi.

**Ketiga** : Hukuman agama, iaitu dengan menggelarkannya sebagai orang yang fasik dan memasukkannya ke dalam golongan Fasiqun. Al-Quran menyebutkan kefasikan sebagai lawan daripada keimanan. Firman Allah SWT yang bermaksud :

> *"Maka apakah orang yang beriman seperti orang yang fasik? Mereka tidak sama. Adapun orang-orang yang beriman dan mengerjakan amal-amal salih, maka bagi mereka syurga-syurga tempat kediaman, sebagai pahala terhadap apa yang telah mereka kerjakan. Dan adapun orang-orang yang fasik, maka tempat mereka adalah neraka."* **(Surah As-Sajdah, 32 : 18-20)**

Al-Quran juga telah meletakkan gelaran fasik ini kepada iblis, makhluk paling durjana. Firman Allah SWT yang bermaksud :

> *"Dia adalah dari golongan jin, maka dia berlaku fasik (derhaka) terhadap perintah Tuhannya."* **(Surah Al-Kahfi, 18 : 50)**

Walau bagaimanapun, dengan rahmat dan kasihnya Allah masih lagi membuka pintu taubat bagi mereka yang

ingin mensucikan dan membersihkan diri. Firman-Nya yang bermaksud :

> *"Kecuali orang-orang yang bertaubat sesudah itu dan memperbaiki (dirinya), maka sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang."* **(Surah An-Nur, 24:5)**

Imam Abu Hanifah berpendapat bahawa taubat hanya diperkenankan bagi memansuhkan hukuman terakhir, iaitu penggelaran dirinya sebagai fasik. Taubat tidak akan memansuhkan hukum gugurnya kesaksian dari pihaknya. Sebab perkara gugurnya kesaksian dalam ayat di atas disifatkan Allah sebagai kekal. *"Dan janganlah kamu terima kesaksian mereka buat selama-lamanya."*

Jenayah melemparkan tohmahan itu boleh menjadi lebih besar jika orang yang dituduh dikenali oleh khalayak ramai sebagai orang yang istiqamah dan salih. Mereka mengenalnya sebagai orang yang baik dan tidak pernah menyaksikan sebarang kejahatan dilakukannya. Sesungguhnya suara orang ramai merupakan pena-pena kebenaran. Kesaksian yang boleh dipertimbangkan hanyalah kesaksian orang-orang yang salih dan baik. Sebab mereka merupakan saksi-saksi Allah di atas muka bumi, sepertimana yang digambarkan oleh salah satu hadis Rasulullah SAW yang bermaksud:

> *"Pandangan dan sikap Islam dalam menjaga maruah, kemuliaan dan kehormatan diri seseorang amat tegas dan keras. Islam tidak membenarkan seorang Muslim menyakiti perasaan seorang saudaranya*

*sesama Muslim dengan perkataan menghina, sama ada di hadapannya atau di belakangnya."*

Firman Allah SWT yang bermaksud :

*"Hai orang-orang yang beriman, jauhilah kebanyakan dari prasangka, sesungguhnya sebahagian dari prasangka itu adalah dosa dan janganlah kamu mencari-cari kesalahan orang lain dan janganlah sebahagian kamu mengumpat sebahagian yang lain. Sukakah salah seorang di antara kamu memakan daging saudaranya yang sudah mait? Maka tentulah kamu merasa jijik kepadanya. Dan bertakwalah kepada Allah. Sesungguhnya Allah Maha Penerima taubat lagi Maha Penyayang."* **(Surah Al-Hujurat, 49 : 12)**

Dalam satu hadis sahih Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud :

*"Setiap Muslim diharamkan untuk mencerobohi darah, harta dan maruah saudaranya sesama Muslim."*

Jika Islam tidak menentukan sikap yang tegas seperti ini tentu akan terjadi perbalahan di antara seluruh manusia, manakala kemuliaan serta maruah diri mereka akan ditindas. Akhirnya musnahlah seluruh hak dan kebebasan.

Bertolak atas kesedaran ini pula Islam memerintahkan kita untuk tidak menceritakan aib orang lain demi menjaga maruah dan peribadinya. Rasulullah SAW telah ber-

sabda kepada seseorang yang menggesa Maiz untuk mengaku berzina sehingga dijatuhkan hukuman rejam : *"Jika engkau tutupinya dengan bajumu tentu lebih baik untukmu."* Rasulullah juga bersabda : *"Seluruh umatku akan memperolehi pengampunan, kecuali orang-orang yang suka menyebarkan aib orang lain."* Dan baginda bersabda yang bermaksud : *"Sesiapa yang menutupi kesalahan orang Muslim, nescaya Allah akan menutupi (kesalahannya) di dunia dan akhirat."*

Allah SWT berfirman dalam al-Quran Al-Karim yang bermaksud :

> *"Sesungguhnya orang-orang yang ingin agar (berita) perbuatan yang amat keji itu tersiar di kalangan orang-orang yang beriman, bagi mereka azab yang pedih di dunia dan akhirat."* **(Surah An-Nur, 24:19)**

## Bahagian Kedua Fatwa
## Prof Dr. Yusof Al-Qardhawi

*Soalan Kedua :*

Adakah orang yang dituduh berhak untuk membela diri? Bolehkah ia dicegah dari melakukan hal itu? Apakah kewajipan masyarakat muslim di sekelilingnya? Bolehkah mereka berdiam diri dan membiarkan perkara tersebut berlalu begitu sahaja?

***Jawapan :***

Hak seseorang yang dituduh dengan tuduhan melibatkan agama, maruah serta moral ialah: Membela diri dari tuduhan orang yang talah menzaliminya dan meninggikan suaranya dalam menyuarakan kebenaran. Malahan dalam satu ayat al-Quran, Allah telah memberinya satu hak istimewa untuk melindungi kehormatan dan maruah dirinya. Firman Allah SWT yang bermaksud :

*"Allah tidak menyukai ucapan-ucapan buruk yang (diucapkan) dengan terus-terang, kecuali oleh orang-orang yang dianiaya. Allah adalah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui."* **(Surah An-Nisa', 4 : 148)**

Tidak boleh sesiapapun mencegah atau melarang orang yang dituduh daripada membela dirinya. Ia merupakan hak yang biasa dan sah di sisi hukum syariah. Allah telah memberikan peluang kepada iblis yang dilaknat untuk berdebat mempertahankan kesombongannya dengan mengatakan, *"Saya lebih baik dari Adam."* Malahan pada hari kiamat, Allah juga memberi peluang kepada setiap diri untuk mengetengahkan pembelaan terhadap dirinya.

Oleh itu masyarakat Muslim mesti memberikan peluang kepada orang yang dituduh dan melindungi hak dan kebebasannya seluas-luasnya dalam proses pembelaan itu. Dia mesti dibenarkan membela dirinya secara **lisan, menulis di surat-surat khabar dan berucap di radio dan televisyen.** Terutama jika pandangan umum akan memberi kesan yang cukup besar dalam kes tersebut.

Secara syariah, dia tidak boleh diserahkan kepada taring-taring para lawannya yang mencarik-carik kredibilitinya siang dan malam dan membiarkan masyarakat awam hanya menjadi penonton tanpa mampu berbuat apa-apa. Akibatnya, pintu pun tertutup rapat di hadapan orang yang dituduh. Dia tidak mampu melawan sebab tidak memiliki sebarang kelengkapan, sedangkan para

musuhnya memiliki seluruh jenis senjata. Mereka telah melucutkan dirinya daripada sebarang kekuasaan, malahan lebih dari itu, mereka juga telah mengajak orang ramai untuk ikut serta dalam angkatan dusta dengan menyebarkan perkataan perkataan jahat yang tidak pernah diingkari. Firman Allah yang bermaksud :

> "*Kamu katakan dengan mulutmu apa yang tidak kamu ketahui sedikitpun dan kamu menganggapnya sebagai sesuatu yang ringan sahaja. Padahal dia pada sisi Allah adalah besar.*" **(Surah An-Nur, 24 : 15)**

Masyarakat Muslim merupakan satu masyarakat yang saling bertimbang rasa dan penuh tanggung jawab antara satu sama lain. Ia tidak akan membiarkan seorang yang baik dan tidak bersalah menjadi korban satu kezaliman yang kuat, konspirasi dan *makar* (tipu daya) yang memusnahkan. Masyarakat Muslim tidak akan berdiam diri menyaksikan perkara itu semua, sebab seorang yang berdiam diri terhadap kebenaran serupa dengan syaitan bisu. Allah SWT berfirman :

> "*Mengapa diwaktu kamu mendengar berita bohong itu orang-orang mukminin dan mukminat tidak berbaik sangka terhadap diri mereka sendiri, dan (mengapa tidak) berkata, 'Ini adalah satu berita bohong yang nyata'.*" **(Surah An-Nur, 24 : 12)**

Inilah sepatutnya sikap masyarakat mukmin yang mengambil berat antara satu sama lain. Allah berfirman yang bermaksud :

*"Dan orang-orang yang beriman , lelaki dan perempuan, sebahagian mereka (adalah) menjadi penolong bagi sebahagian yang lain."* **(Surah At-Taubah, 9 : 71)**

Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud :

*"Seorang Muslim itu merupakan saudara kepada Muslim yang lain. (Oleh itu) dia tidak boleh menzalimi atau membiarkannya terlantar.* (Muttafaq Alaihi)

*"Tolonglah saudaramu sama ada dia zalim atau dizalimi. Para sahabat bertanya ; 'Wahai Rasulullah, tentu kami akan menolongnya jika dizalimi. Tetapi bagaimanakah kami menolongnya jika dia sendiri berlaku zalim?' Rasulullah bersabda : "Dengan mencegahnya dari melakukan kezaliman. Begitulah cara menolongnya."* (Muttafaq Alaihi)

Islam mewajibkan masyarakat Muslim untuk menolong orang yang dizalimi dari terus dianiaya oleh orang yang zalim tanpa mengira berapa tinggi darjat atau pangkat penzalim itu. Hadis Nabi SAW menjelaskan yang bermaksud :

*"Jika kamu melihat umatku telah takut untuk mengatakan kepada si zalim : 'wahai zalim, maka mereka telah ditinggalkan (Allah)."*

Setiap Muslim yang mengenal kebaikan peribadi saudaranya wajib membelanya jika ia mendengar saudara-

nya itu diberitakan secara buruk. Satu hadis menyebutkan :

> *"Sesiapa yang membantah untuk (melindungi) maruah saudaranya, nescaya Allah akan menolak api neraka daripada wajahnya di hari kiamat."* (Riwayat Ahmad dan At-Tirmizi)

## Surat-surat Sokongan Dari Jemaah Islam Seluruh Dunia.

**Petikan Dari Akhbar :**

*HARAKAH : Tegakkan Keadilan*

***Seruan Prof Dr. Yusof Qardhawi.***

KUALA LUMPUR: Tokoh ulama' terkenal, Sheikh Dr Yusof Al-Qardhawi menasihat mereka yang berada dalam Majlis Gerakan Keadilan Rakyat Malaysia (Gerak) meneruskan usaha untuk menegakkan keadilan.

"Kami telah mendapat maklumat tentang perhimpunan saudara-saudara pada malam ini. Ini adalah satu usaha untuk mengekalkan kemerdekaan, keadilan, demokrasi, iman, akhlak dan kemanusiaan pada masyarakat Malaysia.

"Kami bersama dengan usaha-usaha saudara sekalian

dan mengucapkan tahniah di atas usaha-usaha yang sedang dilakukan," ujarnya dalam surat pada 26 September dihantarkan kepada Gerak.

Menurut beliau, Malaysia telah berkembang pesat kebelakangan ini dan dalam beberapa lawatannya ke Malaysia, beliau telah melihat perkembangan ekonomi yang pesat, kesedaran Islam yang tinggi dan kesungguhan yang ada pada rakyat Malaysia.

Namun begitu katanya, beliau terkejut dengan tindakan Perdana Menteri,Dr Mahathir Mohamad memecat timbalannya Dato' Seri Anwar Ibrahim dari jawatan kerajaan dan parti.

Tambah beliau, adalah amat menyedihkan di dunia ketiga dan khasnya di kalangan dunia Islam pemerintah tidak boleh ditegur walaupun teguran itu datang daripada kalangan mereka.

Adalah amat menyedihkan kata beliau apabila perbezaan politik di antara Mahathir dan Anwar digunakan untuk membuat tuduhan melulu yang tidak berasas dan tidak boleh diterima oleh mereka yang berfikiran waras sama ada dalam mahupun di luar Malaysia.

"Saya telah mengenali Anwar hampir 25 tahun dan sepanjang pengenalan ini adalah sesuatu yang tidak dapat diterima akal yang mana penglibatan Anwar dalam skandal seperti yang telah dituduh.

"Bagaimanakah Perdana Menteri boleh melakukan tuduhan ini sedangkan dia sendiri yang telah melantik

Anwar dari satu jawatan kepada satu jawatan sehinggalah kepada jawatan timbalannya," soalnya.

Katanya, beliau mewakili jutaan umat Islam mendesak supaya keadilan ditegakkan dengan membebaskan Anwar untuk membela diri serta berikan ruang kepadanya untuk berjumpa dengan rakyat supaya dia dapat memberi penerangan.

*HARAKAH : Canggah Dengan Syariat - Ikhwan Mesir.*

KUALA LUMPUR: Musyid Am, Al-Ikhwan Al-Muslimin, Mesir, Ustaz Mustapha Masyhur menyifatkan cara dan tuduhan Perdana Menteri, Dr Mahathir Mohamad memecat timbalannya, Dato' Seri Anwar Ibrahim bercanggah dengan syariat, politik dan akhlak.

Ia juga tidak pernah dilakukan oleh mana-mana pihak termasuk kebanyakan sistem diktator.

"Sesungguhnya Jamaah Ikhwan Al-Muslimin di seluruh alam amat menyesali dengan apa yang berlaku di Malaysia di atas tindakan Perdana Menteri yang telah menggunakan seluruh jentera kerajaan sama ada partinya, polis dan institusi kehakiman dalam isu pemecatan timbalannya Anwar dengan cara dan tuduhan yang tidak pernah dilakukan oleh mana-mana pihak termasuklah kebanyakkan sistem diktator yang mana perbuatan ini adalah bercanggah dengan syariat, politik dan akhlak," ujarnya.

Kenyataan beliau di *fax*kan ke sini, menyokong Maj-

lis Tindakan Keadilan Rakyat Malaysia (Gerak) dan mahukan ia menjadi noktah permulaan yang berani untuk menegakkan keadilan.

Beliau juga menyifatkan Malaysia telah menggunakan undang-undang yang telah ditinggalkan oleh penjajah British untuk menyekat rakyatnya menyatakan pendapat mereka untuk menuntut keadilan.

"Kami memohon kepada Allah agar perhimpunan Gerak hari ini menjadi noktah permulaan yang berani untuk menegakkan keadilan," ujarnya sebelum perhimpunan Pelancaran Gerak di adakan Ahad lalu.

## Kronologi peristiwa kemasukan Anwar ke dalam Umno sehingga beliau dipecat

1982 : Anwar menyertai Umno atas pelawaan Dr. Mahathir Mohamd.

1993 : Memenangi kerusi Timbalan Presiden Umno mengalahkan Tun Ghafar Baba dan dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri.

(1998)

7 Jun : Menyeru ahli Umno bertindak memberhentikan amalan kronisme, korupsi dan nepotisme (KKN) dalam Umno. Ketua Pemuda Umno, Dato' Ahmad Zahid Hamidi menyatakan pemberian kontrak kepada syarikat gergasi bumiputera merupakan masalah yang serius.

10 Jun : Zahid mengatakan bersedia mendedahkan kes-kes nepotisme di dalam Perhimpunan Agung Umno pada 18 Jun.

13 Jun : Dato' Seri Dr Mahathir menafikan laporan media asing mengenai keretakan hubungan antara beliau dengan Anwar.

17 Jun : Anwar memperolehi perintah injuksi terhadap Khalid Jafri, pengarang buku *'50 Dalil Mengapa Anwar Tidak Boleh Menjadi Perdana Menteri'*.

19 Jun : Dr Mahathir mengatakan, dalam Perhimpunan Agung Umno, beliau akan menyokong Anwar sekiranya ada pertandingan kerusi Timbalan Presiden dan

beliau juga mengatkan akan menyiasat sama ada buku Khalid Jafri itu berasas.

20 Jun : Dr Mahathir mengeluarkan kepada umum senarai mereka yang diberikan kontrak penswastaan dan peruntukan saham khas ketika perhimpunan berlangsung.

26 Jun : Polis menerima empat aduan berkaitan buku Khalid termasuk aduan bekas Ketua Menteri Melaka, Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik.

30 Jun : Anwar menolak spekulasi bahawa kedudukannya sebagai Menteri Kewangan akan terjejas oleh sebab pelantikan Tun Daim Zainuddin sebagai Menteri Tugas-tugas Khas.

1 Julai : Anwar mengatakan ada usaha pihak tertentu untuk menjatuhkan beliau dan mendakwa buku fitnah Khalid Jafri digunaka untuk mencapai tujuan tersebut. Beliau menafikan Gabenor Negara akan meletakkan jawatan.

4 Julai : Anwar memperolehi injuksi baru terhadap buku yang ditulis oleh Khalid Jafri.

11 Julai : Ketua Polis Negara, Tan Sri Rahim Noor mengatakan pihak polis sedang menyiasat buku tulisan Khalid Jafri.

20 Julai : Anwar menafikan laporan mengenai wujudnya perbezaan dasar pendirian beliau dan Dr Mahathir ekoran peletakan jwatan Editor Kumpulan Berita Harian dan Utusan Melayu.

31 Julai : Anwar memperolehi perintah injuksi semen-

tara bagi menghalang pengedaran buku Khalid Jafri.

1 Ogos : Seorang ahli perniagaan yang dikaitkan dengan buku Khalid Jafri ditahan pihak polis.

7 Ogos : Anwar sekali lagi menafikan khabar angin yang mengatakan beliau meletakkan jawatan oleh sebab wujudnya perbezaan pendapat antara beliau dengan Dr Mahathir.

11 Ogos : Anwar sebagai Ketua Perhubungan Umno Negeri Pulau Pinang sekali menyatakan taat setia kepada Dr Mahathir bersama 11 Ketua Umno Bahagian, menegaskan janjinya tidak akan mencabar Dr Mahathir dalam pemilihan pimpinan parti dalam perhimpunan akan datang.

2 September : Anwar digugurkan daripada Kabinet, berkuatkuasa 5.30 petang.

3 September : Majlis Tertinggi (MT) Umno sebulat suara memutuskan memecat Anwar daripada parti itu pada mesyuaratnya yang berakhir awal pagi tadi.

Perdana Menteri dan Presiden parti, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, mengumumkan keputusan itu itu kira-kira jam 1 pagi selepas mesyuarat majlis itu selama hampir empat jam di ibu pejabat Umno di menara Datuk Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC).

3 September : Satu afidavit yang difailkan di Mahkamah Tinggi di sini, mendakwa Anwar melakukan hubungan homoseksual,seks dengan wanita pelbagai bangsa dan cuba memikat isteri orang.

Selain itu, beliau didakwa menerima RM60 juta daripada Pengarah Eksekutif Perhubungan Awam Magnum Corporation Berhad, Datuk Nallakaruppan a/l Solaimalai, ketika pilihan raya umum 1995.

Dakwaan itu terkandung dalam afidavit Penolong Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah, Senior Asisten Komisioner II Musa Hassan, yang juga penyelia pegawai penyiasat kes buku "%0 Dalil Mengapa Anwar Tidak Boleh Jadi PM."

5 September : Ketua Polis Negara, Tan Sri Rahim Noor, berkata polis mempunyai bukti Anwar cuba mempengaruhi siasatan yang dijalankan terhadap empat laporan polis berhubung dakwaan yang terkandung dalam buku 50 Dalil Mengapa Anwar Tidak Boleh Menjadi PM.

Beliau berkata, polis juga menerima empat laporan yang mendakwa Anwar cuba campur tangan dalam penyiasatan berkenaan.

5 September : Rahim juga menyiasat Anwar "melakukan sebesar-besar dusta" apabila mengaku sudah melakukan ujian DNA.

Beliau berkata, apa yang sebenarnya berlaku ialah hanya Azmin Ali (setiausaha sulit Anwar) bersama isteri dan anaknya yang membuat ujian genetik..

6 September : Adik angkat Anwar, Sukma Darmawan ditahan empat anggota polis di sebuah pusat belibelah.

Timbalan Ketua Polis Negara, Tan Sri Norian Mai

mengesahkan penahanan Sukma, seorang rakyat Indonesia yang berusia dalam lingkungan 30 -an. Dia turut dikaitkan sebagai antara yang terbabait dengan 'kegiatan skandal seks' Anwar.

8 September : Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan, beliau mempunyai bukti kukuh mengenai salah laku Anwar sehingga dipecat daripada Kabinet dan Umno, minggu lalu.

Menurutnya, tindakan memecat Anwar itu diambil semata-mata kerana faktor moral, bukannya perselisihan faham mengenai ekonomi negara atau politik.

8 September : Anwar melancarkan reformasi bagi menuntut apa yang didakwanya keadilan selepas dipecar daripada Kabinet dan Umno.

Menurutnya, reformasi itu sebagai gerakan membangkitkan kesedaran rakyat membanteras kepincangan.

12 September : Anwar melancarkan 'Perisytiharan Permatang Pauh' di kampung kelahirannya, Cherok To' Kun, Permatang Pauh, Pulau Pinang.

Perisytiharan itu sempena nama kawasan parlimennya menyentuh tujuh perkara.

16 September : Bekas Setiausaha Sulit Anwar, Mohamed Azmin Ali, ditahan untuk membantu siasatan kes buku 50 Dalil Mengapa Anwar Tak Boleh Jadi PM, selepas dia hadir di Ibu Pejabat Polis Bukit Aman.

Azmin, 34 tahun, yang sebelum ini beberapa kali dipanggil untuk memberi keterangan berhubung siasatan

itu, hadir bersama dua peguamnya kira-kira 10.30 pagi.

19 September : Adik angkat dan rakan Anwar, masing-masing dihukum penjara enam bulan, selepas mengaku salah membenarkan bekas Timbalan Perdana Menteri itu meliwat mereka.

Sukma Darmawan Sasmitaat Ahmad Anees, 51, mengaku bersalah secara berasingan di dua Mahkamah Sesyen di Kuala Lumpur, atas tuduhan di atas.

20 September : Anwar ditahan polis di kediamannya dan akan dihadapkan ke mahkamah atas beberapa tuduhan.

Ketua pemuda Umno Negeri Sembilan, Ruslan Kassim, yang sentiasa bersama Anwar dalam ceramah reformasinya di seluruh negara, juga ditahan.

21 September : Ketua Polis Negara, Tan Sri Rahim Noor, berkata Anwar mungkin tidak didakwa di mahkamah hari ini, sebaliknya ditahan mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA).

22 September : Lima lagi penyokong kuat Datuk Seri Anwar Ibrahim, ditahan mengikut ISA berikutan ketegangan yang tercetus selepas penahanan bekas Timbalan perdana Menteri itu, menjadikan jumlah mereka yang ditahan mengikut ISA meningkat kepada 12 orang.

Mereka ialah Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Semerak, Kamaruddin Mat Noor; Pengerusi Institut Kajian Dasar, Datuk Kamaruddin Jaffar; Rektor Hal Ehwal Pelajar Universiti Islam Antarabangsa (UIA), Dr Sidek

Baba; Ketua Umno Cawangan Cheras, Tamunif Mokhtar dan Presiden Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam malaysia, Amidi Datuk Abdul Manan.

22 September : Ketua Pemuda Umno bahagian Lumut, Dr Zambry Abdul Kadir, adalah orang ke-13 ditahan mengikut ISA berikutan kekecohan yang berlaku selepas Anwar ditahan mengikut akta itu.

24 September : Bekas Ketua Polis Negara (KPN), Tun Haniff Omar tidak meragui bahawa dakwaan terhadap Anwar yang dituduh terbabit dalam kegiatan homoseksual, ada kebenarannya.

29 September : Anwar dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur atas lima tuduhan rasuah dan lima tuduhan persetubuhan di luar tabii (liwat).

**Sehingga buku ini dicetak perbicaraan terhadap kes Anwar hanya bermula pada 2 November 1998 hingga 14 November 1998 (Perbicaraan seterusnya boleh diikuti dalam buku seterusnya "Fitnah Bernanah")**

# Koleksi Gambar Anwar Ibrahim Ketika di rumah Selepas Dilucut Jawatan.



**Bukti bukan anti perkauman. China, India Benggali, Kadazan, Iban dan semua bangsa datang berkunjung ke rumah Anwar.**



Erti persahabatan... sahabat karib Anwar melawat ke rumah untuk menghulurkankan simpati terhadapnya.



BAB 4

# SERANGAN TERHADAP ANWAR DAN JAWAPAN DS ANWAR

Penyerang paling nekad dan merangkap ketua batalion serang ialah PM. Sebelum memecat Anwar beliau nampak cukup tenang dari wajahnya bagaikan suasana taman selepas hujan. Bila wartawan bertanya tentang berita peletakan jawatan TPM, PM jawab selamba, 'Jika alasan kukuh , seperti masalah kesihatan'

Wajah selamba ini memang telah dikenal pasti oleh ramai pengkaji dan pengkritik politik amat berkesan bagi meyakinkan rakyat, mereka memang tidak ada sebarang masalah dan jika berlaku sesuatu perkara pun seolah-olah beliau tak tahu. Sebelum kes Anwar ini pun sama juga caranya. Jadi bagi orang yang peka kenyataan ini menandakan ada sesuatu akan berlaku.

Jika ada alasan yang kukuh menggambarkan betapa pentingnya alasan selepas itu. Sama ada alasan itu dari Anwar atau dari PM sendiri, rakyat tidak boleh mem-

pertikaikannya. Rakyat mesti tunggu alasan itu dan terima. Ternyata pada 2hb September 1998 alasan yang dikemukakan oleh PM amat dahsyat dan terlalu keji. Alasan seks dan moral biasanya dalam masyarakat Melayu Islam dan di kebanyakan negara orang-orang Islam amat sensitif. Soal maruah diri dan keluarga jika dirosakkan disesetengah negara seperti Syria, Jordan, Mesir dan beberapa negara lain, menurut adat mereka boleh dibunuh. Tetapi ini adat bukan Islam. Malu bagi orang Jepun dan Korea banyak menyebakan berlakunya kes bunuh diri. Begitu juga dalam masyarakat China dan India.

Rasanya perasaan malu di kalangan orang Melayu dan negara jiran kadarnya hampir sama. Cuma pengaruh Islam yang menggalakkan kita bersabar telah mampu mengurangkan kejadian yang tidak diingini berlaku.

Persoalan yang amat besar mula timbul. Mengapa PM sendiri yang mengemukakan alasan dan membuat pemecatan? Memang PM ada kuasa mutlak tetapi pelucutan jawatan seperti ini bukan baru pertama kali. Bezanya, pelucutan kerana alasan seks dan rasuah memang ini adalah pertama kali. Ini bermakna sudah ada hal yang sangat besar berlaku,pergaduhan dan ugutan antara PM dan TPM?

Serangan demi serangan bermula dari surat layang, buku *50 Dalil*, dalang isu nepotisme dan kronisme, petualang negara dan berbagai lagi dilancarkan sejak perhimpunan Umno 1997.

Serangan ini dilancarkan secara begitu teratur dan rapi. Taktik *'silent war'* akhirnya tiba ke penghujung iaitu

pecat bersama dengan alasan yang jika dicampakkan ke gunung,gunung biasa akan jadi gunung berapi.

PM dan TPM sering menafikan berkali-kali hal ini, ternyata di sebalik nafi memang sudah terjadi. Saya pasti mungkin ugutan juga berlaku, PM berkata kepada TPM 'Kalau *you* tak undur, *I* akan undurkan *you*? Ada atau tidak unsur ugut di sini bergantung kepada siapa yang jawab. Jika tanya kumpulan *'Yes'* jawabnya *'No'*. Dan begitulah sebaliknya. Apa yang jelas ugut cara terhormat telah pun terjadi.

Cara ugut bagi PM tidak timbulkan masalah sebab polis dia yang jaga tapi kalau rakyat? Silap cakap besoknya pindahlah naik trak. Begitu juga baru-baru ini bila wartawan bertanya, 'Bilakah Anwar akan di dakwa?' PM jawab, 'Anwar akan diadili di mahkamah jika dia suruh pengikutnya berhenti merusuh?'

Dari sini juga terdapat banyak persoalan. Pertama, bukankah ini suatu ugutan? Kedua, tidakkah ini suatu penganiyaan? Ketiga,bagaimana Anwar boleh membuat arahan jika ia masih ditahan? Keempat,siapa sebenarnya yang mengarahkan seseorang itu sama ada diadili atau tidak di mahkamah? Apakah sebenarnya definisi rusuhan?

Cara ugut jika digunakan oleh kawan-kawan PM juga tidak dianggap melanggar undang-undang sekalipun diisytihar dalam TV dan akhbar tempatan. Sanusi Junid pernah berang macam harimau kena tembak, bila ada penceramah yang menegur PM. Apa katanya, 'Siapa yang kata PM, saya dulu yang akan mempertahankannya biarpun bermandi

darah! Adakah ini suatu ugutan atau sandiwara ampu?

Baru jadi MB, kalau jadi PM? Bangkang ,bermakna ISA. Nanti kerajaan habis bangkrup di zaman dia bukan kerana masalah ekonomi tapi masalah tanggungan makan tahanan ISA. Biasanya menurut pakar kaji karektor manusia, orang yang pendek biasanya cita-cita tinggi samalah seperti MB N.Sembilan dan Sabarudin. (Dalam cerita P. Ramle ada juga Sabarudin, tukang kasut tapi yang ini Sabarudin tukang *'Yes'*).

Sanusi, janganlah emosi sangat sebabkan PM sanggup bermandi darah lagipun PM dah uzur dan selepas ini kita tak tahu siapa pula. Kalau bukan golongan *'Yes'* naik, alamat kena balik Parit Buntar dan boleh mandi puas-puas di tali air dekat sawah. Masa itu tak perlu sebut mandi darah lagi, cukuplah dengan mandi manda.

Cara ugut bagi MB Selangor dan Drs. Sulaiman ketua penerangan Umno Wilayah,* mungkin tidak ketara dalam ucapan tetapi bila dibaca dalam akhbar Berita Harian dan Utusan Malaysia dan didengar dari semua TV amat jelas. 'Sesiapa di antara ahli Umno yang menyokong Anwar akan diambil tindakan tatatertib dan siapa yang berani meyebarkan kaset atau risalah Anwar, tahulah apa yang akan kami buat! Sabar pun ada batasnya! Begitu-

* YB ini cuba tunjuk hebat, upah kaum ibu berdemonstrasi di Kampung Baru pada hari Jumaat. apabila jemaah telah solat, mengaum bunyi takbir dari para jemaah dan semua kain rentang yang digantung oleh YB habis kena tarik. YB kena "boo" dan kaum ibu bertempiaran undur sebab takut. Awat lebih-lebih sangat... nak kerusi penuh kot... sabaq la...

lah lebih kurang apa yang diucapkan. Yang paling bahaya dalam ayat itu ialah tahulah apa yang akan kami buat. Begitu juga dengan kenyataan Hisyamudin, maksud ayat lebih kurang sama bila menjawab pertanyaan wartawan tentang tindakan seterusnya dari Pemuda Umno terhadap penyokong Anwar yang kononnya merosakkan harta benda Umno di Galeri Umno PWTC.

Saya dan kawan-kawan tertanya-tanya mengapa semua watak pemimpin berubah jadi *'gangster'*. Bila Anwar berubah watak dari seorang yang *cool* kepada agak agresif mereka marah dan beri nasihat supaya bertenang. Anwar tolong reda kata Abdullah Badawi dan pemimpin-pemimpin kaki 'Yes'. Jika Anwar berubah watak memang munasabah sebab ia mempertahankan maruah dirinya. Seorang yang ingin membela diri mesti bersikap demikian sebab dia tahu ia tidak bersalah dan ia dianiaya. Jika dia duduk diam dan bertasbih sahaja , di waktu yang sama PM dan yang lain terus menyerang. Ini watak orang tiada jati diri, watak penakut dan memang tidak layak untuk memimpin umat.

Islam juga tidak sekali-kali mengizinkan duduk diam dan membiarkan penzalim terus menganiaya insan yang lain. Contoh paling mudah, jika kita lihat isteri kita berjalan bersama dengan lelaki lain dan kita diam. Orang ini dayus dan tidak akan layak untuk masuk ke syurga Allah. Apa yang terjadi terhadap Anwar lebih teruk dari contoh ini. Diam bermakna padam. Bila diam, PM dan *'Gang Yes'* akan menjerit gembira macam kena sawan.

Saya bimbang jika budaya 'gangster' di kalangan pemimpin Melayu ini akan diterima dengan senang hati oleh segolongan masyarakat Melayu terutama yang bakal menjadi pemimpin di masa akan datang. Ini bermakna generasi pemimpin *'gangster'* akan buat apa sahaja asalkan niat politik kotor mereka tercapai.

Cuma 'gangster' jenis ini pandai berlakon di depan rakyat dan mentera akta semua dalam kepala. Buatlah macam mana pun, akhirnya kena ke dia juga. Mereka bukan sahaja merosakkan imej orang Melayu malahan akan melenyapkan nilai ketuanan Melayu. Dulu orang luar amat hormat dengan PM, sebab dia cerdik tetapi selepas bertindak macam *'gangster'* orang asing kata dia ni terlebih cerdik. Terlebih cerdik bahaya ditakuti salah satu wayar yang terlampau tegang akan putus. Bila putus, kena pindah. Ibrahim Ali pindah ke tanjung sebab belum putus kalau putus setakat ini belum lagi ada hospital yang boleh buat kes putus wayar.

Kepada pemimpin Melayu hentikanlah cara yang sangat hina ini. Baliklah ke pangkal jalan. Jika pemimpin *'gangster'* rakyat mungkin jadi bapa-bapa *'gangster'*. Maka lahirlah anak-anak,keluarga,masyarakat dan selepas itu nama Malaysia ditukar dengan nama negara *'gangster'*.

Dalam keadaan masing-masing tegang selepas peristiwa perarakan, Anwar pun ditahan pada malam yang sama. Pada malam itu salah seorang Pegawai Polis telah bertemu dengan Dr. Wan Azizah supaya bertenang dan berjanji Polis akan bertindak dengan profesional.

Besoknya Dr. Wan dipanggil ke balai Polis kerana membuat kenyataan kepada CNN dan disiarkan keseluruh dunia tentang kebimbangannya terhadap Anwar

Dalam tahanan polis, berbagai-bagai kejadian boleh berlaku. Beliau dibenarkan pulang dan diminta supaya jangan membuat kenyataan yang boleh menjatuhkan imej Polis. PM dan KPN juga melenting bukan sahaja kepada Dr. Wan malahan kepada media asing. Macam-macam jenis cemuhan terhadap media asing kononnya media asing cuba menghasut rakyat dan merosakkan imej Malaysia di dunia.

Rupa-rupanya hati seorang isteri hasil dari kasih cinta sejati terhadap suaminya memang realiti. Anwar kelihatan tidak selesa dan terdapat tanda-tanda yang beliau dibelasah dalam tahanan oleh pihak Polis. Rintihan hati seorang isteri bekas TPM yang sebelum ini dicela,diugut dan ditertawakan bila beliau menyatakan beliau bimbang terhadap suaminya amat pilu sekali. Wajah suami yang sering dibelai dan dijaganya menjadi tempat pemangsa melepaskan geram. Tidak dapat dibayangkan bagaimana perasaan anaknya bila menatap wajah ayah yang sering ceria bersama mereka berpercikan darah setelah ditumbuk ,ditampar dan entah apa lagi yang terjadi tidak siapa yang tahu. Sudah pasti penyokongnya juga menatap wajahnya di akhbar dengan penuh duka dan membuak perasaan mahu terus membela.

# Serangan Melalui Akhbar, TV, dan Majalah-majalah Tempatan


Berita Harian

Berdendam bukan imej pem


Utusan

ISNIN 21 SEPTEMBER, 1998

ANWAR PERLU PATUH SISTEM KEADILAN

# Istigfar Tok Guru dan dosa besar

Kuliah Pagi

ASSALAMUALAIKUM. Kita mendoakan umat Islam semuanya berada dalam selamat dan sejahtera. Boleh bertebaran di mana bumi mencari rezeki halal untuk anak isteri serta keluarga. Boleh pula beribadat kepada Allah SWT dengan sempurna. Tok Siak hari ini nak cerita peristiwa di masjid Subuh tadi. Beberapa orang makmum bertanyakan Tok Guru mengenai hukum orang yang memasukkan zakarnya ke dalam dubur orang lain seperti tersiar di akhbar semalam.

Mendengar pertanyaan itu Tok Guru bukan saja beristigfar panjang, makmum yang lain ikut sama beristigfar. Tok Siak pun ikut sama.

Di sebelah tirai, yang memisahkan antara perempuan dan lelaki, terdengar juga istigfar.

Macam mana Tok Guru tidak beristigfar panjang? Yang terbabit dalam peristiwa yang diputuskan mahkamah semalam itu bukan calang-calang orang. Ada ijazah doktor dalam bidang Islam. Bekas Editor sebuah jurnal Islam yang bertaraf antarabangsa.

"Yang disebut dalam kes mahkamah itu pula pernah naik mimbar membaca khutbah. Lepas itu dikatakan melakukan pula perbuatan terkutuk seperti itu. Masya-Allah..." keluh Tok Guru, [illegible] dengan suara rendah penuh kesal. Tapi apa boleh buat.

Nak naik mimbar masjid baca khutbah ini bukan boleh sebarang orang. Tok Siak kadang-kala naik juga mimbar masjid tapi itu hanya sekadar untuk sapu habuk saja. Sekali sekala kalau Tok Siak terpegang tongkat di depan Tok Imam, dijegil matanya ke arah Tok Siak lebar-lebar. Kecut hati Tok Siak.

Allah SWT kata orang yang melakukan perbuatan itu adalah orang yang melampaui batas. Allah berfirman maksudnya: Mengapa kamu mendatangi jenis lelaki di antara manusia dan kamu tinggalkan isteri-isteri yang dijadikan Tuhanmu [illegible] kamu adalah orang yang melampaui batas.

Hadis sahih yang menyebut bahawa ada sepuluh dosa besar. Antaranya ialah syirik, iaitu menduakan Allah, [illegible] dan membunuh diri, memakan riba dan zina.

Dalam hadis lain Nabi Muhammad SAW bersabda maksudnya: "Empat golongan yang pagi hari dalam kemurkaan Allah dan petang hari dalam kemurkaan Allah, lalu ada yang bertanya: Siapakah mereka itu wahai Rasulullah? Jawabnya, lalu lelaki yang menyerupai perempuan, perempuan yang menyerupai lelaki, orang yang bersetubuh dengan binatang dan lelaki yang bersetubuh dengan lelaki."

Sebuah hadis lain diriwayatkan oleh Abu Syaibah maksudnya: "Apabila seorang lelaki bersetubuh dengan seorang lelaki lain maka takhta Allah bergoncang kerana takut kemurkaan Allah dan hampir seluruh langit ke bumi, tetapi kemudian ditahan oleh malaikat pada hujung-hujungnya dan dibacakan surah al-Ikhlas sehingga meredalah murka Allah."

Tok Siak bukanlah orang yang banyak pengetahuan. Tapi perbuatan memasukkan zakar ke dalam dubur orang lain ini menyebabkan Tok Siak pun garu kepala. Rambut di kepala dahlah sikit, makinlah gondol jadinya. Pening Pening.

Tok Siak

## Komen

Tok Siak sudah tersasar dari konsep Islam yang murni dan diwatku yang sama dari hujah-hujah itu nampak Tok Siak sudah melanggar batas-batas Islam. Antaranya :

1. Kes ini mengikut hukum Islam belum selesai sebab :

- Islam perlukan emapat orang saksi.
- Undang-undang mahkamah Malaysia bukan undang-undang Islam.
- Hakim dan pendakwa yang salih.

2. Kes mengikut undang-undang Malaysia juga bercanggah :

- Mengaku kemudian buat rayuan.
- Tak pasti peguam yang sebenar.
- Pengakuan tanpa bicara amat meragukan.

**Melanggar batasan Islam**

Tok Siak berkhutbah sambil menghina orang yang belum pasti bersalah sebab belum dibicarakan dengan mengikut syarat-syarat yang dikehendaki oleh Islam.

Dari sudut undang-undang Malaysia juga sama seperti apa yang diisyhtiharkan larangannya oleh Datuk Agustine, hakim mahkamah tinggi Kuala Lumpur.

Tok Siak kata tak cukup ilmu, tetapi mengapa tak bertanya? Dalam Islam Tok Siak wajib tarik balik tuduhan jika tidak kena sebat 80 kali jika tiada saksi. Jika undang-undang Malaysia boleh didakwa di mahkamah, atau Tok Siak wajib minta maaf kepada yang dituduh dan keluarganya...Taubatlah!!!

**Sumber dari akhbar Berita Harian**

# Pembohong dan saksinya berdosa besar



ASSALAMUALAIKUM. Bersyukur kita semua ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan rahmat dan hidayahNya kita dapat hidup aman tenteram. Semua golongan dapat menambahkan usaha mencari rezeki masing-masing untuk kesejahteraan hidup.

Sesungguhnya suasana hidup aman tenteram amat besar maknanya kepada setiap insan. Banyak orang di banyak negara lain di dunia hari ini mudah tidak boleh hidup aman dan tenteram [illegible]. Ada sebab politik, ada sebab ekonomi. Politik dan ekonomi yang tidak menentu menyebabkan rakyat hidup menderita.

Keadaan politik yang tidak tentu itu muncul kerana adanya golongan yang mencari pengaruh tidak mengikut saluran yang betul. Ada manusia sanggup melakukan apa saja untuk memperolehi pengaruh. Dalam mencari pengaruh itu mereka sanggup berbohong.

"Bohong itu satu dosa besar (Ya [illegible]). Bohong itu ialah berkhabar kepada orang sesuatu yang tidak bersetujuan dengan yang sebenarnya. Ia dilakukan oleh orang yang tidak mempunyai budi pekerti. Manusia yang tidak berbudi pekerti sanggup berbohong untuk mencari keuntungannya." Begitulah yang dikhabarkan oleh Muhammad bin Abdul Rauf al-Marbawi dalam kitab *Baharuan Madal*

Sebuah hadis nabi S.A.W diriwayatkan oleh Anas bin Malik mengatakan bahawa nabi pernah membilang segala dosa besar. Maksud sabdanya: Sekutukan Allah, derhaka kepada ibu dan bapa, membunuh diri dan perkataan bohong.

Allah S.W.T berfirman dalam Surah Az-Zumar maksudnya: Pada hari kiamat kamu akan melihat orang yang berbuat dusta terhadap Allah, mukanya menjadi hitam. Bukankah di dalam neraka Jahanam itu ada tempat bagi orang yang menyombongkan diri.

Berdusta dan berbohong itu perbuatan yang tidak baik dan dosa besar. Begitu juga orang yang menjadi saksi bohong.

Orang yang berbohong dan menjadi saksi bohong akan menerima balasan Allah S.W.T di akhirat dengan seksaan yang amat berat.

Wahai saudara-saudaraku, oleh kerana seksa Allah S.W.T di akhirat itu amat berat, maka janganlah kamu berbohong atau menjadi saksi bohong.

Bohong termasuk dosa yang paling jelik dan aib yang paling keji.

Ismail bin Wasith berkata: Setelah Rasulullah S.A.W wafat, saya pernah mendengar Abu Bakar As-Sidik berkata dalam khutbahnya: Rasulullah S.A.W pernah berdiri di tengah-tengah kami di tempat ini pada tahun pertama, kemudian beliau menangis sambil bersabda: Jauhilah dusta, sesungguhnya dusta itu perbuatan keji, [illegible] keduanya di dalam neraka.

Hadis di atas diriwayatkan oleh Ibn Majah dan Nasai.

Abu Daud, Turmizi dan Nasai meriwayatkan sebuah hadis nabi S.A.W maksudnya: Celakalah orang yang berbicara lalu ia berdusta agar kaum [illegible] jadi ketawa, celakalah [illegible]

Tok Siak

## Komen

Kuliah pagi Tok Siak bagi saya adalah "Kuliah bohong", mengapa? Sebab dia menulis bukan dari hatinya tetapi dari "bos"nya. Bosnya kata "A" A lah, sekalipun sepatutnya jawapan itu B. Tentang dalil-dalil yang diberi juga tidak relevan dengan kuliah itu. Dasar Islam lah yang jelas. Apa yang jelas ialah Tok Siak tak faham realiti. Realitinya ialah Islam belum lagi berjalan di Malaysia. Selagi belum ada Islam inilah keadaannya. Tipu muslihat dan seribu satu macam jenis perkara yang melanggar dalil-dalil Tok Siak tadi. Tok Siak tulislah yang benar dan jangan ikut cakap orang.

**Sumber dari akhbar Berita Harian**










Antara majalah yang turut serta dalam mencorak tanggapan masyarakat terhadap Anwar.

# Perihal Wazir yang suka hisap curut

**GAGAK PUTIH TERBANG SIANG**

SELAMAT pagi. Terlanjur hamba berkisahkan mudi yang menumpa Oscar Wilde itu, ada pula taulan datang tercungap-cungap hendak bercerita. Tanya taulan itu, apakah hamba belum mendengar cerita hari baru seorang Wazir orang putih? Kata hamba manalah boleh hamba dengar kalau tak ada orang yang sudi menyampaikan khabar kepada hamba.

Maka taulan itu pun jadi gembira dan bercertalah. Demikian adanya: Konon-nya Wazir orang putih ini adalah orang yang paling kuat di alam semesta ini. Negerinya itu bernama al Amma Reka, adalah negeri yang terkuat di dunia. Jajahan takluknya berlakan-lakan lebih besar daripada Kerajaan Melaka, malah mengatasi Kerajaan Nabi Allah Sulaiman a.s. Wazirnya itu bernama Bill al-Koling Ton, isterinya bernama al-Hilari Riba [illegible].

Alkisah, Wazir al-Koling Ton ini mempunyai pelbagai kegemaran. Ada kegemaran yang diwarisi sejak kelahiran, sementara ada pula yang diwarisi melalui pembelajaran. Adapun satu daripada kegemaran semulajadinya ialah bersenonok-suka dengan para gundiknya.

Seorang gundiknya yang sangat terkenal bernama al-Moni Kah [illegible] Wazirnya itu tak dapat menahan berahi terhadap setiap wanita yang lalu di hadapannya. Kata al-Moni-Kah kerana Wazir terpaksa 'bertahan' dengan kelagihannya sehari-hari, al-Koling Ton menyimpan penyata malu harian 'berapa lama dalam sehari dia berkelakuan baik.'

Kerana Wazir itu takut rakyatnya tahu akan kelagihannya itu, maka beliau selalunya menuduhkan berahi nafsunya pada setiap malam Sabtu dan pada Ahadnya dia pergi menyembah Tuhannya di rumah sembahyangnya.

Al-Koling Ton ini, mengikut taulan hamba itu lagi, mempunyai pandangan berkelamin yang luar biasa pula. Bagi Wazir itu, amnnya, hubungan kelamin yang dilakukan melalui mulut wanita itu tidak 'salah' kerana ia tidak termasuk dalam takrif berkelamin.

Oleh kerana itu ramailah pula 'kupu-kupu malam' di negerinya yang sangat gembira kerana apabila dibawa ke pengadilan, mereka semua dibebaskan kerana ternyata mereka cuma menggunakan bibir, lidah dan gusi.

Takjub hamba mendengar kisah menarik itu dan hilang pula rasa malu hamba sehingga teringin hamba hendak tahu bagaimana Wazir itu boleh mengawal nafsunya ketika para gundik menggunakan bibir masing-masing.

Maka kata taulan hamba itu, Wazir al-Koling Ton berjaya berbuat demikian dengan menghisap curut. Bukan curut cap 'teko' atau cap 'singa' tapi curut 'havana' yang besar dan panjang. Kadang-kala sampai habis curut itu dimamahnya.

Dalam fikiran hamba terbayang pula wajah beberapa orang mamanda dan pembesar-pembesar kita yang suka menghisap curut. Ada setengahnya hamba lihat sengaja menggonggong curut di bibir bersarak ke sana ke mari walaupun mereka bukan penghisap curut. Jangan-jangan mereka ini pun adalah para pengikut al-Koling Ton itu ...

Tun Teja

Sumber dari akhbar Berita Harian

## Liputan Media Massa Terhadap Kes Anwar.

*(Harian Metro, Rabu, 30 September 1998)*

Menurut Peguambela Cristopher Fernando : Datuk Seri bukan mengalami kecederaan ringan,boleh lihat sendiri,kesan mata kiri D.S. Kecederaan dialami hari ditahan pada Ahad lalu masih ada kesan yang jelas. D.S beritahu kami baru tadi bahawa beliau dipukul hingga pengsan. Ini adalah kecederaan yang boleh dilihat. (Anwar buka cermin mata untuk menunjukkan kesan lebam pada mata kiri). Kecederaan yang tidak boleh dilihat kami tak tahu,ia satu perkara spekulatif setakat ini. Oleh itu kami pohon mahkamah membenarkan D.S diperiksa dan dirawat oleh doktor bebas yang dilantik oleh D.S dan keluarganya.

*(Harakah Bil 1016 Jumaat 2 Oktober 1998)*

Salah seorang peguam Anwar, Pawanchik Marican memberitahu bahawa Anwar memberitahu Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur, dia telah dipukul di kepala dan ditempeleng hingga berdarah dari hidung dan bibirnya dan dia tidak diberi rawatan perubatan selama lima hari. Semasa dipukul mata Anwar ditutup dan kemudian Anwar pengsan sepanjang malam itu sehingga pagi. Pawancik memetik ucapan Anwar di mahkamah,"Saya disuruh berdiri dan saya dipukul dengan keras dibahagian kiri dan bahagian kanan kepala saya. Saya dipukul keras

juga di sebelah kiri tengkuk. Kemudian saya ditempeleng dengan keras, kiri dan kanan, hingga darah meleleh keluar dari hidung dan bibir saya. Esok paginya di mata saya terdapat bengkak yang besar. Saya tak boleh membuka mata saya. Ia menjejaskan penglihatan mata kiri saya." Beliau juga tidak dapat berjalan dengan betul selama beberapa hari.

"Saya merayu beberapa kali minta jumpa doktor. Selama lima hari rayuan itu tidak dilayan." kata Anwar.

Kata peguamnya lagi, kemudian Anwar ditahan dalam sebuah bilik berasingan. "Saya meminta hendak jumpa doktor. Besoknya seorang doktor perempuan datang merawat saya. Bila saya hendak membuat laporan polis tiada siapa yang hendak menolong saya." kata Anwar.

Selepas tujuh hari, Anwar dibenarkan berjumpa dengan seorang pegawai jabatan siasatan jenayah yang memanggil pegawai kanannya ,yang kemudiannya memanggil dua orang doktor dari Hospital Kuala Lumpur untuk merawat matanya yang bengkak itu.

Kata Pawanchik lagi, Anwar kemudian memberitahu hakim Mahkamah Sesyen itu supaya melihat matanya yang bengkak itu. "Lihatlah keadaan ini," kata Anwar kepada hakim itu. "Selepas 10 hari yang arif boleh bayangkan kenapa mereka enggan membenarkan jumpa saya lebih awal," sambung Anwar.

Kata peguam itu, hakim memerintahkan Anwar supaya diperiksa oleh doktor semasa dalam tahanan polis.

Sepatutnya Anwar yang terjamin dari sebarang penganiayaan mengikut Seksyen 73 Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), telah dilanggar sendiri oleh warga penegak keadilan dan keamanan.. Mungkin inilah profesional yang Rahim Noor dan PM maksudkan. Rakyat makin meluat dan benci bila hal ini diketahui oleh umum diseluruh dunia dan di waktu yang sama bila ditanya Anwar dalam keadaan baik. Percayalah dengan polis dan kami sentiasa mengamalkan profesional yang tinggi.

Menggeletar tangan dan kaki saya bila terngiang-ngiang suara PM yang sering mengugut rakyat dan menipu rakyat. Semasa sidang akhbar di kediaman rasminya Sri Perdana 26 September 1998. PM mengatakan bahawa walaupun Anwar sepatutnya dihadapkan ke mahkamah awal minggu ini, tetapi ditangguhkan bagi mengelakkan rusuhan lebih besar yang mungkin menyebabkan kecederaan kepada orang awam. Apa katanya lagi. "Kerajaan sebenarnya memang mahu menghadapkan Anwar ke mahkamah. Bagaimanapun,pengikutnya akan bertindak bagi menyekat Anwar ke mahkamah dengan melakukan rusuhan."

Inilah alasan yang diberi kepada rakyat melalui tukang tulis wartawan akhbar tempatan yang begitu setia sekalipun ia benar-benar bercanggah dengan nilai etika wartawan. PM memang sengaja tidak menjemput wartawan asing dengan alasan mereka berat sebelah tetapi sebenarnya ada muslihat jahat untuk memerangkap wartawan tempatan agar soalan sensitif dari wartawan asing

tidak mempengaruhi mereka.

Terdapat juga wartawan asing yang memang tidak berminat dengan PM sebab suka buat kenyataan berdolak dalih. Apa yang dilihat dengan apa yang dinyatakan bagaikan langit dan bumi.

Sebenarnya apa yang saya hendak tekankan di sini ialah bagaimana PM sanggup menipu rakyat dengan tidak memberi alasan yang sebenar mengapa Anwar tidak dapat dihadapkan ke mahkamah pada hari tersebut. Hakikatnya Anwar setelah di belasah oleh polis,keadaan fizikal dan mentalnya amat daif dan jika dibawa ke mahkamah sudah tentu peguam Anwar akan menggunakan poin ini untuk mengecam polis, KPN dan MDN. Perkara ini terbongkar apabila Anwar sendiri memberitahu mahkamah dan bukti deraan masih kelihatan seperti dalam dialog diatas.

Begitu juga kononnya Anwar sudah merancang agar pengikutnya mengadakan rusuhan bagi menggagalkan pembicaraan. Ini juga suatu pembohongan yang sepatutnya tidak boleh dimaafkan oleh rakyat.

Hilang kepercayaan kepada PM wajib disuarakan ke semua peringkat masyarakat dari desa hingga ke kota. Dari peladang hingga ke ahli-ahli Parlimen. Pembohong dan pendusta juga termasuk kategori bermoral rendah. Sebuah rencana dalam *Berita Minggu* 4 Oktober 1998 telah bersetuju bahawa rendah moral bukan sahaja dari salah laku seks malahan mungkin lebih besar lagi jika salah guna kuasa. Sepatutnya PM rasa malu dengan diri-

nya dan tuhannya sebab bermoral rendah yang selalu PM jadikan senjata untuk menikam Anwar juga melekat erat dengan PM. Gambaran bermoral rendah seperti ini baru di atas permukaan sahaja jika di korek maka terkeluarlah segala tembelang yang lebih dahsyat. **(Buku yang akan datang)**

Dr. Wan begitu terharu bila melihat Anwar berkeadaan begitu dan beliau telah meminta penjelasan dari Menteri Dalam Negeri dalam dakwaan ini. Dalam sidang akhbar 30 September, PM seperti biasa dengan muka selamba dan memberi jawapan provokasi. "Nampaknya dia sudahpun mengalami apa yang awal-awal lagi dia ramalkan. Ramalannya ialah kalau dia ditangkap, dia akan diseksa. Dan kita dapat bukti dia diseksa dan ini akan meraih simpati kepadanya.

"Kalau nak kata dia rancang atau tidak,saya tak berani tetapi kemungkinan kalau dia sengaja menimbulkan kemarahan (polis) atau dia berbuat sesuatu yang menyebabkan pihak polis terpaksa menahannya daripada memberontak.

"Dia juga mungkin berbuat sesuatu yang menyebabkan polis terpaksa menggunakan kekerasan, mungkin dalam proses itu juga terjadi kecederaan yang kita lihat."

Kenyataan ini sebenarnya membuatkan penyokong Anwar menjadi meluap. Mungkin dengan cara ini PM berharap akan muncul lagi mereka yang berani menentang dan mengadakan demonstrasi. Terutama orang-orang yang belum dikenal pasti oleh PM yang menjadi

penggerak demonstrasi. Bila demonstrasi berlaku terus ketua-ketua pertubuhan yang telah dikenali rakyat seperti ABIM, JIM, PKPIM dan mana-mana kumpulan yang biasanya tidak agresif akan ditahan ISA lagi. Provokasi seperti ini sangat berkesan ke arah itu apatah lagi setelah GERAK bergerak ke seluruh negara dan digerakkan oleh PAS.

Alasan untuk menahan di bawah ISA buat kali kedua amat konkrit dan mereka tidak akan dilepaskan lagi dengan segera seperti pertama kali. Dalam kenyataan PM juga bagi memenangkan tindakan pihak polis dan secara tidak langsung seolah-olah membenarkan tindakan tersebut atau mungkin beliau sendiri yang mengarahkan tindakan tersebut amat nyata dari ucapannya, "Banyak orang yang sudah masuk tahanan polis, tetapi tiada bukti mereka (polis) melakukan kecederaan ini sebagai satu proses mereka."*

"Dalam kes Anwar ini, saya tidak nampak satu faedah pun bagi polis untuk membuat sesuatu kepada Anwar kerana mereka tidak perlu mendapat pengakuan daripadanya."

"Kita tahu kerap kali orang Pakistan,Bangladesh dan orang dari West Hindies (Hindia Barat) dipukul oleh polis di negara tertentu. Keganasan polis bukan terhad kepada negara Asean dan negara bukan Eropah."

---

* Kenyataan ini adalah dusta (sila lihat lampiran komen terhadap buku Arqam, *Tersungkur Di Pintu Syurga*."

"Negara Eropah juga memperlihatkan keganasan polis dan saya harap ini tidak akan digunakan oleh media asing untuk menarik perhatian daripada perbicaraan terhadap kesalahan Anwar."

PM sering menggunakan alasan yang berulang-ulang terhadap semua tindakan polis dan terus menyatakan polis profesional,polis kita lebih baik dari polis di Amerika dan polis di Eropah. Alasan ini diterima tetapi bukanlah dengan tujuan untuk mengiakan tindakan yang salah dan tidak berperikemanusiaan.

Rakyat umumnya bukan mahu dengar alasan seperti ini, ini alasan pelepas diri namanya. Adakah profesionalisme dalam polis ini berbeza dari satu tempat ke satu tempat? Yang pasti,mesti sama yang berbeza hanyalah pelaksanaannya sahaja. Alangkah baiknya jika polis membuat fokus dan paradigma baru bagaimana untuk memastikan profesionalisme ini terlaksana. Jika PM (MDN) ambil sambil lewa hal ini, tunggulah saat kemusnahan institusi polis dan akhirnya diganti oleh institusi *'gangster'* tapi bertauliah.

Berkaitan dengan hal ini, beberapa pemimpin politik dan pertubuhan bukan kerajaan(NGO) menggesa MDN dan KPN memberi penjelasan yang penuh dan jujur berhubung perkara itu. Dr. Chandra berkata, "Perbicaraan ke atas Anwar harus dilakukan dengan adil supaya seluruh dunia akan mengetahui perkara sebenar berhubung serangan itu." Dr. Chandra mencadangkan supaya satu kumpulan doktor memeriksa keadaan fizikal Anwar

sekerap mungkin dan melaporkan keadaan mengenai keadaan Anwar. Lim Kit Siang juga menyeru rakyat supaya bersuara bagi menuntut diadakan siasatan menyeluruh dan tidak berat sebelah berhubung dakwaan berkenaan dan mendesak mereka yang bertanggungjawab dibawa ke muka pengadilan.

Naib Presiden Majlis Peguam, R R Chelvarajah mendesak supaya siasatan diadakan terhadap dakwaan serangan berkenaan bertujuan memastikan Anwar dilindungi daripada serangan lain atau sebarang ancaman berbentuk fizikal. "Kenyataan pihak berkuasa baru-bari ini bahawa Anwar dalam keadaan selamat tidak begitu tepat."

"Majlis Peguam meminta Menteri Dalam Negeri mendakwa mereka yang terbabit dalam serangan itu kerana menyebabkan kecederaan yang teruk."

Ustaz Fadhil Nor menggesa supaya satu suruhanjaya bebas diwujudkan bagi menyiasat tuduhan itu. Beliau berkata,keluarga Anwar dan NGO yang mempertahankan keadilan wajar diberi peluang menghadiri perbicaraan itu.

Apakah PM hendak berdalih lagi? Semakin lama tekanan semakin kuat dan tanpa disedari simpati rakyat makin menebal. Walaupun tuduhan di mahkamah terus menjadi bahan serangan secara langsung terhadap Anwar. Namun keyakinan rakyat masih belum tergoyah selagi belum ada bukti yang benar-benar kukuh.

PM dan jenteranya masih giat menggunakan poin pendakwaan di mahkamah ini sebagai bukti kukuh me-

ngapa beliau memecat Anwar dan menahan di bawah ISA. Antara paling terkedepan ialah Ghafar Baba, hingga sanggup pergi ke Indonesia dengan membawa akhbar tempatan untuk membuktikan tindakan PM betul dan Anwar tidak layak jadi PM. Di depan 50 wartawan Indonesia dan luar beliau dengan bangga mengatakan sekarang telah terbukti bahawa Anwar bersalah dengan pengakuan Dr. Munawar dan Sukma. Tetapi sangkaan itu amat meleset sekali apabila kebanyakan wartawan itu telah pun mendapat langsung berita lebih benar dari Damansara Height Malaysia.

Sekumpulan Jemaah Islam Indonesia telah menghantar memorandum kepada kedutaan Malaysia di Indonesia supaya mengarahkan Ghafar Baba balik segera ke Malaysia kerana beliau telah menyentuh beberapa perkara yang amat sensitif bagi masyarakat Indonesia dan di waktu yang sama mereka lebih kenal dan percaya terhadap Anwar dari Ghafar Baba. Tak ada kerja, nak cari kerja.

Menurut salah seorang peguambela, PM terus menyerang Anwar dengan puluhan macam tuduhan selepas gagal meyakinkan rakyat dengan afidavit.

Ahli Parlimen Tanjong, Lim kit Siang meminta PM menjelaskan tentang isu penahanan Anwar di bawah ISA. PM berkata, "Dia ditahan mengikut ISA kerana hasutan mengadakan rusuhan. Kita nasihat jangan buat tetapi dia buat juga. Orang macam ini dia nak cuba apa kerajaan boleh buat terhadap dia sebab dia nak jadi orang yang begitu berani, kena tangkap pun tak apa."

## Kenyataan Dari Akhbar Asing.

### DPR Menuntut Gaffar Baba Minta Maaf

JAKARTA — Pernyataan bekas Timbalan Perdana Menteri Malaysia Gaffar Baba pada wartawan Indonesia mengundang kecaman dari kalangan DPR RI. Sejumlah anggota DPR dari Komisi I kelmarin menilai pernyataan Baba menyinggung martabat bangsa Indonesia, dan mantan pejabat tinggi Malaysia itu harus menarik kembali pernyataannya dan meminta maaf pada wartawan Indonesia.

Ahad (27/9) lalu, Gaffar Baba yang menjabat sebagai wakil PM Malaysia sebelum Anwar Ibrahim mengadakan sidang akhbar di hotel Shangri-la Jakarta. Dalam pertemuan itu, Gaffar antara lain mengatakan bahawa wartawan Indonesia terpengaruh pemberitaan dan sudut pandang wartawan asing mengenai Malaysia.

Gaffar juga menyerang pembelaan wartawan Indonesia terhadap Anwar yang dia nilai tak sesuai dengan keberadaan Anwar sendiri. "'Saya dengar gaya hidup (homoseksual) Anwar boleh diterima di Indonesia, jadi silakan saja jika Anda menganggapnya pantas sebagai pemimpin. Di Malaysia, kami tak boleh menerima orang yang memiliki perilaku homoseksual kerana itu melawan hukum," katanya. *

---

* Usahkan rakyat Indonesia, rakyat Malaysia pun tak boleh percaya ini. Sama-samalah kita menolak pemimpin seperti mereka ini sama ada di Malaysia atau Indonesia.

- Kata Saidina Ali "Ucapannya betul, tetapi maksudnya batil."

Dalam kesempatan itu, Gaffar juga menunjukkan sikap tak sukanya pada pengacara Adnan Buyung Nasution yang menggalang kelompok Solidaritas untuk Anwar bersama sejumlah tokoh lainnya. Buyung, katanya, tak perlu menggalang dukungan moral dan material bagi Anwar karena dia telah dibela oleh setidaknya 70 pengacara kelas dunia.

Wang yang terkumpul dari hasil penggalangan itu lebih baik diberikan pada rakyat Indonesia yang memerlukannya," katanya.

Menurut Ketua Pelaksana Harian KISDI, Sumargono SE, permitaan agar Gaffar dipulangkan, karena utusan Umno itu dinilai telah melecehkan wartawan, rakyat, dan politisi Indonesia seperti yang disampaikannya dalamsidang akhbar di Jakarta, Ahad lalu.

# Serangan Akhbar Melalui Watak Kartun




## Komen

Yang ni idea Sanusi Junid...Yang pelik-pelik tu daripada dialah...

- Kera panjat pokok kelapa.
- Makan ulam.
- Rahsia air nyok.
- Kampung buku.

La ni ngorat bini sendiri... idea dia baguih tapi kadang-kadang berlebih sangat, contoh :

- Pelajar-pelajar sekolah dijemput ke UUM untuk hadiri ceramah kerjaya...rupa-rupanya ceramah seks...yang ni bahaya...PM tolong tengok dia ni... kipas terlampau juga tak baguih... api padam.

Sanusi Junid : Api padam tak apa... jangan aku padam sudahlah... macam Osman Aroff akhirnya PM tolong padamkan...?




Komen : Orang tua memang lagu tula… Dah tak laratkalo lama-lama nanti dua-dua pula jatuh. Orang muda jatuh tak pa… tulang kuat lagi.




**Komen :**

Orang suruh sokong yang hampa pi pikui buat pa…Yang ni dinamakan taksub… "ada otak buat sup".

## Bukti Mahathir Dan Konco-konconya Terlibat Dalam Konspirasi

### Transkrip Ucapan Penting Mahathir Kepada Mafia Umno.

*(Ini adalah transkrip ucapan Mahathir kepada beberapa orang ahli Mafia Umno termasuk beberapa orang ahli Majlis Tertinggi iaitu Daim Zainudin, Sabarudin Chik, Sanusi Junid, Ibrahim Ali, Mohamad Rahmat dan Rafidah Aziz. Turut hadir ialah Rahim Tambi Chik dan Ghaffar Baba. Tempat pertemuan ialah di Sri Perdana pada hari Khamis, 5 November. Transkrip ini bocor menerusi saluran di Pejabat Umno)*

MAHATHIR: Saya nak memaklumkan kepada tuan-tuan yang hadir pada malam ini beberapa perkembangan yang berlaku di negara ini dan langkah-langkah yang perlu kita ambil untuk mengatasinya. Pertama tentang

sokongan terhadap Anwar oleh orang-orang Umno. Daripada maklumat yang saya terima, banyak orang Umno di peringkat cawangan semakin menunjukkan tanda-tanda memihak kepada Anwar. Banyak kali saya dimaklumkan yang ketua-ketua cawangan yang menjadi ahli Pas. Mereka berkempen memburuk-burukan pemimpin-pemimpin Umno. Setiap hari saya menerima laporan daripada Umno Bahagian tentang isu ini. Dalam hal ini saya ingin meminta kerjasama tuan-tuan supaya membendung perkara ini daripada terus berlaku. Kita kena faham dalam isu ini, ahli-ahli Umno sebenarnya marah dengan pimpinan Umno yang kononnya menurut pendapat mereka, pimpinan parti telah menganiaya Anwar. Sebab itu mereka marah. Saya tak nafikan mereka ini penyokong Anwar sejak dulu lagi. Mereka keluar Umno sebab mereka nak tunjuk protes. Dengan berbuat demikian mereka harap mereka dapat menyampaikan sesuatu signal kepada pucuk pimpinan parti. Kita kena faham mereka ini tak boleh bersuara cara lain.

Mereka kebanyakan bukan perwakilan ke perhimpunan agung Umno. Jadi itulah sebabnya mereka lepaskan perasaan marah mereka dengan menganggotai PAS. Saya fikir hal ini mudah kita atasi. Kita sejukkan hati mereka. Kita buatlah apa-apa muslihat supaya mereka ini dapat lepaskan geram dan marah mereka kepada Umno dalam Umno. Sebelum ni kita larang mereka dengan alasan menentang parti. Sebab itu saya meminta supaya Ketua-Ketua Umno peringkat bahagian kena ambil tanggungjawab ini. Dengar mereka marah, sabarlah

dengar dengan protes mereka. Kalu mereka boleh bersuara nanti lembutlah sikit. Kemudian kita tabuk janji pada mereka nak sampaikan kepada pucuk pimpinan parti bila ada kesempatan. Saya ingat mereka cepat sejuk cara macam ni. Jangan kita takut-takutkan mereka dengan ancaman atau tindakan disiplin parti sebab lawan Presiden. Sebab itu saya tak setuju dengan keputusan Jawatan Kuasa Disiplin Umno yang diketuai oleh Datuk Najib dan Datuk Abdullah dalam isu tindakan yang dikenakan kepada ahli-ahli Umno yang diberi surat tunjuk sebab kerana ini akan menjadikan Umno parti yang tak disayangi oleh ahli-ahli. Nanti mereka sabotaj Umno. Saya mahu keputusan itu ditangguhkan supaya mereka itu ada reserve terhadap Umno. Kalau kita pecat mereka, mereka akan masuk parti lawan. Nanti pengikut-pengikut mereka pun akan turut masuk parti lawan. Susahlah kita nak hadapi pilihanraya.

**Isu kedua** tentang bagaimana kita nak hadapi orang Umno yang terus memberi sokongan kepada Anwar. Saya fikir soal ini masih belum dapat kita cari penyelesaian yang sebaik-baiknya. Dulu kita arahkan jentera parti supaya berkempen hentam Anwar. Kita kata macam-macam tentang keburukan Anwar. Ada banyak yang kita tambah pun! Nampaknya dari laporan yang saya terima strategi tu tak begitu berkesan. Mungkin kerana bila kita hentam orang jadi simpati pada Anwar. Orang Melayu ni mudah simpati, itu kita mesti ingat. Dulu kita tak teliti soal ini sebab tiba-tiba saja Anwar tak nak letak jawatan. Sebab tu saya akuilah bahawa saya bertindak pada masa

tu lebih banyak ikut emosi. Geram tenguk kepala batu tu. Jenis tak takut bila kita gertak. Saya nak supaya round kedua ni kita lebih diplomatik sikit. Kita kata Anwar memang pemimpin yang banyak berjasa. Dia buat Bank Islam, Universiti Islam, Insuran Islam dan banyak projek Islam lain. Itu kita kena akuilah. Tapi Anwar ni guna Islam untuk dapat pengaruh politik. Yang sebenarnya dalam diri dia masih banyak yang tak betul. Maksiat, zina, liwat ni jadi perkara biasa yang selama ini berjaya disembunyikan. Tapi jangan ceritalah macam mana dia sodomise Munawar, Sukma dan lain-lain tu. Orang susah nak caya. Sebab nanti orangtanya balik, kita tengok ke? Guna diplomasi sikit. Tun Ghaffar dan Rahim kena buat strategi lain. Yang kita bincang dulu nampak gaya tak boleh pakai la ni"

**Perkara ketiga** soal maklumat. Saya dah terima laporan Jawatankuasa Politik MTEN tentang pengaruh Internet menyibarkan berita anti-kerajaan. Ramai sungguh yang dah kemaruk Internet la ni. Dua minggu lalu, net surfers yang melawat Home page penyokong Anwar nak sampai 10 juta. Saya terkejut dengar laporan tu. Tapi melihat kepada media massa kita, saya fikir para penyokong Anwar akan terus melawat home page itu. Sebab tu saya dah arahkan semua ketua pengarang akhbar supaya beri ruang sikit kepada berita sebenak tentang Anwar. Sebelum ni kita arahkan supaya *twist the story.* Kalau laporan mahkamah tu biak pi lah bubuh berita yang agak pro Anwar. *I donít mind* sebab orang Melayu tak minat baca prosiding mahkamah yang teknikal. Yang

sensasi saja yang depa suka. Kalau tidak nanti orang tak baca surat khabar untuk tau cerita mahkamah. Depa baca Internet pula. Lagi sakit kita bila Internet lebih mereka percaya. Pengarang-pengarah akhbar juga komplain tentang *circulation* yang makin menurun. Saya kata, sabarlah kita tengah berjuang. Kalau apa-apa yang buruk berlaku seperti kerugian besar sebab tak boleh *cover cost*, jangan sampai buang pekerja. Nanti rakyat lebih marah kepada kerajaan. Tak apalah nanti kita cari jalan macam mana nak bantu surat khabar. Untuk makluman tuan-tuan, jualan Utusan merosot ada ketikanya sampai 40%. Jualan Berita Harian dan NST merosot 25%. Ini tak pernah berlaku sebelum ni. Dalam kegawatan ekonomi sekarang, teruk lagilah kewangan syarikat ini. Star agak naik sikit sebab dia lebih berani. Sebab tu ZAM dan Kadir komplain bagaimana kita tak ambil tindakan terhadap Star yang guna advantage nampak kadang-kadang tak begitu pro-kerajaan. Saya harap dalam soal ni, Tun Daim dan Tuk Mat main peranan lebih sikit. Bantu surat khabar yang ada masalah kewangan. Kata pada semua editors, kurang *circulation* tak apalah. Nanti kita tanggung sikit. Tapi masej mesti terus macam yang diarahkan dulu.

**Keempat**, dan barangkali perkara terakhir sebelum tuan-tuan mengemukakan apa-apa pandangan, ialah tentang prosiding di mahkamah. Siang tadi, *court* telah buat keputusan supaya surat Said Awang kepada saya dikemukakan ke mahkamah. Saya dah bincang dengan KPN dan AG supaya surat itu di *release*. Kalau tidak nanti orang kata kerajaan macam-macam. Susah kita nak

jawab. Surat itu penting sebab cerita tentang konspirasi nak jatuhkan Anwar. Tak apa nanti saya *cover*. Tun Daim tak perlu takutlah. *Your name will not be tarnished. I know what to do.* Dalam surat khabar Internet, AFP dah buat report tentang surat tu. *I am sure others will follow.* Sekarang ni pun kita kena lebih bijak bila menjawab laporan akhbar terutama sekali kalau ditemu-ramah oleh media asing. Mereka tu tak terikat dengan mana-mana dasar kita. Soalan dia pun banyak yang *critical* tak macam *local journalists...* (ketawa) *...too straight forward and coward.* Kena faham baik-baik apa yang mereka nak kita buat kesalahan. Media asing memang akan hentam Umno, mereka nak lanyak kerajaan. Itu agenda mereka. Jadi kita kena faham betul-betul. Jangan kita masuk perangkap mereka. Nanti kalu susah kita. Sebab dunia tengah perhati kita. Apa yang terjadi dalam court dalam kes Anwar ni penting untuk masa depan pelaburan asing di sini. Saya juga agak terkejut bila Alvin Toffler hentam saya dalam Los Angeles Times. Saya dapat laporan tulisan dia tu jugak disiar di banyak negara Arab. Duta kita ke Saudi beri laporan tulisan itu terbit dalam Saudi Gazette pada 3 November. Ini susah sikit sebab Toffler ni penasihat MSC. Kalau penasihat dah kata jangan melabur di Malaysia, apa nak jadi. Saya ingat saya nak protes, nak tulis dalam akhbar yang sama jawab Toffler. Tapi Tun Daim kata jangan sebab nanti orang lebih *concern* tentang apa yang sedang berlaku di Malaysia. Kalau ada yang mereka tak setuju, tentang *prosiding* mahkamah, polis atau ISA, nanti mereka *pull out*. Susah

kita nanti. Sebab itu saya nak beberapa orang menteri kanan pergi sendiri ke Amerika, Britain, Jepun, Australia, Perancis untuk jelaskan isu Anwar. Kata pada mereka, kita mesti tunggu posiding mahkamah selesai sebelum buat keputusan. Kalu mereka masih tidak mahu melabur di Malaysia, kita kena beri jaminan yang lebih kebebasan maklumat dalam Internet sebagaimana yang termaktub dalam cyberlaws jika mereka anggotai MSC. Sebab itu dalam kes Anwar ni kita tak boleh monitor Internet. Sebenarnya kita monitor juga untuk tahu apa yang tersebar. Kita dah luluskan peruntukan RM20 juta untuk cover tentang isu Anwar menerusi Internet. Tapi kita tak boleh switch off terus. Kalau kita buat macam tu, mampuh MSC. Saya nak jelaskan di sini bahawa kita komited dengan MSC. Kita dah belanja berbilion untuk MSC. Jabatan Perdana Menteri pun dah kita rancang beroperasi dalam kawasan MSC. Kalau tak silap saya, perancangan hingga tahun 2005 melibatkan RM35 bilion untuk pembangunan MSC. Banyak dah kita belanja. Sebab itu MSC kena berjaya dan saya tak mahu isu Anwar ini, well I have to admit that I have done some fundamental mistakes, menyebabkan MSC tergendala. *I hope the message is clear.* Saya bukalah majlis ini kepada tuan-tuan kalu ada yang nak dibincangkan.

*(Antara Mahathir dengan Tunku Abdul Rahman, siapa yang lebih dibenci oleh rakyat. Ikuti perasaan Mahathir terhadap Tunku Abdul Rahman dalam surat beliau yang seolah-olahnya pada waktu itu Mahathir mewakili rakyat.)*

## SURAT MAHATHIR KEPADA TUNKU ABD RAHMAN

Di bawah ialah terjemahan surat yang pernah ditulis oleh Dr. Mahathir kepada Allahyarham Tunku Abdul Rahman Putra sebagai balasan kepada surat Tunku kepadanya berkenaan kenyataan Dr. Mahathir mengenai kehadiran MCA dalam Perikatan selepas pilihan raya pada 10 Mei 1969.

Yang Mulia Tunku,

Saya berasa dukacita kerana saudara salah faham berkenaan tujuan saya membuat kenyataan akhbar. Sebenarnya, tujuan kita serupa, tidak lain dan tidak bukan ialah untuk menyelamatkan negara ini daripada bahaya yang sedang mengancamnya.

Pendapat-pendapat saudara adalah berdasarkan cerita-cerita yang disampaikan oleh orang-orang yang mengelilingi saudara, di mana mereka itu menyampaikan kepada saudara apa yang mereka fikir saudara suka dengar, ataupun apa yang saudara sanggup terima. Di

sini biarlah saya sampaikan kepada saudara keadaan, fikiran dan pendapat rakyat yang sebenar supaya saudara faham tujuan saya membuat kenyataan yang saudara kritik itu.

Sauadara sendiri pernah berkali-kali memberitahu saya bahawa saudara cuba mengelakkan terjadinya rusuhan dengan menggantungkan hukuman mati yang dikenakan kepada sebelas orang anasir subversif Cina. Sesungguhnya punca sebenar berlakunya rusuhan dan banyak kematian sejak 13 Mei ialah sikap dan perbuatan saudara sendiri.

Saudara selalu sahaja "mengalah", di mana saudara berikan apa sahaja yang dituntut oleh kaum Cina. Kemuncak sikap mengalah saudara ialah apabila saudara membatalkan hukuman mati seperti yang saya sebutkan di atas. Perbuatan saudara itu menyebabkan orang-orang Melayu menjadi amat marah Ditambah lagi apabila kaum Cina sedar bahawa baik saudara mahupun Perikatan amat lemah, bacul dan boleh ditolak ke sana sini.

Disebabkan hal itu kaum Cina tidak takut hendak mengalahkan Perikatan, manakala orang-orang Melayu pula tidak mahukan Perikatan. Itulah sebabnya kaum Cina dan India menunjukkan sikap yang sangat biadab kepada orang-orang Melayu pada 12 Mei. Jikalau saudara pernah mengalami peristiwa di mana saudara diludahi, dimaki dan dihina, barulah saudara faham perasaan orang Melayu. Orang-orang Melayu yang saudara sangka takkan menderhaka itu telah hilang kewarasan mereka

sehingga mereka mengamuk dan sanggup dibunuh ataupun membunuh orang-orang yang mereka benci disebabkan saudara sudah sangat melampau. Pihak yang mesti memikul tanggungjawab ke atas kematian orang-orang itu, baik yang Islam mahupun yang kafir, ialah pemimpin yang berpegang kepada pendangan-pandangan yang salah.

Maafkan saya, tetapi di sini saya cuma hendak menyampaikan perasaan orang-orang Melayu kepada saudara. Sesungguhnya, orang Melayu, baik yang dalam PAS mahupun yang dalam Umno, mereka itu amat membenci saudara, terutamanya mereka yang telah dihina oleh kaum Cina dan mereka yang kehilangan rumah, keluarga dan sanak saudara kerana sikap saudara yang terlalu mengalah itu.

Menurut mereka saudara cuma mahu menjadi "Perdana Menteri Yang Gembira" meskipun rakyat menderita. Mereka tahu bahawa sewaktu dalam keadaan darurat sekalipun saudara asyik bermain judi poker dengan kawan-kawan Cina saudara. Anggota-anggota polis berkata saudara menggunakan kenderaan polis dan polis pengiring untuk membawa kawan-kawan poker saudara.

Di satu pihak lagi, kaum Cina sedikit pun tidak hormat kepada saudara Mereka panggil saudara "lurus bendul" dan "membosankan". Mereka juga mengata-ngata saudara dengan kata-kata yang tidak tergamak hendak saya sebutkan di sini. Kata nista itu diucapkan oleh kaum

Cina daripada semua peringkat, daripada cerdik pandainya hinggalah kepada penarik-penarik beca.

Sejak kebelakangan ini nama baik saudara semakin busuk. Orang Melayu dalam perkhidmatan kerajaan, daripada Setiusaha Tetap sehinggalah kepada peringkat paling rendah, termasuk anggota tentera dan polis, tidak lagi menaruh rasa percaya mahupun rasa hormat kepada saudara. Saya tahu bahawa kebanyakan daripada mereka mengundi PAS di dalam undi pos mereka. Pegawai-pegawai Melayu dalam angkatan tentera dan polis, serta anggota-anggota biasa masih patuh kepada kerajaan oleh sebab pada masa ini arahan-arahan kerajaan masih selaras dengan hasrat mereka. Tetapi jika saudara berani mengeluarkan arahan yang tidak mereka setujui, saya yakin mereka tidak akan patuh kepada saudara.

Saya tahu saudara takut sekiranya komunis mengambil kesempatan apabila berlaku huru-hara di negara ini. Saya lebih takut lagi sekiranya kerajaan mulai "tidak dapat mengawal angkatan tentera". Apabila ini berlaku, keadaan tidak akan dapat dipulihkan lagi. Dalam keadaan seperti itu, kerajaan awam sendiri terpaksa tunduk kepada tentera. Saudara sudah biasa menjadi "Perdana Menteri Yang Gembira", tetapi apabila perubahan ini terjadi, rakyat tidak akan menikmati kegembiraan sama sekali.

Saya berdoa saudara tidak akan mendustai diri saudara dengan berkata, "Satu hari nanti rakyat akan memuji tindakan yang saya buat." Tidak mungkin ada orang yang

selama-lamanya dia betul sementara kebanyakan orang lain sentiasa salah. Adalah menjadi harapan saya untuk menyampaikan kepada saudara dengan sebenar-benarnya apa yang ada dalam fikiran rakyat, iaitu sudah sampai masanya saudara berundur daripada jawatan saudara sebagai Perdana Menteri dan Presiden UMNO.

Saya memang sedar akan kuasa yang ada pada saudara, dan saya tetap tidak lupa kepada nasib yang dialami oleh Aziz Ishak. Namun, saya akan gagal dalam memikul tanggungjawab saya jikalau saya tidak menjelaskan apa yang telah saya katakan. Meskipun saya mungkin dipenjarakan, saya tetap akan mengatakan apa yang saya katakan.

Saya diberitahu, saudara mengata saya seorang Pakistan. Saya tidak percaya kepada kata-kata itu kerana saya tahu saudara takkan berkata begitu. Selama ini saya pertahankan saudara apabila PAS menuduh saudara anak Siam dan oleh itu saudara tiada hak memimpin bangsa Melayu. Oleh yang demikian, saudara mesti pertahankan saya walaupun di dalam tubuh saya memang ada dua sudu lagi darah Pakistan.

Sekali lagi saya ulangi di sini bahawa saya membuat kenyataan itu adalah dengan niat menghindari peristiwa-peristiwa yang hanya akan menaikkan lagi rasa kebencian di kalangan orang Melayu terhadap kerajaan, dan yang akan membuatkan kaum Cina bertambah berani menjatuhkan maruah orang Melayu. Rusuhan yang lebih besar akan terjadi jikalau perkara ini dibenarkan. Pasukan

keselamatan tidak akan dapat dikawal lagi. Jikalau T.H. Tan dan dewan-dewan Cina boleh mengeluarkan kenyataan, mengapakah pemimpin-pemimpin Umno tidak dapat saudara benarkan berbuat yang serupa?

Surat ini saya tulis dengan jujur dan ikhlas dan saya berharap saudara akan membacanya sendiri. Saya berdoa mudah-mudahan Allah membuka hati saudara supaya saudara sanggup menerima kenyataan ini kerana ia adalah benar, meskipun ia pahit dan memeranjatkan.

Hamba yang ikhlas,

**Dr. Mahathir bin Muhammad.**

---

Yang pasti rakyat yang diwakil oleh Mahathir dulu sudah tidak percaya lagi dengannya. Apakah salah Mahathir? Terimalah hakikat ini walaupun pahit ...

Bab 5

# KOLEKSI TERPILIH UCAPAN ANWAR

**Ucapan Sdr Anwar Ibrahim dalam forum Gejala Fitnah Pada 6 September 1998 di Pusat Latihan ABIM, Kajang ***

*Alhamdulillahi Rasulahu bil-huda wa dinil-haq Liyuzhirahu ala-dini kullih Wa kafa billahi syahida Wa salli wa sallim ala Rasulihil-karim wa ala ashabihi aj-main Wa man tabi ahum bi ihsanin ila yaumiddin Assal-amualaikum wbt*

Alhamdulillah saya memanjatkan setinggi-tinggi ke-syukuran ke hadrat Allah SWT kerana diberikan kesem-patan untuk menyampaikan sedikit pandangan. Saya mengucapkan tahniah atas kejayaan ABIM, JIM dan PKPIM menganjurkan pertemuan ini dan saya percaya suara, sikap, pendirian, idealisma yang sdr/sdri ingin pertahankan itu akan membawa hasil bagi perjuangan

* Anwar tidak dapat hadir, hanya kaset rakaman sahaja diperdengarkan kepada para hadirin.

umat keseluruhannya. Kita juga mengalu-alukan bentuk kesepakatan, perpaduan, kerjasama dan keakraban yang ditunjukkan oleh rakan-rakan kerana sesungguhnya kerana perjuangan ini akan terhambat andaikata kita tidak adakan titik pertemuan terutama dalam menangani permasalahan yang lebih rumit dan mencabar.

Saya juga berharap supaya barisan kita lebih berhati-hati dalam merangka satu strategi yang dapat diterima pakai bersama. Saya percaya rakan-rakan dapat memahami bahawa jalan perubahan dan pembaharuan, dan reformasi yang kita tuntut itu, likunya, ranjaunya tidak mudah. Saya secara kebetulan mengambil satu permasalahan, tetapi Alhamdulillah bersama dengan Azizah dan keluarga kita nampak masih tabah walaupun bentuk serangan dan pukulan itu tidak kita duga.

Saya bicara dengan teman-teman, dalam sejarah moden dunia, belum ada tokoh atau pimpinan yang pernah dikecam dan dituduh dengan pelbagai kesalahan jenayah yang begitu sekali menyeluruh. Dari salah laku seks kepada pengkhianatan kepada negara, menjual rahsia dan maklumat negara, rasuah dan termasuk tuduhan-tuduhan lain yang dirangka dan direka.

Soal *'sedition'*, soal penyalahgunaan kuasa dalam usaha menekan saksi dan lain-lain. Dan kita juga telah menyaksikan perkembangan ini hampir setahun, dan nyata dalam tempoh enam bulan, lebih-lebih lagi setelah jatuhnya Presiden Suharto dan mula terasa tercabarnya beberapa orang di sini. Saya juga ada maklumat, ket-

erangan bahawa orang-orang penting dalam pemerintah bersekongkol dengan tokoh-tokoh korporat tertentu, memang menaja dan melancarkan kempen serangan ini sekian lama.

Saya akan pertahankan, dengan sesungguhnya, akan segala tuduhan baik bentuk apa sekalipun yang direka dan saya kecam keras bahawa instrumen kerajaan yang sepatutnya profesional dan bebas digunakan sebagai medan serangan politik. Saya tidak bersalah, dan saya malahan terkejut besar kerana sesungguhnya *Wallahi* tidak ada yang lebih parah daripada mereka tuduhan-tuduhan palsu dan malahan menyebut beberapa nama tempat yang tidak pernah saya pijak kaki ataupun yang saya ketahui wujud di Kuala Lumpur ini.

Tetapi nampaknya kerana cemas, takut bukti-bukti tidak kukuh, maka terus direka tiap dua hari sekali satu tuduhan baru. Kita pertahankan prinsip akhlak, kita perjuangkan nilai-nilai Islam. Kita menghormati peranan ulama sebagai benteng pertahanan mental umat. Kita peringatkan umat bahawa sementara sistem pendidikan boleh berubah tetapi dalam perjuangan kita dari dulu, benteng pertahanan umat yang terakhir, kubu yang paling utama yang tidak dapat ditembusi oleh penjajah ialah pondok-pondok dan tokoh-tokoh Islam. Benteng ini cuba dirobohkan. Walaupun saya pada ketika itu Timbalan Perdana Menteri, tentu saya tidak dapat merestui, ataupun tidak melahirkan rasa kesal dengan sikap yang sedemikian. Dan ini menimbulkan kemarahan tambahan;

apa pilihan buat saya, sudahlah terbatas dalam perbicaraan terbuka, mustahil saya boleh diharamkan dari menyuarakan pandangan untuk membetulkan kesilapan dan tindakan melampau, menyindir para ulama dan mengecam pejuang-pejuang Islam.

Allah Maha Besar, kadangkala kerana terlalu ramai terpegun, terpedaya dan tertipu, dijadikan juga kemelut supaya orang membuka mata. Difikirkan kita terlalu pintar mengurus ekonomi, ekonomi kita juga merudum. Difikirkan kita terlalu kukuh dan kuat pandangan dan perjuangan dan model negara Islam, kucar-kacir. Malahan tidak dapat kita pertahankan prinsip keadilan yang asasi untuk rakyat. Jadi ini juga satu pengajaran.

Sebab itu sementara saya minta rakan-rakan terutama di peringkat bawahan UMNO untuk juga menyuarakan pandangan mereka. Saya menggesa pergerakan reformasi dilancarkan, reformasi dikumandangkan dan reformasi adalah gerakan rakyat yang mahu menegakkan keadilan dan membanteras segala bentuk kezaliman. Dan saya percaya Islah dan reformasi ini harus bermula dengan gerakan Islam yang boleh memetakkan, memberikan wadah dan meletakkan garis perjuangan. Semoga Allah SWT memberikan kekuatan.

*Wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Penduduk Nilai Dan Salak Sambut Anwar**

Oleh : Wartawan Reformasi

KUALA LUMPUR 16 Sept. — Penduduk sekitar Salak dan Nilai di Negeri Sembilan telah memberi sambutan besar-besaran kepada pejuang reformasi, Datuk Seri Anwar Ibrahim, semalam ketika beliau tiba untuk bertemu dengan rakyat di Kampung Jijan.

Walaupun kawasannya agak terpencil dan jauh ke dalam dari pekan Salak tetapi itu tidak sekali-kali menghalang orang-ramai dan setengah daripadanya datang dari Seremban, Kajang dan Sepang - untuk mendengar penjelasan bekas Timbalan Perdana Menteri itu.

DS Anwar yang tiba lebih kurang jam 9.00 malam bersama rombongannya kemudian diiring oleh masyarakat sekitar ke rumah seorang rakan yang bersedia menjadi hos kepada tetamu-tetamu dari Kuala Lumpur.

Kampung Jijan adalah persinggahan kelima Anwar selepas mengadakan pertemuan dengan rakyat di Darul Syifa, Bangi; Cherok Tokun, Bukit Mertajam; Pondok Derang, Pokok Sena, Kedah dan Ayer Keroh, Melaka.

Selain daripada tempat-tempat tersebut, beliau turut bertemu rakyat dan sempat menyampaikan ucapan ringkas di Masjid Bukit Damansara sebaik sahaja selesai solat Jumaat dua hari selepas beliau dipecat dan kemudiannya di Masjid Jamek Kampung Baru ketika menunaikan sembahyang Jumaat baru-baru ini.

Sebelum Anwar menyampaikan ucapan, Ruslan Kassim terlebih dahulu berucap dengan memetik nasihat dan kenyataan ulama terkenal dunia, Yusof Qardhawi. Anwar yang menyampaikan ucapannya 20 minit kemudian telah memperjelaskan nasihat dan pandangan Yusof Qardhawi mengenai fitnah yang dilemparkan ke atas dirinya.

Dan atas nasihat para ulama juga, kata Anwar, beliau mengambil keputusan tidak akan melayani permintaan rakan sebiliknya di Kamunting, Senator Ibrahim Ali, yang memintanya bersumpah dengan Al-Quran berhubung semua tuduhan ke atasnya kerana beliau belum lagi didakwa di mahkamah.

Dalam pada itu, Anwar menegaskan, beliau bersedia untuk disiasat termasuk akaun peribadi dan harta benda miliknya.

"Saya berani kerana saya tidak memiliki harta yang banyak melainkan sebuah rumah di Bukit Damansara yang saya beli sebelum saya menjadi Menteri Kewangan. Hari ini saya kembali semula ke rumah yang sama dan saudara semua dijemput datang dan lihat sendiri besar mana rumah saya," ujar Anwar sambil menambah, "Saya berani kerana saya tak buat semua benda itu; tapi mereka yang menyelar saya belum tentu berani mendesak supaya diri mereka disiasat."

Anwar juga berkata, kemungkinan besar pihak berkuasa akan menahannya selepas Sukan Komanwel dan beliau menegaskan, "Saya sudah bersedia untuk yang

terburuk dan InsyaAllah, Tuhan akan menunjukkan kebenaran di akhir episod ini."

**Perisytiharan Permatang Pauh ***

Menyedari gesaan al-Quran yang bermaksud : *"Tidaklah kami mahu melainkan untuk melakukan islah sekuat daya kami."*

Dan berilhamkan tradisi budaya-budaya Asia yang keseluruhannya menganjurkan pembaharuan diri dan masyarakat;

Dan menginsafi bahawa Malaysia kini dicengkam kemelut yang dahsyat dan memerlukan kekuatan dalaman untuk bangun semula;

Maka kami rakyat Malaysia yang berbilang bangsa dan agama bertekad untuk melancarkan gerakan reformasi yang menyeluruh;

Gerakan reformasi yang terpancar perjuangan hati nurani, dari kesedaran bahawa sesungguhnya diri manusia itu mulia dan merdeka, mempunyai hak dan tanggungjawab, diri manusia haram dizalimi dan diaibkan, haram di belenggu dan disekat tanpa mengikut proses dan undang-undang yang adil;

Gerakan reformasi untuk menegakkan keadilan untuk semua, yang kuat dan yang lemah, yang kaya dan yang

* Disampaikan semasa "road show" di Permatang Pauh.

miskin; membersihkan institusi dan proses undang-undang dari dicemari oleh penyalahgunaan kuasa dan rasuah;

Gerakan reformasi untuk mendaulatkan kuasa rakyat melalui proses demokrasi. Democrasi itu satu kemestian, kerana semangat keadilan yang ada dalam diri manusia membolehkan demokrasi dilaksana, tetapi kecenderungan manusia untuk berlaku zalim menjadikan demokrasi satu kewajipan;

Gerakan reformasi untuk memperjuangkan keadilan ekonomi, menjana pertumbuhan dan pengagihan yang saksama, jangan yang kaya bertambah kaya yang miskin papa kedana. Dunia ini mencukupi untuk keperluan semua, tetapi tidak mencukupi untuk memenuhi kerakusan individu;

Gerakan reformasi untuk membanteras rasuah dan penyalahgunaan kuasa, mengikis manipulasi pasaran oleh segelintir golongan rakus dan maha kaya;

Gerakan reformasi untuk memperkukuhkan jaya diri budaya yang dinamis, setia kepada warisan bangsa yang murni dan terbuka kepada segala yang baik dari semua budaya;

Gerakan reformasi untuk membawa bangsa Malaysia ke zaman maklumat dan dunia tanpa sempadan, menjana kebijaksanaan, keyakinan dan keterbukaan untuk menjalin persahabatan sejagat berdasarkan prinsip kebenaran dan keadilan.

Kami akan menggerakkan reformasi ini dengan aman, mengikut semangat perlembagaan dan bernafaskan prinsip pemerintahan undang undang.

Masanya telah tiba. Bersatulah untuk reformasi.

*Permatang Pauh*

*12 September 1998*

# Kenyataan Anwar Melalui Internet

**ANALISIS BERITA**

## "SAYA BUKAN LAGI AHLI TAPI SAYA TETAP CINTAKAN UMNO" – ANWAR *

Oleh **ROZAID A. RAHMAN**
(Yang Melaporkan Dari No 8, Jalan Setiamurni 1, Bukit Damansara)

**KUALA LUMPUR 10 Sept.** — Bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim semalam menjawab pertanyaan para pemberita mengenai dakwaan bahawa beliau menggunakan platform gerakan reformasi untuk menyerang UMNO dengan menegaskan ; "Saya mungkin bukan lagi sebahagian daripada parti tetapi saya tetap sayang, cinta dan percaya kepada idealisma perjuangan UMNO."

Sambil menegaskan supaya pihak-pihak yang mendakwa beliau berbuat demikian membuktikannya, Anwar bertanya lagi, "Saya nak tanya... apa kenyataan yang saya buat yang menyerang UMNO. Saya tidak menyerang UMNO kerana UMNO adalah parti yang saya dukung dan saya bersama rakan-rakan yang lain telah membantu membinanya dengan sungguh-sungguh sebelum dan sesudah pilihan raya," tegas Anwar dalam sidang akhbar hariannya di sini petang semalam.

Beliau juga mengingatkan bahawa tanggungjawab membina UMNO selepas krisis 1987 bukan kerja seorang atau dua di dalam parti, Anwar mengingatkan bahawa tanggungjawab itu dipikul oleh ramai lagi.

"Saya ingin tegaskan bahawa soal menegur kelemahan-kelemahan dalam pentadbiran kerajaan. Memang saya lakukan sebagai Timbalan Perdana Menteri. Saya tegur... saya tegur keras tentang rasuah... saya tegur keras tentang penyelewengan... saya tegur keras kerana kadang-kadang peruntukan tak sampai kepada kumpulan sasar dan tegur keras tentang pembaziran.

"Jadi sejak bila saya tidak boleh tegur kerajaan ini dan sejak bila kerajaan ini dah sampai satu tahap di mana siapa saja ditegur dianggap sebagai penentang kerajaan... ini yang saya perlu jelaskan," ujarnya.

Kelmarin (Selasa, 8 September), Perdana Menteri telah memberikan penjelasan kepada wakil-wakil UMNO bahagian mengenai sebab-sebab Anwar dipecat dan banyak tertumpu kepada soal moral dan rendah moral di mana menurut Dr Mahathir Mohamad, beliau memecat timbalannya kerana sudah tidak percaya lagi yang beliau (Anwar) layak mengambil alih teraju kepimpinan negara ekoran dakwaan tersebut.

Menurut Dr. Mahathir, beliau semakin percaya bahawa Anwar melakukan perkara-perkara yang dituduhkan ke atasnya setelah Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid Megat Ayub membawa saksi-saksi wanita berjumpa dengannya. Setelah ditemubual semua saksi-saksi ini, Dr. Mahathir merumuskan bahawa dakwaan-dakwaan dan pertuduhan ke atas Anwar adalah benar dan oleh itu beliau tidak layak mengambil alih kepimpinan negara.

Dalam sidang akhbar di kediamannya sehari selepas itu, Anwar menjelaskan kepada para wartawan, "Saya telah memberikan penafian yang sekeras-kerasnya bahawa tuduhan-tuduhan itu bukan sahaja palsu dan direka tetapi sampai sekarang... sampai hari ini, pihak polis masih menjalankan siasatan, masih menyoalsiasat saksi dan saya melihat telah sampai ke satu tahap di mana memaksa saksi-saksi membuat kenyataan. Maknanya selagi siasatan belum selesai maka belum ada kes dan bukti yang nyata. Jadi sekarang ini dipanggil seorang demi seorang, dengan harapan lebih ramai yang mengaku. Ini yang menimbulkan masalah, dan ini yang saya bantah dan ini bukan prinsip keadilan.

"Bila saya jawab, mereka kata saya menentang kerajaan dan menentang UMNO. Saya tidak menentang UMNO. Saya merayu supaya ahli-ahli UMNO memahami bahawa saya terpaksa mempertahankan diri saya. Sampai hari ini siasatan masih diteruskan. Kawan-kawan dan saudara ditangkap, dipanggil masuk. Dan cara dipanggil itu seolah-olah dengan kasar, ditahan di suatu tempat, dibawa begitu sahaja.

"Semalam Setiausaha Sulit Kanan saya di Kementerian Kewangan, Saudara Mohamad Ahmad ditahan dari dalam keretanya dan kemudian disoal-siasat dengan cara yang cukup kasar. Ini bukan cara kita mengendalikan

---

* Kenyataan ini harus dipertimbangkan kembali oleh Anwar di atas sikap lebih berhati-hati dengan Umno yang sudah jelas dipertikaikan oleh rakyat. Umno benar-benar berada di persimpangan yang berjuram. "Arm"nya seringkali berkata "No".

undang-undang di negara hukum. Ini adalah cara yang kasar dan ini yang saya bantah. Apakah dengan memberi teguran ini bermakna saya menentang UMNO?. Saya nak tanya, sejak bila UMNO bersetuju dengan cara kasar dan ganas yang mengenepikan prinsip undang-undang dan keadilan.

"Dan berkaitan dengan itu juga ugutan tentang penangkapan yang lain masih diteruskan supaya semua anggota keluarga saya dan rakan-rakan saya dan pegawai-pegawai di pejabat saya dulu hidup dalam keadaan cemas. Kalau dipanggil dengan cara baik saya dah beritahu dari dulu lagi, kalau ada maklumat yang diperlukan nak ditanya cara baik, boleh tanya. Tapi tak perlu ugut. Macam kes adik angkat saya, Sukma ditahan di bawah 117.

"Yang saya tahu, 117 ini dikenakan ke atas kes-kes yang agak berat, kemudian dihadapkan ke Mahkamah Majistret untuk menyambung tahanan sehingga dua minggu. Tetapi dalam kes Sukma, dia tak dibawa ke mahkamah. Sebaliknya Majistret dipanggil cepat-cepat ke Bukit Aman kemudian terus ditahan untuk selama dua minggu. Peguam pun tak sempat pergi. Jadi kalau macam itu caranya, esok jika ada kes pun dengan berdasarkan saksi-saksi yang dipaksa, macam mana saya nak dapat menyatakan bahawa ini adalah berdasarkan prinsip keadilan dan undang-undang," jelas Anwar.

Namun begitu, apa yang menarik untuk direnungi ialah kebimbangan Anwar mengenai keadilan dalam menegakkan undang-undang di negara ini. Katanya, jika sebagai bekas Timbalan Perdana Menteri di negara ini, beliau, keluarga dan kakitangannya dilayan sebegitu rupa, bagaimanakah pula dengan nasib rakyat jelata. Atas kebimbangan dan keperihatinan itulah beliau menyatakan tidak setujunya dengan cara ini.

"Inilah yang saya maksudkan dengan reformasi. Ia adalah satu tuntutan ke atas keadilan pelaksanaan undang-undang. Ini yang saya ketengahkan, bukan hendak lari daripada masalah pribadi sebagaimana yang dikatakan oleh beberapa rakan karib saya dalam kerajaan dan kabinet," kata Anwar lagi.

Pun begitu, ketika menjawab soalan-soalan mengenai dakwaan rendah moral sehingga itu dijadikan alasan untuk memecatnya dari kerajaan dan parti, Anwar dengan tersenyum dan nada yang sinis berkata; "Saya ucapkan terima kasih kerana Perdana Menteri memberi penjelasan dan kerana dia ambil berat betul soal moral sekarang ini. Saya minta dia siasat semua orang…saya tidak minta kawan-kawan dianalisa tentang moral masing-masing. Tetapi kalau dibuat begitu, janganlah saya dijadikan mangsa…janganlah saya dianiayai. Sekarang ini saya dianiayai kerana sampai sekarang mereka tahu mereka berhadapan dengan masalah nak membuktikan dakwaan ini. Sampai sekarang saksi-saksi dipaksa, didera dan ditimbulkan kesulitan supaya mereka membuat kenyataan yang sesuai dengan kehendak polis. Ini bukan keadilan namanya….," tegas Anwar.

Anwar bersyukur kerana ketika menghadapi saat-saat paling getir dalam hidupnya dokongan dari rakyat begitu menyeluruh sekali. Ini agak luar biasa kerana propaganda dan kecaman penghinaan terhadap peribadi beliau begitu kuat sekali. Tetapi rakyat masih datang dalam hujan dan panas untuk mengucapkan selamat dan bersabar kepadanya dan Dr. Wan Azizah. Mereka datang untuk mendukung cita-cita untuk meneruskan reformasi. Dan kesemuanya hadir secara sukarela – tidak diatur pertemuan dan tidak dipanggil untuk mendengar ucapan.

Dan pada peringkat sekarang ini, Anwar sentiasa menasihatkan mereka supaya patuh kepada peraturan dan undang-undang tetapi pada masa yang sama perjelaskan konsep gerakan reformasi yang hendak dibawanya. Jangan kita harap wang atau pangkat atau kekayaan yang boleh merubah keadaan. Kita harap semangat dan kekuatan rakyat sendiri. Mereka yang membantu menyebarkan maklumat. Jadi semuanya mesti bermula dengan meningkatkan kesedaran dan kefahaman tentang keperluan reformasi di negara ini.

Perlu dijelaskan gerakan ini bukanlah satu gerakan untuk menjatuhkan Kerajaan Malaysia atau satu gerakan untuk membenci Dr. Mahathir tetapi ia adalah satu gerakan kesedaran tentang peranan dan tanggungjawab masing-masing dalam membetulkan keadaan – jika ada kesilapannya.

Kini sudah seminggu beliau dipecat, Anwar masih, alhamdulillah, sihat dan menerima keputusan ini dengan sabar, dan Dr. Wan Azizah serta keluarga nampaknya tenang menghadapi ujian ini. Atas kepercayaan bahawa gerakan reformasi yang dibawa oleh Anwar ini benar dan ikhlas, maka sebab itulah rakyat dari pelbagai kaum serta peringkat datang sejak dari awal subuh dan terus datang sehingga pukul dua tiga pagi.

Demi reformasi, mereka sudah tidak mengenal bulan dan bintang lagi. END

***LAPORAN EKSKLUSIF WARTAWAN REFORMASI***

# KEHADIRAN MELAUT RIBUAN MANUSIA

Oleh **ROZAID A. RAHMAN**

KUALA LUMPUR 14 Sept. — Tiga hari yang berlalu – bermula dari Darul Syifa' Bangi pada hari Jumaat kemudian bergerak ke Cherok Tokun, Bukit Mertajam dan Pondok Derang, Kedah pada hari Sabtu dan semalam di Ayer Keroh, Melaka - pejuang reformasi, Anwar Ibrahim yang mula turun ke bawah bertemu rakyat telah diberi sambutan wira oleh beribu-ribu manusia .

Kehadiran yang melaut orang-ramai dari pelbagai lapisan latarbelakang dan ideologi politik di kesemua tempat tersebut membuktikan bahawa rakyat biasa tidak menerima bulat-bulat segala dakwaan yang dijatuhkan ke atas bekas Timbalan Perdana Menteri itu walaupun media-media tempatan terlebih dahulu menjatuhkan hukuman ke atasnya dengan pelbagai reaksi tokoh-tokoh UMNO dan kerajaan yang kini "menghentam" bekas orang nombor dua dalam negara ibarat seorang penjenayah.

Walaupun Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata beliau tidak berhajat untuk menghalang pertemuan-pertemuan antara Anwar dengan rakyat asalkan ia dilangsungkan dalam suasana aman namun terdapat insiden di mana beliau dihalang daripada berucap dan yang terbaru di Melaka semalam, program di mana sepatutnya beliau memberi ucapan penutup, pihak berkuasa telah membatalkannya dan memadam lampu dewan.

Namun, itu semua tidak menghalang rakyat daripada terus menunggu dengan sabar dan mereka tidak berganjak selama berjam-jam walaupun Anwar dilarang berucap dan program rasmi beliau dibatalkan.

## PROGRAM PERTAMA DI BANGI

Darul Syifa' merupakan destinasi pertama Anwar Ibrahim turun bertemu rakyat setelah seminggu berkampung di kediamannya di Jalan Setiamumi 1, Bukit Damansara. Program di Darul Syifa' di mana Prof. Dato' Dr. Harun Din menjadi hos Jumaat lalu dijadualkan bermula selepas solat Isyak. Namun begitu sejurus sebelum Maghrib, orang-ramai telah pun membanjiri surau berhampiran dengan kediaman Harun Din.

Menjelang Isyak, jumlah manusia yang membajiri Darul Syifa' dianggarkan melebihi 35,000 orang. Anwar dan rombongannya tiba pada pukul 8.45 malam. Ketibaannya disambut dengan laungan "Reformasi" sebanyak empat kali. Beliau terus diiringi ke kediaman Harun Din.

Pada ketika ini, jumlah manusia menjadi semakin ramai dan pihak penganjur telah menaikkan skrin besar di jalan hadapan Darul Syifa untuk memudahkan mereka yang berada di belakang menyaksikan ucapan Anwar. Malang sungguh, beberapa minit kemudian, jurucakap majlis telah mengumumkan bahawa pihak penganjur tidak dibenarkan mengada ceramah mahupun sebarang ucapan.

Beribu orang yang sedang menanti ucapan sulung Anwar di luar kediamannya itu mengeluh kecewa. Namun begitu tidak seorang pun yang mengangkat kaki. Mereka menunggu dan terus menunggu dengan harapan jika tidak dapat mendengar ucapan Anwar, bersua wajah dan bersalam dengannya pun jadilah.

Oleh itu mereka tidak berganjak sehingga jam 11.30 malam. Program tersebut telah ditukar menjadi program sembahyang hajat dan doa. Beribu manusia yang membanjiri Darul Syifa turut menunaikan solat hajat.

Tidak lama selepas itu, Anwar mula bergerak pulang dan sekali lagi manusia berebut-rebut untuk bersalaman dengannya. Ada yang sempat berkata, "Datuk Seri, bersabarlah kami tidak percaya dengan semua dakwaan karut itu," ada yang menjerit "keadilan untuk Anwar " dan ada yang berkata "Kami dokong gerakan reformasi".

## BERTOLAK KE PERMATANG PAUH

Selepas dua kali membatalkan niat untuk pulang ke kampung halamannya, Anwar Ibrahim akhirnya membulatkan hati. Beliau tidak mungkin dapat menghampakan orang kampung dan para pengundinya buat kali yang ketiga.

Beliau berlepas pulang bersama-sama Dr.Wan Azizah dan anak-anak bersama rombongan penyokong dan bekas staf menjelang tengah hari Sabtu menuju ke rumah asalnya di Cherok Tokun. Sudah sedia menanti di kampung ialah ibu bapanya, adik beradik yang lain, ahli-ahli jawatankuasa UMNO bahagian Permatang Pauh, rakan-rakan dari parti komponen Barisan Nasional serta rakan-rakan dari jauh dan dekat.

Menjelang pukul 4.00 petang, orang-ramai sudah banyak berkumpul. Sementara menunggu ketibaannya, para petugas sukarela Gerakan Reformasi mengedarkan bahan-bahan bacaan dan berita terkini mengenai sambutan jemaah Masjid Jamek Kampung Baru ketika Anwar menunaikan solat Jumaatnya di situ.

Para petugas juga mula menjual buku terbaru bertajuk "Penjelasan Anwar" berharga RM5 senaskhah yang mengandungi transkrip penuh wawacara para wartawan dengannya sehari selepas beliau dipecat serta transkrip penuh sidang akhbar kedua beliau mengenai isu ujian DNA.

Buku tersebut yang dicetak sebanyak 5,000 naskhah hampir habis dijual di Permatang Pauh dan di Darul Syifa.

Anwar dan rombongannya tiba di pekarangan rumahnya pada lebih kurang jam 4.00 petang. Beliau disambut bagaikan seorang wira dan pejuang keadilan dan rakyat oleh ribuan penyokong dan pengundinya. Beliau kemudiannya masuk berehat buat seketika. Program di Tokun bermula dengan ucapan suhung yang disampaikan oleh Pemangku Ketua UMNO Bahagian Permatang Pauh di mana Anwar pernah menjadi ketuanya.

YB Datuk Ahmad Saad yang menyampaikan ucapan ringkas sekali lagi merayu bagi pihak UMNO Bahagian dan para pengundi Parlimen Permatang Pauh kepada Perdana Menteri meminta beliau menimbangkan rayuan agar Anwar diterima balik sebagai ahli parti. Selepas itu, Ketua UMNO Bahagian Bukit Bendera, YB Datuk Ahmad Ismail pula menyampaikan ucapannya. Beliau turut menyatakan pendirian yang sama.

Pada tepat pukul 5.38 petang, barulah Anwar muncul menyampaikan ucapannya dan ternyata beliau amat terharu dengan sokongan rakyat walaupun dirinya menjadi mangsa tohmahan. "Sejak dulu sampai sekarang, saya belum pernah menyaksikan sokongan yang begitu padu

daripada rakyat jelata... nyatalah pangkat dan wang ringgit tidak ada makna sekiranya rakyat membenci kita," ujarnya.

Anwar pun selepas itu mengumumkan Perisytiharan Permatang Pauh yang merupakan piagam rasmi Gerakan Reformasi Rakyat yang antara lain beriltizam untuk memperjuangkan keadilan, mendaulatkan kuasa rakyat, mempertahankan keadilan ekonomi, membanteras rasuah, memperkukuh jatidiri dan semangat keterbukaan dan berazam untuk mengerakkan reformasi ini secara aman dan bernafaskan prinsip pemerintahan undang-undang.

## SERATUS RIBU SAMBUT ANWAR DI KEDAH

Sejurus selepas Maghrib, rombongan Anwar berlepas ke Pondong Derang, dekat Alor Setar di mana beribu orang sanggup berjalan kaki sejauh lebih tiga kilometer dari tempat mereka meletakkan kereta untuk mendengar ucapan Anwar. Lebih 100,000 orang membanjiri pondok berkenaan termasuk sebahagian besarnya pengikut Pas dan mereka yang tidak berparti.

Jalan menuju ke pondok berkenaan penuh sesak dengan manusia dan salah seorang penjual air memberitahu, kereta sudah tidak dapat meneruskan perjalanan pada jarak satu kilometer dari tempat ceramah.

Malah ramai juga yang hampa kerana mereka tidak dapat lagi bergerak ke hadapan pada jarak 1,000 meter dari tempat ceramah dek kerana terlalu ramai manusia yang berhimpit-himpit untuk menuju lebih dekat dengan pentas.

Walaupun kepenatan dan dengan suara yang semakin serak, Anwar kembali menjadi bersemangat apabila menyaksikan beribu orang sanggup datang dari jauh semata-mata untuk mendengar penjelasannya.

## BERTEMU RAKYAT TETAP DITERUSKAN WALAU PROGRAM DIBATALKAN

Anwar yang bermalam di kediamannya di Tokun kembali ke Ibu kota pada sebelah tengah hari Ahad dan beberapa jam selepas merehatkan badan dan minda, beliau pun bersiapsedia untuk kembali turun ke padang bertemu rakyat – kali ini di Ayer Keroh, Melaka.

Program di Melaka sebenarnya ialah program penutupan Karnival Pendidikan Teknologi tetapi menjelang Maghrib, pihak berkuasa Tapak Ekspo Ayer Keroh memaklumkan kepada orang-ramai, majlis penutupan yang sepatutnya disempurnakan oleh Anwar terpaksa dibatalkan atas sebab-sebab yang tidak dimaklumkan.

Pada ketika ini, salah seorang staf Gerakan Reformasi telah menelefon Anwar memaklumkan pembatalan itu. Namun Anwar menegaskan bahawa beliau dimaklumkan program tersebut tidak dibatalkan dan akan tetap turun ke Melaka. Ternyata keputusannya itu tidak silap. Walaupun benar program itu kemudiannya dibatalkan juga, tetapi kehadirannya tidak menghampakan lebih 50,000 orang yang membanjiri tapak ekspo itu walaupun lampu jalan dan dewan telah "dipadamkan". Mereka masih tidak berganjak walau dalam kegelapan.

Jika Anwar yang tiba jam 9.00 malam membuat keputusan untuk membatalkan perjalanannya ke Melaka, sudah tentulah ini akan menghampakan rakyat yang telah sedia menanti kedatangannya. Benar sungguh, kenderaan yang membawanya telah diserbu oleh rakyat Melaka di pintu masuk

ke tapak ekspo itu sehingga menyebabkan ia tidak dapat bergerak ke hadapan lagi. Hanya beberapa minit kemudian barulah mereka dapat bergerak lebih jauh ke hadapan sehingga ke jalan menuju ke tempat letak kereta Dewan Hang Jebat di mana majlis rasmi berkenaan sepatutnya berlangsung.

Untuk tidak menghampakan mereka yang hadir, Anwar terus menyampaikan ucapannya dan selepas itu diikuti penjelasan ringkas isterinya yang telah bertemu dengan Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd Ali pada hari suaminya dipecat dari kerajaan. Anwar dengan lebih bersemangat berucap menggunakan alat pembesar suara dari bumbung pacuan empat roda yang membawanya dengan Wan Azizah.

Malah rakyat Melaka enggan membenarkan beliau berhenti berucap walaupun selepas sejam menerangkan sebab-sebab mengapa beliau dipecat dari UMNO dan Kerajaan.

Di pertengahan ucapannya, beliau telah didatangi oleh Timbalan Ketua Polis Negeri Melaka yang bertanyakan permit untuk beliau berucap di situ. Anwar dengan senyuman manis memaklumkan bahawa bersama-samanya terdapat sepucuk surat yang ditandatangani oleh pihak polis Melaka yang mengesahkan bahawa beliau tidak memerlukan permit polis sekiranya datang untuk merasmikan majlis penutup program tersebut.

Malangnya kata Anwar setibanya di sini, beliau dapati dewan telah menjadi gelap dan majlis itu dibatalkan oleh pihak berkuasa tapak ekspo tanpa notis awal. Soal orang ramai yang berkumpul di situ, Anwar menegaskan mereka pada mulanya datang untuk menghadiri program penutup itu tetapi apabila tidak dibenarkan memasuki pekarangan dewan, orang-ramai tidak mempunyai pilihan melainkan menunggu kedatangannya di luar dewan.

Hanya menjelang jam 11.15 malam, barulah Anwar dapat beredar dari situ.
Dan mereka yang menunggunya sejak awal malam tadi pulang dengan wajah yang jelas dan puas kerana hari ini mereka telah mendengar dengan kepala telinga mereka sendiri penjelasan daripada orang yang selama ini mereka ragui selepas membaca mengenainya dalam dada-dada akhbar sahaja.

Dan malam ini (Isnin 14 September) seperti biasa Anwar akan berada di Bukit Damansara menanti kedatangan rakyat yang tidak dipaksa mahupun diupah untuk datang tetapi tetap bertandang atas rasa prihatin dan semangat reformasi.
END

# Gambar Sekitar Perhimpunan Di Masjid Negara (20/9/98)






20 9 '98



# Gambar Sekitar Perhimpunan Di Dataran Merdeka (20/9/98)







20 9 '98



## Peristiwa Penahanan Anwar Di Kediamannya Pada 20 September 1998.

Setelah demonstrasi aman di Dataran Merdeka selesai lebih kurang jam 7.00 malam, kumpulan demonstrasi terpecah kepada tiga kumpulan. Kumpulan pertama pergi ke masjid Negara untuk solat Maghrib, terus balik dan satu lagi ke PWTC. Yang di PWTC, selepas solat terus berarak ke Sri Perdana. Di sini saya tegaskan bahawa setakat yang saya tahu tidak ada seorang pun yang ke sana membawa senjata atau pun alat-alat untuk membakar. Dakwaan PM kononnya ada yang hendak membakar rumahnya adalah merupakan hasutan dan provokasi PM kepada polis. Malahan jika kes ini dijadikan alasan untuk menahan Anwar di bawah ISA adalah tidak munasabah sebab pemergian kumpulan ini ke Sri Perdana adalah dengan kehendak mereka sendiri bukan arahan daripada Anwar atau mana-mana pertubu-

han yang menganjurkan demonstrasi aman itu. Saya sendiri mendengar ucapan Anwar semasa di Masjid Negara, "Ada yang mengajak saya untuk pergi ke Sri Perdana,tapi saya kata nanti dulu!...kita pergi ke Dataran Merdeka sudah cukup." Apa yang berlaku mungkin ada yang tersilap dengar kerana pembesar suara tidak begitu jelas bagi menampung manusia melebihi seratus ribu orang.

Setelah saya menunaikan solat Maghrib di Masjid Negara, saya terus ke rumah Anwar dan solat Isyak berjemaah di situ. Selepas solat Isyak seperti biasa para wartawan dalam dan luar negeri sedang menunggu di depan pintu bersebelahan ruang solat untuk mengadakan sesi laporan akhbar dari Anwar. Sementara itu saya sempat bersembang dengan Ustaz Nakhai dan rakan-rakan lain di ruang solat dalam rumah Anwar. Lebih kurang selepas sesi akhbar bermula sepuluh minit, tiba-tiba kedengaran laungan takbir "*Allahuakbar, Allhuakbar, Allahuakbar*, polis!!!," bergema. Takbir terus bergema dari seluruh pelusuk dalam rumah dan luar rumah, lelaki,wanita,tua,muda,anak-anak semuanya turut serta. Anwar yang sudah bersedia dengan keadaan itu meminta semua yang ada termasuk para wartawan, kaum keluarganya, teman-teman dan pelajar agar bertenang. Takbir makin kuat dilaungkan tanpa henti. Darah menyirap ke seluruh tubuh dan rasa takut sudah tiada lagi. Entah apa sebabnya tidak siapa yang tahu cuma di telinga yang terdengar hanyalah "*Allahuakbar,...*." Anwar dan be-

berapa orang yang agak sudah berumur turut menenangkan suasana.

Suasana makin panas bila beberapa orang polis memecahkan tingkap dan pintu rumah Anwar. Para wartawan terutama dari luar negeri tanpa memberi peluang terus merakamkan insiden itu. Mereka mungkin dapat hadiah dari syarikat mereka kerana dapat menyaksikan sendiri bagaimana polis Mahathir menangkap musuh yang tidak ada apa-apa senjata. Berita itu sudah tentu meletup kerana *'Asian Tiger'* yang selama ini dilihat seperti seorang yang sangat bermoral tinggi rupanya bermoral menjilat lantai. Pada malam itu rahsia PM yang dihormati sebelum ini oleh dunia berkecai seperti kaca tingkap yang dirakam dan disiarkan ke seluruh dunia pada malam itu juga oleh (CNN).

Cermin berhemburan di lantai dan para polis ala ninja melompat masuk sambil bersiap sedia. Kaum wanita yang ada di situ menjerit dan menggeletar ketakutan sambil menjerit, "Anjing Mahathir, anjing Mahathir". Dan bersahutan dengan, "*Allahuakbar*." Ruang solat mungkin bertukar menjadi arena pencak silat pahlawan Melayu jika tidak ditenteramkan oleh Anwar. Suasana itu terus ditenangkan dan para pemuda yang terus bersiap sedia walaupun tanpa senjata mengawal Anwar. Polis juga nampaknya faham keadaan itu harus di tenangkan dan kalau bertempur pun tidak ada gunanya sebab Anwar dan orang-orangnya tidak bersenjata. Malahan beliau sendiri yang turut mententeramkan keadaan.

Suasana panas bertukar kepada suasana yang amat sayu apabila doa dibacakan oleh Ustaz Nakhai dan di-*amin*kan oleh ribuan manusia yang ada disitu. Azizah sejak dari awal tadi meletakkan pipinya di dada suaminya agar ketenangan dan ketabahan terus bersama Anwar. Anwar memang tenang sekali dan di waktu yang sama kedengaran suara tangisan dari beberapa orang yang berada di situ. Mereka sedar kekuatan manusia sebenarnya milik Allah. Kezaliman pasti dibalas dengan kezaliman. Fitnah akhirnya pasti terbongkar. Hanya pada Allah mereka berserah.

Kemudian Anwar , peguam dan beberapa orang pegawai polis masuk ke dalam rumah. Polis ala ninja masih disitu dan berdiri kaku. Rupa-rupanya di luar, Ruslan Kasim telah pun ditahan dan dibawa ke balai polis dengan sebuah van. Menurut teman-teman yang berada di luar ramai juga polis yang di peringkat bawahan bersimpati dengan Anwar dan rakan-rakannya. Mungkin juga bila takbir bergema membuatkan hati mereka rasa gerun dan kesian. Ada seorang pegawai polis mengalir air matanya bila melihat suasana itu. Dia berlakon atau memang sungguh-sungguh tidak siapa yang tahu. Yang pasti suasana memang mengharukan kepada siapa sahaja yang berada di situ. Bayangkan orang nombor dua di Malaysia, setelah dilucutkan dengan berbagai fitnah dan tuduhan kemudian dia membela dirinya dengan mengadakan sesi penerangan ke seluruh Malaysia akhirnya di tangkap. Alasannya,Anwar mengancam keselamatan negara. Mungkin ada yang cuba menyembunyikan fitrah hatinya

dan menafikanya. Tetapi hati kita ini milik Allah, jika seseorang yang teraniaya membela diri dengan ikhlas tidak ada hati dalam dunia ini yang tidak mempunyai perasaan kesian. Di waktu yang sama hati tadi akan membenci tanpa dipaksa kepada sesiapa yang membuat aniaya.

Lebih kurang satu jam di bilik bersama peguam, Anwar, isteri dan anak-anaknya keluar melalui pintu belakang menuju ke van polis. Takbir terus bergema dan lambaian tangan Anwar menghilang dicelah ribuan manusia. Di pertengahan jalan Anwar dipisahkan dari van keluarganya ke sebuah kereta polis yang lain. Berpisahlah mereka buat seketika dan entah bila mereka akan dapat bertemu lagi. Namun mereka sudah boleh belajar menerima hakikat hidup sebagai anak seorang pejuang. Demikianlah pesanan Anwar kepada anak-anaknya, **"Papa adalah pejuang."** *(ucapan lengkap pada lampiran) (bab vii.)*

## MESEJ PEJUANG REFORMASI SAUDARA ANWAR IBRAHIM:

Saudarar A Rahim (Abdul Rahim Ghouse) dan rakan-rakan. Semoga sentiasa di dalam pemeliharaan Allah swt.

Saya bersyukur dan berbangga dengan komitmen yang saudara dan rakan-rakan tunjukkan. Perjuangan harus diteruskan membanteras rasuah dan kezaliman dan menegak keadilan.

Tekankan usaha ke arah menyalur maklumat sebanyak mungkin kepada rakan-rakan dan rakyat di Malaysia.

Salam kepada semua rakan yg membantu.

Salam Reformasi

Wassalamualaikum.

## Ruangan Pesanan Untuk Pejuang

# REFORMASI

*Aduh.. Aduh...*
*Berombak dada dihempas badai fitnah,*
*Tak siapa yang dengar dan sedikit yang reti,*
*Rakyat besar jadi kerdil meronta-ronta depan mata-mata hantu raya,*
*Nilai dirinya direntap paksa,*
*Hatinya dibakar hangus dan tersalai dibawah mentari adu domba,*
*Telinganya ditulikan agar berita fitnah bermaharajalela,*
*Mata dicungkil paksa supaya buta kezaliman,*
*Berhemburan darah wira atas riba tapi masih bernyawa,*
*Rakyat kerdil dihumban tanpa belas,*
*Merangkaklah ia menyapa hiba,*
*Tiba-tiba beribu suara menggegar buana,*
*Allahuakbar...Allahuakbar...Allahuakbar*
*Tubuh longlai menunggu rebah dipapah oleh tangan-tangan biasa yang punya rasa dan berbisa,*
*Wajah lesi bertukar bagaikan besi dibakar,*
*Merah dan berhaba,*

*Lalu bergemalah dari hatinya nada pahlawan,*
*Reformasi—Reformasi—Reformasi*

*Dari celah lubang angin bilik puaka,*
*Si gila kuasa dirasuk tawa,*
*Ah...Ah...Ah berdekah-dekah,*
*Hatinya berbicara,*
*"Rasakan, kuku besiku sudah mengena",*
*Hilaian tawa disahut berjela dari pak turut yang tak habis-habis angguk kepala dan mabuk cita-cita,*
*Dalam alpa sang gila terus mengena,*
*Selepas ini tak tahu giliran siapa,*

*Reformasi tidak peduli dengan hasutan dan ugutan,*
*Apatah lagi dari si gila tua atau sigila muda,*
*Denyutnya makin terasa ke seluruh bandaraya,*
*Bahangnya terus melata ke rakyat jelata,*
*Walaupun makhluk sasa dan tenteranya menyimbah air,*
*Namun bahang terus meluap,*
*Menyambar setiap hati rakyat yang sering didera,*
*Angin Reformasi terus bertiup bersama bahangnya,*
*Rakyat yang lena terjaga dan mula meraba punca,*

*Kini bahangnya benar-benar membakar,*
*Angin kencang Reformasi sudah melepasi laut,udara dan darat,*
*Pendokongnya tetap kental membatu,*
*Penyokong tiba merempah ruah bagaikan ada suara membisik ditelinga,*
*Gagah dan megah,*

*Ya inilah himpunan niat dan tekad baru yang tidak peduli suku,*
*Reformasi,*

*Reformasi,*
*Merembat siapa saja yang berpingat durjana,*
*Melonglaikan langkah para konglomerat yang gian darah rakyat,*
*Kuku besi direnggut dari penguasa mabuk kuasa dan cinta takhta,*
*Tunduklah mereka yang tak pernah belajar adab,*
*Nepotisma dan kronisma dibungkus dan dipos ke belantara,*
*Disana,*
*Biarkan suku sakatnya memuja tanpa rasa dosa dan hina,*
*Biarkan...biarkan... si P terbenam dengan si Mnya,*
*Rakyat sudah hilang rasa,*
*Akibat terlalu lama terseksa,*
*Rakyat bangkit kerana sakit dan disepit,*
*Tiada maaf bagimu,*
*Dan besok belum tentu ada untuk mu,*
*Kini rakyat bersatu kerana satu,*
*Ya mahukan.... Reformasi,*

*Tunggu... nanti kita saksikan,*
*Masanya sudah hampir tiba,*
*Si P dan si M akan melutut meminta-minta,*
*Mengemis subsidi takhta dan kerusi,*
*Rakyat pun terus mengherdik hina,*

*Biarkan...biarkan...si P terbenam dengan si Mnya,*
*Biarkan...biarkan...biarkan*

*Si P dan Si M merayu lagi,*
*Menabunglah mereka dengan air mata bertimba-timba,*
*Agar rakyat berubah hati,*
*Tidak...*
*Tempoh subsidi simpati sudah berakhir,*
*Baki yang ada hanyalah*
*Reformasi... Reformasi... Reformasi,*

*Rupanya si P dan si M memang tak kenal malu dan tak faham bahasa,*
*Terus merintih dan merayu,*
*Maaf, rayuan kamu ditolak,*
*Tempat rayuan hanya ada di negeri selepas mati,*
*Semoga kamu berjaya,*
*Menjawab soalan Qadhi Maha Adil di mahkamah Allah Rabbul Jalil,*

*Kami pejuang Reformasi*
*Berhajatkan hanya satu,*
*Menang sebagai pahlawan atau gugur sebagai syuhada.*
*Amin....*

**6 ptg lOhbSept. 1998**
**Sri Gombak.**
**Abu Miqdad**

BAB 6

# KESAN SELEPAS ANWAR DAN RAKAN-RAKAN DITAHAN DI BAWAH ISA

## Sokongan Rakyat Semakin Padu Terhadap Anwar

### Kiriman surat-surat sokongan

**Surat Abd Rahim Ghouse Kepada PM.**

YAB Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad
Presiden UMNO Merangkap
Perdana Menteri Malaysia,
Jabatan Perdana Menteri,
Jalan Dato' Onn, Kuala Lumpur

Dato' Seri,

Didahulukan dengan doa semoga Dato' Seri diberikan taufik oleh Allah SWT agar Dato' Seri sentiasa dalam

keimanan dan diberikan pengampunan oleh Allah s.w.t.

Izinkan saya untuk terus kepada maksud dan tujuansaya mengutuskan surat saya ini. Walaupun agak berat tetapi inilah isi hati saya sebagai rakyat. Pertamanya, saya ingin menyatakan rasa kecewa saya dengan tindakan Dato' Seri sejak kebelakangan ini yang jelas mengenepikan prinsip keadilan.

Dato' Seri telah menghukum dan memalukan Dato' Seri Anwar dan keturunannya sebelum mahkamah membicarakan kes Dato' Seri Anwar. Berbeza dengan kes Rahim Thamby Chik, Dato' Seri begitu mempertahankan prinsip keadilan dan keluhuran undang-undang tetapi dalam kes Dato' Seri Anwar, tindakan Dato' Seri seolah-olah mempunyai sebab lain yang lebih besar.

Keduanya, saya amat kesal dan sedih kerana sebagai pemimpin yang selama ini mengkritik semua orang tidak demokratik rupa-rupanya, semua sifat buruk yang Dato' Seri lemparkan kepada orang sebenarnya ada di dalam diri Dato' Seri. Buktinya, dalam kes Dato' Seri Anwar, Dato' Seri telah menjadi polis, pendakwa dan hakim malah Dato' Seri juga dalam laporan akhbar menyebut Dato' Seri Anwar telah berdosa. Apakah ini bermakna Dato' Seri telah meletakkan diri sebagaiTuhan yang boleh menentukan hukuman berdosa atau tidak ke atas diri seseorang.

Saya ingin bertanya kepada Dato' Seri sejak bilaDato' Seri mengutamakan soal moral di kalangan ahli-ahli

kabinet Dato' Seri. Malah di kalangan anak-anak Dato' Seri apakah moral mereka boleh dijadikan ikutan? Kalangan Menteri Kabinet, saya boleh sebut siapa yang duduk di Jockey Club, Jalan Ampang berkepit dengan GRO, saya boleh beritahu Menteri mana yang kepit sampai dua orang perempuan di Hotel Grand Hyatt Jakarta, Menteri mana yang sanggup atur komplot bunuh Mustakizah, malah saya ingin mencabar Dato' Seri untuk menafikan pendedahan Puan Marina Yusof, bekas Ahli Majlis Tertinggi UMNO bahawa Dato' Seri sendiri ada hubungan sulit dengan ahli keluarganya. Saya cabar Dato' Seri jawab semua perkara ini, janganlah guna alasan moral untuk menjatuhkan Dato' Seri Anwar sedangkan pada masa yang sama Dato' Seri sendiri bukan sahaja dikelilingi oleh kalangan Menteri yang kaki betina, kaki minum tetapi Dato' Seri sendiri dituduh punya skandal dengan ahli keluarganya Puan Marina Yusof.

Apa yang saya kesalkan kini ialah, Dato' Seri Anwar bukan sahaja dihukum tetapi dimalu dan diaibkan. Saya tidak tahulah sama ada Dato' Seri masih percaya kepada hukum Allah atau tidak. Jika Dato' Seri sudah merasakan diri Dato' Seri sama seperti Tuhan hingga boleh menjatuhkan hukum berdosa ke atas seorang yang belum dibuktikan bersalah, mungkin kerana itu Dato' Seri sanggup mengaibkan Dato' Seri Anwar. Malah para Menteri dan Menteri Besar seolah-olah mereka dijamin tidak akan berdosa jika mereka terus menyerang Dato' Seri Anwar.Saya meminta maaf jika surat ini agak kasar tetapi saya rasa inilah cara yang paling layak untuk Dato'

## Demontrasi Secara Aman Yang Bertukar Menjadi Medan Penderaan



**Lari... semburan pihak polis dan FRU yang memedihkan mata dan menyakitkan hati rakyat.**



**Keras... pihak Polis dan FRU bersedia untuk menyuraikan demonstrasi dengan menyembur gas pemedih mata.**



**Dahsyat...jurugambar asing turut terbabit dan diambil tindakan oleh pihak polis.**



Simpati... antara yang ditangkap dalam demonstrasi dan menjadi tahanan ISA.



Kasar... FRU bertindak terhadap orang ramai yang disyaki terbabit dalam demonstrasi.



**Cabut... pemuda ini terpaksa melarikan diri akibat ledakan gas pemedih mata oleh pihak polis dan FRU.**



**Degil... pemuda ini ditangkap dan dipapah oleh SB kerana terbabit dalam demonstrasi.**

Seri buat masa ini.

Saya juga ingin menarik perhatian Dato' Seri terutama semasa Dato' Seri membelasah teruk Tunku Abdul Rahman semasa Almarhum menjadi Perdana Menteri. Dato' Seri kutuk Almarhum Tunku mengutamakan ahli-ahli perniagaan Cina. Kini apa bezanya Dato' Seri dengan Almarhum Tunku. Siapa tidak kenal Tan Sri Eric Chia, Tan Sri Ting Pheik King, Tan Sri Vincent Tan, Tan Sri LeeKim Yew, Tan Sri Lim Kok Wing, Tan Sri Tiong, Dato' Soh Chee Wen, Tan Sri Francis Yeoh, Tan Sri Ananda Krishnan dan Tan Sri Arumugam. Pergi dan balik dari luar negara, yang menunggu Dato' Seri ialah muka-muka tauke ini. Malah dalam lawatan ke luar negara negara, muka-muka ini juga yang ikut Dato' Seri. Ada yang jadi tukang bayar beli seluar, beli baju, kot dan tali leher serta kasut. Semua ini mereka ceritakan. Sebabnya tauke-tauke ini bangga kerana dapat belanja Dato' Seri di luar negara.

Sebagai Perdana Menteri dan Presiden UMNO, di mana maruah Dato' Seri sebagai pemimpin MelayuDato' Seri gunakan wang rakyat bantuVincent Tan untuk teruskan projek monorelnya. Dato' Seri guna wang rakyat beri Tan Sri Tiong, tauke MEC sebanyak RM500 juta untuk bantu selesai hutangnya. Apakah ini bagi Dato' Seri tidak salah dan berdosa? Begitu juga dalam kes Eric Chia, Mana pergi Eric Chia sekarang setelah runtuhnya Perwaja dan kerugian mencapai RM7 billion? Kenapa hingga hari ini susah sangat kes itu hendak dibawa ke

muka pengadilan? Kes Dato' Seri Anwar cepat sangat di bawa tetapi kes Eric Chia simpan lama-lama dalam fail di meja Dato' Seri. Rakyat tahu semua ini. Mereka bukanlah bodoh seperti yang Dato' Seri sangkakan.

Walaupun Dato' Seri sejak 17 tahun memerintah berjaya dengan taktik politik menakutkan rakyat dengan gambaran akan berlaku huru-hara dan sebagainya tetapi kini rakyat Malaysia sudah celik dan mampu menilai mana yang baik dan mana yang buruk. Saya ingin bertanya kepada Dato' Seri akan runtuhkah Malaysia jika orang kritik Dato' Seri? Akan musnahkan Malaysia jika Dato' Seri sudah tiada? Malaysia milik kami rakyat Malaysia bukan harta keluarga Dato' Seri! Jangan takutkan rakyat dengan ancaman kononnya akan berlaku penjajahan bentuk baru dan ada agenda asing. Sebenarnya yang Dato' Seri cuba tanamkan dalam fikiran rakyat ialah ketakutan agar Dato' Seri dan keturunan Dato' Seri selamat Almarhum Tunku dulu hebat dikritik. Namun Almarhum tidak pecat orang sesuka hati, Almarhum Tunku tidak berlagak seperti seorang diktator malah Almarhum Tunku tahu masa untuk dia berundur bukan seperti Dato' Seri yang hendak terus menongkat langit.

Sebelum saya mengakhiri surat saya ini, izinkan saya mengimbas kembali sejarah peribadi Dato' Seri yang memang selama ini diketahui umum. Tujuan saya mencatatkan semula imbasan sejarah ini adalah dengan satu tujuan, iaitu agar Dato' Seri sedar akan perbuatan Dato' Seri dan jika Dato' Seri masih punya sifat seorang

insan, InsyaAllah saya doakan Dato' Seri akan sedar. Berikut saya catatkan secara ringkas dan tepat imbasan sejarah tersebut kerana saya tidak mahu imbasan sejarah ini dipengaruhi oleh emosi dan sentimen

Dato' Seri pernah dipecat dari UMNO. Semasa Dato' Seri dipecat, Dato' Seri tidak diaibkan, maruah Dato' Seri tidak dihina, dicaci seperti yang Dato' Seri lakukan ke atas Dato' SeriAnwar. Walaupun Dato' Seri mengecam hebat AlmarhumTunku, Dato' Seri tidak ditahan di bawah ISA.

Dato' Seri juga semasa dipecat menggunakan mahasiswa universiti untuk menunjuk perasaan menentang Almarhum Tunku dan Dato' Seri sendiri menggunakan Dato' Seri Anwar bagi memimpin gerakan pelajar tersebut. Dato' Seri menggunakan platform PAS untuk mengecam Almarhum Tunku dan UMNO dalam ceramah-ceramah Dato' Seri. Dato' Seri juga menulis surat terbuka kepada Almarhum Tunku yang cukup hebat hingga mendesak Almarhum Tunku meletakkan jawatan. Dato' Seri juga apabila dipecat menghasilkan sebuah buku yang mengkritik orang Melayu hingga buku itu diharamkan. Dan akhirnya, Dato' Seri semasa dalam pemecatan telah 'lari' ke London dan segala perbelanjaan Dato' Seri di London dibiayai oleh Tan Sri Ananda Krishnan yang menyebabkan sehingga hari ini Dato' Seri merasa amat terhutang budi dengan Ananda.

Berdasarkan kepada fakta ini, saya harap Dato' Seri insaf dan sedar. Saya berdoa agar catatan sejarah peribadi

Dato' Seri tidak ditambah dan dicemari lagi dengan insiden yang boleh menghapuskan era kegemilangan Dato' Seri Jadinya, Dato' Seri jangan tipu rakyat. Kami generasi muda Malaysia tidak buta sejarah. Kami kaji sejarah dan kami tahu apa yang telah Dato' Seri lakukan. Ingat umur Dato' Seri tinggal tak berapa hari saja lagi. Datin Seri dan anak-anak Dato' Seri akan tinggal. Jangan ingat mereka akan selamat. Mereka mungkin akan menerima balasan akibat perbuatan Dato' Seri hari ini.

Saya amat yakin, rakyat hanya menunggu masa dan ketika sahaja. Lainlah jika Dato' Seri sudah meninggalkan wasiat kepada anak-anak Dato' Seri supaya meninggalkan Malaysia setelah mengaut kekayaan dan harta rakyat. Akhirnya, demi Allah kita akan bertemu di akhirat nanti. Rakyat akan bertemu dengan Dato' Seri di padang mahsyar. Rakyat tidak akan menghalalkan perbuatan Dato' Seri ke atas penganiayaan yang Dato' Seri lakukan. Demi Allah, rakyat tidak akan berdiam diri untuk menyekat keangkuhan, bongkak, sombong dan takbur yang jelas ada pada sifat Dato' Seri. Bertaubatlah Dato' Seri sementara masa masih diberikan oleh Allah s.w.t. Banyakkanlah sembahyang di waktu malam. Duduklah lama sedikit atas tikar sembahyang semoga Dato' Seri diberikan hidayah oleh Allah. Saya kasihankan Dato' Seri yang masih terus didodoi oleh Menteri-Menteri dan Menteri Besar dengan mimpi indah dan meletakkan Dato' Seri sebagai insan yang benar dalam semua tindakan.

Sekian, semoga Dato' Seri insaf dan bertaubat kepa-

da Allah s.w.t.

Salam hormat dari saya,
ABDUL RAHIM MD. GHOUSE

## KENYATAAN AKHBAR DR. ABDUL RAHIM MD. GHOUSE - DI FILIPINA

Terima Kasih, *Justices 4 all,*

Saya sekarang berada di Manila untuk memberi penerangan kepada masyarakat Filipina tentang perkembangan politik di Malaysia dan menjelaskan bagaimana Dr. Mahathir Mohamad melakukan apa saja - beraja di mata, bersultan di hati - sekadar untuk terus berkuasa.

Semalam saya mengadakan mesyuarat dengan Grand Order of the Knights of Rizal, persatuan yang memberikan penghormatan tertinggi kepada Saudara Anwar Ibrahim kerana sumbangan beliau memperkembangan idea dan perjuangan Jose Rizal di luar Filipina. Pertubuhan tersebut mempunyai cawangan di seluruh dunia dan dianggotai oleh sarjana dan negarawan seperti Raja Sepanyol dan Henry Kissinger.

Semasa saya bermesyuarat dengan Grand Order of the Knights of Rizal, Senator Blas F. Ople yang juga Chairman of Senate Committee on Foreign Relations,

memberikan "privilege speech" bertajuk *"Anwar Ibrahim in prison, Prometheus bound,"* di Dewan Senate. Beliau menyatakan kekagumannya terhadap kegigihan saudara Anwar dalam memperjuangkan kebebasan. Beliau mengutuk penghinaan yang dilakukan terhadap Anwar Ibrahim, penahanannya di bawah ISA dan layanan buruk yang diberikan dibawah jagaan polis.

Beberapa anggota Grand Order of the Knights of Rizal berpendapat bahawa Dr. Mahathir adalah lebih kejam dari Marcos kerana Marcos tidak pernah menghina Banigno Aquino dan Aquino tidak pernah di pukul semasa dalam tahanan. Bahkan rejim komunis juga tidak pernah menghina musuh-musuhnya dengan cara yang begitu jijik. Mereka lebih terperanjat bila mengetahui bahawa yang membelasah Saudara Anwar adalah Ketua Polis Negara sendiri dan seterusnya berpendapat bahawa orang yang mengatakan kecederaan saudara Anwar sebagai 'self-inflicted" sebagai megalomania.

Amat jelas sekali bahawa hari demi hari Dr. Mahathir Mohamad semakin tersisih. Bahkan beliau telah menjadi kera sumbang di kalangan pemimpin alam Melayu iaitu Indonesia dan Filipina, serantau dan dunia. Jika beliau terus berkuasa Malaysia akan tersisih dan rakyat akan menderita akibat dari penyisihan tersebut.

Telah muncul kata sepakat dari masyarakat serantau dan juga dunia bahawa Dr. Mahathir kini lebih merupakan seorang diktator di senja pemerintahannya. Setahun yang lalu beliau mungkin dilihat sebagai wira daan jurucakap

Dunia Ketiga tetapi rakyat Indonesia hari ini melihat Dr. Mahathir berkelakuan saling tak tumpah dengan gelagat Soeharto di hari-hari terakhir pemerintahannya. Rakyat Filipina pula telah menyamakan beliau dengan Marcos.

Dr. Mahathir akan berusaha sedaya upaya agar pandangan masyarakat serantau dan dunia tidak sampai kepada rakyat. Beliau akan mengawal media massa dan segala saluran maklumat dengan seketat-ketatnya. Tetapi rakyat akan tahu juga, melalui internet, melalui fax, melalui telepon.

Rakyat laparkan maklumat. Dr. Mahathir memberikan rakyat propaganda. Rakyat Malaysia mahu menjadi warga global, tetapi Dr. Mahathir ingin membawa Malaysia mengasingkan diri bagai katak dibawah tempurung. Dr. Mahathir akan terus menyekat dan menodai hak rakyat semata-mata untuk terus berkuasa dan merampok saki baki kekayaan Malaysia untuk diagih-agihkan kepada anak dan kroninya. Segala dana yang terdapat dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Lembaga Urusan Tabung Haji, Lembaga Amanah Tabung Angkatan Tentera dan Petronas akan digunakan untuk menyelamatkan syarikat-syarikat anak-anak dan kroni beliau.

Langkah ini adalah konsisten dengan kenyataan dan pendirian Dr. Mahathir bahawa kepentingan syarikat-syarikat besar adalah kepentingan negara. Ini bermakna Dr. Mahathir telah menyamakan kepentingan negara dengan kepentingan kroni beliau.

Dr. Mahathir tidak pernah menunjukkan simpati dan

rasa prihatin terhadap petani, nelayan, buruh dan golongan berpendapatan rendah. Beliau telah merosakkan Dasar Ekonomi Baru yang diasaskan oleh Tun Abdul Razak dari dasar untuk membela nasib golongan miskin serta pengagihan saksama kepada dasar untuk mencipta jutawan dan billionaire.

Sekarang apabila jutawan dan billionaire tersebut sudah dicengkami hutang, matlamat utama dasar ekonomi Dr. Mahathir adalah untuk menyelamatkan gerombolan jutawan dan billionaire tersebut sekalipun dengan menggunakan wang simpanan dari keringat golongan miskin.

Gerakan reformasi yang dilancarkan oleh Saudara Anwar Ibrahim meletakkan keadilan pengagihan sebagai kunci kepada pembentukan masyarakat madani.

Dr. Mahathir adalah penghalang utama kepada pembentukan masyarakat madani.

Saudara Anwar dan lain-lain tahanan ISA perlu dibebaskan dengan serta merta dan tanpa syarat. Selagi Saudara Anwar dan lain-lain tahanan ISA tidak dibebaskan, selagi itu Malaysia akan terus terpencil dan diasingkan oleh masyarakat antarabangsa.

Segala masalah dan keperitan yang dideritai oleh Malaysia hari ini adalah angkara Dr. Mahathir. Beliau mendakwa untuk menyelamatkan Malaysia. Tetapinya beliau adalah laksana tikus yang memperbaiki labu.

Segala yang beliau lakukan membawa Malaysia se-

makin hampir kepada kehancuran. Dr. Mahathir perlu undur.

**Dr. Abdul Rahim Md. Ghouse**

EXCO Pergerakan Pemuda UMNO dan Ketua Pergerakan Pemuda Umno Pulau Pinang. Oktober 1998 - Manila, Filipina.

## Surat Dari Rantau : Warkah Dr. Rahim Ghouse kepada Mahathir – 7 November 1998

Yang Amat Berhormat Dr. Mahathir,

Saya sedih kerana saudara salah faham tujuan saya membuat kenyataan-kenyataan akhbar dari rantau orang. Sesungguhnya, tujuan saudara dan tujuan saya adalah serupa sahaja iaitu hendak menyelamatkan negara kita daripada bahaya yang mengancam.

Pandangan saudara terhadap saya adalah berdasarkan cerita-cerita yang saudara dengar dari orang-orang yang mengelilingi saudara seperti Daim Zainuddin, Megat Junid, Aziz Shamsuddin, Rahim Tamby Chik, Ghaffar Baba, Ting Phek Kiing, Francis Yeoh, Lim Goh Tong, Ananda Krishnan, Kenneth Eswaran, Vincent Tan, Halim Saad, Tajuddin Ramli, Rashid Hussein dan Azman. Mereka menyampaikan kepada saudara cerita-cerita yang mereka fikir saudara suka dengar, ataupun yang saudara sanggup terima. Di sini biarlah saya sampaikan pula keadaan, fikiran dan pandangan rakyat yang sebenar-be-

narnya, supaya dengan itu saudara faham niat saya sewaktu membuat kenyataan-kenyataan akhbar itu yang kemudiannya teruk dikecam.

Saudara selalu memberitahu ahli-ahli UMNO bahawa UMNO akan memperjuangkan kepentingan Islam* dan kepentingan bangsa Melayu. Tetapi sebenarnya perbuatan saudaralah yang menghakis kuasa raja-raja Melayu sehingga mereka tidak mungkin lagi dapat mempertahankan kepentingan hak-hak istimewa orang Melayu, Bahasa Kebangsaan dan adat istiadat Melayu. (Artikel 152 dan 153 dalam Perlembagaan Persekutuan, serta Artikel 3 dalam Perlembagaan UMNO). Apakah punca yang menyebabkan tercetusnya rusuhan baru-baru ini dan kematian yang tidak dilaporkan itu? Sebenarnya, perbuatan-perbuatan saudaralah yang menjadi punca kepada rusuhan dan kematian-kematian itu.

Saudara selalu sahaja "mengalah". Kepada kroni-kroni saudara, saudara berikan apa-apa yang mereka minta. Kemuncak daripada sikap saudara yang suka mengalah itu ialah perompakan ke atas syarikat-syarikat milik kerajaan dan swasta. Tajuddin mendapat TRI, MHS dan MAS, Halim mendapat Renong dan UEM, Ting mendapat Empangan Bakun dan Granite, Ananda mendapat Menara Kembar, Rashid Hussein mendapat Sime Bank,

---

* Rakyat yakin Islam akan diperjuangkan oleh Umno sekiranya DS Anwar, teman-temannya masih berada di dalam Umno termasuk Dr. Rahim sendiri, Saifuddin Nasution, Roslan Kassim dan beberapa ahli Umno yang lain. Tetapi sekarang mereka sudah disingkirkan dari Umno, siapa lagi yang boleh diharapkan?

Mirzan mendapat Konsortium Perkapalan Berhad, Allah Maha Besar. Sebenarnya, mereka itu sudah hampir bangkrup sewaktu krisis kewangan belum lagi terjadi. Sekarang ini mereka semua teruk terpukul oleh krisis itu disebabkan nilai saham-saham syarikat mereka turun 70 peratus. Nasib yang sama juga menimpa Halim Saad dan anak saudara sendiri, Mirzan.

Keadaan ini membuat orang-orang Melayu, Cina dan India sama-sama naik marah. Ditambah pula, baik orang Melayu mahupun Cina dan India, mereka semua tahu saudara dan kroni-kroni saudara adalah perompak-perompak kekayaan negara. Bagaikan masih belum cukup dengan RM2.3 bilion yang saudara gunakan untuk menyelamatkan KPB milik Mirzan, saudara serahkan pula RM10.5 bilion kepada Halim Saad, dan RM800 juta saudara berikan pula kepada Ting, konon sebagai pampasan. Sekarang saudara akan "faraidkan" pula baki sebanyak RM60 bilion kepada Rashid Hussein, Azman, Vincent Tan dan Tajuddin, yang saudara akan kumpulkan melalui bon-bon yang saudara paksa Petronas, EPF, SOCSO, PNB, LUTH dan Telekom membelinya.

Disebabkan perbuatan saudara itu, orang-orang Melayu, Cina dan India tidak takut lagi hendak menentang UMNO dan Barisan Nasional. Disebabkan kuku besi saudara juga, Gerakan pernah hendak keluar daripada Barisan Nasional. Pada hari ini, daripada 1.4 juta ahli UMNO hanya 20 peratus sahaja yang masih menyokong saudara dan UMNO, 80 peratus lagi marah dan benci

kepada saudara

Berpunca daripada tindakan tak berperikemanusiaan ke atas bekas timbalan saudara, iaitu suatu hal yang bertentangan dengan ajaran Islam dan nilai-nilai budaya Melayu, kini rakyat bukan setakat mengejek saudara, malah mereka meludah dan menghina saudara dan mereka menuntut saudara meletakkan jawatan. Sewaktu SUKOM, saudara paling kuat kena boo ketika menonton perlawanan ragbi. Saudara telah batalkan perjumpaan di Bukit Jalil pada 4 September 1998 atas nasihat Hishamuddin yang tidak berupaya hendak mengumpulkan lebih daripada 20,000 orang dibandingkan dengan perhimpunan di Dataran Merdeka yang disertai oleh lebih daripada 250,000 orang. Sekarang saudara tentu sudah faham apa perasaan orang-orang Melayu, Cina dan India, baik terhadap diri saudara mahupun terhadap kroni-kroni saudara.

Saudara sangka orang-orang Melayu takkan bangun menderhaka, tetapi sekarang mereka bagaikan sudah hilang kewarasan dan sanggup mengamuk waima mereka sedia mati menentang "anjing-anjing" FRU saudara. Sebenarnya, orang yang mereka cari sewaktu mereka bergerak menuju rumah saudara, tidak lain dan tidak bukan ialah saudara sendiri. Saudaralah pihak yang mesti dipertanggungjawabkan ke atas kecederaan dan kematian beberapa orang awam dan polis, kerana saudara berpegang kepada pandangan-pandangan yang salah.
Saudara maafkanlah saya kerana saya cuma hendak mem-

beritahu kepada sudara apa sebenarnya perasaan orang Melayu terhadap saudara. Sesungguhnya, orang-orang Melayu, sama ada mereka itu dalam PAS ataupun dalam UMNO, mereka itu sekarang ini amat benci kepada saudara, terutama sekali mereka yang menyaksikan bagaimana polis bersikap amat biadab dan kasar terhadap bekas timbalan saudara, baik sewaktu di rumah beliau mahupun sepanjang beliau di dalam tahanan. Kesan hitam pada mata beliau adalah cermin kepada betapa hitam dan jahatnya hati perut saudara.

Pada saat ini, semua rakyat Malaysia sudah sedar bahawa saudara mahukan diri saudara dikenal sebagai "Perdana Menteri yang dinamik dan global yang bercakap bagi pihak Dunia Ketiga", meskipun baik dari segi ekonomi dan psikologi, seluruh rakyat menderita. Mereka tahu, meskipun dalam keadaan negara sedang gawat dan ekonomi sedang meleset, tetapi saudara dan kroni-kroni saudara serta anak-anak saudara tetap tidak mahu berhenti merompak kekayaan negara. Semua rakyat tahu bahawa MISC membeli syarikat Konsortium Perkapalan Berhad milik Mirzan dengan harga RM2.3 bilion sedangkan harga pasarannya yang sebenar ialah RM170 juta sahaja. Sudah tentulah, perompakan ini tidak sepatah pun disebut dalam media tempatan.

Rakyat sekarang sedang menunggu-nunggu penjelasan saudara berkenaan dakwaan Puan Marina Yusoff bahawa saudara ada membawa perempuan ke dalam bilik saudara di Parlimen. Mereka juga menanti-nanti bi-

lakah saudara akan membersihkan nama saudara atas dakwaan bahawa saudara mempunyai anak-anak luar nikah yang bernama Mahzar bin Mahathir dan Maizura bte Mahathir. Lain-lain anak saudara ialah Marinah (kp no. 5197861), Mirzan (kp no. 5558465), Mokhzani (kp no. 6144507), Melinda (kp no. 600515-05-5020) dan Mukhriz (kp no. A 0000999).*

Rakyat juga masih tertunggu-tunggu penjelasan saudara mengapa saudara membuat pengakuan palsu sebagai seorang "doktor" dan sebagai Pengarah dalam MAHARIZAN Sdn. Bhd. Mereka juga ternanti-nanti mengapa semua anak-anak saudara, kecuali Mirzan, membuat pengakuan palsu dengan menuliskan "Nil" dalam borang Syarikat NO. 32700 K yang disahkan sebagai betul oleh NORIAH ABIDIN, Penolong Pendaftar Syarikat bertarikh 10 Nov. 1997.

Di satu pihak lain, kaum Cina tidak sedikit pun hormat kepada saudara. Mereka panggil saudara "Si Bongkak, kepala bengkak dan barah ekonomi". Mereka juga mengatakan saudara "Chee..." dan macam-macam perka'aan lagi yang saya sendiri tidak sampai hati hendak menyebutnya di sini. Kata-kata seperti itu diucapkan oleh semua golongan kaum Cina, daripada cerdik pandai mereka hinggalah kepada drebar teksi dan penjual sayur.

Kebelakangan ini, nama baik saudara makin busuk.

* Harapkan Mahathir untuk memberi penjelasan rasanya mustahil, tetapi sekiranya rakyat bangun mendesak di waktu kuasanya sudah hilang maka Mahathir akan akur.

Orang-orang Melayu yang berkhidmat dalam kerajaan, daripada Setiausaha Kementerian sehinggalah kumpulan sokongan yang paling rendah, serta pegawai-pegawai tentera dan polis tidak lagi menaruh percaya dan hormat kepada saudara. Apakah saudara tidak perasan bahawa jumlah mereka yang mahu hadir di dalam majlis-majlis rasmi dan peribadi yang saudara adakan makin hari makin kurang? Sewaktu saudara datang ke Jitra, tidak sampai 200 orang yang hadir, itu pun setelah dipaksa oleh Menteri Besar Kedah. Begitu sekali keadaannya sehingga kamera tv terpaksa menunjukkan muka saudara sahaja kerana para hadirin begitu sedikit, apatah lagi memandangkan Jitra ialah tempat saudara sendiri.

Kalaulah saudara membaca *Harakah* dua kali setiap minggu, tentu saudara tahu beribu-ribu orang Melayu masuk PAS. Pada masa jualan *Berita Harian* dan *Utusan Malaysia* merosot dengan banyaknya, jualan *Harakah* naik sampai melebihi 360,000 ditambah lagi dengan jumlah keahlian PAS yang kini melebihi 700,000 orang.

Pegawai-pegawai Melayu dalam perkhidmatan Polis masih patuh kepada arahan kerajaan, terutamanya mereka yang dalam FRU. Tetapi pegawai-pegawai Melayu dalam angkatan tentera kini sedang menahan nafas penentangan. Kalau saudara terus-menerus melakukan perkara-perkara yang tidak mereka ingini, saya yakin mereka tidak akan patuh kepada saudara lagi.

Saya tahu, kalau saudara jatuh saudara takut tak dapat melindungi anak-anak dan keluarga saudara. Saya

tahu sangat bahawa Dr. Siti Hasmah sudah membawa keluar wang sebanyak US400 juta dan melaburkannya di Amerika. Saya juga tahu anak-anak lelaki saudara mempunyai simpanan dan pelaburan yang banyak di luar negara, tetapi tidaklah sampai RM20 bilion seperti yang dimiliki oleh Daim. Memang saudara bijak, dan saudara sudah bersiap sedia, mana tahu kalau-kalau terjadi sesuatu yang tidak saudara ingini. Tetapi, saya lebih takut lagi jikalau saudara gagal mengawal ekonomi, dan saudara akan terus merompak berbilion-bilion wang negara, RM30 bilion daripada simpanan Petronas, RM118 daripada KWSP, RM35 bilion daripada PNB, RM12 bilion daripada SOCSO, RM30 bilion daripada insurans dan RM5.6 bilion daripada Tabung Haji.

Sekarang tentu saudara sudah sedar, saudara mesti mencari RM800 bilion untuk memulihkan ekonomi, pasaran saham dan nilai ringgit kepada kedudukannya yang asal. Malah, kalau saudara hendak menyelamatkan anak-anak dan kroni-kroni saudara daripada jatuh bangkrap, saudara sudah perlukan sekurang-kurangnya RM200 bilion dengan serta-merta. Di mana saudara hendak korek duit sebanyak itu?

Kepada kakitangan awam, saudara bukan setakat memotong bonus mereka, malah saudara akan potong elaun dan mungkin juga gaji mereka. Apabila itu terjadi nanti, kakitangan kerajaan dan tentera akan bersatu menuntut saudara meletakkan jawatan kerana mereka sedar bahawa saudaralah sebenar-benarnya punca segala-galanya.

SAUDARA adalah SYAITAN yang sebenar!

Saudara sudah terbiasa mendapat sorotan cahaya di peringkat antarabangsa, tetapi hari ini, bayang tubuh saudara sudah makin kecil dan makin pendek. Namun saudara masih berpura-pura seolah-olah tidak ada apa-apa yang sudah berubah. Saya harap saudara tidak mendustai diri saudara sendiri dengan berkata, "Rakyat sepatutnya berterima kasih kepada saya kerana banyak membawa pembangunan kepada negara ini" manakala pada waktu yang sama saudara tidak pula menyebutkan bahawa saudara meninggalkan hutang luar sebanyak RM150 bilion dan hutang dalam negeri sebanyak RM 70 bilion yang akan ditanggung oleh rakyat dan negara.

Tidak mungkin ada satu orang, tidak juga saudara, yang sentiasa betul sahaja manakala orang-rang lain sentiasa salah sahaja. Saudara sendiri maklum, saudara bolehlah menipu sesetengah orang sekali-sekala, tetapi saudara takkan boleh menipu semua orang setiap masa!

Dengan hal yang demikian, adalah menjadi harapan saya hendak menyampaikan kepada saudara apa yang sebenarnya difikirkan oleh rakyat.... iaitu sudah sampai masanya saudara undur daripada jawatan saudara sebagai Perdana Menteri dan Presiden UMNO dan Barisan Nasional.

Saya tahu saudara mempunyai kuasa diktator, dan saya takkan lupa nasib yang menimnpa orang-orang yang menentang saudara seperti Tengku Razaleigh, Musa Hitam, Rais Yatim dan banyak lagi. Tetapi, ebagai seorang yang bertanggungjawab, saya mesti menjelaskan kenyataan-ken-

yataan yang pernah saya buat. Walaupun saya akan dipenjara, saya tetap akan mengatakan apa yang saya katakan.

Saya diberitahu Sultan Johor memanggil saudara "MAMAK", Allahyarham Tunku mengata saudara Pakistan. Saya setuju dengan mereka sebab nama ayah saudara yang sebenar ialah Mohamad Iskandar Kutty. Semua orang Kedah tahu perkara ini. Saudara sendiri tahu, dan saya berani bersumpah, dalam tubuh saudara itu memang ada darah Pakistan. Itu sebab semua yang saudara buat dan semua yang ada pada diri saudara semuanya berbelit-belit, tidak lurus. Itulah sebabnya orang Melayu sedikit pun tidak percaya saudara akan mempertahankan kesultanan Melayu, ataupun bahasa Melayu, ataupun adat istiadat dan kepentingan Melayu. Saudara satu orang hendak menjadi tokoh antarabangsa, biar Melayu yang lain merempat tidak mengapa. Tengoklah sahaja apa jenis Melayu yang mengelilingi saudara. Gabenor Bank Negara (Mamak), Rashid Hussein (Mamak), Sheikh Fadhil (Mamak), Amin Shah (Mamak) - banyak sangat kalau semuanya hendak disebut.

Sekarang, rasakan balasan Allah. Saudara telah menghina para Ulama, dan saudara menghina janggut Nabi Muhammad SAW. Saudara jadikan mereka bahan lawak. Sekarang saudara takut hendak ke masjid. Sudah lima kali Jumaat, di mana saudara bersembahyang?

Jaminan 10 tahun bagi jantung saudara kini hampir tamat. Kami tahu, dengan ditemani oleh Dato' Aziz Ismail, diam-diam saudara pergi ke Institut Jantung Negara ikut jalan belakang. Orang bercakap. Mereka nampak

saudara, dan mereka bercakap.

Surat ini saya tulis kepada saudara dengan niat yang ikhlas. Saya benar-benar mengharapkan saudara akan membaca surat ini sendiri. Saya berdoa kepada Allah agar dibukakan pintu hati saudara untuk menerima kenyataan ini, kerana semuanya adalah benar, meskipun ia amat pahit dan memedihkan.

Ikhlas daripada saya,

Dr. Rahim Ghouse,*
BEKAS AHLI UMNO.

Diterjemahkan oleh AM
Ahli Persatuan Penterjemah Malaysia.

* Rakyat memerlukan pemimpin yang berani seperti saudara Dr. Rahim Ghouse dan beberapa teman-temannya yang lain. Mereka keluar negeri bukan takut tetapi suatu strategi. Bukankah Mahathir pernah berbuat begitu?

**Kenyataan Penuh Mohd Ezam : Siasatan PBB Perlu.**

*"Dia tak diperlukan di Malaysia. Sewaktu di Jepun, dia sepatutnya bersama isterinya membuka peta dunia dan meninjau mana-mana pulau kecil yang sesuai untuk dia berdua dan kemudian menghabiskan sisa umurnya di sana,"katanya.*

JAKARTA — Setiausaha Politik bekas Tim. Perdana Menteri Anwar Ibrahim muncul semula di ibukota Indonesia dan telah mencabar Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk menubuhkan satu suruhanjaya antarabangsa terhadap dakwaan tahanan-tahanan politik yang telah dikasari oleh polis.

"Saya cabar Mahathir untuk menubuhkan kumpulan siasatan antarabangsa di bawah pengawasan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu untuk menyiasat kecederaan Anwar," demikian kenytaan Mohamad yang dikeluarkan di sini.

Dia berkata jawatankuasa tersebut juga patut menyiasat layanan terhadap tahanan-tahanan di bawah ISA.

Ezam, yang berada di Jakarta ekoran dari rusuhan yang dilakukan oleh penyokong Anwar, menyatakan bahawa Mahathir cuba menyembunyikan kekasaran yang dilakukan polis dengan menubuhkan psyiasat dari kalangan polis sendiri.

Dia percaya Perdana Menteri dan rakannya "belum dapat menemui polis bawahan yang boleh dipaksa un-

tuk membuat pengakuan palsu yang menyatakan bahawa Anwar melakukan sendiri kecederaan yang dialami itu."

Dia menambah, Mahathir, yang sekarang ini di Tokyo untuk menghadiri satu persidangan tentang Afrika, dan tidak perlu pulang lagi.

## KENYATAAN AKHBAR GERAKAN REFORMASI HAADYAI: 12 OKTOBER 98.

### Dr M kini "lemah dan dalam ketakutan"

Saya dan beberapa orang rakan telah selesai dalam misi kami ke negara-negara utama ASEAN untuk menjelaskan konspirasi politik Dr. Mahathir Mohamad terhadap Saudara Anwar Ibrahim.

Di Thailand, kami menemui pemimpin-pemimpin negara, pertubuhan-pertubuhan bukan Kerajaan dan aktivis hak asasi manusia. Kesemua mereka menyatakan simpati kepada Saudara Anwar dan yakin bahawa Saudara Anwar akan menang dan muncul sebagai pemimpin Malaysia yang akan membawa perubahan bukan sahaja kepada Malaysia bahkan kepada seluruh ASEAN.

Pemimpin-pemimpin Kerajaan yang kami temui menjelaskan bahawa Perdana Menteri Chuan Leekpai secara peribadi sama sekali tidak percaya dengan segala tuduhan yang dilemparkan kepada Saudara Anwar. Sementara serangan terhadap Saudara Anwar sehingga beliau pengsan merupakan satu perlakuan belum pernah berlaku dalam sejarah ASEAN.

Pemimpin-pemimpin NGO dan aktivis hak asasi manusia melihat proses mahkamah yang mendakwa Saudara Anwar sebagai tidak sah dan semata-mata alat untuk menjayakan konspirasi politik rekaan Dr. Mahathir. Bahkan perbicaraan tersebut sama dengan taktik kebanyakan diktator untuk menghapuskan musuh-musuh politiknya.

Kami menjelaskan kepada mereka bahawa Dr. Mahathir kini benar-benar terasing. Beliau telah menjadi kera sumbang di kalangan pemimpin ASEAN, lebih-lebih lagi di kalangan pemimpin rumpun Melayu. Kekuatan dan kekebalan Dr Mahathir adalah satu metos. Beliau kini amat lemah dan dalam ketakutan. Beliau kini semata-mata bergantung dengan sokongan UMNO dan beberapa kerat editor dan penasihat media yang rela menjadi pelacur kepada diktator tua yang nyanyok.

Hakikatnya ialah lebih dari 80 peratus ahli-ahli UMNO adalah bersama Saudara Anwar. Hanya yang bersama Dr. Mahathir ialah pemimpin-pemimpin UMNO yang pengecut dan berlumba-lumba untuk menjadi budak suruhan dan burung kakak tua. Sebenarnya, MKT itu merupakan singkatan kepada Majlis Kakak Tua. Itupun saya telah dimaklumkan bahawa di kalangan pemimpin UMNO telah bermula secara senyap-senyap, sebagaimana yang berlaku di akhir pemerintahan Suharto.

Saya ingin menjelaskan kepada rakan-rakan perjuangan, ahli-ahli UMNO dan rakyat Malaysia bahawa satu ASEAN baru sedang muncul, iaitu satu ASEAN, seperti

yang diungkapkan oleh Saudara Anwar, yang digerakkan oleh prinsip karamah insaniah (kemuliaan insan) demokrasi dan pemerintahan manusiawi. Pemimpin-pemimpin baru ASEAN, khususnya Presiden Habibie dan Presiden Estrada, amat sedar dengan hakikatnya. Dr. Mahathir telah ketinggalan zaman justeru itu tidak ada tempat dalam ASEAN baru ini.

Dalam ASEAN baru juga tidak ada tempat bagi Menteri Luar yang jumud, bebal dan ketinggalan zaman seperti Abdullah Ahmad Badawi. Kenyataan beliau seperti kenyataan orang bahlul, meludah ke langit, langit tak apa-apa, muka sendiri yang terhina.

Saya dan rakan-rakan saya adalah patriot. Kami cintakan Malaysia. Kami ingin menyelamatkan Malaysia dari kehancuran dan dirompak oleh Dr. Mahathir dan kroni-kroninya. Kami tidak memburukkan negara, tetapi nama Malaysia jadi buruk semata-mata kerana Dr. Mahathir.

Kami menentang Dr. Mahathir dan kami akan membuka segala pekung Dr. Mahathir. Bau busuk pekung Dr. Mahathir mengotori udara ASEAN dan terhidu ke seluruh dunia. Pemimpin-pemimpin ASEAN tertanya-tanya apakah pekung yang ada pada Dr. Mahathir sehingga begitu busuk baunya. Maka kami jelaskan satu persatu pekung yang ada pada Dr. Mahathir.

Dr. Mahathir adalah manusia. Dia menyamakan kepentingan peribadi dan keluarganya dengan kepentingan negara. Sesiapa yang mengkritik beliau akan dike-

cam sebagai pembelot negara. Abdullah Badawi jangan jadi bebal dan jangan tunjukkan kebebalan tersebut kerana kemaruk untuk menjadi Timbalan Perdana Menteri. Rakyat akan terus berjuangan untuk menjayakan reformasi. Rakyat telah bangun menyatakan tuntutan mereka. Dr. Mahathir perlu akur dengan suara rakyat. Dr.Mahathir perlu undur.

**Mohamed Ezam Mohd Nor.**

*Setiausaha Hubungan Luar Gerakan Reformasi,*

*Merangkap Setiausaha Politik kepada Anwar Ibrahim.*

## KENYATAAN AKHBAR GERAKAN REFORMASI OLEH SAIFUDDIN NASUTION – JAKARTA, 29 OKTOBER 98

SAYA telah membaca sepenuhnya kenyataan Perdana Menteri, Mahathir Mohamad dalam *Utusan Malaysia*, 27 Oktober 1998 berhubung soal demonstrasi dan komen-komennya mengenai keputusan untuk memecat Saudara Anwar Ibrahim dari kerajaan dan parti.

Cukup menarik dan sadis sekali apabila kita membaca kenyataan Perdana Menteri itu yang antara lain berkata (memetik kembali laporan Utusan), Dr. Mahathir memberitahu, demi memastikan keputusan beliau memecat Anwar itu tepat, beliau telah berbincang dengan semua Menteri Besar dan Ketua Menteri. "Menteri meminta supaya saya membuat keputusan segera kerana bimbang kalau berlaku sesuatu ke atas diri saya, Anwar akan menjadi Perdana Menteri."

Kesimpulan yang dapat saya rumuskan ialah, setelah menyedari beliau membuat keputusan yang silap, Mahathir cuba mengalihkan kesilapan yang dia lakukan itu kekepala menteri-menteri besar dan ketua menteri. Mahathir cuba mendedahkan dan menyampaikan mesej kepada umum bahawa keputusan muktamad untuk memecat Anwar adalah keputusan menteri besar dan ketua menteri yang kononnya bimbang Anwar akan terlantik sebagai Perdana Menteri jika sesuatu berlaku kepadanya (Mahathir) dan oleh itu mempengaruhinya agar segera memecat Anwar.

Sebenarnya, Perdana Menteri sedang memindahkan

segala kekotoran dannajis yang telah dia lakukan ke tangan dan kepala menteri besar dan ketua menteri. Dialakukan ini setelah melihat kemarahan dan kebangkitan rakyat sudah menjadi semakin besardan tidak dapat dibendung lagi. Dia cuba berkata bahawa dia hanya mengeluarkan pandangantetapi keputusan muktamad dilakukan oleh menteri besar dan ketua menteri.

Sementara kita mahu PM bertanggungjawab sepenuhnya ke atas pemecatanSaudara Anwar Ibrahim, kita juga menuntut supaya menteri-menteri besar dan ketua menteriyang nampaknya terbabit di dalam membuat keputusan tersebut memberi penjelasan kepadarakyat dan ahli-ahli UMNO di negeri masing-masing bagaimana mereka boleh mencapai satukeputusan yang begitu drastik dan yakin bahawa Anwar harus dipecat atas sebab-sebab rendah moral dan seks. Walau bagaimanapun, Mahathir jangan ingat dengan melemparkan najis yang dia lakukan ke kepala orang lain akan mengalih tumpuan kita dan rakyat seluruh negara bahawa ketua komplot konspirasi peringkat tertinggi ini ialah dirinya sendiri.

**Mahathir Maha Zalim.**

Hakikat yang ahli-ahli UMNO dan seluruh rakyat perlu tahu ialah, pada mesyuarat Majlis Tertinggi (MT), 3 September 1998, jam 8.45 malam di tingkat 39 Menara Dato Onn, PWTC, Mahathir Mohamad sebagai presiden parti telah memulakan mukadimah mesyuarat dengan terlebih dahulu menyatakan keputusannya. Keputusan itu ialah dia mahu Anwar Ibrahim dipecat. Dan dia sanggup mengatakannya di hadapan Anwar seterusnya (dalam mukadimah itu)

Mahathir menggunakan secukup-cukupnya peluang untuk mendedahkan apa yang dia sifatkan sebagai satu temuramah dengan saksi-saksi (iaitu pelacur) yang mengaku telah melakukan hubungan seks dengan Anwar. Dan sekali lagi dia menceritakan ini semua tanpa ada perasaan bersalah, kasihan, kesal mahupun simpati.

Mahathir menceritakan kepada MT bahawa wanita-wanita yang telah ditemuramahnya itu dibawa kepadanya oleh Megat Junid Megat Ayub dan Daim Zainuddin sendiri. Soalnya ialah, dengan sindrom takut yang ditanam oleh Mahathir kepada seluruh anggota MT selama bertahun-tahun, dia sedar bahawa dia boleh mendapat keputusan sebulat suara dengan hanya perlu menghantar *signal* awal kepada mereka. *Signal* itu ialah menyatakan keputusannya terlebih dahulu sebelum menyerahkan pandangan kepada setiap seorang daripada mereka. Kecuali Afifuddin Omar dan Zahid Hamidi, yang lainnya (termasuklah tiga ulama UMNO) hanya mengiyakan apa yang dituduhkan ke atas Anwar tanpa sedikit pun mempersoalkan kesahihan dan kewibawaan wanita-wanita yang mengaku mengadakan hubungan seks dengan Anwar.

Mahathir juga kebelakangan ini berulang kali menyebut (yang terbaru lihat *Utusan Malaysia 27 Okt*), sewaktu saudara Anwar menjadi Pengerusi Jawatankuasa Disiplin dan Pengurusan UMNO, beliau juga sering kali memecat ahli tetapi tiada siapa yang membuat bising.* Sebagai bekas anggota Jawatankuasa Teknikal, Disiplin dan Pengurusan Pertama, menyokong pembangkang

sewaktu pilihan raya. Kedua bertanding sebagai calon bebas atau parti lain menentang calon BN dan ketiga melakukan sabotaj sewaktu pilihan raya.

Kerap kali juga berlaku, Anwar menolak laporan siasatan sebab siasatannya tidak lengkap. Terdapat juga banyak bukti ahli-ahli UMNO yang dianggap penyokong Saudara Anwar dikenakan tindakan gantung keahlian atau dipecat. Hal sebenarnya ialah Jawatankuasa Teknikal Disiplin dan Pengurusan, yang dipengerusikan oleh Datuk Zaki Tun Azmi akan memanggil mereka yang terlibat, disiasat, dipanggil saksi-saksi dan kemudiannya laporan jawatankuasa ini dikemukakan kepada Saudara Anwar atau Setiausaha Agung. Yang jelas ialah, Saudara Anwar tidak pernah menjatuhkan hukuman sebelum siasatan dibuat.

Beliau tidak menggunakan media untuk mengaib dan memfitnah tertuduh. Tidak mengupah pelacur untuk membuat pengakuan dan tidak menggunakan polis untuk memukul orang. Apa yang beliau lakukan ialah membentang hasil keputusan jawatankuasanya kepada MT.Saya amat meyakini kemampuan Zaki menjalankan tugasnya namun saya sendiri pernah melalui satu pengalaman bersama-sama jawatankuasa teknikal ini mengkaji satu kes di mana kemudiannya Mahathir mengarahkan supaya jawatankuasa kami menghentikan siasa-

---

• Mereka yang bersalah sudah tentu tidak boleh membuat bising kerana akibat tindakan tersebut boleh membawa padah kepada dirinya dan keluarganya. Apa yang terjadi kepada Anwar adalah sebaliknya, beliau berani kerana benar dan mempunyai berbagai bukti kukuh yang boleh menjatuhkan PM. Akhirnya siapakah yang berada dalam dilema?

tan atau laporan siasatan lengkap dipendamkan sahaja.

Contoh yang paling jelas dan masih saya ingat ialah berhubung siasatan jawatankuasa teknikal ke atas Saidin Tamby yang didakwa menerima RM 1 juta untuk tabung UMNO bahagian tetapi wang itu tidak dimasukkan ke dalam tabung. Setelah siasatan selesai dan Jawatankuasa Teknikal, Disiplin dan Pengurusan berpuas hati Saidin bersalah tetapi akkhirnya Mahathir mengarahkan Setiausaha Agung menutup kes itu.

Lain-lain contoh ialah seperti kes Mohd Zain Awang, bekas Ketua UMNO Bahagian Kubang Kerian di mana Mahathir memberi nota supaya dipecat sebab menolak permohonan ahli Semangat 46 yang ingin menyertai semula UMNO, kes rasuah politik wang Rahim Tamby Chik sewaktu bertanding merebut jawatan ketua UMNO Bahagian Kota Melaka di mana Setiausaha Agung menerima arahan yang sama daripada Mahathir supaya kes itu ditutup. Hal-hal ini sangat saya maklum atas kapasiti sebagai anggota jawatankuasa teknikal parti.

Oleh itu, Gerakan Reformasi ingin mengingatkan Mahathir supaya jangan terus menerus membohongi rakyat dan menipu ahli UMNO. Dan ahli-ahli parti harus sedar darisekarang jangan membiarkan diri mereka terus ditipu oleh seorang presiden yang sudah pun menjadi kera sumbang.

**SAIFUDDIN NASUTION ISMAIL**

**Bekas Setiausaha Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia.**

## Surat Kepada Mahathir

Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO)
Cawangan Kg. Teras Jernang,
Jalan Bangi
43650 Kajang,
Selangor Darul Ehsan.

YAB Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad
Presiden UMNO,
Merangkap Perdana Menteri Malaysia
Tarikh: 10 Oktober,1998
YAB Dato' Seri,

**Hentikan Dakyah Hasutan dan Fitnah**

Kami sebagai wakil qariah Cawangan UMNO khasnya dan seluruh penduduk kampung amnya ingin menyeru kepada YAB Dato' Seri supaya berhenti menghasut rakyat mengenai tindak-tanduk Dato' Seri yang suka mencemuh dan memfitnah YAB Datuk Seri Anwar bin Ibrahim yang kami kasihi. Sebagai orang Islam, adalah tidak sepatutnya Dato' Seri menunjukkan perilaku yang sebegitu kerana selaku pemimpin yang berkuasa di negara ini, Dato' Seri telah dilihat sebagai orang

yang menentang kebebasan mahkamah untuk membuat keputusan yang wajar. Dato' Seri seolah-olah ingin menunjukkan bahawa Dato' Seri adalah hakim segala hakim di negara ini yang boleh menuduh dan menjatuhkan hukuman seseorang itu samada bersalah atau tidak.

Jika dilihat dari rentetan peristiwa kes Datuk Seri Anwar,amat nyata bahawa Dato' Seri sengaja merancang dengan rapi untuk menjatuhkan Datuk Seri Anwar. Kami sebagai rakyat bukanlah boleh diperbodohkan dengan jalan cerita yang Dato' Seri sajikan.

Jika diikutkan dengan pengalaman kami sebagai bekas anggota pelaksana undang-undang, kami tahu memang ramai di kalangan anggota kabinet Dato' Seri yang lebih teruk melakukanpelbagai perkara mengenai perilaku moral yang Dato' Seri maksudkan.

Kami fikir, Dato' Seri sendiri tentu telah maklum mengenai kelakuan anggota kabinet sendiri. Tetapi oleh kerana mereka itu tidak mengancam kedudukan Dato' Seri maka Dato' Seri hanya lelapkan mata sahaja.Kami tahu mengenai semua perkara itu dan jika diminta untuk menyatakan setiap persatu mengenai perilaku moral anggota kabinet Dato' Seri, kami boleh nyatakannya.

Dato' Seri,

Kami sudah mual dengan kerenah Dato' Seri yang suka bermuka-muka dan berdolak-dalih pada setiap percakapan dan perilaku Dato' Seri. Ditambah lagi Dato' Seri bahawa Dato' Seri telah menyalah gunakan kedudukan Perdana Menteri dan kerajaan serta parti dengan cara

yang amat keji dan kotor untuk terus berkuasa di negara ini.

Pada kami, Dato' Seri bukanlah seperti Dato' Seri yang kami kenal dahulu.Hakikat sekarang ini menunjukkan Dato' Seri adalah seorang Perdana Menteri yang sangat zalim dan tidak salah jika kami katakanbahawa Dato' Seri sebenarnya adalah tidak layak menjadi rakyat negara ini yang sememangnya cintakan keharmonian hidup dan sifat kasih sayang dan perikemanusiaan sejagat.

Boleh juga dikatakan bahawa Dato' Seri kini diibaratkan sebagai Firaun Moden ataupun seperti Mustapha Kamal Ataturk kerana kebolehan Dato' Seri berupaya berkuasa menandingi sesiapa sahaja seperti Presiden Negara, Yang diPertuan Agung, para Sultan, Majlis Raja-raja, para Ulama,para Mufti,para Ketua Hakim seluruh hakim-hakim dan juga seluruh para spekulator yang bertaburan di dunia ini.Memang benarlah seperti apa yang dikatakan oleh Dato' Seri Shahidan Kassim bahawa orang seperti Dato' Seri sewajarnya dipecat menjadi warganegara di negara ini.

Jangan fikir bahawa dengan menjadikan KPN tunggangan Dato' Seri untuk mengawal negara maka Dato' Seri fikir Dato' Seri boleh berkuasa selamanya. Ingat Dato' Seri, kami sebagai rakyat sentiasa insaf dan sedar bahawa yang berkuasa adalahAllah s.w.t. semata-mata. Kami sentiasa bermohon doa' agar Dato' Seri diberikan balasan yang setimpal dengan perilaku dan amalan yang

Dato' Seri lakukan selama ini.Walaupun kami tidak nampak,tetapi kami yakin yang Allah berkuasa melihat dan memberikan jawapan dengan tepat pada setiap tindak- tandukyang Dato' Seri lakukan selama ini.

Oleh itu, Dato' Seri insaflah dan sedar bahawa segala yang Dato' Seri lakukan selama sesia sahaja. Kami sebagai rakyat bukanlah seperti rakyat di zaman pemerintahan Jepun dahulu yang hanya mengikut sahaja kehendak ketua.Zaman telah berubah. Dato' Seri perlu menerima hakikat bahawa Dato' Seri sudah tidak diperlukan lagi.

Jangan fikir Dato' Seri sahaja yang boleh memrintah dan menidakkan kebolehan orang lain.Seperkara lagi, apa-apa kelemahan Dato' Seri,anak-anak dan rakan-rakan Dato' Seri sudah rakyat tahu dan bukanlah mudah untuk Dato' Seri untuk menidakkannya. Pada kami,hanya orang-orang yang berada di dalam majlis tertinggi(MT), ketua bahagian,ketua cawangan dan ketua-ketua pemuda yang berkepentingan sahaja yang menyokong Dato' Seri. Akan tetapi, bagi kami yang tidak berkepentingan tidak mudah disogokkan penjelasan yang loya dan mual oleh para pemimpin UMNO ini.

Ketahuilah bahawa kami masih sayangkan parti TETAPI TIDAK KEPADA DATO' SERI dan KONCO-KONCO DATO' SERI. Jika ini masih lagi tidak disedari oleh pemimpin-pemimpin yang berkenaan, maka kami yakin UMNO akan runtuh dan lenyap sebagaimana terjadinya PARTI BERJAYA pimpinan Datuk Harris

Salleh yang dahulu.

Insya-Allah, dengan kesedaran yang kami miliki ini,kami akan berusaha sedaya upaya untuk menerangkan perkara yang sebenarnya dari semasa ke masa kepada orang ramai khasnya dan ahli UMNO di kampung ini dan amnya kepada penduduk- penduduk yang mendiami di tempat kami.

**Sekian. Wassalamualaikum.**

**"HIDUP UMNO, HIDUP ANWAR"**

**Yang menuntut keadilan,**

**Jawatankuasa Qariah Masjid**

**Cawangan UMNO Kg. Teras Jernang**

**43650 Kajang, Selangor Darul Ehsan.**

* Pemimpin dan ahli Umno patut mengambil iktibar dari surat ini. Rasa tidak puas hati akan terus berkembang dan membentuk gelombang yang akan menghanyutkan Umno serta orang-orang Melayu. Siapakah yang patut dipersalahkan?

## Memorandum DiRaja

**(kepada DYMM Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong dan DYMM Raja-Raja Melayu) Bagi Menyelesaikan Krisis Politik Tanahair Masa Kini.**

Senario perkembangan politik semasa, telah meninggalkan kesan trauma yang berpanjangan ke atas rakyat Malaysia keseluruhannya untuk merenung nasib masa depan mereka. Keadaan tidak keruan ini, telah mengundang perasaan cemas, sangsi dan duka terhadap segala apa yang berlaku dan diperlakukan sewenang-wenangnya tanpa mengambil kira aspek perundangan, bagi rakyat yang sentiasa berhasrat menjunjung cita-cita menegakkan kebenaran dan keadilan untuk semua. Sebagai tanda kasih dan menjunjung tinggi prinsip Raja Berperlembagaan di negara ini, patik-patik sekalian menuntut campur tangan SPB Yang DiPertuan Agong dengan disokong oleh Majlis Raja-Raja Melayu dalam membantu menyelesaikan sengketa politik tanahair atas dasar menjaga perpaduan rakyat berbilang kaum di negara ini.

Justeru itu, kami rakyat Malaysia berikrar dengan sumpah dan taat setia menegaskan bahawa:

* Berteraskan kehendak majoriti rakyat dan peruntukan-peruntukan perlembangan yang memberi kuasa/locus standi kepada DYMM SPB Yang DiPertuan Agong untuk bertindak.

* Berikut adalah tindakan-tindakan, yang diharapkan

dapat diambil dalam kadar segera :

1. DYMM SPB Yang DiPertuan Agong dan DYMM Raja-Raja Melayu haruslah campurtangan dalam menyelesaikan konflik negara dan mengengkari nasihat-nasihat yang bertentangan dengan peruntukan dan semangat perlembagaan.

2. Menasihat atau dengan apa cara sekalipun meminta Dr. Mahathir Mohammad meletakkan jawatan dan membubarkan Parlimen serta-merta sekaligus mengumumkan tarikh pilihanraya umum.

3. Memastikan ahli-ahli politik diawasi di bawah peruntukan perlembagaan dan menyarankan kepada mereka kepentingan untuk memahami "separation of powers."

4. Mengutuk kaedah pemecatan Dato Seri Anwar Ibrahim yang melambangkan proses "rules of law" dikhianati dan dipergunakan untuk menjaga kepentingan golongan-golongan tertentu. Akibatnya, berlaku perlanggaran kaedah dan hak asasi manusia.

Patik-patik sekalian mempersembahkan ikrar sumpah dan taat setia ke bawah DYMM SPB Yang DiPertuan Agong dan DYMM Raja-Raja Melayu selaku payung negara. Patik-patik sekalian memohon limpah perkenan dan kurnia DYMM SPB Yang DiPertuan Agong dan DYMM Raja-Raja Melayu bertindak segera menyelamatkan keadaan politik semasa serta menyelamatkan kedudukan DS Anwar Ibrahim demi kepentingan negara yang tercinta. Segala kezaliman dan ketidakadilan yang berlaku jika dibiarkan, akan mencemar kedaulatan

DYMM SPB Yang DiPertuan Agong sebagai Ketua Negara dan menghina maruah kebebasan rakyat Malaysia. Atas limpah perkenan DYMM SPB Yang DiPertuan Agong dan DYMM Raja-Raja Melayu patik sekalian menjunjung kasih.

---

Komen :

Selepas rakyat menyerahkan memorandum ini di pintu istana pada malam 17 Oktober 1998, rakyat telah diserang oleh polis. Apakah dosa rakyat hingga menyebabkan mereka disembur gas, dipukul, ditendang dsb. Di manakah hak rakyat?

# Penubuhan GERAK Mendapat Sokongan Rakyat Tempatan dan Luar Negara




**Lautan manusia... peristiwa pelucutan jawatan Anwar di atas tuduhan rasuah dan liwat, rakyat tidak puas hati dan mahukan keadilan. Rentetan dari peristiwa ini maka tertubuhlah GERAK yang dianggotai oleh PAS dan NGO.***

---

* Bila Gerak dapat sambutan, wakil BN buat kenyataan dalam mass media, Gerak tidak sah... apa da... itu tanda nak... apa da... itu tanda nak kalah. Stail orang nak kalah tapi dia kuasa memang lagu tulah... Tak boleh A pi ke B, tak boleh B ke A... dok main gitu... selepas April 1999 baru depa tahu... Masa tu depa nak main apa?

**Sokongan Dari Luar Memberansangkan (sumber Akhbar Tempatan dan Luar Negara).**

HARAKAH : 9 Badan Luar Negeri Sokong Gerak

KUALA LUMPUR: Sebanyak sembilan pertubuhan dan individu luar negeri menyatakan sokongan penubuhan Majlis Gerakan Keadilan Rakyat Malaysia (Gerak) bersempena pelancaran Gerak, Ahad lalu bagi menegakkan keadilan di negara ini.

Mereka termasuk tokoh ulama' terkenal, Sheikh Dr Yusof Al-Qaradhawi, Mursyid Am Al-Ikhwan Al-Muslimin Mesir, Mustapha Masyhur, Amir Jamaat-e-Islami Pakistan, Qadhi Husin Ahmad dan Al-Muraqid Al-Am, Ikhwan Al-Muslimin Sudan, As-Sadiq Abdullah Abdul Majid.

"Saya mewakili jutaan umat Islam mendesak supaya keadilan ditegakkan dan Anwar dibebaskan dengan segera. Berikan ruang kepada Anwar untuk membela diri dan berikan ruang kepadanya untuk berjumpa dengan rakyat supaya dia dapat memberi penerangan," kata Qardhawi dalam kenyataan yang di *fax*kan kepada Gerak.

Setiausaha Gerak, Haji Mahfuz Omar mengumumkan pandangan dan sokongan pertubuhan dan individu luar negara ketika mempengerusikan majlis pelancaran Gerak, di Markaz Tarbiyyah PAS Pusat, Taman Melewar, di sini. Selain itu mereka yang turut menghantar-

kan pesanan melalui *fax* ialah Al-Muassasah Al-Islamiyyah Beirut, Lubnan, Ibrahim al-Misri, Setiausaha Agung Jamaah Al-Islamiyah Lubnan, Sheikh Faisal al-Maulawi, Presiden Jami'iyah Al-Islah Al-Ijtimaie, Majlis Muslim Eropah dan Presiden Gabungan Persatuan Mahasiswa Islam, Selatan Thailand, Salman Harun.

**18 Oct 1998**

**Malaysia Tanggapi Habibie-Estrada : Itu Pernyataan Pribadi**

KUALA LUMPUR — Keprihatinan yang dilontarkan oleh Presiden Filipina Joseph Estrada dan Presiden BJ Habibie saat bertemu di Batam pekan ini mengenai penahanan Anwar Ibrahim mendapat tanggapan dari pemerintah Malaysia. Menlu Malaysia Abdullah Ahmad Badawi kemarin (17/10) menyebut keprihatinan kedua pemimpin itu lebih merupakan "pandangan pribadi."

Menurut Badawi, pernyataan mereka sama sekali tidak merefleksikan sikap resmi kedua pemerintah (Filipina dan Indonesia). "Kedua presiden mungkin teman baik Anwar dan ini telah mempengaruhi pandangan pribadi mereka," kata Badawi seperti dikutip kantor berita resmi Malaysia Bernama.

Meski mengundang reaksi dari pelbagai negara, Badawi menekankan bahwa penahanan Anwar dan perkembangan politik yang mengikutinya tak akan merusak hubungan baik Malaysia dengan dunia internasio-

nal. ''Isu ini semestinya dilihat dari sudut pandang lebih luas, bukan dalam perspektif sempit.''

Seperti ditulis kantor berita AFP, baik Estrada maupun Habibie telah mengungkapkan keprihatinan mereka atas nasib Anwar yang ditahan sejak 20 September lalu atas tuduhan melakukan korupsi dan sodomi. Kedua pemimpin itu juga telah bertemu dengan putri sulung Anwar, Nurul Izzah.

Pertemuan Nurul dengan Estrada berlangsung 15 Oktober lalu di kediaman Estrada di San Juan, dekat Manila. Sedangkan pertemuan mahasiswi Fakultas Teknik Universitas Petronas itu dengan Habibie, seperti dilaporkan majalah Far Eastern Economic Review, berlangsung di Pulau Batam. Pertemuan berlangsung di sela-sela pertemuan Habibie dan Estrada.

Dalam wawancara dengan akhbar *The Sun*, gadis berusia 18 tahun itu mengatakan pertemuannya dengan Estrada maupun Habibie bersifat pribadi. ''Alasan utama menemui mereka semata-mata untuk berterima kasih atas dukungan yang mereka beri. Tak ada agenda apapun.''

Pernyataan senada dikemukakan Wan Azizah Wan Ismail, ibu Nurul. Katanya, kunjungan putrinya hanya untuk mengucapkan terima kasih. Ia juga tak sependapat bila putrinya disebut sebagai duta keluarga guna menggalang dukungan internasional bagi sang ayah. ''Anak saya bukan utusan diplomatik kami. Ia adalah anak yang sangat saya cintai. Kerana itu saya tak akan menempatkannya dalam kesulitan,'' tegas Azizah dalam

sebuah sidang akhbar.

Sementara itu Estrada berpendapat, pernyataan-pernyataannya mengenai Anwar bukanlah untuk mencampuri urusan dalam negeri Malaysia. "Saya tidak mencampuri urusan dalam negeri mereka, tapi di negeri kami, kami punya kebebasan mengemukakan pendapat." Ia juga menilai Anwar telah menjadi korban pelanggaran HAM (Hak Asasi Manusia). "Saya dengar dari television, ketika ia ditahan, ia dipukul. Ini pelanggaran HAM."

Anwar sendiri, dalam pernyataan bertulis yang dibacakan isterinya mengecam perlakuan kejam terhadap para tahanan yang dijerat ISA (Akta Keselamatan Dalam Negeri). Di antara perlakuan kejam itu, tulis Anwar, mengurung tahanan di sebuah tempat terpencil.

Mengenai foto yang tersebar luas belum lama ini dimana ia tengah bersantap di balai polis Bukit Aman, Anwar menyebut foto itu "curang" dan "menyesatkan." "Itu pertama kali saya menikmati makanan yang baik di Bukit Aman. Sebelumnya, makanan yang disediakan terbungkus plastik dan nyaris tak bisa dimakan," kata Anwar yang menurut isterinya berat badan Anwar turun 8 kilogram.

Ini adalah pernyataan tertulis pertama Anwar sejak ditahan bulan lalu. Anwar sendiri telah dibebaskan dari jerat ISA namun masih di penjara menunggu kesnya dibicarakan. Menurut Anwar, pembebasannya dari ISA merupakan taktik Mahathir untuk mencegah kemarahan rakyat dan reaksi internasional menjelang KTT APEC

(Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik) bulan depan di Kuala Lumpur.

Sementara itu, ribuan pendukung Anwar kelmarin kembali menggelar unjuk rasa anti-pemerintah. Demonstran yang diperkirakan berjumlah sekitar 3.000 orang itu menyeru Mahathir, yang tengah melakukan kunjungan resmi ke Jepang, untuk mundur.

## PENASIHAT MSC LETAK JAWATAN

HONG KONG, Nov 11 (AFP) - Dua orang penasihat utama Super Koridor Multimedia kepada Perdana Menteri Mahathir Mohamad hari ini meletakkan jawatan kerana membantah layanan yang diberikan kepada bekas Timbalan Perdana Menteri, demikian kata satu laporan yang dikeluarkan hari ini.

Majalah *Far Eastern Economic Review* berkata Alvin Toffler, pengarang Future Shock, dan konsultan teknologi maklumat Kenichi Ohmae, seorang kawan lama Mahathir, telah meletakkan jawatan dan merupakan satu tamparan hebat terhadap perkembangan yang meruncing sekarang.

"Mereka melakukan demikian melalui surat-surat yang pedas kepada Perdana Menteri itu yang menyatakan kekesalan mereka terhadap layanan yang diberikan kepada bekas timbalannya Anwar Ibrahim," kata majalah Review tersebut.

Super Koridor Multimedia atau Multimedia Super

Corridor, yang kini dibina di luar Kuala Lumpur, merupakan satu projek yang bercita-cita tinggi bermatlamatkan membentuk satu Lembah Silikon (Silicon Valley) untuk menarik syarikat-syarikat teknologi gergasi dunia.

Ohmae dan Toffler merupakan ahli-ahli dari 41 orang Panel Penasihat Antarabangsa yang terdiri daripada beberapa nama terpenting di dalam teknologi maklumat.

Anwar sekarang ini sedang dibicarakan di atas 10 tuduhan rasuah dan liwat yang dikenakan selepas beliau dipecat dari Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan pada 2 September oleh Perdana Menteri Mahathir Mohamad. Beliau telah mengaku tidak bersalah di atas kesemua tuduhan-tuduhan tersebut.

Layanan yang diberikan oleh pihak berkuasa keselamatan Malaysia kepada beliau telah mendapat kecaman dari pelbagai pemimpin dunia dan Asia.

---

**Komen :**

• Penasihat MSC ini mempunyai prinsip hidup yang jelas dan lurus. Mereka tidak mudah kelabu mata dengan wang ringgit atau janji manis daripada PM dan membelakangkan prinsip persahabatan dengan DS Anwar Ibrahim. Mengapa teman-teman DS Anwar dalam MT dan Umno tidak berpendirian seperti mereka. Di mana silapnya Umno?

## ETIKA KEWARTAWANAN

Adakah Wartawan Malaysia mengikut etika ini? Dan juga faham kod perilaku Kesatuan National Union of Journalist(NUJ)? Agak malang apa yang sedang berlaku sekarang ini!

Laman Reformasi terpaksa bertindak untuk menyiarkan Kod Etika Wartawan Malaysia apabila hampir keseluruhan wartawan-wartawan negara ini terutama di media akhbar mainstream Utusan dan Berita Harian telah tidak mematuhi dan mengamalkan Kod Etika ini.

Bahawasanya wartawan akan mendukung prinsip-pirnsip Rukun negara dan cita-cita nasional yang terkandung didalamnya; menyedari peranannya untuk memberi sumbangan kepada proses membina negara; menyedari kewajipannya untuk memberi sepenuh sumbangan pada memupuk kerohanian antara kaum dan perpaduan nasional;

Menyedari peri bahaya komunisme, perkauman dan ketaksuban agama kepada kestabilan dan keselamatan negara; menyedari pentingnya masyarakat liberal, toleran, demokratik dan peranan tradisi kewartawan bebas dan bertanggungjawab yang berkhidmat untuk rakyat, dengan melaporkan fakta-fakta yang benar tanpa rasa takut atau berat sebelah; menyedari bahawa kewartawanan yang amanah adalah suatu aset kepada negara; menyedari pentingnya menegakkan nilai pekerti masyarakat yang baik dan asli; menyedari bahawa tiada se-

barang sekatan boleh diadakan bagi penyertaan seseorang ke dalam profesion wartawan; menyedari kewajipan kaum wartawan ke dalam profesion wartawan; menyedari kewajiwapan kaum wartawan untuk memberi sumbangan kepada penggubalan sesuatu dasar.

Maka dengan ini berpadu kepada Tatasusila Kewartawan Malaysia yang berikut ;

1. Tugas utama wartawan adalah melaporkan kebenaran dan menghormati hak orang ramai untuk mendapat maklumat yang benar.

2. Dalam melaksanakan tugas ini dia menghayati kebebasan memungut dan menyiarkan berita secara jujur serta berhak membuat ulasan dan kritikan yang saksama.

3. Wartawan hendaklah menggunakan cara yang wajar untuk mendapat berita, gambar atau filem dan dokumen.

4. Sebarang maklumat tersiar yang didapat tidak benar dan tidak tepat hendaklah diperbetulkan.

5. Wartawan hendaklah menghormati kerahsian sumber berita.

6. Wartawan hendaklah berbudi pekerti ketika menjalanakan tugas dan mengelakkan diri daripada plagarisme, fitnah dan hasutan, tuduhan tidak berasas serta rasuah dalam apa bentuk sekalipun.

7. Wartawan hendaklah menghindarkan siaran berita atau rencana yang bersifat perkauman, melampau atau

bertentangan dengan tatasusila masyarakat majmuk Malaysia.

8. Wartawan hendaklah memahami undang-undang dan peraturan negara yang berkaitan secara langsung dengan profesion mereka.

**Kod perilaku profesional anggota kesatuan kebangsaan wartawan Malaysia (NUJ).**

1. Menghormati kebenaran serta hak awam untuk mengetahui kebenaran merupakan tugas utama wartawan.

2. Dalam melaksanakan tanggungjawab ini, wartawan akan mempertahankan kedua-dua prinsip ini; kebebasan memungut dan menerbitkan berita dengan jujur serta hak untuk mengeluarkan ulasan dan kritikan secara adil.

3. Wartawan akan hanya melaporkan fakta-fakta yang diketahui asal usulnya. Wartawan tidak akan menyembunyikan sebarang maklumat atau memalsukan sebaran dokumen.

4. Wartawan akan menggunakan kaedah yang adil untuk memperoleh berita, gambar dan dokumen.

5. Sebarang maklumat yang diterbitkan itu jika didapati tidak tepat, maka wartawan harus berusaha untuk memperbetulkannya.

6. Wartawan akan menghormati rahsia profesional

berhubung dengan sumber maklumat.

7. Wartawan akan menganggap perbuatan-perbuatan ini sebagai kesalahan profesional yang paling besar: Mengumpat, fitnah lisan fitnah bertulis dan tuduhan-tuduhan tidak berasas.

8. Penerimaan sogokan dalam apa bentuk sekalipun, sebagai sagu hati untuk penerbitan atau menyembunyikan maklumat.

9. Wartawan mengiktiraf hak rakan-rakan sekerjanya berhubung dengan soal-soal profesional bidang itu; wartawan akan menolak sebarang bentuk campur tangan daripada kerajaan atau pihak-pihak lain.*

**Seikaku Tadashii**

* Masalahnya etika tersebut sudah dipadam oleh tangan-tangan penjajah jadian Melayu.

# Gelagat Yang Berhormat

Budget Day

DEWAN RAKYAT

Jumaat, 23 Oktober 1998

Mesyuarat dimulakan pada pukul 4.00 petang

DOA

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

## RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1999

*Bacaan Bagi Kali Yang Kedua*

Tuan R. Karpal Singh : Tuan Yang di-Pertua:

Sila, Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh : Peraturan 66(1). [Menyampuk]

Seorang Ahli : Apa mahu kacau-kacau!

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin : Hai Jelutong, mahu jadi heroin. [Ketawa]

Tuan R. Karpal Singh : Tuan Speaker, ini Dewan Rakyat atau pasar? Tuan Speaker boleh membuat satu ruling sama ada Dewan Rakyat atau pasar. Jika Dewan Rakyat, *behave like one.*

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin : Hai bai duduklah!

Tuan R. Karpal Singh: Ini kelakuan *Mr. Prime Minister that what you have.*

Tuan Yang di-Pertua :

Tuan R. Karpal Singh : *Discipline for haven't sake, discipline them.* [Menyampuk]

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin : *Discipline your own people first.*

Tuan R. Karpal Singh : *Discipline yourself first.*

Beberapa Ahli : [Menyampuk]

Tuan Yang di-Pertua : Sila, Yang Berhormat dari Jelutong. Apa *point of order* itu? Apakah dia?

Tuan R. Karpal Singh : Bolehkah semua sabar dahulu sebelum saya membaca.

Tuan Yang di-Pertua : Bacalah.

Tuan R. Karpal Singh : Sebagai seorang bekas hakim tentu boleh kawal orang-orang seperti ini.

Seorang Ahli : Apalah lu, bai!

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin : *Take care of your back side!*

Tuan Yang di-Pertua : Yang Berhormat. Sila bacakan.

Tuan R. Karpal Singh : Sebelum saya baca, saya tidak mahu apa-apa gangguan dalam Dewan Rakyat ini. [Menyampuk] "66(1) Hendaklah dibawa ke dalam Majlis satu Rang Undang-undang Perbekalan." Dalam peng-

hujahan saya pada satu Konvensyen, iaitu Menteri Kewangan yang sah boleh membentangkan usul seperti ini. Ada dua Menteri Kewangan, Menteri Kewangan Pertama dan Menteri Kewangan Kedua. Dan penghujahan saya kedua-dua ini tidak sah. [Menyampuk]. Menteri Kewangan yang sah adalah Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh. [Menyampuk]

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin : Mana turban?

Seorang Ahli : Baliklah!

Tuan R. Karpal Singh : Bagi sokong penghujahan itu, saya rujuk kepada Perkara 43(5) Perlembagaan. Subject to clause 4, dengan izin, *"Minister other than the Prime Minister shall hold office during the pleasure of the Yang di-Pertuan Agong."* Ini penting. *"Unless the appointment of any Minister shall have been revoked by the Yang di-Pertuan Agong on the advice of the Prime Minister but any Minister may resign his office."* Apa yang saya mengetahui Menteri Kewangan yang sah iaitu Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh tidak letak jawatan. Saya mahu ketentuan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Adakah *the appointment of this minister that revoke by the* Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, jika ya, bila? Bolehkah saya dapat tahu...

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin : *Don't waste time*lah bai!

Tuan R. Karpal Singh : *I suggest stand up!* [sambil

mengarahkan kepada Datuk Haji Mohamad Nazri bin Abdul Aziz]

Tuan Yang di-Pertua : Yang Berhormat, cukup.

Tuan R. Karpal Singh : Kalau berani *stand up!*

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin : Ini bai murtad.

Tuan R. Karpal Singh : *Stand up!*

Tuan Yang di-Pertua : Yang Berhormat dari Jelutong, sudahlah.

Seorang Ahli : *Sit down!*

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed : Baling kepala baru tahu!

Tuan R. Karpal Singh : Apa yang saya hairan Tuan Speaker, Ahli-ahli Dewan rakyat Barisan Nasional kelakuan sebagai binatang.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin : Bai, lu main pungkurkah?

Beberapa Ahli : [Menyampuk] Baliklah lu bai! Tarik balik bai!

Seorang Ahli : Lu mahu mampuskah!

Tuan Yang di-Pertua : Yang Berhormat, saya minta Yang Berhormat tarik balik perkataan 'binatang'.

Tuan R. Karpal Singh : Saya tidak tarik balik.

Beberapa Ahli : Tarik balik bai!

Tuan R. Karpal Singh : Saya menegaskan 'binatang'.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed : Tarik balik bai!

Tuan Yang di-Pertua : Kalau tidak tarik balik saya akan minta supaya Yang Berhormat keluar daripada Dewan.

Beberapa Ahli : Tarik balik!

Tuan R. Karpal Singh : Bagaimana orang lain?

Seorang Ahli : Apa ini!

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Speaker, bolehkah saya dapat tahu bagaimana orang lain.

Tuan Yang di-Pertua : Orang lain tidak menggunakan perkataan 'binatang'.

Tuan R. Karpal Singh : Bukan binatang sahaja, 'binatang liar'.

Seorang Ahli : Bai, duduk!

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam : 'Binatang liar', Tuan Speaker, peraturan Dewan.

Tuan Yang di-Pertua : Ahli Yang Berhormat yang lain sila senyap. Yang Berhormat dari Jelutong, sila tarik balik perkataan itu.

Tuan R. Karpal Singh : Saya boleh tarik balik.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin : Tarik balik, bai!

Seorang Ahli : Tanpa syarat.

Tuan R. Karpal Singh : Itu boleh, Tuan Speaker.

Tuan Yunus bin Rahmat : Bai kurang ajar!

Tuan R. Karpal Singh : 'Kurang ajar' boleh?

Tuan Yang di-Pertua : Baiklah.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin : Bai, jaga belakanglah!

Beberapa Ahli : [Menyampuk]

Tuan R. Karpal Singh : Saya boleh tarik balik, itu tidak ada masalah, Tuan Speaker. Itu semua boleh dikekalkan, boleh masuk dalam Hansard.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed : *Point of order.*

Tuan Yang di-Pertua : Ya.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Menggunakan perkataan yang biadab, iaitu bertentangan dengan perkara 36(4), Tuan Yang di-Pertua. [Tepuk] Kita mohon supaya Yang Berhormat dari Jelutong menarik balik. Jika tidak, kita menggesa supaya Tuan Speaker menghalau dia keluar daripada Dewan ini. [Tepuk]

Tuan R. Karpal Singh: Ini orang bodoh, saya sudah tarik balik tadi. [Ketawa] [Menyampuk]

Tuan Yang di-Pertua : Baiklah.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed : Tuan Yang di-Pertua, *point of order* sekali lagi.

Tuan Yang di-Pertua : Ya.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed : 34, Tuan Yang di-Pertua. Perkataan 'bodoh' pun sudah diputuskan dalam Dewan ini bahawa perkataan itu adalah perkataan biadab dan minta tarik sekali lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua : Ya. Perkataan 'bodoh' pun telah dianggap sebagai perkataan....

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin : Okay 'bodoh' tarik balik!

Tuan R. Karpal Singh : Tuan Speaker.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin : Hai pekak tarik balik!

Tuan R. Karpal Singh : Saya tarik balik tetapi ganti dengan 'tak berapa pandai'. [Ketawa]

Seorang Ahli : Lembu! [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua : Yang Amat Berhormat, sila teruskan. Ada hendak jawab sedikit berkenaan apa yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Jelutong?

Perdana Menteri dan Menteri Kewangan I : Ya. Tuan Yang di-Pertua, saya telah sampaikan keputusan saya sebagai Perdana Menteri untuk melucutkan jawatan Dato' Seri Anwar bin Ibrahim sebagai Timbalan Perdana Menteri dan sebagai Menteri Kewangan, dan Yang di-Pertuan Agong tidak ada tentangan apa-apa.

Tuan R. Karpal Singh : Tuan Speaker, penjelasan. Adakah diirevokeikan, bukan sampaikan keputusan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Adakah Yang di-Pertuan Agong revoke the ministership of....adakah itu digazetkan. Jangan main-main dalam Dewan yang mulia ini. [Menyampuk] Ada dilucut.....

Tuan Yang di-Pertua : Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh : Sampaikan itu lain. Keputusan yang disampaikan itu bukan apa yang ada dalam

perkara 43. Adakah itu di*'revoke'*kan oleh Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Adakah itu dibuat? Jika tidak, ini semua tidak sah.

Tuan Yang di-Pertua : Jelutong, cukuplah!

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin : Duduklah bai!

Tuan R. Karpal Singh : Belanjawan bagi tahun 1999 tidak sah jika apa yang ada dalam perkara 43 tidak diikuti. Seorang sahaja boleh membentangkan usul ini, iaitu Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh sebagai Menteri Kewangan yang sah. Jangan main-main.

Tuan Yang di-Pertua : Sila, Yang Amat Berhormat.

Perdana Menteri dan Menteri Kewangan I : Tuan Yang di-Pertua, saya telah sampaikan keputusan saya, sama ada menyampaikan itu merupakan satu nasihat ataupun tidak iaitu terpulang kepada Ahli Yang Berhormat. Tetapi pada pendapat saya itu adalah nasihat kepada Yang di-Pertuan Agong, dan Yang di-Pertuan Agong menerimanya. [Tepuk] Kemudian daripada itu senarai Ahli-ahli Kabinet telah pun diumumkan.

Tuan Yang di-Pertua : Sila teruskan ucapan.

Tuan R. Karpal Singh : Adakah itu digazetkan?

Tuan Yang di-Pertua : Cukuplah Yang Berhormat dari Jelutong, cukuplah.

Tuan R. Karpal Singh : Bukan cukup, ini satu perkara penting.

Tuan Yang di-Pertua : Cukuplah. Cukuplah Yang Berhormat. Sila teruskan.

Seorang Ahli : Duduklah Jelutong!

Tuan R. Karpal Singh : Ucapan yang dibuat *without* mengikut undang-undang apa yang dibuat selepas itu semua tidak sah.

Tuan Yang di-Pertua : Itu terpulanglah kepada keadaan, dan pada fikiran saya gazet ataupun tidak gazet itu tidak menjejaskan sama ada legal atau tidak. Sila teruskan Yang Amat Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh : *It must be sue in court.*

Beberapa Ahli : Cukup!

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin : Hai, bai tiga silinder.

**4.15 ptg.**

Perdana Menteri dan Menteri Kewangan I : Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya suatu Rang Undang-undang bertajuk "Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1999 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan tahun itu" dibacakan bagi kali yang kedua.......

---

* Beginikah akhlak seorang wakil rakyat? Rakyat bukan hanya memerlukan pemimpin yang pandai berkata-kata tetapi lebih dari itu. Ternyata selama ini rakyat benar-benar tertipu. Adakah rakyat rela diperbodohkan lagi?

# Demonstrasi di Sogo Tercemar Oleh Penjajah Jadian (24/10/1998)



Ganas... SB bertindak dengan menarik rambut kaum yang lemah. Di manakah nilai peri kemanusian...?



Tangkap...jurugambar asing yang mengambil gambar dihalang oleh pihak polis.

## PERTUBUHAN JAMAAH ISLAH MALAYSIA

Kenyataan Umum 8 September 1998

# PERLUCUTAN JAWATAN DATO' SRI ANWAR IBRAHIM ADALAH KEMUNCAK PELANGGARAN PRINSIP KEBENARAN DAN KEADILAN

JIM adalah sebuah pertubuhan Islam yang mendukung cita-cita dan aspirasi Islam yang unggul. JIM percaya bahawa kesucian ummah serta kesejahteraan masyarakat di negara ini bergantung kepada dukungan terhadap prinsip-prinsip Islam, kebenaran dan keadilan.

JIM berpendirian bahawa cara yang digunakan untuk melucutkan jawatan Dato' Seri Anwar Ibrahim daripada jawatan Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan berkuatkuasa 2 September 1998 oleh Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad adalah bertentangan dengan prinsip-prinsip Islam, kebenaran dan keadilan.

Pendirian ini berdasarkan kepada:

## Fitnah Digunakan untuk Menjustifikasi Tindakan

Sejak pemecatan Dato' Seri Anwar Ibrahim daripada semua jawatannya dalam kerajaan dan seterusnya pemecatannya sebagai ahli UMNO, media-media cetak dan elektronik di negara ini menyiarkan pelbagai dakwaan terhadap beliau, terutamanya yang berkaitan dengan salah laku seksual. Gambaran yang diberikan kepada rakyat bahawa Dato' Seri Anwar Ibrahim sedang menghadapi masalah moral yang begitu berat hingga memang wajar sekali beliau dilucutkan semua jawatan daripada kerajaan.

Perkembangan yang berlaku menunjukkan bahawa fitnah telah dijadikan satu instrumen untuk menjatuhkan Dato' Seri Anwar Ibrahim. Bahkan fitnah dimanfaatkan untuk memberi justifikasi bagi Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad terhadap tindakannya.

Fitnah, khususnya yang berkaitan dengan zina atau qazaf adalah satu kesalahan yang berat. Al-Quran menuntut mereka yang membuat tuduhan mendatangkan empat orang saksi atas tuduhan mereka. Firman Allah yang bermaksud:

> *"Mengapa mereka (yang menuduh itu) tidak mendatangkan empat orang saksi atas berita bohong itu? Oleh kerana mereka tidak mendatangkan saksi-saksi maka mereka itulah pada sisi Allah orang-orang yang dusta"*
>
> (An-Nur : 13)

Sunnah Rasulullah s.a.w. juga telah memberi panduan yang jelas tentang cara-cara persaksian dan ciri-ciri saksi yang layak menjalankan persaksiannya. Dalam Islam qazaf adalah satu kesalahan yang tidak ada tolak ansur.

Penggunaan fitnah sebagai instrumen untuk menyelesaikan pertikaian politik khususnya yang berkaitan dengan tuduhan zina, dikhuatiri akan menjadi budaya dan kelaziman masyarakat di negara ini pada masa-masa akan datang. Gejala ini pastinya menjadi bertambah runcing apabila ianya telah-telah digeraki oleh pucuk pimpinan tertinggi negara.

Membiarkan fitnah berleluasa dan membenarkan mana-mana pihak membuat tuduhan zina terhadap seseorang muslim tanpa membawa empat orang saksi adalah satu pengingkaran terhadap perintah Allah. Tidak menindak golongan penyebar fitnah tersebut seperti tidak mengendahkan peringatan Allah bahawa sebenarnya "mereka itulah pada sisi Allah orang-orang yang dusta (al-kazibun)" (An-Nur : 13)

## Keadilan Sudah Tidak Terjamin

Sejak pemecatan Dato' Seri Anwar Ibrahim beliau tidak sedikitpun diberi peluang untuk membela dan menjelaskan kedudukannya. Sebaliknya, media-media cetak dan elektronik bertalu-talu memaparkan pelbagai dakwaan dan tuduhan. Senario yang wujud adalah media sendiri telah memainkan peranan untuk menjatuhkan hukuman terhadap beliau.

Sebahagian besar rakyat juga hairan dan tertanya-tanya adakah apabila seorang yang pernah menjawat jawatan kedua tertinggi negara pun sudah tidak terjamin keadilan bagi dirinya, apa pula yang akan terjadi kepada mereka sebagai rakyat biasa.

Keadaan yang berlaku kini seolah-olah menuntut Dato' Seri Anwar Ibrahim pula yang perlu membuktikan bahawa beliau tidak bersalah. Keadaan yang ada kini bukan sahaja menyalahi prinsip keadilan Islam bahkan bertentangan dengan undang-undang universal yang menekankan bahawa seseorang itu adalah *innocent until proven guilty*.

Sewajarnya, Malaysia yang sudah merdeka, di atas dasar keluhuran undang-undang, mampu mempertahankan seorang yang pernah berjasa kepada negara ini dengan cara yang paling bertamadun dan bertamaddun.

JIM memperjuangkan setiap prinsip ini di atas dasar kebenaran dan keadilan. Peristiwa perlucutan jawatan Dato' Seri Anwar Ibrahim adalah kemuncak kepada tercemarnya prinsip-prinsip ini di negara kita yang tercinta. Dengan itu kenyataan JIM terhadap perlucutan jawatan tersebut bukan di atas dasar peribadi Dato' Seri Anwar Ibrahim. Sebaliknya penentangan JIM terhadap perlucutan jawatan tersebut adalah di atas dasar tanpa menyalahi kesempurnaan prinsip kebenaran dan keadilan tadi. Dalam hal ini Dato' Seri Anwar Ibrahim menjadi lambang yang paling kemuncak terhadap pelanggaran prinsip-prinsip kebenaran dan keadilan ini.

Selaras dengan misi perjuangan menegakkan prinsip-prinsip kebenaran dan keadilan ini, JIM terlibat sama menggerakkan arus reformasi rakyat. Gerakan reformasi ini adalah satu gerakan aman dan menurut undang-undang. JIM tidak menentang kerajaan, sebaliknya JIM menentang tindakan golongan tertentu yang berselindung di atas nama kerajaan untuk mencemarkan prinsip-prinsip kebenaran dan keadilan.

Dengan itu JIM menyeru sekali lagi, agar Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad meninjau semula keputusannya demi masa depan, kestabilan dan kesejahteraan negara. JIM juga menyeru Majlis Kerja Tertinggi UMNO yang mewakili kelas utama pucuk pimpinan tertinggi negara meletakkan kebenaran dan keadilan di tempatnya yang asal. JIM juga menyeru rakyat Malaysia untuk bertenang dan tidak terpedaya di luar batasan undang-undang dalam menghadapi pergolakan politik semasa negara.

JIM yakin rakyat Malaysia di seluruh lapisan masyarakat yang cintakan negara ini mahu sama-sama menegakkan kebenaran dan keadilan.

JIM menyeru seluruh umat Islam di negara ini berdoa agar Allah menganugerahkan kemurahan-Nya terhadap kita lantaran doa dan perbuatan keji golongan penyebar fitnah ini.

Bersama Menegak Kebenaran dan Keadilan.



Hj. Saari Hj. Sungib
Presiden

Lot 398 1, Lorong Selangor, Pusat Bandar Melawati, 53100 Kuala Lumpur
Tel: [illegible] Fax: [illegible] E-mail: [illegible]

## Institusi dan Jentera Kerajaan Dicurigai Mampu Melindungi Kepentingan Rakyat

Penggunaan afidavit daripada satu kes lain untuk dikaitkan dengan tuduhan salah laku seks dan liwat terhadap Dato' Seri Anwar Ibrahim, bahkan kesudahannya tuduhan ini dibuat melalui media sebenarnya telah menimbulkan keraguan rakyat terhadap apakah peranan sebenar beberapa institusi dan jentera penting dalam pentadbiran kerajaan.

Rakyat Malaysia yang berpendidikan dan telah sama-sama mendukung misi "Negara Kita, Tanggungjawab Kita" merasa tercabar apabila terdapat tanda-tanda bahawa institusi dan jentera dalam pentadbiran kerajaan telah dipergunakan oleh segelintir golongan tertentu demi mempertahankan kepentingan mereka.

Perlucutan jawatan Dato' Seri Anwar Ibrahim dan segala tuduhan yang dilemparkan kepadanya telah menimbulkan kecurigaan yang besar di kalangan rakyat tentang peranan sebenar institusi dan jentera pentadbiran kerajaan ini.

Sekali lagi perkara ini bertentangan dengan prinsip Islam dan keadilan. Sepatutnya institusi dan jentera kerajaan adalah bertujuan untuk melindungi kepentingan rakyat dan bukan digunakan menjaga kepentingan segolongan pihak tertentu.

## Berkuburnya Demokrasi dan Semangat Musyawarah

Rakyat Malaysia yang disajikan dengan berita-berita berat sebelah yang melemparkan pelbagai tuduhan terhadap Dato' Seri Anwar Ibrahim menunjukkan petanda-petanda awal berkuburnya demokrasi dan semangat musyawarah di dalam masyarakat.

Tiadanya ruang bagi yang tertuduh, maupun pandangan-pandangan alternatif berhubung tuduhan terhadap Dato' Seri Anwar Ibrahim, meyakinkan rakyat bahawa media kini sudah diarah untuk menyokong semua kepentingan pihak tertentu. Malangnya, kepatuhan media terhadap arahan pihak tertentu, telah sekali gus dengan orang-orang melanggar perintah Allah dan Rasul-Nya s.a.w. berkaitan dengan fitnah.

Pembudayaan budaya menyokong yang diarahkan melalui media ini di samping meruntuhkan demokrasi dan semangat musyawarah pastinya akan melahirkan generasi yang sentiasa dalam ketakutan jika tidak bersetuju dengan kepentingan kerajaan. Rakyat sudah tidak ada kebebasan untuk bersuara secara telus. Lahirlah generasi yang kerjanya mengampu walaupun demi menjaga kepentingan yang murah. Jatidiri rakyat akan lemah. Semangat berjuang dan berkorban untuk kebenaran akan padam. Apa yang tinggal hanyalah golongan pengampu yang tidak malu melihat [illegible] keadilan walaupun kezaliman dan ketidakadilan yang berlaku di negaranya begitu hebat dan dahsyat.

**SIARAN MEDIA ABIM, JIM, PKPIM**
**6 September 1998**

**BAHAYA GEJALA FITNAH KEPADA MASYARAKAT DAN NEGARA**

1. Kami merasa kecewa karana fitnah terutamanya yang berunsur seksual dijadikan alat dan senjata untuk mengaib dan menjatuhkan seseorang. Ini terbukti dengan penerbitan beberapa buah buku yang disebarkan dengan meluas di negara ini sekarang. Ini merupakan implikasi krisis nilai yang amat dahsyat. Al-Quran memperingatkan kita bahawa fitnah dengan menuduh orang berzina merupakan dosa besar. Firman Allah yang bermaksud : *"Dan fitnah itu lebih besar bahayanya daripada pembunuhan."* (Al-Baqarah 191) *" Orang yang menuduh orang yang baik melakukan zina terlaknat di dunia dan akhirat dan bakal mendapat azab yang besar."* (an-Nur 23)

2. Fitnah seksual yang berbau politik telah menyebabkan pemecatan Dato' Seri Anwar Ibrahim sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan. Beliau telah dihukum oleh media dan pihak tertentu sebelum pertuduhan dibuat di Mahkamah. Ini bercanggah dengan prinsip keadilan iaitu 'yang dituduh tidak bersalah sehingga dibuktikan kesalahannya'. Prinsip keadilan Islam pula menegaskan 'beban pembuktian diletakkan kepada orang yang mengemukakan pertuduhan'. Dan sehingga kini Mahkamah belum membuat sebarang keputusan samada salah atau sebaliknya. Adalah malang kerana tindakan terhadap Dato' Seri Anwar amatlah luar biasa kerana tiada kesempatan diberikan kepada beliau untuk membela diri melalui proses demokrasi dan undang-undang yang sewajarnya.

3. Sesungguhnya sebagai warga Malaysia yang prihatin kita bimbang jika keadilan yang merupakan hak asasi yang termaktub dalam perlembagaan Malaysia tidak dapat diberikan kepada Dato' Seri Anwar sehingga beliau dipecat dan diaibkan, maka keadilan bagaimanakah yang boleh diharapkan untuk rakyat terbanyak!

4. Kami berpandangan Dato' Seri Anwar Ibrahim adalah seorang pemimpin yang berkaliber di dalam dan di luar negara. Beliau telah diberi penghargaan yang banyak dari pelbagai negara di antaranya termasuklah *Pingat Allama Iqbal Centenary Pakistan, Top Finance*

*Ministers of The Year*, *Majalah Euromoney 1993* dan *Knight Grand Cross of Rizal* dengan gelaran *Sir* pada 1996.

Bagi mengelakkan negara dilanda krisis yang lebih parah maka kami dengan ini memulakan Gerakan Reformasi Rakyat. Gerakan ini bertujuan untuk menyuburkan idealisme rakyat menghayati dan memperjuangkan nilai kebenaran dan keadilan dalam bidang sosial, ekonomi, politik dan segenap aspek kehidupan yang lain. Gerakan Reformasi Rakyat ini mengajak semua pemimpin kumpulan, persatuan, parti politik, komuniti dan individu yang prihatin bergabung tenaga untuk meningkatkan kesedaran ke arah mewujudkan suasana masyarakat madani, iaitu masyarakat yang mendaulatkan prinsip-prinsip agama dan akhlak sebagai asas dalam proses pembangunan negara.

6 Gerakan Reformasi Rakyat ini akan mengamalkan prinsip syura dengan meletakkan keadilan dan kebenaran (*al-adalah dan al-haq*) sebagai asas perjuangan. Ianya gerakan secara aman dan berfungsi dalam ruang lingkup sistem perundangan dan demokrasi yang ada di negara ini. Justeru itu, kami menyeru kepada semua pertubuhan dan anggota masyarakat untuk turut serta dalam usaha murni ini demi kesejahteraan dan kemakmuran negara Malaysia yang tercinta.

AHMAD AZAM ABDUL RAHMAN
Presiden ABIM

SHAARI SUNGIP
Presiden JIM

AMIDI ABDUL MANAN
Presiden PKPIM

Shaharir Mohamad Zain
Presiden ASASI

# Koleksi Suara Rakyat

**Mustapa Mansor bin Amer Mohd Isa,**
No 5, Jln. SG 7/3,
Tmn. Seri Gombak,
68200 Gombak, Selangor
Tel,03-6893808
Email:mustm@tm.net.my/mustm99@hotmail.com

12 hb September,1998.

**Ketua Pengarang,**
Utusan Malaysia.

Tuan,
Per: **Kikis Budaya Ampu dan Merapu**.

Saya seperti nama dan alamat di atas adalah pembaca tetapUtusan Malaysia hampir setiap hari. Sebagai seorang pembaca saya rasa benar-benar kecewa dan hampa terutama bila membaca ruang Lidah Pengarang sejak sebulan yang lalu.Lebih-lebih lagi setelah sah pemecatan jawatan Timbalan Perdana Menteri.

2.Saya ingin menegaskan di sini bahwa saya tidak dipengaruhi atau diperalatkan oleh sesiapapun samada dari pembangkang atau penyokong kerajaan. Hak bersuara dan memberi pandangan adalah hak manusia sejagat.Jadi beberapa soalan dan kritik terhadap akhbar tuan seperti di bawah bukan bertujuan untuk menjatuhkan imej atau menafikan peranan positif yang pihak tuan laksanakan. Antaranya:

i. **Apakah etika akhbar yang sebenarnya**?. Setakat yang saya tahu akhbar adalah penyalur berita dari sumber yang benar dan boleh dipertanggungjawabkan. Ia bukan diperalatkan dan bukan memperalatkan sesuatu untuk kepentingan individu atau badan-badan tertentu.Dari penelitian saya, kebanyakan akhbar di Malaysia adalah ruang untuk memanupulasikan sesuatu isu bagi kepentingan orang tertentu dan isunya juga kadangkala terlalu keanakan.Keanakan yang saya maksudkan ialah sesuatu isu yang secara zahirnya seperti dewasa tetapi tidak matang,ikhlas tetapi bermuslihat,tegas tetapi menindas,berwawasan tetapi beku,membela tetapi mendera dan berbagai lagi. Keanakan ini terlalu ketara terutama dalam ruang Lidah Pengarang yang seolah-olah ada orang lain yang mengarah dari belakang.Saya tidak bertujuan untuk menghina kredibiliti tuan tetapi tataplah tulisan yang tuan paparkan beberapa kali sebelum ianya dicetak. Saya yakin rakyat Malaysia yang peka akan muak dan meluat dengan cara keanakan ini jika berterusan.Jika ampu terlampau lebih juga akhirnya makan diri,orang benci dan tuhan lebih benci. Apatah lagi jika bertujuan menipu rakyat, sekiranya pemimpin itu terus naik mungkin anda boleh tumpang sekaki. Di dunia anda dapatlah sedikit

---

* Surat ini telah difax kepada Ketua Pengarang Utusan Malaysia dan Berita Harian. Nampaknya cara terhormat tida ada kesan langsung malahan makin teruk. Jadi saya cadangkan agar rakyat "boycot" sahaja. saya sejak dari tarikh ini tidak lagi membeli akhbar dan apa jua keluaran media dari syarikat-syarikat gergasi dan saya yakin anda juga. Teruskan hingga mereka bertambah.

tapi di akhirat nanti anda akan dapat siksa lebih banyak dari bilangan huruf nista yang anda pernah tulis.

ii. **Di manakah sebenarnya nilai kemerdekaan,kebebasan,kesamarataan dan berbagai nilai murni yang dapat diperjuangkan oleh akhbar?**

Pemimpin negara kita begitu serius memperkatakan hal ini sejak dari Rejim Tunku Abd. Rahman hinggalah ke rejim sekarang Tetapi akhbar yang berubah hanyalah orangnya , mesin atau peralatannya sahaja.Pendekatannya masih tidak berubah dan tetap tidak akan berubah selagimana tidak berlakunya ReformasiTotal dari peringkat pimpinan hinggalah ke rakyat biasa.Mungkin tuan cuba untuk merubah suasana ini tetapi tidak berdaya kerana ada kuasa ghaib yang memacu dari atas,bawah, kiri dan kanan.Akhirnya tuan tersepit dan dihimpit tanpa belas kasihan .Ruang yang diberi hanyalah untuk bernafas dan tangan bergerak ke kiri dan ke kanan. Kemerdekaan dan kebebasan akhbar hanya tinggal laungan dari pemimpin dan mimpi bagi seorang rakyat.

**Apakah kesan jangka pendik dan panjang yang hendak dicapai oleh akhbar?**

Persoalan ini wujud kerana selama ini saya melihat akhbar di Malaysia amat berhati-hati dalam sebarang berita terutama berita yang berkaitan dengan tokoh-tokoh tertentu samada dari kerajaan atau bukan kerajaan. Sebaliknya bila terjadi isu pemecatan Timbalan Perdana Menteri, sikap akhbar yang penuh hati-hati selama ini berubah seperti akhbar dari sebuah negara maju yang bebas dan tanpa sekatan. Cuma bezanya berita dari negara maju memuatkan sesuatu berita secara terbuka dan biasanya seimbang . Pihak pendakwa disediakan ruanguntuk mendakwa dan yang kena dakwa mempunyai ruang yang selesa untuk membantah. Nampaknya akhbar BH khususnya,

dalam isu ini membuat liputan yang meluas tetapi senget sebelah. Saya tidak pasti apakah dan siapakah yang menyebabkan ianya

senget?.Mungkin untuk mengharap tujuan jangka pendik telah pun tercapai dimana rakyat dapat diyakinkan bahawa negara kita dan pemimpin kita sedang berperang dengan petualang nombor satu di Malaysia.Petualang nampaknya sudah ditemui tetapi jembalang masih dalam teka teki. Saya bukan ahli nujum atau tukang tilik tetapi ianya telah digembar- gemburkan dengan begitu lantang sejak sebulan yang lalu dari tokoh veteran dan bukan veteran serta mendapat liputan dari semua media massa di Malaysia.

Rakyat akan terus mempersoalkan perkara yang sama dan ia semakin merebak ke peringkat bawahan. Rakyat Malaysia tidak lagi seperti 50 tahun yang lalu Sekarang mereka bukan sahaja boleh membaca bahkan

IT Amatlah memalukan dan menyedihkan jika rakyat Malaysia suatu hari nanti tidak lagi mengambil akhbar tempatan sebagai sumber berita utama dalam membuat sesuatu penilaian.Mereka akan menolak tanpa segan silu sebarang berita berbentuk hikayat bagi memenangkan seseorang atau menjatuhkan seseorang. Perkara ini tidak mustahil akan terjadi sekiranya keunggulan akhbar tempatan tidak dapat dipertahankan dan fungsinya terus dinoda oleh rejim tamak kuasa. Sekarang mungkin tuan tidak merasakan apa-apa sebab tuan masih boleh menjual akhbar tuan ratusan ribu sehari tetapi lihatlah 5 tahun akan datang,rakyat tidak akan terus bodoh dan diperbodohkan. Saya bukan anti akhbar tuan atau kerajaan tetapi saya anti kebodohan dan kezaliman.

3 Saya berharap pihak tuan akan terus **mendokong dan memperjuang kebenaran** walaupun ianya pahit. Kebenaran yang tuan pertahankan tidak akan menjatuhkan darjat tuan di dunia maupun di akhirat.Semoga Allah mencucuri rahmat kepada sesiapa sahaja yang tetap bersama kebenaran.Amin.

Perhatian dari pihak tuan saya dahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

Yang benar,

Mustapa Mansor

# Koleksi Sokongan Majalah Luar Negara – Jerman

Ausland

MALAYSIA

## Teuflische Elemente

Eifersuchtsdrama mitten in der Krise: Premier Mahathir, Verfechter der asiatischen Werte, verstößt seinen westlich orientierten Nachfolger

Der eine verehrte in seiner Jugend John F. Kennedy, Ché Guevara und Tschou En-lai. Ein radikaler Islamist, wetterte er gegen Englisch beschriftete Verkehrsschilder, sie seien Relikte der britischen Kolonialzeit, in seinem Land solle nur die Muttersprache gelten.

Der andere verlangte, die einheimische Bevölkerungsmehrheit müsse vom Staat besonders gefördert werden, damit sie sich gegenüber den chinesisch- und indischstämmigen Bürgern besser behaupten könne. Dafür verbannte ihn seine Partei wegen Chauvinismus in die Provinz.

Dort besuchte der junge malaysische Nationalist den älteren malaysischen Eiferer – es war der Beginn einer wunderbaren Freundschaft. „Ein großes Treffen", schwärmte Anwar Ibrahim, 51, von der ersten Begegnung mit seinem späteren Mentor Mahathir Mohamad, 72, im Jahr 1970.



[illegible]
*Angst vor dem Schicksal Schartos?*

Nun ist das Band zwischen beiden gerissen. Ministerpräsident Mahathir feuerte seinen Finanzminister und designierten Nachfolger Anwar. Prompt verstieß ihn auch die Regierungspartei „Vereinigte Malaysische Nationalorganisation" (Umno).



**Entlassener Minister Anwar**

Vordergründig geht es um ein großes Politdrama, um Sex, Korruption und Geheimnisverrat. Anwar stürzte, nachdem die Polizei gegen ihn ein Ermittlungsverfahren wegen „sexueller Unzüchtigkeit", Verbindungen zu „teuflischen ausländischen Elementen" und Korruption eingeleitet hatte.

Träfen die Vorwürfe zu, wäre US-Präsident Bill Clinton gegen Anwar ein Chorknabe. Der Vater von sechs Kindern soll unter anderem mit einem Mann 15mal Verkehr gehabt haben. Und der Chauffeur eines Freundes habe ihm regelmäßig chinesische, amerikanische und eurasische Frauen zugeführt.

Zudem, so heißt es, habe er 60 Millionen Ringgit (27,8 Millionen Mark) Bestechungsgelder genommen und gegenüber befreundeten Dunkelmännern Staatsgeheimnisse ausgeplaudert.

Das riecht natürlich nach Intrige. Schon vor Wochen waren Anwars angebliche Verfehlungen in anonymen Briefen und zuletzt in einem Pamphlet (Titel: „50 Gründe, warum Anwar nicht Premierminister werden kann") veröffentlicht worden. Anwar beteuerte seine Unschuld und erklärte sich zu einem DNA-Test bereit.

Er sei „Opfer einer Verschwörung auf höchster Ebene", daß der von ihm als „Führer" und „Meister" verehrte Mahathir eine solche Schmierenkomödie zulasse, enttäusche ihn zutiefst: „Ich habe ihm vertraut, ich war naiv."

Eifersüchtig beobachtete der autoritäre Regierungschef, wie sich sein Stellvertreter, weltgewandt und medienerfahren, als moderne Alternative zu seinem alternden Herrn in Szene setzte. Nun machte er dem Vize seinen Sündenbock.

Der malaysische Premier, der seit … regiert, fürchtet das gleiche Schicksal wie der indonesische Staatspräsident Suharto, der im Mai nach schweren Un… zurücktreten mußte. Und den M… dem Dolch im Gewande vermut… seinen Freund Anwar.

Der Vize betonte seine Loyali… weiß, daß es unmöglich ist, gege… Lehrer, geschweige denn gegen ein… zu kämpfen"), setzte sich aber w… vom Regierungschef ab. So steckt… offenkundig hinter einer Kampa… Umno-Jugendorganisation, die sic… Korruption und Vetternwirtschaft – und damit indirekt auch gegen M… und seine reichen Söhne und Freu…

Auch ideell war die Partnersch… schen Anwar und Mahathir brüc… worden. Der zum Liberalen gew… Anwar plädierte für einen mo… weltoffenen Islam und für eine … schaft, in der kritische Bürgerrecht… Platz haben. Mahathir nahm es hi… mit Grundrechten wie Presse- un… nungsfreiheit sowie einer unabhä… Justiz nicht so genau. „Westliche K… te der Demokratie, in denen das In… um die Oberhand hat", erklärte de… sterpräsident für unasiatisch.

Das endgültige Zerwürfnis kam, … Finanz- und Premierminister nicht … konnten, wie sie Malaysia aus de… schaftlichen Rezession führen solle… war favorisierte die bittere Medizin … ternationalen Währungsfonds (IW… sernen Sparen, hohe Zinsen, Refor… Bankensystems und Öffnung der M…

Mahathir, der die Schuld an de… seines Landes „schurkischen" Spe… ten wie dem milliardenschweren … rikaner George Soros gibt und de… als „neokolonialistische" Organ… geißelt, ist vom Gegenteil überzeug… großzügige Infrastrukturprojekte, … Geld und Subventionen für angeschl… Banken und Unternehmen könnte… Land retten. Vergangene Woche verh… te er strenge Devisenkontrollen un… abschiedete sich damit zumindest te… se von der freien Marktwirtschaft.

Mit der Entmachtung Anwars si… Hoffnungen vieler Malaysier dahi… Wirtschaftskrise könne ihnen meh… mokratie bescheren – wie den Bü… Südkoreas und Indonesiens. Wie Su… ist Mahathir davon überzeugt, die Kr… lein und notfalls mit autoritären M… den bewältigen zu können. Hart g… gegen Kritiker vor. Schon vor Anwa… mußten zwei Chefredakteure gehe… in ihren Zeitungen Loblieder auf d… nanzminister singen ließen.

Anwar droht mehr als nur der V… von Amt und Würden. Der Ex-Mi… muß damit rechnen, aufgrund des … tischen „Internen Sicherheitsgesetz… Gefängnis zu kommen. Dann könn… zwei Jahre ohne Gerichtsverhandlu… Haft bleiben, hätte weder das Rec… einen Anwalt noch auf Kontakt… Außenwelt. Anwar: „Ich bin au… Schlimmste vorbereitet."

* [illegible]

184 DER SPIEGEL 37/1998

**Malaysia – demonic elements**

*Jealousy drama in the middle of the crisis. Prime Minister Mahatir, defender of old Asian values, expells his Western-minded successor*

One used to be a fan of John F. Kennedy, Che Guevara and Tchou En –Lai in his younger days. Being a radical Islamist, he had loudly opposed the English-written traffic signs arguing they were relicts of the British colonials. In his country the native language (Malay) should be used only.

The other one demanded affirmative action programs in support of the Malays being the native majority in the state, in order to be able to compete with the Chinese and Indian Malaysians. Because of his racial chauvinism his party moved him to the province.

In the province it was then where the young Malay nationalist met the elder Malay politician – the begin of *'a wonderful friendship'*.
"*A great meeting*", calls Anwar Ibrahim, 51, pathetically his first encounter with his mentor-to-be, Mahatir Mohamad, 72, in the year 1970.

But now the band between them both is torn. Prime Minister Mahatir fired his Minister of Finance and designated successor Anwar.
Right afterwards he was also expelled from the United Malay National Organization (UMNO).

At first glance it is a drama of politics, sex, corruption and state treason. Anwar had been sacked out after the police had began preliminary proceedings with charges of '*indecorous sexual acts*', connections with '*demonic foreign elements*' and corruption.

If true, US President Clinton is a nobody compared to Anwar. Father of six, he is accused of having had intercourse with a man no less than 15 times, besides other charges. It is also said that a friend's chauffeur had introduced to him regularly Chinese, Mexican and Eurasian women.
In addition to this, he is accused of having accepted 60 million Ringgit (27,6 million Deutsche Mark) besides of having had let out state secrets to befriended suspicious elements.

All this off course looks very much like an intrigue.
Already several weeks ago Anwar had received anonymous letters accusing him of different acts of misdemeanor, the most recent being a pamphlet titled as "*50 reasons why Anwar can't become Prime Minister*". Anwar had declared his innocence and agreed to a DNA test.

He says he '*is the victim of an intrigue of highest state level*'. Being very much disappointed from Mahatir who could allow such a slapstick farce to happen. Anwar: "*I had been too trustful, too naive.*"

Mahatir, the authoritative Head of State had for many years to witness jellously how his sophisticated and media-experienced deputy acted as a modern alternative leader to his ageing master. Now he has turned his deputy into his whipping boy.

The Malay Prime Minister who has ruled since 1981 is very much afraid to face the same destiny of the Indonesian ruler Suharto, who had been deposed last May after heavy riots. Mahatir seems to regard Anwar to be the one threatening him.

Although Deputy Prime Minister Anwar had stressed his loyalty to Mahatir –"*I know that it is impossible to fight one's teacher, least one's own father*"- he nevertheless saught some distance from the State Ruler. It is obvious that nobody else but Anwar himself had been the head of a campaign against corruption and nepotism launched by the UMNO-Youth branch. A campaign which had been indirectly addressed against Mahatir, his rich sons and friends.

The partnership of Mahatir and Anwar had also gone wreck ideologically because a liberal Anwar propagated a modern and cosmopolitan Islam and a society which allows political opposition to voice criticism, while Mahatir tends to undermine basic civil rights like the freedom of opinion and the press as well as an impartial judiciary. Mahatir: "*Western concepts of democracy which stress the rights of the individual do not suite the Asian citizen.*"

The final breakdown happened when the Prime Minster and his Minister of Finance could not agree on the policies to fight the economic recession. While Anwar had favoured the bitter pill of the IMF meaning severe financial cut-downs, high interest rates, a reformed banking system as well as open markets, Mahatir pulled in the opposite direction accusing the vicious West (George Soros) of attacking the Asian 'Tiger'states and the IMF of being a '*neocolonialistic*' organization.

Last week he ordered strong foreign exchange control and so put – at least partially- an end to free market economy.

The deposition of Anwar means the end of hopes of many Malaysians who had seen in the economic crisis a chance for more democracy, as it had happened in South Korea and Indonesia. Mahatir believes - just like Suharto did – that the crisis is only to overcome with more state authoritative measures. Critics are put silent very rigidly: Before Anwar lost his position

two chief newspapereditors had to resign who used to praise the former Minister of Finance.

But Anwar faces more than the loss of his position and honors. He may become the victim of the draconic ISA (Internal Security Act) which could mean in his case a sentence of two years without trial and without the right legal representation or even contact to the outside world.
Anwar: "*I am ready to face the worst.*"

Taken from the leading German political weekly "**Der Spiegel**", 37 (07.09.1998),pp.184/85.

**(Terjemahan oleh : Maryam Jamilah Brachtel UIA, Malaysia.)**

## Ugutan Dari Rakyat Yang Benar-benar Kecewa Dengan Media Massa



naran dan peluru yang diterima TV3, semalam.

# TV3 terima ugutan peluru 'emas'

PETALING JAYA, Selasa – Sistem Televisyen Malaysia Berhad (TV3) menerima surat amaran berserta sebutir peluru hidup berwarna keemasan petang semalam, dipercayai dihantar pihak tertentu yang tidak puas hati dengan cara stesen televisyen itu menyiarkan berita berhubung isu semasa tanah air.

Surat itu yang dialamat kepada Pengarah Berita TV3 dan kakitangannya, dikirim melalui pos menggunakan sampul surat kelabu bersaiz 17 sentimeter lebar dan 24 sentimeter panjang.

Jurucakap TV3 berkata, surat berkenaan diterima oleh kakitangan pentadbiran kira-kira jam 4 petang.

"Kakitangan kami terkejut apabila menemui sebutir peluru yang berbalut dengan surat amaran apabila membuka sampul itu.

"Berikutan itu, kakitangan terbabit membuat aduan di Bahagian Keselamatan syarikat sebelum melaporkannya kepada polis hari ini," katanya di Sri Pentas, hari ini.

Peluru dan surat berkenaan diserahkan kepada polis kira-kira jam 2.30 petang ini. Polis turut mengambil keterangan daripada kakitangan TV3 yang membuat laporan itu.

Beliau berkata, pihaknya menganggap perkara itu sebagai serius dan menyerahkannya kepada polis untuk tindakan lanjut.

tahannya masih berjalan ala sosialis Gaddafi. Umat Islam yang sedar dan berusaha untuk menghidupkan Islam sebagai suatu sistem yang kamil, bukan sahaja di ugut malahan dilakukan apa sahaja yang terlintas di kepala polis-polis mereka. Di Libya penjajah jadian Arab bertindak terhadap umat yang daif amat dahsyat mungkin lebih dahsyat dari penjajah jadian Melayu di Malaysia. Walau bagaimanapun zalim tetap zalim dan tidak ada perkataan lain yang sesuai untuk diganti hingga setakat ini. Ikutilah kisah ringkas ini.

Jumlah tangkapan yang dilakukan oleh pemerintah Libya mencecah ratusan orang yang terdiri dari tokoh-tokoh cendekiawan Muslim, pensyarah dari beberapa universiti dan tokoh-tokoh masyarakat. Mereka yang kebanyakannya tinggal di kota Benggozi Timur itu ditangkap di waktu malam secara paksa. Alasannya kerana mereka bersimpati atau mendukung organisasi Islam di Libya.*

Sama seperti di mana-mana negara diktator, penyeksaan adalah perkara biasa yang terjadi di penjara-penjara tersebut. Antara penyeksaan tersebut ialah :

- Dipaksa mengakui segala bentuk tuduhan yang dibacakan.

---

* Polis Malaysia belasah dan tangkap para demonstrasi, tak kira waktu, siang dan malam. Mengapa mereka melayan manusia dengan belantan? Bukankah lebih mulia dan terhormat jika menggunakan otak.

- Mereka dipukul, ditendang,ditumbuk dan sebagainya.
- Mereka digantung pada siling dengan diikat pada pergelangan tangan.
- Mereka diikat ditiang dengan melipat kaki dan siku.
- Mereka dikejutkan dengan elektrik.
- Mereka diserang dengan anjing.
- Mereka diancam bunuh.
- Keluarga mereka dianiaya sehingga rosak mental.

Di Libya memang terdapat segolongan yang anti Gaddafi dan bersenjata. Tetapi mereka yang ditangkap bukan dari golongan ini malahan mereka memang dikenali oleh rakyat sebagai orang yang taat beragama. Penangkapan ini juga disembunyikan dan tidak dihebahkan ke peringkat antarabangsa.

Oleh itu Jemaah Islam di Libya telah membentuk suatu Jawatankuasa Khas bagi menangani masalah kes ini. Tuntutan utama mereka adalah pembebasan tokoh-tokoh Islam yang ditahan melalui *syuro* (mesyuarat) dan pembebasan mereka sebagai warga negara yang beragama Islam.

Amerika dengan menggunakan atas nama PBB telah mengizinkan Presiden Mesir terbang ke Libya. Hosni Mubarak kelihatan begitu intim sekali dengan Gaddafi yang duduk di kerusi roda. Seolah-olah ada suatu perancangan rahsia yang perlu dimainkan oleh Mesir, Libya

# Anwar Cedera Dalam Tahanan



**1. Mata sebelah kiri Anwar yang lebam angkara siapa? Jangan tanya dengan PM sebab jawapannya sering membuatkan kita duka lara.**

**2. Sama-samalah kita nantikan jawapannya bila Anwar keluar dari tahanan. "Tunggu" rakyat nak ligan...**

**Dalam sisitem yang bukan Islam seperti negara kita ini "yang benar-benar bersalah jadi tak bersalah, kerana pandai main helah dan ada galah. Galahnya panjang dan boleh jolok siapa sahaja.**



**Walaupun ia didera, namun hatinya masih kukuh dan tabah. "Semoga Allah memberinya kekuatan untuk mengharungi segala fitnah dan tuduhan."**

dan Amerika.* Ketiga-tiganya adalah negara yang anti terhadap gerakan Islam. Selama ini umat di Libya menderita tetapi Gaddafi terus hebat dan bersahabat dengan Amerika di sebalik tabir yang tidak akan diusik oleh Amerika. Sejak larangan menggunakan ruang udara di negara bergurun ini, umat Islam yang hendak pergi menunaikan haji terpaksa melalui jalan darat. Malahan ramai yang menunggang unta.

Kisah ringkas ini perlu direnung sedalam-dalamnya bagaimana pemerintah yang tidak melaksanakan sistem Islam boleh berbuat apa sahaja. Bagi mereka tipu muslihat, kekejaman, penindasan, menghisap darah, dan apa juga terhadap rakyat bukanlah suatu dosa yang benar-benar menggugah hati mereka. Jika ada sebut tentang dosa tidak lebih dari mainan bibir sahaja. Mereka di depan rakyat menghentam Amerika tetapi hidung mereka sebenarnya sudah ada tali yang ditarik oleh Amerika. Inilah gambaran Muslim yang lemah seperti yang diperingatkan selalu oleh Abul Ala Maududi. Oleh itu para pejuang kebenaran dan keadilan mestilah lebih cerdik dari mereka yang kelihatannya cerdik dan duduknya di atas. Mafhum hadis, *"Orang mukmin itu jeli lagi cerdik."* **(sumber-Majalah al-Mujtama')**

---

* PM pun sama, depan rakyat nampak macam nak makan Amerika, tetapi dalam waktu yang sama lantik Salomon sebagai Penasihat. Berapa juta wang rakyat dikebasnya dan berapa persen kepada Mirzan.

**(Sumber dari akhbar tempatan dan luar negara.)**

HARAKAH : Saya Dipukul Dan Pengsan Hingga Pagi

KUALA LUMPUR: Timbalan Perdana Menteri yang dipecat, Dato' Seri Anwar Ibrahim memberitahu Mahkamah Selasa lalu dia telah dipukul oleh polis hingga pengsan semasa dalam tahanan dan tidak diberi rawatan perubatan selama lima hari.

Anwar yang ditangkap pada 20 September lalu, dihadapkan di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur dan dia mengaku tidak bersalah atas tuduhan-tuduhan rasuah dan meliwat.

Peguamnya, Pawanchik Marican, memberitahu para pemberita,menyebut Anwar memberitahu mahkamah bahawa dia telah dipukul di kepala dan ditempeleng hingga berdarah dari hidung dan bibirnya dan dia tidak diberi rawatan perubatan selama lima hari.

Kata Pawancik lagi, semasa dipukul mata Anwar ditutup dan kemudian Anwar pengsan sepanjang malam itu sehingga pagi.

"Saya disuruh berdiri dan saya dipukul dengan keras dibahagian kiri dan bahagian kanan kepala saya," kata Pawancik memetik Anwar memberitahu mahkamah.

"Saya dipukul keras juga di sebelah kiri tengkuk. Kemudian saya ditempeleng dengan keras, kiri kanan, hingga darah meleleh keluar dari hidung dan bibir saya," Anwar dipetik berkata...............

ANWAR DIPAKAIKAN IKATAN LEHER : SAYA DIPERLAKUKAN SEPERTI SEEKOR ANJING

KUALA LUMPUR, Okt 5 (AFP) - Bekas TPM, Anwar kecewa dengan tindakan pihak berkuasa kerana memperlakukan beliau "seperti seekor anjing" sewaktu dibawa di Mahkamah Tinggi dengan memakai ikatan di leher hari ini.

Mereka memperlakukan saya seperti seekor anjing, lebih buruk dari seorang penjenayah," Anwar menjerit lantang sewaktu keluar dari mahkamah untuk penangguhan sebentar setelah polis tidak membenarkan beliau memeluk ibunya.

## SUARA DARI PENJARA :

**Anwar Bidas Mahathir Dan Membuat Seruan Reformasi.**

KUALA LUMPUR, Okt 17 (AFP) - Bekas Tim. Perdana Menteri yang kini direman membidas Perdana Menteri Mahathir Mohamad dan membuat satu seruan baru ke arah reformasi.

Anwar, yang baru dibebaskan dari tahan ISA tetapi masih disimpan di penjara sementara menunggu kesnya di mahkamah, mengeluarkan satu kenyataan bertulis pertama di sini semenjak ditangkap 20 September lalu.

Beliau berkata bahawa pembebasannya dari ISA hanya satu "gimik" oleh Mahathir untuk mengelakkan kemarahan rakyat serta reaksi masyarakat dunia di persidangan APEC yang akan diadakan bulan depan.

"Rancangan mereka ialah untuk mengeluarkan saya dari ISA sebelum APEC bermula," katanya di dalam kenyataan yang dibacakan oleh isterinya di persidangan akhbar di rumahnya.

"Malah, ini tindakan yang mengecewakan Mahathir yang terpaksa dilakukan, untuk mengekalkan kuasa dan memegang tampuk pemerintahan demi untuk menyelamatkan keluarga dan kroni-kroninya."

Anwar menambah, "histeria yangada kini" di kalangan politikus Malaysia terhadap kenyataan pemimpin-pemimpin dunia yang menyokong beliau adalah satu



* Sehingga 6 November 1998, kes tersebut masih lagi belum selesai disiasat kerana Peguam Negara telah menafikan berita dari akhbar *"The Star"* tentang kes tersebut telah diserahkan oleh polis kepada Peguam Negara.

petanda takut kehilangan jawatan yang amat mendalam di kalangan politikus Malaysia meskipun mereka terpaksa menelan kepahitan menyembunyikan kebenaran.

Dia membidas penggunaan ISA yang memperuntukkan penahanan tanpa perbicaraan, dengan bertopengkan alasan menjaga keselamatan negara.

"Cara-cara yang sah untuk menuntut keadilan oleh rakyat telah dibalas dengan cara yang paling zalim yang lazimnya digunakan untuk menentang komunis. Ini sekali lagi menunjukkan kekecawaan Mahathir untuk menggunakan apa juga cara di dalam mempertahankan kuasanya."

"Layanan yang diberikan kepada tahanan-tahan amat tidak berperi kemanusiaan, termasuk mengurung mereka di bilik tertutup dan memaksa tahanan membuat kenyataan yang disediakan sebagai syarat untuk dibebaskan," katanya lagi.

"ISA bukan lagi Akta Keselamatan Dalam Negeri, tetapi Keselamatan Mahathir," tambah beliau.

Bekas Tim. Perdana Menteri dan bekas Menteri Kewangan itu menyatakan gambar yang ditunjukkan kononnya sedang menghadap juadah makanan lazat di ibu pejabat Bukit Aman yang baru lalu adalah "berniat jahat dan menelirukan".

"Walhal, itulah hari pertama saya diberikan hidangan sedemikian di Bukit Aman."

"Hari-hari sebelumnya, makanan yang diberikan amat tidak menyelerakan dan dibungkus di dalam plastik," katanya dan menambah bahawa beliau tidak hairan mengapa beliau telah kehilangan berat sebanyak lapan kilogram (18 paun) sewaktu berada di penjara.

Anwar menghargai "sikap persahabatan dari kebanyakan pegawai polis di dalam melayannya" dan "ramai yang benci dengan Mahathir serta cara diktatornya."

Beliau berkata bahawa penahanannya itu adalah untuk melemahkan gerakan beliau dan "tindakan zalim yang dilakukan ke atas saya sewaktu di dalam tahanan adalah petanda amaran dari Mahathir dan Ketua Polis Negara bahawa mereka tidak bertolak ansor dalam hal reformasi."

"Mereka silap. Masa ini ialah masa untuk perubahan. Saya akan terus menyeru reformasi dilakukan di dalam kerajaan untuk mempastikan adanya peraturan undang-undang dan demokrasi. Mesti ada titik akhir bagi penyalahgunaan badan-badan kerajaan," kata Anwar.

"Kita mesti bersihkan negara kita dari rasuah, kronisma dan nepotisma. Kita mesti selamatkan negara dari diperalatkan oleh sebahagian individu yang tugasnya menggunakan ekonomi untuk mengumpul kekayaan masing-masing."

Anwar berkata bahawa dia sedar tentang "ketakutan dan keengganan ramai dari kalangan pemimpin untuk mengeluarkan pandangan mereka, demi untuk menjaga kepentingan peribadi dan untuk mengelakkan tindakan dari seorang diktator."

Tetapi beliau menyeru mereka untuk mendengar hasrat rakyat "sebelum terlambat".

"Rakyar mempunyai kesedaran dan kekentalan jiwa untuk meneruskan perjuangan tetapi pemimpin mesti punya keberanian untuk menerima," tegas beliau.

Anwar mendakwa bahawa kerajaan akan terus memperalatkan media untuk "memalsukan keadaan sebenar dan ketegangan semasa yang berlaku di dalam negara."

"Media yang dikawal kerajaan kini kehilangan kredibilitinya. Ini menjadi sebab mengapa media alternatif dan Internet menjadi begitu popular," tambahnya.

# Dari Sebalik Tembok Sg. Buloh: Surat Dato' Seri Anwar Ibrahim (Bah. 1)

**Dari kamar kekuasaan ke ruang kurungan.**

Pada saat ini saya dikurung di penjara Sungai Buloh selepas saya dibebaskan daripada cengkaman koncu-koncu Mahathir di Bukit Aman.

Disebabkan saya telah membuat permohonan habeas corpus, maka kehendak Mahathir ialah supaya saya terus-menerus ditahan tanpa dibicarakan, dan dia mahukan supaya walau dengan apa cara sekalipun, permohonan saya itu mesti digagalkan. Jikalau permohonan saya itu didengar mengikut cara-cara yang betul, ia akan mendedahkan peranan yang dimainkan oleh Mahathir di dalam konspirasi terhadap saya. Itulah sebabnya dia amat takut, dan dia tidak berani berdepan dengan saya di dalam mahkamah yang terbuka, ataupun di mana-mana sahaja.

Mahathir mahukan supaya saya dikurung sekurang-kurangnya selama empat tahun. Rancangan asalnya ialah supaya saya dikurung terus-menerus di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) yang zalim itu, tetapi tekanan yang diterimanya terlalu kuat. Permohonan habeas corpus saya, kutukan masyarakat antarabangsa apabila saya ditahan tanpa dibicarakan, ditambah lagi dengan sokongan rakyat yang luar biasa besarnya kepada diri saya, semuanya itu berjaya melemahkan tangan si kuku besi itu. Meskipun demikian, dia tetap tidak mahu

sebarang risiko. Maka itulah sebabnya, saya tidak dibenarkan diikat jamin dan sampai sekarang saya masih terus dikurung.

Suasana tenang di dalam penjara ini sangatlah jauh bezanya dengan keadaan lokap polis di Bukit Aman, ataupun, lebih buruk lagi, dibandingkan dengan 'penjara tunggal' di bawah pengawasan Special Branch. Sebelum ini saya tidak pernah tahu di mana sebenarnya saya berada, disebabkan saya sentiasa dipindah-pindahkan dengan mata saya diikat dan tangan saya digari.

Alangkah leganya saya rasa! Sekurang-kurangnya sekarang saya boleh nampak langit yang biru dan pokok-pokok kelapa sawit yang hijau. Saya juga berpeluang membaca buku dengan sepuas-puasnya, dan saya dapat berfikir dengan tenang tanpa lagi diganggu dengan tidak putus-putusnya macam dulu. Berkat aktiviti bersembahyang, banyak membaca dan banyak bersenam, dapatlah saya mengelakkan perasaan lesu dalam penjara.

Sikap ramah mesra dan dorongan yang saya terima daripada kakitangan penjara dan rakan-rakan banduan yang lain membuat saya berasa lebih yakin dan bersemangat. Namun, penjara adalah penjara, ia bukan tempat yang penuh selesa. Pihak berkuasa penjara sendiri hairan oleh kenyataan palsu Mahathir yang mengatakan di sini saya dilayan sebagai 'orang penting'.

Meskipun saya mengakui bahawa secara amnya anggota polis memberikan simpati mereka kepada saya, dan mereka juga tidak menyembunyikan kebencian mereka

kepada Mahathir serta kebencian mereka kepada pegawai-pegawai tertinggi polis, sesungguhnya saya teruk diseksa selama tempoh tiga minggu polis menahan saya. Saya dimalukan, dihina, diazab, ditelanjangi, saya tidak dibenarkan membaca dan saya cuma diberi makanan yang dibungkus dengan suratkhabar buruk ataupun dalam kertas plastik.

Azab yang saya tanggung bermula kira-kira sepuluh minit selepas saya dimasukkan ke dalam lokap Bukit Aman, dengan mata saya diikat dan tangan saya digari. Saya ditumbuk berkali-kali dengan amat kuatnya pada sebelah kanan kepala saya, pada bahagian kiri dahi saya, pada mata kiri saya dan pada leher saya. Darah meleleh keluar dari hidung dan mulut saya. Memandangkan tumbukan-tumbukan kuat itu ditumpukan pada kepala dan leher saya, mampak sangatlah bahawa tujuannya ialah supaya saya mengalami kecederaan dalaman yang takkan boleh disembuhkan lagi.

Berkali-kali saya diberitahu oleh berbelas-belas pegawai polis dan anggota bawahan, bahawasanya sudah tentu pihak berkuasa tertinggi dalam polis terlibat, dan sudah tentu ia direstui oleh menteri berkaitan, kalau tidak tindakan seperti itu tidak mungkin dilakukan. Isu ini sekarang sedang disiasat dan, sebagaimana yang biasa terjadi, janji-janji diberikan kepada orang awam dan masyarakat antarabangsa bahawa siasatan itu akan dijalankan dengan adil. Saya amat meragui hasil siasatan itu.

Saya tahu bahawa anggota-anggota polis yang bertugas mengawasi saya diarahkan supaya tidak menyimpan sebarang rekod berkenaan orang-orang ternama yang datang ke lokap saya. Lihatlah sahaja bagaimana pada satu ketika, macam biasa, apabila Mahathir tidak dapat mengawal emosinya lagi, dia mengatakan kecederaan yang terjadi kepada saya adalah buatan saya sendiri.

Saya menghormati kesungguhan pasukan polis yang menjalankan siasatan itu, tetapi mereka itu juga sedar akan adanya niat jahat dan sikap berpihak baik di kalangan ketua-ketua mereka mahupun pada pihak pejabat Peguam Negara. Kedua-duanya adalah di bawah kekuasaan Mahathir.

Setiap kali saya terkenang peristiwa itu, ia membuat tengkuk saya berasa sejuk. Pertama, saya cuma sedar daripada pengsan keesokan paginya. Selepas kejadian itu, saya berkali-kali bertanya kepada anggota-anggota polis yang bertugas apakah ada orang-orang lain yang masuk ke dalam lokap saya dan melakukan apa-apa kepada diri saya. Kedua, mengapakah selama lima hari saya tidak diberi rawatan perubatan?

Apabila saya disuruh membuka semua pakaian saya, saya beria-ia menolak. Saya berasa amat malu, tetapi mereka paksa juga saya kerana kata mereka, mereka mesti menjalankan tugas mereka. Saya perasan anggota-anggota polis itu asyik menengok dan memeriksa bahagian kemaluan saya dan punggung saya. Hati saya mengesyaki ia tentu ada kaitan dengan tuduhan palsu

yang ditimpakan ke atas saya, di mana gambaran bahagian-bahagian sulit tubuh saya boleh diberikan kepada pihak-pihak tertentu untuk mereka gunakan sebagai dalil tambahan. .........bersambung.

**Dari kamar kekuasaan ke ruang kurungan.**

**.......disambung dari siri 1**

Sepanjang-panjang tiga minggu saya ditahan di bawah ISA, masa yang betul-betul dihabiskan dengan soal siasat serius tidak pun sampai dua jam. Ada soalan berkenaan Reformasi dan ada teguran yang mengatakan saya sepatutnya bersabar sedikit sahaja lagi sehingga saya menjadi perdanamenteri sebelum saya bawa perubahan. Saya bincangkan soal perbuatan Mahathir melakukan rasuah, menyalah gunakan kuasa dan bagaimana dia dan rakan-rakannya mengumpulkan harta untuk suku sakat mereka.

Saya beritahu mereka, tengoklah sendiri bagaimana Peguam Negara Mokhtar Abdullah begitu bersungguh-sungguh cuba membuktikan rasuah teknikal ke atas diri saya. Nampak sangat dia berbuat demikian atas arahan Mahathir dan bagaimana dia sengaja memejamkan mata kepada kenyataan bahawa Mahathir dan suku-sakatnya melarikan wang berbilion-bilon. Mokhtar jangan cuba hendak mengaku dia tidak tahu perkara ini; dia pernah beberapa kali berbincang dengan saya berkenaan jenayah ini di mana Mahathir, Daim Zainuddin, Rahim Tamby Chik dan menteri-menteri lain terlibat sama.

Biasanya mereka yang menyoal siasat saya memberhentikan perbincangan serius itu apabila mereka minta pisang goreng ataupun mee, dan selepas itu kami pun berbual-bual dengan mesra.

Kemudian daripada itu, 14 orang pegawai daripada Bahagian Siasatan Jenayah (CID) bergilir-gilir mendapatkan kenyataan daripada saya di bawah seksyen 112 dan 113 Kanun Tatacara Jenayah berkenaan kemungkinan pelbagai kesalahan, termasuklah rasuah, liwat dan kesalahan seks dengan enam orang perempuan. Kes-kes yang melibatkan perempuan itu kini diketepikan buat sementara waktu disebabkan dari segi politik adalah lebih mudah apabila tuduhan ditumpukan pada kesalahan liwat sahaja.

Pada waktu yang sama ada percubaan untuk mengenakan tuduhan ke atas isteri saya Azizah apabila dia bercakap tentang rasa bimbangnya terhadap keselamatan saya dalam tahanan polis dan kemungkinan saya disuntik dengan virus HIV. Saya beritahu mereka bahawa selepas terjadinya seranganala-Gestapo oleh polis dulu, saya tidak menolak kemungkinan tersebut. Saya tidak dapat menyembunyi perasaan benci saya apabila mendengar kata-kata dusta seperti itu; saya bertanya kepada seorang pegawai kanan CID apa lagi tuduhan-tuduhan jahat lain yang hendak mereka kenakan ke atas diri saya. Mengkhianati negara? Menjual rahsia negara? Membunuh?

Pegawai-pegawai CID itu terus-terusan menggang-

gu saya kerana mereka hendak mendapatkan contoh rambut saya, termasuk bulu kemaluan saya, serta memeriksa bahagian-bahagian sulit saya. Saya katakan kepada mereka supaya berunding dulu dengan peguam-peguam saya, di mana peguam-peguam saya kemudiannya menasihati saya supaya jangan setuju dengan kehendak mereka. Walau bagaimanapun, dua orang doktor forensik dari Hospital Besar dapat mengambil contoh darah saya untuk ujian HIV. Saya tidak ada pilihan kecuali mengalah apabila mereka membacakan Seksyen 7 dalam Akta Dadah berbahaya. Kemudiannya baru saya diberitahu oleh penasihat undang-undang saya bahawa sepatutnya saya jangan mengalah kerana saya bukan dituduh di bawah akta tersebut.

Selepas menjalani azab selama tiga minggu itu, sehari sebelum saya dibebaskan daripada tahanan ISA dan sebelum saya dibawa ke penjara, saya dijemput makan tengah hari yang amat mewah di tempat tertutup. Saya tidak sangka bahawa ia adalah suatu dalih polis untuk membohongi rakyat dan seluruh dunia kononnya selama saya di dalam tahanan polis saya diberi layanan yang baik. Alangkah murahnya cara yang mereka gunakan untuk menggula-gulakan hati tuan-tuan politik mereka!

Tidak dapat tidak saya tentulah rindukan Azizah dan kaum keluarga saya, terutama sekali ibu saya yang sakit-sakit. Pada saat ini pula, Azizah dan anak saya Nurul Izzah, diancam akan ditahan.

Undang-undang ISA digunakan untuk tujuan men-

jaga Mahathir dan suku-sakatnya. Kritikan dan bantahan rakyat terhadap rasuah yang berleluasa serta bantahan terhadap salah guna kuasa dicap sebagai anti-nasional dan ancaman kepada keselamatan negara. Tidak ada orang yang boleh lepas daripada ancaman, soal-siasat ataupun tangkapan, baik pemimpin-pemimpin UMNO, pembangkang, NGO, aktivis Islam, para pembantu peribadi saya, dan terutama sekali para pendukung Reformasi. Penyokong Reformasi di seluruh negara sedang diburu. Ini adalah tindakan gelabah seorang diktator terbenci yang hendak terus berkuasa. Dia bukannya cuba mendapatkan sokongan sah daripada rakyat, sebaliknya dia menanamkan budaya takut di kalangan rakyat.

Rakyat kini marah kerana pelbagai penindasan digunakan untuk menamatkan perbezaan pendapat. Ada usaha yang sengaja dibuat dengan tujuan memprovokasi mereka yang menunjuk perasaan dengan aman, yang digambarkan sebagai golongan perusuh yang mahu menumbangkan kerajaan demokratik yang sah. Hingga hari ini, polislah yang mencetuskan tiap-tiap peristiwa ganas yang terjadi. Penangkapan demi penangkapan dibuat. ISA digunakan untuk menangkap para pemimpin mereka. Akta Polis dan apa-apa sahaja undang-undang yang boleh digunakan, mereka gunakan untuk menangkap para penyokong pemimpin-pemimpin itu.

Mahathir masih terus bercakap dengan gaya orang tua perengus dan degil. Semakin hari orang semakin benci dengan mulutnya yang bisa, sikapnya yang suka marah-

marah dan angkuh. Tabiat keras kepalanya itu berpunca daripada pandangannya yang picik terhadap rakyat yang disangkanya bodoh dan lembap.

Kuasa mutlak digunakannya dengan sewenang-wenang untuk menindas hak-hak rakyat, demi membalas dendam peribadinya, bukan demi negara. Makin lama Mahathir jadi makin kepala batu dan makin tidak waras. Dia menjadikan politik suatu kerjaya yang kotor, manakala ahli-ahli politik dijadikannya kaki-kaki ampu yang tidak bermaruah. Idea-ideanya yang tidak masuk akal pun mesti digembar-gemburkan dengan hebatnya oleh media yang dikuasai kerajaan demi menonjolkan dia sebagai orang yang sentiasa betul. Dan dia adalah seorang manusia yang tidak mempunyai rasa bersalah.

Malah UMNO pun tidak terlepas. Dia mengerahkan petugas-petugas parti supaya menganjurkan pertemuan-pertemuan khas untuk mengecam saya dan orang-orang yang dikatakan pengkhianat. Dalam majlis-majlis itu, orang-orang yang sudah bangkrap politik dan kuno pun digunakan semula, bersama dengan tokoh-tokoh yang pandai berpidato tapi mereka sendiri bergelumang dengan skandal.

Sebelum saya dipecat, rakan-rakan sejawat saya menasihati saya supaya berhati-hati dan banyak bersabar, serta supaya saya terus menyokong Mahathir demi menjaga kepentingan kerjaya politik saya. Sewaktu dalam tahanan, pegawai-pegawai SB yang ingin tahu cerita sebenar bertanya kepada saya apa yang sudah terjadi ke

atas hubungan saya dengan Mahathir. Kepada mereka saya katakan bahawa pada mulanya hubungan kami baik dan rapat.

Tetapi sejak beberapa tahun kebelakangan ini, dengan dorongan anak-anaknya dan mereka yang rapat dengannya dalam politik dan perniagaan, makin lama sikap diktator dan kuku besinya semakin menjadi-jadi, dan dia bercita-cita hendak meninggalkan kesan-kesan kehebatannya dalam sejarah.

Disebabkan dia tidak boleh ditegur dan dikritik sama sekali, dia hentam NGO dan media habis-habisan. Dia gunakan polis, Peguam Negara dan mahkamah untuk menjaga kuasanya. Malah, selepas berjaya mengetepikan setiap orang yang mencabarnya, dia fikir dia Superman dan pakar selok-belok strategi pecah dan perintah, baik dalam parti, negara, mahupun dalam hubungan antarabangsa.

Dia cukup bangga apabila menyebut-nyebut kejayaannya meminda perlembangaan untuk mengurangkan kuasa raja-raja, malah dia angkuh dengan kejayaannya memecat Tun Salleh Abbas. Memanglah, kita pernah menyokong dia dalam isu pindaan perlembagaan, kerana kita menyangka kuasa yang diambilnya daripada raja-raja itu akan diserahkan kepada rakyat, bukan untuk dirinya sendiri. Alangkah butanya kita waktu itu kerana tidak nampak niat jahatnya yang mahu menggulingkan raja-raja Melayu supaya sebagai ganti dia dapat menabalkan dirinya sebagai pemimpin feudal agung bagi

seluruh orang Melayu. Memang betul, tanda tangan Raja adalah syarat wajib bagi memecat saya, tetapi bagi Mahathir, dialah Raja.

Malu rasanya bila kita nampak hidungnya kembang kempis mendengar dirinya dipuji-puji, terutama sekali dalam perhimpunan-perhimpunan agung UMNO, apabila dia diberi jolokan "PM paling agung, jurucakap Dunia Ketiga, pemimpin yang menjadi contoh kepada dunia, arkitek pemodenan Malaysia" dan macam-macam lagi, sampai muak kita mendengarnya.

Didorong oleh nafsu hendak mengejar impian-impiannya yang maha besar belaka makin hari dia semakin terpisah daripada dunia yang sebenar. Pada satu ketika dia sudah tidak dapat lagi hendak membezakan antara hasrat dan keperluan rakyat dengan kemahuan-kemahuannya sendiri yang angkuh. Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, dia semakin terasing kerana tidak sabar-sabar hendak menyiapkan projek-projeknya yang bakal menjadi tugu-tugu kekuasaannya. Dengan dikelilingi oleh para pembantu yang kaki ampu, dia sudah tidak sedar lagi bahawa idea-ideanya mula menjadi lapuk dan tidak sesuai lagi. Dia khayal dengan segala yang besar-besar. Yang dia tahu ialah mengaitkan pemerintahannya dengan projek-projek mega dan semua yang "ter-ter" belaka - jambatan terpanjang, bangunan tertinggi, lapangan terbang tercanggih, ampangan paling ter-menggerunkan.

Demi memenuhi nafsu egonya, kediaman rasminya

pun mestilah yang termahal. Kenyataan dalam parlimen yang mendakwa kos pembinaan rumah itu ialah RM17 juta adalah suatu pembohongan. Saya tahulah cara yang digunakan untuk memutar-belit angka-angka itu. Rumahnya akan menjadi istana yang paling besar dan paling canggih di negara ini. Rekacipta rumah itu adalah ilhamnya sendiri. Serba-serbi berkenaan rumah itu adalah dari Peranchis. Belanjanya ialah RM200 juta.

Saya bersyukur kerana akhirnya rancangan hendak membina kediaman rasmi Timbalan Perdana Menteri dibatalkan. Pada mulanya kos rumah itu dianggarkan RM40 juta. Hati saya berat hendak menyetujui rekabentuknya yang amat mewah. Walaupun sesudah para arkiteknya mengecilkan projek itu, saya masih rasa ia terlalu mewah. Akhirnya, Azizah juga setuju supaya saya tidak luluskan sama sekali projek tersebut.

Sebagai anggota pentadbiran peringkat tertinggi, kerap kali saya perlu membuat penjelasan dan melaksanakan dasar-dasar penting. Apabila dasar-dasar itu secara peribadi tidak saya setujui, saya jalankan juga walaupun dengan hati yang amat berat. Tetapi saya akan ambil setiap peluang yang ada untuk menekankan masalah membasmi kemiskinan, rumah kos rendah, pembangunan luar bandar, serta pembangunan industri kecil dan sederhana, bukannya projek-projek mega.

Sekali-sekala, apabila saya mendapat peluang untuk bersuara dengan lantang, saya akan kritik tingkah-laku haloba golongan kaya, dan saya suarakan betapa per-

lunya dipertingkatkan amalan-amalan demokrasi serta pembangunan masyarakat madani. Malah dengan secara terbuka saya pernah menentang usaha Mahathir hendak menggunakan peraturan tanpa-bertanding bagi pemilihan peringkat bahagian, kerana itulah cara dia hendak menggagalkan dari awal-awal lagi sebarang kemungkinan dia dicabar sebagai presiden. Bersambung......

**Dari kamar kekuasaan ke ruang kurungan.**

*SIRI 3...Disambung dari SIRI 2...*

**Rasuah, Nepotisme dan Mirzan**

Bila sampai kepada beberapa isu, saya diam sahaja dan saya cuba dengan sedaya upaya menyembunyikan rasa benci saya terhadap perangai kepala batu Mahathir serta sikapnya yang hipokrit, di mana dia juga membenarkan amalan rasuah dan pembaziran yang melampau.

Meskipun begitu, dalam tempoh dua bulan sewaktu saya memangku jawatan Perdana Menteri, saya berpeluang melaksanakan beberapa prinsip yang menjadi pegangan saya. Saya pengerusikan sendiri proses menggubal undang-undang baru anti-rasuah yang lebih ketat dan keras, walaupun saya ditentang oleh beberapa orang anggota kabinet, terutama sekali berkenaan peruntukan yang membolehkan seseorang itu didakwa walaupun dia sudah tidak memegang jawatan kerajaan lagi. Mokhtar, si Peguam Negara itu, atas alasan-alasan yang dia satu orang sahaja tahu, menentang dengan kerasnya, tetapi

pada waktu itu Ketua Pengarah Biro Pencegah Rasuah, Dato' Shafie Yahya menyokong saya dan kami pun berjaya. Barangkali, peristiwa itu membuat beberapa orang sahabat karib Mahathir, yang selama ini memang mencurigai saya, bertambah yakin bahawa saya tidak boleh diharap menjaga kepentingan mereka sekiranya saya menjadi Perdana Menteri.

Saya percaya, keputusan saya mahu terus menyiasat kes Perwaja, termasuk menyiasat Eric Chia sendiri, serta kenyataan saya di Parlimen berkaitan isu itu, membuat beberapa orang berasa gerun, di antara orang-orang itu termasuklah Mahathir sendiri kerana selama ini dia selalu sahaja melindungi Eric Chia, malah pada satu waktu dia pernah memberi amaran kepada saya supaya jangan meneruskan siasatan tersebut. Apabila saya sebut nama V.K. Linggam yang menerima bayaran terlalu besar seperti yang dicatatkan dalam laporan Price Waterhouse, ia membuat beberapa orang panas punggung dan tak senang duduk. Tetapi, cubalah bayangkan, bolehkah saya biarkan begitu sahaja skandal Perwaja? Skandal itu menyebabkan kerajaan rugi 5 bilion ringgit, sementara laporan awal BPR pula menyebut banyak penyelewengan.

Saya terpaksa akui, waktu itu saya lurus bendul sebab saya fikir Mahathir akan mengambil tindakan apabila saya laporkan kepadanya perbuatan-perbuatan rasuah yang dapat saya kesan. Saya sampaikan kepadanya laporan yang mendakwa Daim membawa keluar negara wang

tunai sebanyak antara RM700 juta hingga RM1 bilion. Sebaik-baik saya selesai bercakap tentang hal itu, barulah saya sedar saya sudah silap besar. Rupa-rupanya Mahathir memang tahu. Apabila saya sebut saja perkara itu, dia sangat risau walaupun dia cuba menyembunyikannya. Saya laporkan juga kepadanya Daim cuba melarikan saham-saham milik UMNO yang bernilai RM800 juta. Dia kata, dia akan bercakap sendiri dengan Daim berkenaan hal itu, tetapi sampai sekarang,sejauh yang saya tahu, wang itu masih juga belum dimasukkan ke dalam akuan UMNO.

Apabila sampai kepada isu jumlah pampasan yang sepatutnya dibayar selepas projek ampangan Bakun ditangguhkan serta rancangan menyelamatkan Mirzan Mahathir, percanggahan antara kami pun jadi runcing. Dia naik marah disebabkan saya berpegang kepada prinsip Ting Pek Khing mesti diberi pampasan berdasarkan harga yang disyorkan oleh syarikat perunding Price Waterhouse. Dia m ahu memberi Ting RM1.6 bilion, iaitu jumlah yang diminta oleh Ting, suatu jumlah yang hampir sekali ganda lebih banyak daripada jumlah yang disyorkan oleh syarikat audit tersebut.

Dalam kes Mirzan, akhirnya Petronas membayar RM1.7 bilion untuk Konsortium Perkapalan/ Diperdana, walaupun Mahathir mahu supaya anaknya dibayar RM2.2bilion, sebagaimana yang dimintanya. Saya dan Petronas terus dengan pendirian supaya jumlah itu ditetapkan oleh pakar penilai perkapalan antarabangsa.

Barangkali inilah kesilapan saya yang takkan Mahathir maafkan. Kali ini dia sudah tidak mahu pura-pura tidak marah kepada saya.Tak habis-habis dia pukul saya disebabkan anaknya rugi dalam jual-beli itu.

Saya cuma dapat bertahan dan banyak bersabar apabila saya selalu dimarah-marah dan dihina kerana idea-idea liberal saya, terutama sekali selepas terbitnya buku saya "Kebangkitan Asia". Sewaktu saya bercakap tentang masyarakat Madani, dia leceh-lecehkan idea saya itu. Meskipun buku itu menerima pengiktirafan antarabangsa dan mendapat laporan positif dalam media antarabangsa, itu semua tidak memberi kesan.

Dia tolak semua teguran, biar sekecil mana dan selembut mana sekalipun teguran itu. Tidak ada siapa yang tidak dibelasahnya — baik kumpulan pencinta alam, parti-parti pembangkang, pertubuhan NGO, kumpulan hak asasi manusia, para cendekiawan dan ulamak, termasuk pihak media juga. Selaras dengan peribadinya, dia juga menghentam kebebasan seni dan sastera. Dia mula menghentam saya lebih daripada dua tahun yang lalu. Semua orang tahu bahawa ucapan "Engkau juga, Brutus?" yang disampaikannya sewaktu Perhimpunan UMNO itu sebenarnya ditujukan kepada saya.

Kegawatan sektor kewangan yang melanda rantau ini menyebabkan jurang percanggahan pendapat antara kami tambah dalam. Dia tuduh saya menyokong Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), seolah-olah IMF tidak ada baiknya langsung. Sebenarnya, saya cuma bersetuju de-

ngan beberapa syor IMF sahaja. Saya juga secara konsisten sentiasa menyeru supaya diadakan suatu struktur baru bagi kewangan dunia.

Saya mengaku, saya memang sependapat dengan IMF dalam isu menangani rasuah serta tindakan menyelamatkan syarikat-syarikat yang bermasalah. Bagi saya, sebarang bantuan hendaklah dibuat dengan cara yang telus, dan tidak boleh berpihak kepada syarikat anak-anak dan suku-sakat sendiri. Mahathir terus berkeras tidak mahu menerima kenyataan wujudnya pelbagai kelemahan dalam sistem ekonomi kita. Dia bukannya cuba menangani masalah korupsi di negara ini, sebaliknya dia tuduh negara-negara lain yang korup, terutamanya negara-negara Barat.

**Paranoia Mahathir**

Saya syak Mahathir sudah membuat keputusan memecat saya sejak bulan Disember 1997 lagi, tetapi saya cuma dapat merasakannya pada bulan Februari 1998. Pada masa itu, sedikit pun saya tidak sangka, dia tergamak menggunakan cara-cara yang begitu hina dan mengaibkan, sedangkan kami sudah begitu lama bekerja rapat. Namun, saya teruskan juga tugas-tugas kerajaan serta parti, dan saya ambil keputusan tidak pedulikan begitu banyak nasihat dan pesanan yang saya terima daripada sahabat-sahabat. Mereka memberitahu, konco-konco Mahathir sedang bekerja dua puluh empat jam sehari memfitnah dan memburuk-burukkan saya.

Apabila tarikh perhimpunan agung UMNO makin

dekat, Mahathir jadi makin gelabah. Bila malam, dia tidak dapat tidur memikirkan adanya kemungkinan usul undi tidak percaya terhadapnya. Dia takut kalau-kalau ada tanda-tanda rasa tidak puas hati yang dirancang, seperti kalau akan ada sepanduk menuntut dia meletakkan jawatan ataupun, kalau nanti ada ejekan daripada ahli-ahli Pemuda UMNO. Saya katakan kepadanya, saya tidak tahu ada rancangan yang seperti itu, tetapi dia yakin betul ada orang yang hendak menjatuhkkannya.

Dia sangat marah kepada Zahid Hamidi apabila dalam ucapannya, Zahid bercakap tentang amalan rasuah, kronisme dan nepotisme. Luar biasa marahnya. Dia balas balik dengan mengeluarkan senarai penswastaan sebagai bukti bukan cuma kaum keluarga dan suku-sakatnya sahaja yang mendapat habuan daripada kronisme UMNO. Itu satu silap mata murah. Dia tidak pula bezakan projek yang bernilai beberapa juta ringgit dengan projek-projek yang bernilai berbilion-bilion ringgit. Dia sebenarnya hendak menunjukkan bahawa saya tidaklah sebersih mana. Cuma dia tidak pula menjelaskan bahawa saya tidak pernah meluluskan projek-projek yang diberikan kepada anggota keluarga saya, malah dalam kes-kes tertentu, saya tidak tahu menahu pun.

Pada hari pertama perhimpunan agung UMNO, buku 50 Dalil yang penuh dengan fitnah itu diedarkan kepada para perwakilan, padahal saya sudah mendapat injuksi mahkamah yang menghalang sebarang perbuatan seperti itu. Orang yang bodoh pun boleh tahu, itu adalah bukti

suatu kempen yang serius dan bersungguh-sungguh sudah bermula untuk menjatuhkan saya.

Tidak lama selepas perhimpunan agung itu, Johan Jaafar, editor Utusan Malaysia meletakkan jawatan dengan serta-merta. Ahmad Nazri Abdullah dari Berita Harian dan Yunus Said dari TV3 juga dipaksa meletakkan jawatan. Mereka bertiga adalah antara tokoh-tokoh wartawan yang rapat dengan saya. Dengan itu, bermaknalah keadaan sudah dipersiapkan untuk melancarkan perbicaraan-dalam-media yang bakal dimulakan sebaik-baik saya dijatuhkan daripada kerajaan dan parti.

Pada waktu yang sama, Mahathir menjelajah ke seluruh negara dan memberipenerangan berkenaan "langkah-langkah mengejutkan" yang bakal diambil oleh kerajaan untuk menyelesaikan kegawatan ekonomi. Dia cuba mengubah fikiran dan psikologi rakyat supaya mereka bersetuju, bukan sahaja dengan langkah kawalan matawang, tetapi juga dengan tindakan-tindakan zalim yang bakal ditimpakan ke atas diri saya. Pada waktu itu juga, Rahim Noor si Ketua Polis Negara itu kerap pergi berjumpa Mahathir di pejabatnya. Kemudian, pada awal bulan Ogos, Datuk S. Nallakaruppan ditangkap.

"Kami jumpa peluru hidup di rumahnya," kata Rahim Noor kepada saya apabila saya bertanya. "Dia ni lahir di Madras. Dulu dia papa kedana, sekarang kaya raya. Mesti ada benda."

Saya minta jasa baiknya supaya menjaga keadilan. Maklumlah, Nalla akan dituduh di bawah ISA, dan ka-

lau dia didapati bersalah, dia akan dihukum gantung. Kemudiannya, saya dapat tahu, CID menyediakan dokumen-dokumen, lalu mereka suruh Nalla menandatanganinya. Sebagai balasan, dia akan dikenakan tuduhan yang hukumannya lebih ringan.

Di dalam dokumen-dokumen itu tertulis kenyataan bahawa kononnya Nalla pernah memberikan kepada saya RM60 juta, bahawa dia pernah membantu saya melakukan pengkhianatan kepada negara, dan dia membekalkan perempuan-perempuan untuk memuaskan nafsu seks saya. Tuduhan-tuduhan itu, dengan segala perinciannya yang kotor dan lucah, memfitnah saya dengan bermacam-macam jenayah, daripada jenayah mengkhianati negara hinggalah kepada jenayah salahlaku seksual. Fitnah-fitnah itu kemudiannya disiarkan secara besar-besaran oleh media, iaitu apabila selepas saya dipecat, Mokhtar si Peguam Negara itu, mengemukakan afidavit ke atas Nalla.

Saya sedar apa yang terjadi itu dirancang dan diarahkan oleh kepimpinan tertinggi parti. Saya rayu Mahathir supaya memberhentikan perbuatannya itu, tetapi dia mengelak-elak. Pada waktu yang sama, pihak polis menyoal siasat adik angkat saya Sukma Darmawan serta beberapa orang sahabat saya. Bukan itu sahaja, saya ditekan oleh Mahathir, juga oleh Mokhtar si PN dan Rahim Noor si KPN, supaya pergi menjalani ujian DNA sebagai bukti saya bukan bapa kepada seorang anak luar nikah, sebagaimana yang didakwa di dalam buku 50 Dalil.

Pada 12 Ogos, sejurus sebelum mesyuarat kabinet, Daim datang menemui saya. Katanya, petang kelmarin, si Mokhtar AG itu memberitahu dia, pada pagi itu juga, saya akan dihadapkan ke mahkamah atas tuduhan salahlaku seks, juga atas kesalahan di bawah Akta Rahsia Kerajaan, dan atas tuduhan mengkhianati negara. Apa lagi, saya pun terus meluru ke dalam pejabat Mahathir dan saya minta penjelasan dari dia.

*Bersambung...*

**Dari kamar kekuasaan ke ruang kurungan.**

Siri 4...Disambung dari Siri 3

Kami bertengkar. Kuat bunyinya. Masa itulah Mahathir mengaku katanya, sebelum si Mokhtar Peguam Negara itu membawa Datuk Nallakaruppan dan Khalid Jafri, pengarang buku 50 Dalil itu dihadapkan ke mahkamah, Mokhtar ada meminta persetujuan darinya. (Khalid menghadapi tuduhan menerbitkan cerita palsu yang menuduh saya menjadi bapa kepada seorang anak luar nikah.) Lepas dia dengar saya bercakap sekejap, dia telefon Mokhtar dan berkata, "Wait for my clearence," (Tunggu kebenaran saya dulu.) Dia merujuk kepada tuduhan-tuduhan yang dibuat ke atas saya.

Kami bertengkar satu jam lamanya. Saya minta Mahathir beritahu apa tuduhan-tuduhan itu supaya saya boleh terangkan kepada dia. Dia jawab, "I don't know the details." (Saya tak tahu perinciannya). "But you can

write an explaination." (Tapi awak bolehlah jawab secara bertulis). Saya tanya kepadanya, apa sebabnya Daim terlibat? Nampaknya dia banyak membincangkan kes ini dengan si Mokhtar itu. Dengan marah-marah dia jawab, "I need to consult someone," (Saya perlu dengar pendapat orang lain).

Pada 25 dan 28 Ogos, saya menulis surat kepada Mahathir berkenaan pakatan jahat yang hendak mengaibkan saya dan membunuh kerjaya politik saya. Kami berjumpa beberapa kali di pejabatnya dan juga di kediamannya. Saya dapat rasakan sikap permusuhan dan kebenciannya kepada saya.

Saya cabar dia supaya menyatakan pendiriannya tentang akhlak. Selama ini dia tidak pernah pedulikan akhlak mereka yang memegang jawatan dalam kerajaan. Malah dia biarkan sahaja mereka yang melakukan kesalahan membawa perempuan-perempuan masuk negara ini dengan jet-jet peribadi mereka tanpa ikut peraturan Jabatan Imigresen. Sampai hari ini pun dia belum mahu menjawab tuduhan Puan Marina Yusoff berkenaan perbuatan salah-laku seksual yang melibatkan dirinya sendiri dan orang-orang yang rapat dengannya. Puan Marina ialah bekas ahli Majlis Tertinggi UMNO. Beliau melafazkan tuduhannya itu di depan beribu-ribu orang yang datang menziarahi saya di rumah selepas saya dipecat.

Mahathir bukan saja tidak ambil pusing tentang isu seks tak bermoral, malah dia sendiri menghalang BPR daripada mengambil tindakan mahkamah ke atas menteri-

menterinya yang terlibat dengan rasuah besar meskipun BPR mempunyai bukti-bukti kukuh.

Saya tanya dia, "Betulkah saudara katakan orang yang melakukan kesalahan seks tidak layak jadi PM?" Nampaknya dia tahu saya menyindir dia. Dia tidak berani jawab. Kemudian dia berkata, "But you are different, more religous." (Tapi saudara tidak macam orang lain, saudara warak.) Saya jawab, "Jangan jadi munafik. Saya terima syarat saudara (untuk jadi PM). Tapi jangan buat fitnah." Lepas itu saya tanya lagi, "Apa sebenarnya alasan saudara?" Dia tidak mahu jawab.

Sementara itu, si Rahim Noor KPN itu, si Mokhtar PN dan Hakim Besar Eusoff Chin, beberapa kali keluar masuk pejabat dan rumah Mahathir. Pada masa yang sama juga tiba-tiba sahaja Mahathir bukan main memuji-muji kebebasan badan kehakiman negara kita. Apa agaknya yang sudah dibuat oleh si Hakim Besar itu tiap kali dia keluar masuk rumah Mahathir?

Apabila Gabenor Bank Negara meletakkan jawatan, Mahathir bukan main marahnya. Tapi saya rasa ia bukan punca saya dipecat.

**Guli-guli* Mahathir Sudah Hilang.**

Mahathir menunggu hingga selepas dia umumkan langkah-langkah kawalan kewangan barulah dia berikan kata duanya kepada saya: letak jawatan ataupun dipecat. Pada 1 September dia panggil semua Menteri Besar datang mesyuarat. Dalam mesyuarat itulah, dari celah-celah giginya, lidahnya mengeluarkan kata-kata dusta. Dia

fitnah saya tentang salah laku seksual. Dia juga, dengan cara yang tersirat, mengancam menteri-menteri besar itu supaya tetap menyokong dia.

Besoknya, pada jam 12.45 tengah hari, dia berkata kepada saya: "Resign or be sacked with grave consequences." (Baik letak jawatan, kalau tidak aku pecat kamu. Buruk padahnya.) Saya terus jawab: "Saudara tahu saya tidak bersalah. Jangan paksa saya dedahkan konspirasi saudara," kata saya kepadanya. "Saudara jadi polis, saudara jadi pendakwa, saudara jadi hakim. Saudara fitnah saya sebab saudara mahu menjaga kepentingan politik saudara sendiri. Saya sedar, saya akan dapat susah. Tapi saya takkan letak jawatan. Saya nak dengar dulu nasihat Azizah."

Mahathir fikir saya tentu akan letak jawatan sebab dia sangka saya takut dengan dendamnya, takut kena tangkap, dan takut malu apabila saya dihadapkan ke mahkamah dengan pelbagai tuduhan yang amat mengaibkan saya." Lagipun, kalau ikut kepalanya yang tidak waras itu, memang menjadi nilai orang Asia "Hamba yang setia lebih sanggup mati daripada menderhaka kepada raja".

Keputusan saya yang lebih sanggup dipecat daripada meletakkan jawatan adalah didorong oleh suara hati nurani saya dan perjuangan saya. Saya sedar akan wujudnya konspirasi pada peringkat tertinggi bagi menjaga kepentingan mereka yang korup dan menutup pelbagai penyelewengan. Syukurlah, saya memang sudah ramal-

kan Mahathir akan beri kata dua kepada saya, namun peristiwa-peristiwa yang berlaku selepas itu penuh pergolakan dan amat menyeksa batin saya. Saya tidak sangka sama sekali ia akan jadi begini. Mahathir ibarat singa tua yang luka tetapi masih berjuang mempertahankan kuasanya. Orang tua ini sudah tidak ada rasa berdosa lagi, malah dia sudah tidak waras.

Saya terima surat pemecatan saya pada jam 5.30 petang. Pada malamnya, di hadapan orang ramai yang datang menziarahi saya, saya ceritakan urutan peristiwa yang membawa kepada pemecatan saya serta fitnah-fitnah baru yang saya yakin akan ditimpakan ke atas saya. Dengan cepat Mahathir membalas.

Pada pagi 3 September, empat afidavit yang mengandungi tuduhan-tuduhan liar serta tiada bukti, yang dikaitkan dengan diri saya meskipun saya sama sekali tidak terbabit dengan perbicaraan jenayah yang sedang berjalan, telah dikemukakan terhadap Datuk Nallakaruppan. (Dia menghadapi kemungkinan hukuman gantung sampai mati di bawah ISA yang amat zalim itu). Afidavit itu dikemukakan kepada mahkamah oleh pendakwaraya kira-kira jam 9.35 pagi.

Keempat-empat afidavit itu dibantah oleh para peguam Nalla kerana isi kandungannya tidak ada kaitan dengan tuduhan yang dikenakan ke atas Nalla. Hakim hari itu ialah Wahab Patail. Dia adalah saudara kandung kepada Abdul Ghani Patail, Ketua Pendakwaraya dalam kes 10 pertuduhan yang sedang saya hadapi. Hakim

mengarahkan mahkamah berehat sehingga jam 2.00 petang untuk menimbangkan bantahan tersebut.

Para peguam Nalla memohon supaya semua afidavit itu di-embargo-kan sementara menunggu keputusan penghakiman. Walau bagaimanapun, permohonan itu ditolak oleh hakim atas alasan "afidavit-afidavit itu sudah difailkan dan dengan itu ia sudah menjadi dokumen awam". Keputusan itu amat mengejutkan. Mana-mana peguam yang layak dipanggil peguam tentu tahu bahawa sesuatu afidavit itu tidak boleh menjadi "dokumen awam" sehinggalah ia sudah dibacakan dalam mahkamah.

Perbuatan menerbitkan isi kandungan dokumen itu sebelum ia dibacakan di dalam mahkamah adalah suatu kesalahan menghina mahkamah yang serius. Inilah juga hakim yang menolak kebenaran dakwaan isteri saya di dalam afidavitnya dengan mengatakan dakwaan-dakwaan isteri saya itu adalah skandal yang sungguh memeranjatkan. Isteri saya mengemukan afidavit itu bagi menyokong permohonan habeas corpus saya pada 28 Oktober. Peguam saya sendiri membantah penghakiman itu berdasarkan alasan yang amat jelas iaitu, saudara kandung hakim itu adalah juga ketua pendakwaraya dalam kes saya.

Alangkah lucunya seluruh peristiwa itu. Di satu pihak, Wahab Patail memutuskan mahkamah perlu berehat untuk menimbangkan sama ada afidavit-afidavit Nalla itu layak diterimapakai. Di satu pihak lain, Wahab Patail juga memutuskan afidavit-afidavit itu adalah dokumen awam

dan ia boleh diserahkan kepada akhbar untuk diterbitkan dengan serta-merta!

Hasilnya, *The Malay Mail*, sebuah akhbar petang menerbitkan afidavit-afidavit itu satu dalam keluaran khas. Nampak sangat tujuan akhbar itu ialah menjatuhkan nama baik dan maruah saya serendah-rendahnya. Keesokan harinya, akhbar-akhbar Malaysia yang lazimnya amat membosankan dan memualkan, tiba-tiba saja macam orang mabuk berahi menerbitkan pelbagai fitnah dan cercaan terhadap diri saya. Pada waktu yang sama, tidak ada berita sama sekali berkenaan afidavit Nalla yang mendakwa kekasaran polis sepanjang dia ditahan di bawah ISA serta kegagalan polis memaksa dia menandatangani kenyataan-kenyataan yang mensabitkan nama saya.

**Daim dan Para Pengampu Lain**

Saya sedikit pun tidak hairan dengan kempen-kempen media tempatan yang begitu galak dan jahat mengaibkan saya. Siapa yang tidak tahu kempen itu dirancang bukan oleh lain orang tetapi Daim sendiri, melalui si jongos busuknya, yang bernama Ahmad Sebi, seorang businessman dan bekas wartawan. Dulu, Ahmad Sebi ini, pernah berkali-kali cuba mempengaruhi saya supaya mencabar Mahathir dalam UMNO. Sekarang nampaknya dia sudah jadi salah seorang pengampu Mahathir yang paling besar, tetapi, bila di depan saya, dia keji dan cerca Mahathir dan Daim.

Menarik juga Ahmad Sebi ni. Dialah antara orang-

orang yang paling tidak segan silu bila memburuk-burukkan dan mengutuk si Kadir Jasin, Ketua Pengarang Kumpulan *Straits Times*. Saya rasa, sekarang ini Kadir terpaksalah jadi 'Pak Enggih' pada Mat Sebi dan buatlah sahaja apa-apa yang diarahkannya. Saya masih ingat, satu masa dulu Mat Sebi pernah berkata kepada saya, "Kadir tu, jangan nak katalah, nak tulis satu ayat Inggeris yang baik pun dia tak upaya."

*Bersambung..........*

Nota: Peribahasa "hilang gulinya" ialah peribahasa Inggeris yang bermaksud "sudah tidak siuman lagi".

**Dari kamar kekuasaan ke ruang kurungan.**

*Siri Akhir...Disambung Dari Siri 4*

**Mahathir, Eusoff Chin dan Pengembirian Insitutsi Kehakiman.**

Dalam kes saya ini, media tempatan yang dikuasai kerajaan sudah tidak tahu segan silu lagi menjajakan pelbagai skandal yang berupa fitnah. Dalam berbuat demikian mereka menghina otak para pembaca. Mereka persoalkan mengapa saya sokong Lim Guan Eng. Lim adalah seorang lagi mangsa konspirasi Mahathir bersama dengan Mokhtar si Peguam Negara dan Eusoff Chin si Hakim Besar itu. Sejak saya belum dipecat pun saya sudah menyatakan pendirian saya dengan sejelas-jelasnya.

Sewaktu saya ditanya oleh seorang penuntut Malaysia di London, saya katakan, kerajaan perlu mengkaji

dan mengubah suatu undang-undang yang membolehkan orang yang mendedahkan perbuatan-perbuatan salah dihukum, manakala pada waktu yang sama ia melepaskan begitu sahaja orang yang dituduh melakukan kesalahan-kesalahan berkenaan. Mana-mana orang yang siuman takkan boleh menerima kenyataan di mana seseorang yang membela mangsa rogol akhirnya dia dipenjarakan, manakala si perogol itu pulang ke rumahnya sebagai orang bebas.

Sekarang ini, si perogol itu dilantik oleh Mahathir menjadi jurucakapnya, di mana dia bercakap kepada orang ramai mengatakan saya tidak layak menjadi Perdana Menteri kerana saya seorang yang "rendah akhlak".

Sesungguhnya, kebebasan badan kehakiman kita adalah tersangat penting bagi pemisahan kuasa, suatu prinsip asas dalam demokrasi yang berperadaban. Adalah sesuatu yang amat mengecewakan apabila, di bawah pemerintahan Mahathir, badan kehakiman kita bukannya menjadi benteng yang menghalang penyalahan gunaan kuasa oleh pihak eksekutif, sebaliknya ia terbukti telah melakukan banyak persekongkolan, sehingga merosakkan nama baik pentadbiran keadilan negara ini. Apabila Hakim Negara Tun Salleh Abas dipecat pada tahun 1988, kemudian diikuti dengan lima orang Hakim Mahkamah Tinggi digantung jawatannya disebabkan mereka enggan tunduk kepada kehendak-kehendak Mahathir, maka berjayalah si kuku besi ini memastikan badan kehakiman sentiasa patuh kepadanya. Akhirnya,

dua orang daripada hakim-hakim itu dilucutkan daripada jawatan mereka oleh sebuah tribunal "wayang kulit".

Dalam suatu kes yang kini lebih dikenali dengan nama jolokan Kes Air Molek, di mana pihak plaintifnya adalah di bawah kekuasaan kroni besar Mahathir yang bernama Vincent Tan, Mahkamah Persekutuan di bawah Eusoff Chin melakukan apa yang tidak sepatutnya dilakukan, di mana ia mengkritik Mahkamah Rayuan yang berani mengamalkan kebebasan kehakimannya dengan menimbangkan kes tersebut berdasarkan kekuatan kes itu sendiri dan berdasarkan prinsip-prinsip keadilan. Keputusan Hakim N.H. Chan yang mengecam persekongkolan antara peguam-peguam yang tidak beretika di mana mereka sanggup bersekongkol dengan hakim-hakim yang korup. Pendirian Hakim N.H. Chan adalah contoh keadilan yang berdasarkan undang-undang dan kejujuran semata-mata, bukan keadilan yang dibuat kerana dendam dan kerakusan.

Di dalam satu mesyuarat Kabinet, saya edarkan salinan keputusan mahkamah Rayuan, tetapi kemudian baru saya sedar rupa-rupanya tindakan saya itu dilihat sebagai mengkritik Hakim Negara, ipso facto Mahathir. Demikianlah juga halnya dengan ucapan-ucapan saya yang menyentuh prinsip kedaulatan undang-undang, ia tidak dapat diterima oleh orang yang sedang berkuasa. Di dalam salah satu ucapan saya itu, saya katakan ada korporat-korporat yang tidak segan silu lagi menunjukkan mereka mempunyai kuasa mempengaruhi keputusan-

keputusan mahkamah supaya menyebelahi mereka. Saya katakan juga, ada dua jenis peguam sahaja, mereka yang tahu undang-undang, dan mereka yang tahu siapa hakimnya. Saya difahamkan kemudiannya, dalam peristiwa itu, Eusoff Chin si Hakim Besar juga hadir di dalam persidangan tersebut, dan dia tidak senang duduk. Semenjak itu dia susah hendak tidur malam kerana asyik terfikir-fikir apakah kata-kata saya itu saya tujukan kepadanya.

Pada masa ini, kelambatan yang berlaku pada perlantikan beberapa nomini Mahkamah Persekutuan oleh Majlis Raja-Raja dikatakan juga berpunca daripada usaha saya cuba menggagalkan rancangan Mahathir yang hendak mengisi mahkamah-mahkamah kita dengan hakim-hakim yang sanggup ikut sahaja arahannya.

Apabila saya berkata begini, ia tidak bermakna saya mengkritik semua anggota badan kehakiman, disebabkan masih ada ramai hakim-hakim yang amat tinggi akhlak dan mereka itu bersih daripada rasuah, tetapi hakim-hakim seperti itu telah dihukum kerana berani menjalankan tugas dengan jujur. Kepada mereka saya berpesan, tabahkanlah hati kerana satu hari nanti kebenaran akan terbukti juga.

Pada malam 4 September, Majlis Tertinggi UMNO bermesyuarat. Ia dimulakan dengan Mahathir berkata, "Anwar mesti disingkirkan daripada parti kerana melakukan jenayah seks." Bagaikan belum cukup dengan serangan media yang dilakukan terhadap saya pada hari itu, sebelum ahli-hali majlis tertinggi itu datang ke mesyuarat

tersebut, masing-masing menerima faks salinan affidavit-afidavit yang kenakan ke atas Nalla.

Saya juga mendapat tahu, berminggu-minggu sebelum saya dipecat Mahathir sudah mengadakan perjumpaan-perjumpaan sulit dengan tiap-tiap orang Menteri Besar UMNO dengan niat memutar psikologi mereka supaya menyokong penyingkiran saya. Maka tidak hairanlah apabila pada 1 September, iaitu pada malam sebelum saya dipecat, Mahathir memanggil semua Menteri Besar UMNO datang ke satu mesyuarat di mana mesyuarat itu tidak lain dan tidak bukan membicarakan saya tanpa tanpa kehadiran saya. Selepas mesyuarat itu saya diberitahu, di dalam mesyuarat tersebut Mahathir bertindak sebagai hakim dan juga sebagai pendakwaraya, di mana dia mengatakan saya bersalah di atas beberapa tuduhan salahlaku seksual.

Laporan-laporan media menyebut Mahathir sebagai berkata Majlis Tertinggi sebulat suara membuat keputusan memecat saya. Padahal, mereka yang terang-terang menyokong pemecatan saya hanyalah Megat Joned, Rafidah Aziz, Sanusi Junid, Abdul Hamid Pawanteh dan Tajol Rosli. Tajol berkata, "Falsafah saya ialah ketua saya takkan salah." Beberapa orang anggota MT bangun menyokong saya, tetapi majoriti ahli MT mahu supaya saya diberi cuti sementara menunggu keputusan perbicaraan, walaupun pada saat itu saya belum lagi dikenakan sebarang pertuduhan di mahkamah.

## Bermulanya Reformasi

Perhimpunan yang bermula pada petang 3 September di rumah saya terbukti merupakan permulaan spontan kepada gerakan Reformasi. Lepas satu malam, satu malam lagi, beribu-ribu orang datang menyampaikan sokongan mereka kepada perjuangan saya dan menyuarakan kebencian mereka terhadap Mahathir dan konco-konco konspirasinya yang korup.

Ombak penentangan itu tidak diduga sama sekali, dan ia membuat pihak-pihak berkuasa menjadi amat khuatir. Mereka cepat-cepat mula memanggil sahabat-sahabat saya dan para pembantu saya untuk disoal siasat, beberapa orang daripada mereka ditangkap. Kemudian Sukma dan Dr. Munawar juga ditangkap, mereka dikurung dan diseksa sehingga mereka sanggup mengaku bahawa mereka telah membenarkan diri mereka saya perkosa. Sepanjang-panjang mereka ditahan, sementara menunggu hari perbicaraan, mereka tidak dibenarkan berjumpa dengan peguam mereka. Apabila mereka muncul di mahkamah, hanya orang yang matanya buta sahaja yang tidak boleh nampak kesan-kesan penderaan jasmani dan rohani yang mereka alami. Mereka dibicarakan di dalam dua kamar mahkamah yang berasingan. Perbicaraan mereka dijalankan dengan gopoh-gapah dan tergesa-gesa. Kedua-duanya mengaku bersalah, dan masing-masing dihukum enam bulan penjara.

Hati saya amat tersentuh di atas sokongan kaum daripada kaum keluarga, sahabat-handai dan mereka yang

percaya kepada saya serta kepada perjuangan reformasi. Saya amat bersyukur, meskipun terdapat usaha besar daripada alat-alat kerajaan untuk membinasakan peribadi saya, tetapi saya lihat, setiap kali Mahathir membuat percubaan baru bagi mewajarkan penyingkiran saya, sokongan yang saya terima semakin hari semakin besar dan semakin lantang. Saya berhutang budi kepada sahabat-sahabat saya di dalam UMNO yang tetap setia, termasuk ketua-ketua dalam parti - kecuali mereka yang memegang jawatan-jawatan tinggi - yang menyampaikan sokongan mereka kepada saya meskipun adanya ancaman daripada pejabat Mahathir dan daripada polis.

Saya juga berterima kasih atas peranan yang dimainkan oleh pertubuhan-pertubuhan NGO, para ulama, golongan agama, golongan profesional dan, lebih-lebih lagi kepada rakyat daripada golongan berpendapatan rendah di atas sumbangan mereka menjadikan gerakan Reformasi begitu kuat dan digeruni. Saya tahu saya mempunyai sokongan, tetapi saya sendiri tidak menyangka rupa-rupanya sokongan itu begitu besar, bukan hanya dari jumlah orang yang terlibat tetapi juga daripada segi emosi mereka. Setiap lapisan masyarakat dan golongan usia ikut terlibat di dalam gerakan Reformasi, namun golongan yang amat ketara ialah mereka yang muda baik di bandar mahupun di luar bandar.

Malaysia kini sedang mengalami perubahan, dan saya yakin perubahan ini menuju kebaikan. Rakyat sudah tidak sanggup lagi dijadikan mangsa dasar-dasar dan amalan-

amalan yang zalim. Mereka mahukan kebebasan bercakap dan ikut serta di dalam pentadbiran negara ini. Ombak perubahan ini tidak mungkin dapat dibendung lagi.

### Mahathir Tidak Mempunyai Cara Lain

Semangat gerakan Reformasi ini membuat Mahathir sendiri terkejut. Semakin dia takut, semakin kuat dia menindas. Sebelumnya, dia berkali-kali berkata dia akan turun apabila sahaja dia menerima isyarat bahawa dirinya tidak diperlukan lagi. Tetapi, tidakkah dia sedar bahawa demonstrasi yang diadakan setiap hujung minggu oleh ribuan rakyat, ditambah pula dengan tindakan beribu-ribu lagi ahli UMNO yang keluar parti, itu sudah lebih daripada isyarat. Ia adalah pekikan kuat yang memberitahu dia sudah sampai masanya dia undur. Sebenarnya, dia masih terus kuasa semata-mata kerana dia boleh memperalatkan jentera-jentera kerajaan bagi mencipta budaya takut.

Pada akhirnya, saya percaya sebagai langkah terakhir untuk terus berkuasa, Mahathir akan mengisytiharkan darurat. Tanda-tandanya sudah boleh kita lihat. Beberapa orang jurucakapnya, seperti Rais Yatim, sudah mula menyebut-nyebut kemungkinan itu. Selepas tamatnya mesyuarat APEC, menteri-menteri Kabinet dan lain-lain pegawai akan menggesa supaya darurat diisytiharkan, dengan cara itu dia mempunyai alasan untuk berkata kononnya dia tidak ada pilihan lain kecuali membuat perisytiharan tersebut.

Apabila saya lihat sendiri bagaimana rakyat daripada semua bangsa dan latar belakang sosial bersatu menuntut roformasi, hati saya lapang dan saya bersyukur. Meskipun media yang dikuasai kerajaan cuba memburuk-burukkan perhimpunan di rumah saya, ataupun mereka tidak melaporkannya sama sekali, ataupun mereka tidak mahu mengheboh-hebohkannya, makin hari jumlah mereka yang datang berhimpun di rumah saya makin ramai.

Pada waktu yang sama laungan "Reformasi" dan "Undur Mahathir" makin kuat kedengaran. Akhirnya, selepas satu minggu, saya terpaksa memenuhi permintaan supaya saya menyampaikan ceramah saya di luar Kuala Lumpur, memandangkan ramai penyokong yang tidak dapat datang ke Kuala Lumpur mendengar ucapan-ucapan pemimpin Reformasi.

Pada waktu yang sama laungan "Reformasi" dan "Undur Mahathir" makin kuat kedengaran. Akhirnya, selepas satu minggu, saya terpaksa memenuhi permintaan supaya saya menyampaikan ceramah saya di luar Kuala Lumpur, memandangkan ramai penyokong yang tidak dapat datang ke Kuala Lumpur mendengar ucapan-ucapan pemimpin Reformasi.

**Mahathir Sila Undur**

Siri ceramah saya ke seluruh negara terbukti sangat berjaya, bukan kerana besarnya jumlah mereka yang hadir, tetapi kerana sebelumnya perasaan anti-Mahathir yang begitu kuat tidak pernah terjadi. Perasaan marah

rakyat sampai ke kemuncaknya pada perhimpunan di Dataran Merdeka, di mana orang ramai dari semua lapisan masyarakat, baik dari segi usia, keturunan dan agama, datang berkumpul untuk menentang Mahathir dan menuntut dia meletakkan jawatan. Peristiwa itu diikuti dengan demonstrasi demi demonstrasi oleh puluhan ribu rakyat yang menyuarakan tuntutan mereka, tetapi dikatakan oleh Mahathir sebagai rusuhan ganas. Begitulah cara Mahathir menyembunyikan kebaculannya di sebalik kata-katanya yang angkuh. Dia masih memekakkan telinganya dan tidak mahu mendengar tuntutan rakyat.

Perjuangan reformasi mesti diteruskan. Mengapakah rakyat yang tidak bersalah mesti terus diganasi oleh polis ataupun mereka itu ditangkap hanya kerana mereka mengamalkan hak mereka di sisi perlembagaan untuk berkumpul dan menyuarakan kebencian mereka terhadap rejim Mahathir? Masakan rakyat patut terus bersabar mendengar gembar-gembur seorang pemimpin kuku besi yang sudah nyanyuk?

**Hidup Reformasi!**

*Surat Dari Sungai Buloh telah disiarkan secara bersiri sebanyak 5 siri kesemuanya.*

**Diterjemahkan oleh AM**

**Ahli Persatuan Penterjemah Malaysia.**

# Suasana Sepanjang Kes Perbicaraan Di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur dan Petaling Jaya



Riuh...penyokong Anwar tetap setia menunggu keputusan kes perbicaraan Anwar di mahkamah Sesyen Kuala Lumpur.



Lepas geram... salah seorang rakyat yang tidak berpuas hati dengan liputan akhbar tempatan.



Panjat... rakyat yang hadir di luar mahkamah sesyen Petaling Jaya dikawal rapi oleh anggota FRU.



Tenang...rakyat tetap memberikan kerjasama yang baik terhadap pihak polis.

## Laporan Melalui Internet*

BERITA PENTING YANG TIDAK AKAN DISIARKAN OLEH MEDIA TEMPATAN

Saya ialah seorang wartawan Melayu di sebuah media cetak utama di Kuala Lumpur. Sejak Anwar dipecat saya ditugaskan oleh majikan saya untuk menyediakan soal selidik untuk digunakan oleh sebuah agensi kajian tentang pendapat umum. Agensi itu ditugaskan menjalankan kajian terhadap 2500 responden setiap minggu.

Mengikut majikan saya soal selidik itu diarahkan sendiri oleh Mahathir untuk dilakukan. Hasil soal selidik itu pada asalnya akan diterbitkan untuk menunjukkan sokongan rakyat terhadap keputusan Mahathir dalam isu pemecatan Anwar dari Kerajaan dan UMNO. Majikan saya menjangka soal selidik itu dapat digunakan untuk membantu Mahathir menentukan tarikh pilihanraya umum akan datang.

Tetapi hasil selidik yang memakan kos RM25,000 (RM dua puluh lima ribu) setiap minggu itu tidak memihak kepada Mahathir dan Barisan Nasional. Berdasarkan hasil soal selidik itu sudah pastilah ia tidak akan diterbitkan. Berdasarkan jawaban soalan (3) pilihanraya tidak mungkin akan diadakan dalam tempoh masa yang terdekat ini. Berikut ialah keputusan soal selidik tersebut yang menujukkan rakyat tidak lagi yakin terhadap kepimpinan Mahathir dan Barisan Nasional. Ini juga

menunjukkan peranan media dan komen para pemimpin UMNO untuk menyakinkan rakyat tidak berjaya.

**Sekian. Salam reformasi.**

**Rencana pengarang laman reformasi**

Apabila demonstrasi yang berlaku di Kampung Baru semalam (31 Okt 98) berlansung dengan aman tanpa sebarang kekacauan, menguatkan lagi kepercayaan rakyat bahawa ketegangan dan rusuhan yang berlaku sebelum ini iaitu pada 24 Oktober 98 tentulah bukan disebabkan oleh kumpulan reformasi ini.

Semalam, lebih 2000 rakyat bersama-sama di dalam satu gelombang keinginan mahukan satu perubahan menuntut supaya Perdana Menteri, Mahathir Mohamad meletakkan jawatannya sesegera mungkin.

Dan yang anehnya, mereka yang dikatakan "kumpulan luar" yang menganjurkan demo ini kurang dari 200 orang manakala selebihnya adalah penduduk Kg. Baru sendiri.

Media massa sebelum ini telah menggambarkan rusuhan 24 Okt 98 adalah berpunca dari mereka yang bernama kumpulan reformasi ini dan keesokan hari timbul suara-suara kononnya mewakili penduduk Kg.Baru, tidak mahu demonstrasi dilakukan di kampung mereka.

Baik Utusan, Berita Harian, RTM, TV3 mahupun

NTV7 menyiarkan laporan yang berat sebelah dan penuh dusta apabila mereka menyatakan bahawa kumpulan reformasi ini yang menimbulkan kekacauan dengan menggelapkan fakta bahawa di sana ada satu kumpulan manusia yang tidak siuman, yang sebenarnya memulakan rusuhan sebagai satu provokasi dan berpakaian sama seperti orang kebiasaan.

Mereka adalah apa yang dinamakan "special branch" yang ramai penduduk kampung tersebut percaya merekalah yang sebenarnya menimbulkan banyak angkara dan yang memecahkan banyak cermin-cermin kereta dan sebuah Pajero milik Utusan.

Kami tidak gembira dengan peristiwa itu kerana ia akan mencacatkan missi reformasi kami, tetapi kami amat jelik dengan laporan media massa yang lansung tidak menyentuh kekejaman polis di kejadian itu.

Menteri-menteri pula menyalahkan kumpulan reformasi hasil dari laporan palsu media massa sehingga menyebabkan pihak yang sebenarnya bersalah tersenyum, tidak terhukum dan terus berperangai seperti yang ada sekarang.

Kenyataan Ketua Polis Kuala Lumpur, Kamaruddin Ali cuba mengelirukan rakyat apabila beliau menyatakan bahawa polis boleh bertindak dengan kekerasan jika terdapat mereka yang berdegil, sedangkan yang termaktub di dalam perintah am ialah kekerasan yang boleh dilakukan oleh polis adalah "kekerasan yang minima".

Wajar untuk rakyat meminta beliau berundur dari ja-

watannya sekarang!

Gerakan menakut-nakutkan rakyat semakin menjadi-jadi samada kenyataan itu datang dari menteri, polis atau media massa sendiri yang bertindak persis anjing yang yang menyalak sebagai menyahut salakan kawannya.

Media massa kehilangan kredibilitinya kini, di atas nama ingin mengekalkan keamanan, sedangkan yang dilakukan hanyalah untuk kepentingan seorang manusia degil yang nafsu serakahnya mahu mengekalkan kuasanya sampai lubang kubur.

Kami yakin seandainya media massa masih meneruskan sikapnya seperti sekarang, ia adalah petanda kehancuran dan kemusnahan mereka yang akan habis dalam kehinaan dan kekejian, di mana kubur-kubur wartawan mereka pasti dikencingkan binatang dan orang nanti, seperti kubur PM yang sudah pasti menerima hukuman itu.

Kami ingin menyatakan demi kebenaran dan keadilan, kami rela mati kerananya jika itu yang dituntut oleh Dia sebagai harga yang perlu dibayar untuk kebenaran dan keadilan itu. Kami ingin gererasi kami mengetahui agar kebenaran dan keadilan yang mereka kecap nanti adalah perjuangan kami yang kecil bilangannya ini. Dan muga harumlah kubur kami nanti dengan taburan bunga cempaka untuk seorang syuhada! Amin.

**mahazalim**

*(Syabas! Anda telah membongkar kejahatan penjajah jadian Melayu di abad ini dan teruskan usaha anda)*

**Berita Minggu Online**

**Gerakan reformasi tinggal kenangan**

KINI Datuk Seri Anwar Ibrahim sudah dihadapkan ke mahkamah atas beberapa tuduhan yang menggemparkan dan terpulang kepada mahkamah untuk menentukan sama ada sabit atau tidak dakwaan-dakwaan itu. Walaupun ada pihak termasuk Anwar sendiri cuba menimbulkan syak wasangka terhadap keadilan yang boleh diharapkan daripada sistem perundangan negara, umum terima hakikat mahkamah di Malaysia teruji keadilannya.

Berikutan dengan penampilannya di mahkamah, isu pemecatan Anwar sudah berubah. Gerakan reformasi - sebenarnya gerakan demonstrasi untuk mencetuskan huru hara ala gerakan reformasi Indonesia - sudah keletihan. Walaupun pada mulanya gambaran yang diberikan khususnya oleh media asing dan melalui Internet seolah-olah mendapat sokongan ramai ternyata pandangan mereka itu meleset sekali. Media asing ini khususnya dua rangkaian TV Amerika CNN dan CNBC memberi gambaran seolah-olah mereka mengharapkan keadaan huru hara akan berlaku di sini. Demikian juga pelbagai agensi berita antarabangsa, majalah berita serantau dan antarabangsa begitu ghairah memberi gambaran seolah-olah gerakan reformasi itu begitu menular hingga boleh menggoncang kewibawaan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Gambaran yang diberikan gerakan reformasi itu akan berterusan sebagaimana berlaku di

Indonesia yang memaksa Presiden Suharto meletakkan jawatan.

Tidak hairanlah bagi wartawan asing yang datang hanya untuk membuat laporan demikian tidak mengetahui sistem politik dan pemerintahan kita. Tetapi apakah alasan bagi wartawan asing yang sudah berada di sini begitu lama atau rakyat Malaysia sendiri yang bekerja dengan media asing masih juga tidak boleh memberikan gambaran yang sebenar. Mereka ini nampaknya begitu aib dengan pandangan kebebasan akhbar sebagaimana digembar-gemburkan oleh kewartawanan liberal Barat bahawa apa-apa maklumat yang diberikan oleh pihak pemerintah harus diragui dan dipersoalkan. Tetapi apa saja maklumat atau pandangan yang diberikan oleh pihak yang bertentangan dengan kerajaan diterima bulat-bulat. Inilah konsep kebebasan akhbar mereka.

Mereka tidak faham atau tidak mahu faham bahawa sistem pemerintahan kita amat berbeza dengan sistem di Indonesia. Mahathir tidak mungkin dapat dijatuhkan di luar parti, melainkan melalui rampasan kuasa. Kalau inilah yang mereka mahu perjuangkan ia bukan lagi cara demokrasi. Apakah ini yang mereka mahu? Apakah ini juga yang dikehendaki Amerika atau Australia? Keutuhan dan perpaduan Umno tidak terjejas pun berikutan pemecatan Anwar. Tidak seorang pun anggota Majlis Tertinggi yang mengikut Anwar. Demikian juga hingga kini tidak seorang pun ketua bahagian keluar daripada Umno. Keadaan sekarang amat berbeza dengan apa yang

berlaku dalam Umno ketika krisis dengan Tengku Razaleigh apabila Umno terbahagi dua hingga membawa kepada penubuhan Parti Melayu Semangat 46 pada tahun 1989. Walaupun demikian Dr Mahathir tetap mendapat sokongan ketika itu apatah lagi dengan keadaan sekarang. Sebenarnya memang ramai rakyat tidak menyetujui matlamat 'reformasi' untuk menimbulkan rusuhan. Demikian pula usaha untuk menonjolkan isteri Anwar, Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail sebagai penyambung gerakan itu juga tidak berhasil. Ia sudah tidak punyai kemudi. Demikian pula isu pemecatan Anwar sudah berubah. Dengan itu liputan media asing juga sudah beralih. Apabila kelihatan tiada lagi perkara yang negatif yang mereka boleh timbulkan tumpuan mereka sudah beralih ke tempat lain. Ini sudah menjadi lumrah mereka. Perhatian mereka terhadap sesuatu perkembangan amat terhad kiranya mereka tidak boleh menimbulkan sesuatu kontroversi yang baru.

Demikianlah ketika Anwar dihadapkan ke mahkamah, yang menjadi berita kepada mereka bukan lagi tuduhan-tuduhan ke atasnya, tetapi dakwaan beliau dipukul dalam tahanan. Deraan itu sememangnya tidak harus berlaku. Ini menimbulkan banyak reaksi negatif terutama dari luar termasuk beberapa pemimpin dunia terhadap pihak berkuasa. Jabatan Negara Amerika sudah dua kali mengeluarkan kenyataan mengenai isu ini. Demikian juga Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri Australia mengkritik tindakan terhadap Anwar sebagaimana juga Presiden Joseph Estrada dari Filipina. Apakah pembesar

negara asing ini membuat andaian mereka hanya daripada laporan media? Atau reaksi itu juga hasil laporan kedutaan mereka di sini? Jika demikianlah halnya apakah sebenarnya yang dilaporkan oleh kedutaan mereka itu? - Oleh REJAL ARBEE

## AZIZAH NAFI KHABAR ANGIN

KUALA LUMPUR, Okt 22 (AFP) - Isteri bekas Tim. Perdana Menteri, Wan Azizah Wan Ismail hari ini menafikan khabar angin yang kononnya beliau telah ditangkap ekoran dari kemunculannya di perhimpunan Sabtu lalu kerana menyokong suaminya.

"I tak faham mengapa ada khabar angin yang mengatakan saya ditangkap. Saya tak membuat apa-apa kesalahan yang membolehkan saya ditangkap," kata Wan Azizah selepas dikerumuni oleh pemberita di rumahnya.

Pada Sabtu lalu, Azizah memandu sendiri di ibu kota di kawasan membeli-belah yang penuh dengan mereka yang berdemonstrasi menyuarakan sokongan kepada Anwar.

Ditemani oleh anak sulungnya, beliau melambaikan kepada mereka yang berhimpun tetapi dengan penuh berhati-hati menjauhi mereka kerana larangan polis yang melarangnya dari membuat sebarang ucapan umum.

Pada hari semalam, Perdana Menteri Mahathir Mohamad berkata di Tokyo yang penyokong Anwar mahu "pihak polis menangkap isteri Anwar" dengan melibatkan

diri Wan Azizah di dalam demonstrasi.

Tetapi Mahathir awal-awal menyatakan "kemaafan" untuk Azizah kerana "beliau melakukan sesuatu yang wajar membela suaminya."

Azizah berkata yang dia rasa gembira dengan "jaminan" Mahathir tersebut.

"Dia juga tidak mempunyai apa-apa alasan untuk menahan saya," katanya.

Ditanya apakah aktivitinya hari Sabtu lalu disalahertikan oleh pihak berkuasa, Azizah berkata: "Mereka boleh menyalahertikan apa saja."

"Apakah satu kesalahan saya pergi membeli belah di ibu kota? Apakah ianya bertentangan dengan undang-undang? Saya tak melakukan apa-apa kesalahan. Saya tidak menyertai perhimpunan itu. Saya hanya lalu sahaja di situ."

Anwar, yang ditangkap pada September 20 dan masih meringkuk di penjara, akan dibicarakan bulan depan di atas empat tuduhan rahsuah. Dia juga menghadapi satu lagi tuduhan rahsuah dan 5 tuduhan liwat yang jika sabit beliau akan dipenjara semaksima 20 tahun..

Dia tidak mengaku bersalah ke atas semua tuduhan.

# Tergurisnya Hati Seorang Isteri Dan Anak Pejuang.



**Semoga Allah terus mencucuri rahmat ke atas keluarga Anwar dan membebaskannya dari tuduhan fitnah.**



**Isteri setia... Dr. Wan Azizah menyambung perjuangan mempertahankan maruah suaminya setelah Anwar ditahan dibawah ISA.**



Kasih sayang adalah anugerah Allah... kasih sejati seorang ayah dan anak adalah abadi sekalipun mereka dipaksa berpisah. Semoga Allah lembutkan hati mereka yang sanggup meresahkan hati anak-anak dan isteri pejuang hingga dapat mereka bersama kembali. *Amin!!!*








**Majalah-majalah dan akhbar-akhbar tempatan memang tidak ikhlas. Mereka hanya mengambil kesempatan untuk melariskan akhbar dan majalah mereka sahaja dengan memuatkan gambar isteri dan keluarga Anwar di muka depan. Isinya meracun fikiran rakyat dan melukakan hati anwar dan keluarganya dengan berbagai tuduhan.**



**Makan boleh... "Reformasi tak boleh..." Inikah demokrasi ala Malaysia atau ala M...?**



Melepas rindu... Dua anak Anwar dikawal ketat oleh anggota polis berpakaian preman menuju ke mahkamah untuk berjumpa dengan ayah mereka.



Tetap setia... Azizah menjawab segala soalan oleh wartawan untuk mempertahan segala lemparan tuduhan terhadap suaminya.

# PENUTUP

## Perpecahan Dalaman Umno Memberi Nafas Baru Kepada Gerakan Islam Sedunia.

Fenomena perpecahan dalam jemaah dan parti politik adalah suatu yang tabii. Apa yang paling penting ialah bagaimana para pejuang kebenaran dan keadilan melihat permasalahan dalam Umno itu dari sudut yang positif, berprinsip dan menyeluruh. Saya cuba membawa beberapa isu dan cuba mendapatkan kunci bagi membuka beberapa persoalan yang sebenarnya telah lama wujud dalam Umno sekalipun cuba dinafikan atau sememangnya ia sengaja diwujudkan begitu. Mungkin ramai pemimpin Umno yang akan menyelar isu ini tetapi sebagai umat Islam saya rasa bertanggungjawab untuk mengemukakannya sekalipun saya terpaksa masuk dalam urusan rumahtangga orang. Dalam Islam, fahaman 'kubur asing-asing' atau 'sendiri buat sendiri tanggung' adalah salah. Islam sejak awal-awal lagi memberi penekanan

yang amat serius tentang erti persaudaraan, kasih sayang dan nasihat menasihati. Malahan sesiapa juga yang tahu dan membiarkan kesesatan, maka Allah akan menahannya untuk disoal siasat. Jika telah dinasihat masih berdegil maka bolehlah kita guna kalimat tadi. Saya berharap ia akan menjadi bahan renungan terutamanya para ulama yang berada dalam Umno atau ulama upahan Umno.

**Apakah punca sebenar perpecahan itu?**

Perpecahan akibat pengaruh individu seperti yang sering didakwa oleh PM atau memang perjuangan itu sendiri di asas dengan kebatilan jika kita bersetuju dengan PM, akibat pengaruh Anwar. Tetapi mengapa ia terus berulang-ulang. Sejak dari regim Tunku Abdul Rahman hinggalah sekarang. Ada sahaja yang boleh menyebabkan perpecahan.

Dari sini sudah tentu ada yang tidak kena bermula dari perlembagaannya,sistem pentadbirannya dan mereka yang terlibat di dalamnya. Yang pasti Islam bukanlah satu-satunya yang menjadi kayu ukur kepada seluruh gerak kerjanya dan perjuangannya. Persoalan ini wajib dijawab terutama mereka yang berada dalam barisan MT dan mempunyai kredibiliti ilmu agama.

Mengapa kekebalan Melayu mengatasi segalanya. Bukankah 100% orang Melayu sekarang adalah beragama Islam. Dan bila disebut Melayu di Malaysia bermakna beragama Islam. Begitu juga bila disebut Parti Melayu

sewajibnya adalah parti orang Islam dan melaksanakan Islam dalam seluruh sistem parti serta bernegara.

Ulama dalam Umno mesti memutuskan dengan segera dari sudut hukum syarak bagaimana seorang Muslim yang tidak yakin terlaksananya Islam sebagai suatu sistem yang lengkap dan sempurna?

Mereka juga mesti memikul beban amanah jika rakyat yang Muslim di Malaysia yang menyokong Umno dengan harapan mereka percaya bahawa Umno akan melaksanakan Islam. Golongan ini semakin ramai dan mereka terus percaya bahawa corak Islam yang dikehendaki oleh Rasulullah adalah seperti mana yang Umno bawa.* Kata-kata ini sering disebut oleh Hamid Osman, Yusuf Nor, Wan Mokhtar, Sanusi Junid, Ibrahim Ali dan beberapa pemimpin yang ada sedikit ilmu Islam. Malahan ramai lagi yang bila berkempen mereka menggunakan isu ini. Umnolah yang lebih Islam dari Islam. Tidakkah ini suatu beban amanah yang sudah tentu dipersoalkan oleh Allah nanti?

Bila umat meminta Islam ditegakkan, ulama Umno sendiri akan terus membidas mereka dengan mengeluarkan berbagai-bagai teori akal untuk mematah permintaan umat. Dosa paling besar dalam suasana hari ini mesti ditanggung oleh para ulama Umno kerana mereka tidak

* Realitinya, Umno adalah sebuah parti yang sesat dari Islam sekiranya tidak ada Islah/reformasi dan Rasulullah SAW juga tentu murka terhadap sesiapa yang mendokongnya (Rujuk perlembagaan Umno).

berani menyatakan kepada umara (pemerintah) hakikat yang sebenar. Atau mereka tidak bersungguh-sungguh untuk menjelaskannya. Mungkin juga mereka memang tidak ada hati dan perasaaan untuk menegakkannya. Mafhum hadis, "Dalam hati mereka ada penyakit!!!... Sahabat bertanya apakah penyakit itu ya Rasulullah? Jawab Rasulullah SAW, wahn, iaitu "Cinta dunia dan takut mati". Sungguh-sungguh menyayat hati bila hadis yang sama dibaca dan ditafsirkan oleh ulama ini pengertiannya dipesongkan dari kehendak hadis tersebut. Cinta dunia bagi mereka hanyalah bila seseorang itu sibuk dengan urusan dunia dan contohnya hanyalah kepada perkara yang terlalu remeh-temeh. Tetapi perkara yang besar seperti penumpuan kepada memungut pengaruh agar terus dilantik sebagai wakil rakyat bagi kepentingan peribadi dilupakan. Hakikatnya inilah cinta dunia paling dahsyat sebab punca dunia dalam suasana hari ini bermula dari sini. Wakil rakyat adalah tiket untuk membeli segalanya. Kadangkala yang dibeli bukan lagi berbentuk fizikal tetapi sudah menjangkau membeli dan menjual maruah.

Wahai rakyat Malaysia pergilah dan ziarahlah ulama-ulama seperti ini dan mintalah fatwa-fatwa dengannya. Tetapi sebenarnya yang ramai datang ke rumah mereka bukanlah yang meminta fatwa tetapi meminta kerusi. Di sinilah bermulanya cinta dunia dan kemusnahan umat. Dari sini juga berputik perasaan takut mati. Bila sudah kaya dan berkuasa inilah penyakit manusia. Lebih parah lagi bila sudah ketagih dengan kuasa maka

ia akan mengambil kuasa sebagai *Illah* (sembahan) *nauzubillah.*

Kesesatan yang berlaku di Malaysia dalam apa jua bentuknya mesti dipikul oleh ulama yang masih terus bersama dengan ideologi pemerintah yang sesat?

Malahan kes murtad yang semakin menjadi-jadi sebenarnya bermula dari ulama. Ulama Umno dan ulama upahan suka melarikan diri serta berdalih dengan berbagai alasan yang memperlihatkan nilai diri yang sangat murah. Sehinggalah isu Anwar tidak ada seorang pun ulama Umno dan ulama upahan yang berani menyatakan fitnah itu bertentangan dengan Islam sama ada dalam bentuk afidavit atau surat layang. Kalau tidak sokong Anwar pun tak apa tetapi janganlah soal maruah Islam diketepikan. Begitu juga kes Hartina yang sudah murtad, secara terbuka di mahkamah telah menafikan Kamarudin sebagai ayahnya. Mengapa ulama tidak menjeritkan kebenaran dan keadilan kepada umat?

Di sini saya mengesyorkan kepada rakyat Malaysia dan ahli Umno, bahawa sekiranya ulama yang berada dalam Umno tidak berani mengeluarkan satu fatwa tentang kedudukan Islam dalam Umno maka ulama-ulama seperti ini mesti disingkir dari Umno dan persada politik Malaysia.

Adanya mereka dalam Umno membuatkan jutaan umat terkeliru dan mereka dengan sewenang-wenangnya dijual beli oleh PM. Saya sering menyentuh soal institusi ulama ini kerana ia terlalu sensetif dan terlalu

penting. Rosaknya umat kerana rosaknya pemerintah dan rosaknya pemerintah kerana rosaknya ulama.

Kepada ulama yang masih menghirup madu pengkhianatan segeralah bertaubat dan berbuat sesuatu dengan segera kepada umat yang cintakan kebenaran dan keadilan Islam. Kamu pula memaksa mereka membencinya. Umat dahagakan perundangan Islam, kamu menolaknya. Maka apakah sebenarnya yang kamu terima dari sandiwara ini? Kamu menafikan fitrah suci hatimu dan melutut dengan kejahilan. Apakah kamu sanggup melihat generasimu merana kerana jauh dari Islam? atau kamu sanggup menjawab tuntutan mereka di akhirat nanti? Tanyalah pada hati kecilmu tentang nilai dirimu,pangkat ulama sebenarnya teramat mulia di sisi Allah tetapi kau hinakannya? **Satukanlah Umno di bawah ajaran Islam!!!**

**Bagaimana Islam Berjaya Menyatukan Umat Seluruh Dunia Sejak Lima Belas Abad Yang Lalu Dan Mengelakkan Perpecahan.**

Umat Islam bersatu kerana adanya al-Quran dan al-Quran juga mengarahkan kesatuan. Maksud firman Allah :

> *"Hai orang-orang yang beriman, bertakwalah kepada Allah dengan sebenar-benar takwa kepada-Nya, dan janganlah sekali-kali kamu mati melainkan dalam keadaan beragama Islam."* **(Ali Imran : 102)**

Ada dua perkara yang disentuh dalam ayat di atas :

**Pertama**; perintah bertakwa dengan sebenar-benarnya.

**Kedua**; perintah untuk mati dalam keadaan Islam.

Arahan al-Quran ini sangat meluas erti dan maksudnya. Oleh itu setiap mukmin yang peka akan dapat merasakan erti iman dan terus menerus menjalani hidupnya dengan nikmat beriman tadi. Orang yang beriman pula tidak akan bahagia jika tidak dapat hidup dengan penuh taat kepada Allah.

"Di sinilah letaknya takwa" sambil Rasulullah SAW menunjukkan ke arah dadanya. Rasulullah SAW bukan sahaja mengajar sahabat dengan makna takwa secara teori Malahan ia mencontohi dalam semua amalnya. Dari sekecil-kecil amal sehinggalah sebesar-besarnya. Dari masuk ke tandas sehinggalah mentadbir negara. Konsep takwa beginilah yang Islam perlukan.

Tetapi sayang yang kita lihat konsep ini hanya diserahkan kepada ulama sahaja untuk merasakannya atau bertungkus lumus merealisasikannya. Apa juga yang berkaitan dengan amal yang pada pandangan mereka ke arah takwa akan dipikul sepenuhnya oleh ulama. Kemudian ulama ini pula curang dan akhirnya hakikat takwa tidak dapat dirasai oleh umat. Tidak jauh bezanya jika Inggeris dulu memberi kuasa mutlak kepada Raja Melayu untuk urusan adat dan agama. Akhirnya adat tidak dapat dipertahankan dan agama terbiar bila Raja

asyik dengan gila kuasa,gila harta dan gila nafsu. Mereka tetap kaya raya kerana penjajah memang suka mereka kaya dan leka. Umat terdampar dan terbiar tanpa pembelaan dari sudut roh,akal dan kebendaan. Sejarah hitam ini nampaknya terus berulang hingga kini.

Arahan kedua dari al-Quran ialah tentang mati dalam Islam.Mati adalah penyudah dari kehidupan.Biasanya penyudah mesti ada permulaan.Maka permulaan hidup sebagai seorang Islam mesti melalui beberapa tahap dan syarat.Islam tidak menerima sesuatu perkara itu secara ajaib.Ia mesti melalui suatu proses sehingga individu tadi benar-benar faham tentang Islam.Jadi perkara asas untuk menjadi Muslim ialah ilmu dan kefahaman tentang Islam.Dari sini berputiklah iman dalam hati dan terus mengembang selaras dengan sejauh mana ketaatan individu tersebut kepada ajaran Islam.Peningkatan ini turun naik dan terus di suburkan sehinggalah mati.

Biasanya individu tidak boleh bertahan dengan segala macam ujian secara bersendirian tetapi ia memerlukan kumpulan yang dapat membantunya maka Allah tegaskan lagi.Firman-Nya yang bermaksud : *"Dan berpeganglah kamu semua kepada tali Allah, dan janganlah kamu bercerai berai."* **(Surah Ali Imran : 103)**

Allah sudah memberi satu jaminan bahawa jika kita tidak berpegang dengan ajaran Allah secara menyeluruh maka tunggulah saat cerai berai itu berlaku. Ada yang mengatakan bahawa cerai berai ini kerana kelemahan manusia dan kebodohan manusia. Sememangnya manu-

sia ini lemah dan lalai oleh sebab itu Allah datangkan *din* (sistem hidup) supaya kelemahan dan kelalaiannya tadi terurus. Berpegang dengan tali Allah bermakna mengikut secara penuh ikhlas dan bersungguh-sungguh keseluruhan Islam itu. Jika separuh atau penerapan sahaja masih belum menepati kehendak al-Quran ini.

Kasim Ahmad dalam beberapa artikel banyak menyentuh soal al-Quran sebagai sumber asasi tetapi pemahaman tentang kehendak al-Quran masih kosong. Buktinya apabila beliau masih menerima sistem Islam tempelan yang berjalan di Malaysia dan menghentam Anwar dari sudut yang bukan berasaskan al-Quran. Ternyata disitu unsur sosialis masih mendominan dalam fahaman beliau yang pada asalnya memang berfahaman demikian dan sealiran dengan fahaman PM. Arahan al-Quran supaya berpegang dengan tali Allah bukan ditafsir dengan akal atau fahaman-fahaman lain tetapi ia mesti ditafsir dari seorang mukmin yang hatinya benar-benar tersentuh dengan ayat-ayat Allah. Syed Qutb dalam tafsirnya yang masyhur (*Fizilalilquran*) banyak membicarakan persoalan ini. Persoalan bagaimana orang beriman dapat merasakan arahan al-Quran sebagai arahan yang terpancar dalam hidupnya dan tegahan al-Quran sebagai suatu tegahan dalam hidupnya.

Dalam hal ini Kasim Ahmad masih boleh dipertikaikan oleh umat Islam dalam keikhlasannya dan fahamannya. Begitu juga dengan PM. Ahli Umno wajib mempertikaikan fahaman ini. Jika fahaman sosialis bersalut

dengan demokrasi atau apa jua fahaman lain secara sedar atau tidak, telah menolak Islam adalah amat berat dari sudut hendak meletakkan seseorang berstatus Muslim atau tidak. Jadi jika perlembagaan Umno hanya menekankan syarat sebagai seorang Melayu maka ramailah yang lulus tetapi jika disyaratkan dengan Islam maka peratusnya mungkin terlalu rendah. Saya bukan bertujuan untuk mengkafirkan sesiapa tetapi itulah makna Islam yang al-Quran kehendaki. Terima Islam semua atau tinggalkan Islam semua sekali. Di sinilah cantiknya Islam.

Tamparan PM dalam Dewan Rakyat baru-baru ini, terhadap Islam amat berat sekali. Janganlah sampai menyindir ulama dan Islam terlalu berlebihan kerana dengan berbuat begitu rakyat akan terus mempertikaikan PM ini sebenarnya siapa? Muslim atau... memang sukar diduga. Rakyat makin keliru dan lebih buruk lagi kepada ahli Umno. Jika ahli Umno yang bermoral rendah di tolak maka sudah tentu seorang pemimpin yang tidak ada agama wajib disingkirkan. Hujah saya ini berdasarkan kebanyakan pemimpin negara sosialis memang mereka ini tidak ada agama. Mereka hanya berlakon di depan rakyat sebagai seorang Islam. Antara yang paling dikenali Hafiz AlAsad (Syria), Gaddafi (Libya),Sadam Husin (Iraq) dan ramai lagi. Mereka semuanya berfahaman sosialis dan anti Islam. Ahli Umno wajib bertanya kepada PM hal ini. PM pula mesti menjawab dengan tulus ikhlas.

Islam dapat terus bersatu kerana adanya al-Quran dan jika Umno mahu terus bersatu juga sewajarnya menerima al-Quran, bukan sekadar dibaca semasa perasmian sahaja.al-Quran diterima dengan penuh makna dan kesedaran bahawa selain dari al-Quran adalah batil serta sesat.

**ii. Rasulullah mengajarkan kita bersatu.**

Umat Islam dapat mengekalkan kesatuannya kerana mereka beriman dengan Rasulullah dengan sepenuh hati dan sanggup berkorban untuknya.

Sejarah perjuangan Rasulullah dan sahabatnya membuktikan bahawa mereka faham tentang erti kesatuan dan memberikan keutamaan kepada persatuan atau jemaah atau parti. Fungsi jemaah atau persatuan menjadi penentu segalanya dan fungsi individu cair dalam satu kelompok paling besar iaitu warga muslim. Kehebatan individu bukan tidak ada tetapi ia telah membulat menjadi suatu tenaga baru kepada jemaah atau persatuan. Cuma kadangkala memang terdapat kerja yang memerlukan orang tertentu dan tidak boleh dilaksanakan secara berkumpulan. Namun begitu tindakan mereka itu adalah hasil dari syura atau mesyuarat. Contohnya bagaimana Rasulullah menghantar Mus'ab bin Umair ke Madinah sebelum Rasulullah SAW berhijrah. Ternyata misi Mus'ab bin Umair berjaya dan akhirnya ia telah memberi kemenangan kepada jemaahnya dengan berhasilnya hijrah ke sana. Malahan Mus'ab rasa bangga kerana ia dapat berkhidmat kepada jemaahnya.

Di sini dari sudut *ibrah* (pengajaran) yang umum kita

faham bahawa apa jua organisasi perlukan semangat seperti ini. Tetapi dari sudut *ibrah* yang prinsip kejayaan hijrah bersama dengan sahabatnya adalah suatu natijah proses tarbiyah yang sempurna daripada Rasulullah SAW di Mekah.

Tarbiyah (sistem pendidikan) bukan hanya diukur dari panjang pendeknya umur atau masa tetapi wajib dinilai dari aspek *manhaj* (sistem),*biah* (suasana) dan pimpinannya (*Qiadah*). Tanpa kesempurnaan ketiga-tiga unsur ini, maka hasilnya akan tempang seperti yang kita lihat dalam masyarakat kita sekarang. Berilmu tinggi dan berkedudukan dalam masyarakat tetapi tidak berakhlak. Ini adalah hasil dari suatu proses dan adunan yang selaras dengan kehendak sistem yang bukan Islam di seluruh dunia Islam sama ada di timur atau di barat. Di Asean atau di dunia Arab.

Jadi sekiranya Umno atau sebarang pertubuhan yang inginkan wujudnya kesatuan maka ketiga-tiga unsur ini perlu jelas. Jelas dalam erti kata sebenar. Bukan jelas hanya atas kertas tetapi kabur dalam pelaksanaan. Sistem, falsafah dan perlembagaan Umno secara keseluruhannya mesti dirombak dan dikaji semula. Jika di sektor lain dalam kerajaan ,anjakan paradigma pernah menjadi agenda utama di seluruh negara mengapa tidak kepada Umno itu sendiri. Nampaknya yang beranjak hanyalah pada sudut umur keahlian dari 18 tahun diturunkan kepada 16 tahun. Begitu juga dengan undi bonus yang dimansuhkan. Jadi Umno sebagai sebuah parti politik

terbesar tidak banyak beranjak dari falsafah lama yang lebih kiblatnya kepada kebangsaan Melayu.

Saya sering tertanya-tanya sejauh mana paksi Melayu ini boleh bertahan untuk jangka masa sepuluh tahun akan datang. Banyak negara yang meletakkan ideologi kebangsaan sebagai perkara terpenting telah jatuh kecundang. Kekuatan dan kekuasaan yang terpancang dengan paksi kebangsaan buta sebenarnya telah mula longgar dan menunggu masa untuk rebah. Indonesia adalah contoh terdekat betapa nilai kebangsaan yang ditunggang oleh pemimpin dari bangsa Indonesia merudum jatuh menyembah rakyat.

Bermula dari akhir sembilan puluh lima,rakyat terutama di negara Islam seluruh dunia digegarkan kesedaran baru yang lebih agresif untuk menikmati pemerintahan secara Islam atau mereka yang mempunyai kesedaran Islam diberi peluang untuk mentadbir negara.Turki yang sebelum ini sangat terkenal dengan fahaman sekular tinggalan Mustafa Kamal Ataturk telah mengejutkan dunia apabila parti Refah yang di ketuai oleh Erbakan mendapat sambutan rakyat. Tidak diduga akhirnya Erbakan sempat menjadi Perdana Menteri Turki walaupun sangat singkat tempohnya. Sebuah negara Islam sekular pekat boleh berubah apatah lagi Malaysia yang ternyata penerimaan nilai Islamnya semakin melonjak.

Fenomena ini semakin marak terutama di Indonesia, setelah tumbangnya. Suharto Parti-parti Islam tumbuh bagaikan cendawan selepas hujan.Mengapa parti Islam

lebih dominan dari Parti-parti lain? Maksud saya dari segi bilangan. Ini petanda yang sangat baik bahawa umat telah mula sedar bahawa parti-parti yang perjuangannya berdasarkan kebangsaan atau yang lain amat sulit untuk dipercayai. Begitu juga di Malaysia, perkembangan ekonomi yang tidak menentu dan permainan politik yang kotor membuatkan rakyat hilang keyakinan terhadap kerajaan. Biasan paling hebat terkena ialah kepada Umno dan komponen BN yang lain.

Gesaan rakyat untuk mengadakan pilihan raya secepat mungkin ditolak oleh PM dengan memberi alasan tumpuan sekarang ialah untuk membereskan masalah ekonomi. Yang pasti pengaruh kerajaan sekarang memang amat tergugat setelah beberapa cubaan untuk menyelamatkan ekonomi masih belum berjaya, politik dalaman dan luar negeri terus terumbang ambing. Rakyat terus mendesak walaupun dihalang oleh polis dan jentera kerajaan. Adakah pemimpin Umno tidak dapat merasakannya atau sengaja memejamkan mata dari kemelut ini?

Sekiranya Umno masih berminat untuk terus kekal sebagai parti politik yang disegani maka anjakan baru mesti dilakukan. Perjuangan kebangsaan buta mesti dirombak dan diadun mengikut kehendak Islam. Bila Islam diletakkan pada tempatnya, maka terangkatlah semula nilai diri dan bangsa Melayu setanding dengan masyarakat antarabangsa.

Pimpinan dan suasana adalah dua unsur yang penting serta saling berkait dalam apa jua pertubuhan ter-

masuk Umno. Pimpinan yang berakhlak mulia, berdisiplin, sederhana dalam semua hal,cerdik, kuat bekerja dan seribu macam karektor yang baik sebenarnya telah pun terangkum dalam satu kata iaitu berkeperibadian Islam (Sahsiah Islamiyah). Berperibadi muslim sering disalahertikan oleh ramai orang terutama PM sendiri yang hanya menilai dari aspek luaran iaitu seperti berjanggut atau bercakap dengan istilah-istilah Islam sekalipun itu juga merupakan salah satu ciri kecil dari berperibadi muslim.

Apa yang lebih penting ialah seluruh kehendak Islam bagi seorang muslim ada padanya dan ia sudah mendarah daging bukan tiruan atau ikutan. Tanpa pemimpin begini ia bukan sahaja akan merosakkan imej Islam malahan terkait juga dengan Umno. Adakah wujud pemimpin seperti ini dalam Umno selepas ketiadaan Anwar? Walaupun ia difitnah dan dijijikkan namun hati kecil ramai ahli Umno masih merasakan sehingga kini masih belum ada.

Persoalan besar mesti dijawab oleh pemimpin dan ahli Umno, sejak dari penubuhan Umno mengapa tiada seorang pun yang boleh dianggap berperibadi muslim? Dimanakah silapnya sistem dalam Umno dan mengapa kesilapan ini dilupakan?

Mungkin ada yang menjawab Umno gagal melahirkan peribadi muslim kerana ia bukan parti Islam. Soalnya, jika ia bukan parti Islam bukan bermakna Islam langsung dibiarkan? Jika benar Islam dibiarkan maka rakyat yang semakin ramai telah tertekan dengan per-

juangan kebangsaan ini tidak akan menaruh simpati lagi dan akan keluar dari Umno membentuk parti baru atau menganggotai PAS. Nampaknya PAS akan menjadi calon juara pemerintahan Malaysia di masa akan datang.

Anwar juga setelah dihina dan dijijikkan oleh PM dan Umno mungkin mempunyai idea baru bagi merebut tuntutan umat ini. Umat tidak boleh dibiarkan berada terus di bawah cengkaman pemerintah yang zalim dan mesti ada usaha yang amat serius ke arah itu. Rasanya kumpulan atau pertubuhan Islam yang berada di Malaysia amat gembira jika Anwar dapat bebas dari Umno dan membuat usaha baru.* PAS juga akan mendapat teman baru dalam membina kekuatan ummah.

Pengalaman Anwar bersama kerajaan dan cuba membaiki kerajaan dari dalam telah membentuk pola baru dalam gerakan Islam waktu itu. ABIM yang amat serius membela nasib umat telah berpecah kepada beberapa kumpulan. Sebahagian daripada ahlinya telah menyertai Umno, PAS dan ada juga aktif dalam pertubuhan-pertubuhan lain.

Pertembungan Anwar dengan PAS menyebabkan hati umat benar-benar sedih. Kesedihan itu semakin reda bila melihat Anwar kembali semula kepada rakyat dan secara zahir belum nampak lagi pertembungan. Tetapi

---

* Terkecuali beberapa jemah Islam yang telah cair perjuangannya sehingga sanggup menyertai arus perdana pemerintah zalim ini. Saya merayu kepada mereka, taubatlah dan kembalilah kepada perjuangan Islam. Amin ya Rabb...

sekiranya setelah Anwar dibebaskan, dan Anwar masih lagi menaruh harapan terhadap Umno mungkin hati umat akan berdarah kembali. Umat Islam bukan membenci Umno tetapi mereka membenci dasar dan matlamat perjuangannya yang tidak Islamik. Mungkin ada perbezaan jika Umno itu mahu melakukan islah atau reformasi total di mana Islam menjadi paksi perjuangannya.

Jelas di sini menunjukkan bahawa keperibadian Anwar yang dari dulunya sudah diiktiraf oleh dunia sebagai seorang pemimpin yang disegani telah dicemari oleh PM dan Umno. Di waktu yang sama PM juga telah meranapkan erti rasa ketinggian kepada seseorang yang berperibadi Islam. Adakah ini yang diharapkan oleh Umno kepada semua pemimpinnya?

Jika benar inilah harapan Umno maka rakyat sewajarnya menolak parti ini dalam pilihanraya akan datang. Bayangkan seorang yang telah diiktiraf oleh dunia dan telah menjadi kebanggaan umat Islam Malaysia diperlakukan sedemikian rupa tanpa ada rasa kesian. Tidakkah mereka pernah merenung betapa pedihnya hati rakyat dan betapa malunya Generasi Melayu pada masa akan datang bila fitnah ini tercatat dalam sejarah? Kesimpulannya inilah realiti pimpinan Umno yang sangat jauh dari nilai kesucian Islam.

Dalam masa yang sama kefasadan dari pimpinan ini juga akan membentuk suatu suasana yang selesa bagi mereka yang berakhlak keji. Dasar perjuangan yang hanya bergantung kepada majoriti seperti fahaman Dr. Rais

Yatim memang telah jauh menyimpang dari ajaran Islam yang hanya meletakkan nilai tertinggi itu kepada Islam yang bersumberkan al-Quran dan Hadis. Suasana menolak ketetapan Islam juga membuatkan Anwar tidak dapat berbuat apa-apa terutama apabila bertembung dengan nilai-nilai tersebut.

Benarlah pesanan Saidina Ali bin Abi Talib apabila beliau diminta oleh sahabat lain membicarakan tentang sunnah dan bid'ah, persatuan dan perpecahan. Sahabat yang bertanya ialah Ibnu Kawwa', Ali menjawab : "Wahai Ibnu Kawwa', demi Allah SWT, sunnah adalah Sunnah Muhammad SAW. Sedang bid'ah adalah apa yang menyimpang darinya. Adapun persatuan adalah bersatu di atas yang hak meskipun sedikit. Sedang perpecahan adalah persatuan di atas yang batil walaupun jumlahnya banyak."

Ada dua perkara besar yang dipesan oleh Saidina Ali :

**Pertama** : ialah makna sunnah dan bid'ah.

**Kedua** : ialah makna persatuan dan perpecahan.

Saya hanya memfokuskan kepada perkara yang kedua sahaja. Saidina Ali telah mentakrifkan persatuan secara ringkas tetapi padat. Bersatu di atas yang hak meskipun sedikit mesti dilihat dari sudut maknawi. Paksi sesebuah persatuan atau parti adalah hak (kebenaran). Setiap unsur, dasar dan perlaksanaan persatuan (parti) tersebut mesti bernoktah kebenaran dan menjurus kepada kebenaran. Seluruh ruang lingkup organisasi terse-

but terkawal dengan nilai-nilai haq (kebenaran). Ringkasnya Islam sahaja satu-satunya penentu dari awal penubuhan sehinggalah seluruh sistem perlaksanaannya.

Hak (kebenaran) itu juga bernilai rabbani (ketuhanan) dan jauh dari unsur kelemahan. Firman Allah maksudnya :

*"Kebenaran itu dari tuhan kamu dan janganlah kamu termasuk orang-orang yang ragu."* **(Al-Baqarah : 147)**

Al-Quran juga menegaskan bahawa *'al haq'* itu daripada Allah yang bersifat Maha Besar dan Maha Sempurna dan apa juga yang datang dari Allah, kita sebagai hamba Allah tidak ada hak untuk meragui atau mempertikaikannya.

Jadi hakikat 'walaupun sedikit tetapi benar' yang hendak disampaikan oleh Saidina Ali amat relevan dengan suasana hari ini tetapi dalam bentuk songsang 'walaupun ramai tetapi tidak benar'. Umno yang mempunyai ahli seramai 2.4 juta sudah tentu tidak boleh menjadikan alasan kononnya Umnolah sebuah parti yang benar kerana mempunyai ahli yang paling ramai jika dibandingkan dengan parti lain. Alasan ini begitu dibanggakan oleh kebanyakan pemimpin Melayu dan menggunakannya sebagai dalil bagi meneruskan pengaruh kepada umat Melayu Islam di Malaysia.

Maka Saidina Ali pula menjelaskan bahawa 'perpecahan itu adalah persatuan di atas yang batil walaupun jum-

lahnya banyak'. Erti perpecahan sudah sememangnya ada dalam apa jua organisasi yang berlandaskan kebatilan (menyimpang dari ajaran Islam) sekalipun ia mendapat sokongan ramai. Oleh itu apa jua dasar dan prinsip yang diperjuangkan akan menemui kegagalan kerana asasnya kebatilan. Maksud kegagalan di sini bukan dari sudut material tetapi dari sudut Islam. Kejayaan dari aspek material mungkin hebat tetapi dari aspek Islam tidak ada nilai walaupun sedikit. Pandangan ini mungkin terlalu ekstrim bagi sesetengah orang tetapi itulah hakikatnya. Islam tidak akan bersatu dengan kebatilan walaupun dipaksakan,malahan akhirnya ia akan bercerai sendiri tanpa perlu dipaksa.

Dari pesanan Saidina Ali itu terjawablah persoalan yang sangat mengelirukan umat iaitu perjuangan , khasnya dalam Umno 'tidak boleh menentang arus'. Siapa yang menentang arus ia akan hanyut. Apa yang terjadi kepada Anwar dan beberapa barisan Pemuda Umno cuba menegak kebenaran ditentang habis-habisan dari PM hinggalah kepada ahli Umno seluruh Malaysia. Ini suatu bukti bahawa konsep perjuangan Umno itu sendiri adalah perpecahan kerana mereka boleh bersatu menegakkan kebatilan dan menafikan kebenaran. Ahli Umno yang masih taat tidak boleh menerima hakikat bahawa PM juga manusia yang kadangkala melakukan kesilapan. Sekiranya Umno sebuah parti yang menjaga perpaduan sudah pasti PM dan ahli-ahlinya dapat menerima kebenaran tetapi yang berlaku adalah sebaliknya.

Sesiapa yang berjuang untuk menegak kebenaran sudah tentu akan menentang arus. Jika ingin mengikut arus terpaksalah menggadai maruah diri dan nilai jati diri serta prinsip perjuangan. Nampaknya inilah Umno yang sebenarnya selagi belum berlaku islah atau reformasi.

Kesimpulan yang dapat diambil dari kata-kata Saidina Ali tadi ialah Umno adalah sebuah parti atau pertubuhan yang diasas dengan kebatilan dan tidak sungguh-sungguh memperjuang kebenaran serta keadilan.

Keikhlasan ahli-ahli Umno yang bekerja keras hanya sia-sia kerana nilai amal mereka tidak lebih dari memperkukuhkan kebatilan dan meruntuh kebenaran. Kepada ahli-ahli Umno kembalilah ke pangkal jalan. Bantulah perjuangan Islam sekalipun ianya tidak popular tetapi ia boleh menjamin kita di akhirat nanti kerana amal kita berasaskan Islam dan kebenaran. Bersatulah kita di atas *al haq* dan terus menyambung ketaatan yang tulus ikhlas kepada Rasulullah SAW. Yakinlah bahawa kesatuan yang hakiki akan terbina apabila individu yang berada di dalam organisasi itu benar-benar beriman kepada Allah dan Rasulullah. Inilah noktah pertemuan individu muslim dari seluruh dunia apabila kalimah agung ini dilafazkan 'Tiada *Ilah* (sembahan) melainkan Allah dan Muhammad SAW adalah pesuruh Allah.'

Kemelut Umno yang tidak berkesudahan mesti dipergunakan oleh seluruh gerakan Islam bagi memperjelaskan kepada umat tentang penyelewengan yang berlaku tanpa perlu menokok tambah. Penyelewengan pa-

ling asas ialah penolakan Islam sebagai *din* Allah dan pemujaan manusia dengan manusia tanpa batasan. PM dipuja oleh ahlinya sudah hampir ke tahap menyamai dewa. Akidah sesat ini perlu dijernihkan dan semua yang beriktikad sama ada secara sedar atau tidak wajib bertaubat dan bersyahadah semula.

Jika Ustaz Asya'ari dan pengikutnya bertaubat dan memohon maaf di khalayak ramai maka begitulah juga PM dan pendokongnya.* JAKIM mesti menganjurkan kursus khas untuk pemulihan akidah ini dari peringkat MT hinggalah ke ahli akar umbi. JAKIM juga boleh membuat penyelidikan terhadap dakwaan ini dan jika ianya terbukti maka Umno adalah pertubuhan ajaran sesat dan wajib diharamkan dari sudut syariat Islam dan undang-undang Malaysia. Penegasan ini bukan suatu perkara yang boleh dipermainkan atau dipermudahkan tetapi mempunyai bukti yang sangat kukuh bahawa PM secara sedar mempertikaikan Islam dan ulama. Kaset ucapan ini sedang berada di pasaran. Ulama upahan yang turut hadir dalam majlis itu juga wajib menjelaskan kepada umat mengapa mereka bersekongkol dan mengiakan apa yang PM kata.

Sekiranya rakyat sesat atau ikut ajaran sesat JAKIM membanteras habis habisan tetapi sayang, ibu kesesatan masih berleluasa membiak tanpa sekatan. Apakah ini

* Sila rujuk buku *"Arqam Tersungkur Di Pintu Syurga"* - saya juga ada membuat komen terhadap buku ini (sila lihat lampiran) dari sudut pandangan Islam.

makna keadilan yang difahami oleh ulama kita? Sekarang tibalah masanya untuk membuktikan kepada umat bahawa ulama bukanlah bacul dan pengecut. Ulama sebenarnya adalah harapan umat bagaikan nadi pada badan.

Isu-isu lain seperti kegagalan Umno membela nasib rakyat dan umat tidak boleh juga diambil ringan kerana ia akan memusnahkan generasi umat pada masa akan datang. Gerakan Islam dari seluruh dunia harus memacu keadaan ini agar ia memberi peluang kepada umat Islam di Malaysia memerdekakan Malaysia dari penjajahan Melayu jadian kepada Muslim yang hakiki.

Menjadikan *al haq* sebagai landasan persatuan atau parti. Para pejuang kebenaran dan keadilan mesti meneliti beberapa perkara yang asas agar perjuangan kita benar-benar di atas *al haq* dan diberkati oleh Allah SWT. Muhasabah ini mesti di lakukan setiap hari bagi semua peringkat sama ada pemimpin atau yang dipimpin. Selalu meyakini bahawa Allah Maha Mengetahui segala sesuatu, malahan getaran dan bisikan hati kita. Kerana itu,jika Allah memerintahkan sesuatu,pasti di dalamnya ada kebaikan bagi hidup kita. *"Apakah hukum Jahiliyah yang mereka kehendaki, dan hukum siapakah yang lebih baik daripada hukum Allah, bagi orang-orang yang yakin?"* **(Al-Maidah : 50)**

Kisah hidup para Nabi dan Rasul mesti diulang-ulang supaya keindahan akhlak dan budi pekerti mereka terus bersinar dalam jiwa kita. Begitu juga dengan sikap mereka yang mencintai hukum Allah lebih dari segalanya

malahan dari dirinya sendiri. Nabi Noh pernah memohon kepada Allah agar anaknya yang bernama Qan'aan terselamat dari air bah walaupun ia kafir. Tetapi setelah Allah menolak permohonannya,Nabi Noh berdoa : *"Ya Tuhanku, sesungguhnya aku berlindung kepada Engkau dari memohon kepada Engkau sesuatu yang aku tidak mengetahui (hakikat)nya. Dan sekiranya Engkau tidak memberi ampun kepadaku, dan (tidak) menaruh belas kasihan kepadaku, nescaya aku akan termasuk orang-orang yang merugi."* **(Hud : 47)**

Sirah para sahabat dan tabi'in mesti dikaji secara mendalam agar keperibadian mereka yang tinggi ,ketakwaan dan kecintaan mereka kepada Hukum Allah meresap ke dalam jiwa serta terpancar dalam hidup kita.

Tidak putus-putus dan istiqamah menghisab diri, menjauhkan diri dari hawa nafsu dan rayuan syaitan. *"Sesungguhnya syaitan itu membisikkan kepada kawan-kawannya agar mereka membantah kamu, dan jika kamu menuruti mereka, sesungguhnya kamu tentulah menjadi orang-orang yang musyrik."* **(Al-An 'am : 121).**

Sering memohon pertolongan kepada Allah SWT, agar diberi kekuatan untuk menundukkan jiwa atas hawa nafsu dan kebiasaan buruk. Jika hati kita bersih, ikhlas, jujur dan terpaut langsung dengan Allah, maka yakinlah Allah akan tetap membantu dan menolong kita bagi mencapai kemenangan. *"Sesungguhnya Allah tidak menyia-nyiakan pahala orang-orang yang berbuat baik."* **(At Taubah :120)**

Sentiasa mengambil pengajaran bagaimana kesudahan orang-orang yang menjauhi hukum Allah. *"Masing-masing mereka itu Kami seksa disebabkan dosanya, maka di antara mereka ada yang Kami timpakan kepadanya hujan batu kerikil dan di antara mereka ada yang ditimpa suara keras yang mengguntur, dan di antara mereka yang Kami benamkan ke dalam bumi, dan di antara mereka yang Kami tenggelamkan, dan Allah sekali-kali tidak hendak menganiaya mereka, akan tetapi merekalah yang menganiaya diri mereka sendiri."* **(Al-Ankabut : 40)**

Membebaskan diri dari terikat atau menjauhi orang-orang yang menentang hukum Allah dan mengikuti hawa nafsu mereka. Dan sebaliknya bersahabatlah dengan orang-orang yang salih. Sekiranya orang-orang jahat ini cuba mendusta, memfitnah dan sebagainya kepada kita maka katakanlah seperti mana Allah ajarkan kepada kita. *"Bagiku pekerjaanku dan bagimu pekerjaanmu, Kamu berlepas diri terhadap apa yang aku kerjakan dan aku pun berlepas diri terhadap apa yang kamu kerjakan."* **(Yunus : 41)**

Selalu memperbaharui niat dan menjaga hati agar tidak leka serta lupa dari komitmen terhadap hal-hal di atas. *"Dan tetaplah memberi peringatan, kerana sesungguhnya peringatan itu bermanafaat bagi orang-orang yang beriman."* **(Az-Zariat : 55)**

**Jemaah Islam wajib meminimakan perbezaan dan lebih berlapang dada dalam menghadapi suasana**

**politik Malaysia sekarang.**

Seringkali saya menegaskan bahawa suasana gawat ini wajib dipacu oleh semua gerakan Islam yang berada di Malaysia. Sikap tutup sebelah mata dan tidak mahu ambil peduli keadaan ini akan merugikan generasi kita pada masa akan datang. Kita juga tidak akan dilepas oleh Allah di akhirat nanti di atas kelalaian ini. Mungkin sukar bagi kita untuk menerima hakikat bahawa suatu ketika dahulu kita pernah mencairkan sedikit perjuangan kita demi mencapai matlamat yang mulia dengan turut serta bersama arus perdana. Adalah lebih afdhal, jemaah Islam yang pernah tersasul ini untuk kembali ke dasar perjuangan yang hakiki. Rasanya umat amat memerlukan dan menantikan sumbangan dari para pendokong jemaah Islam ini. Sama-samalah kita memohon keampunan dari Allah di atas kelalaian kita.

**Di manakah titik yang boleh menemukan kita?**

Dr. Yusuf Qardawi telah menegaskan perkara ini dalam bukunya *'Fiqh Daulah'*, kata beliau : Ada dua hal penting yang harus dipenuhi oleh berbagai parti (jemaah) dalam sebuah negara Islam agar kewujudannya tidak merugikan dan memenuhi tuntutan syarak.

1. **Parti (jemaah) itu harus mengakui Islam sebagai akidah dan syariah,tidak boleh melanggar ajaran-ajarannya dan tidak boleh pula menjadikannya sebagai tempat mengaut keuntungan peribadi.**

2. **Parti-parti (jemaah) itu tidak boleh bekerja demi kepentingan pihak-pihak yang memusuhi Islam dan umatnya, apapun nama dan bentuknya. Secara zahirnya Umno telah membuktikan bahawa pemimpin-pemimpin Umno yang ada sekarang menentang Islam, terutama apabila kes Anwar terbongkar.**

Dari titik di atas rasanya sudah cukup untuk memulakan langkah pertama dan mengorak langkah yang lebih jauh.

Inilah pengorbanan dan keikhlasan dalam perjuangan menegakkan *din* Allah di muka bumi ini. Semoga kita dapat menempa sejarah gemilang di bumi Malaysia ini. Jika tidak kita siapa lagi?

# LUAHAN RASA PENULIS

## Ikrar Pejuang

*Ayah dan Ibuku,*
*Terima kasih di atas kasih dan doamu,*
*Aku pernah dimanja dan dibelai,*
*Untuk terus membesar bagaikan wiramu,*
*Adik-adikku,*
*Marilah bersamaku,*
*Meredah belantara keadilan dan merempuh kezaliman,*
*Rantaikan tangan-tanganmu bersama pejuang kebenaran,*
*Lepaskan ikatan dengan tangan-tangan pemabuk kuasa,*
*Isteriku,*
*Nadi perjuangan ada padamu,*
*Tautkan hatimu dengan Allah dan muslimah senasib denganmu,*
*Yakinlah jerih dan payahmu balasannya syurga,*

*Cuma satu syarat,*
*Taat dan rela,*
*Anak-anakku,*
*Tangis dan manjamu perawat sakti,*
*Tawa dan rindumu penawan hati,*
*Membesarlah dengan Iman dan takwa,*
*Berbanggalah dengan ayahmu,*
*Seorang pejuang!...*

**Abu Miqdad 9 Okt. 1998**

**Nama Isteri :** Maryam Jamilah Brachtel
**Anak-anak;**
Atiqah
Amer Miqdad
Lubainah Ulfah
Amer Ahmad Qayyim
Amer Ahmad Amin Brachtel
Amer Mohammad Ilyas Brachtel

## Kezaliman

***(Berhampiran Dataran Merdeka 10.00 malam 17 Oktober)***

*Sabtu*
*Seperti selalu umat datang menderu*
*Entah dari mana*
*PM dan KPN pun tak tahu*
*Bingung aku menongkat dagu*

*Masa berlalu*
*Umat terus berpusu-pusu*
*Dari tiap penjuru walaupun ada penunggu*
*Penunggu berbaju hijau dan biru*
*Bermata saga berhati kayu*
*Mundar mandir bertasbih memulas kayu*
*palu-palu, palu-palu, palu-palu!!!*
*bergema di kalbu*
*Siapa kena dulu?*

*Masa berlalu*
*Umat berkumpul bagai kalkatu*
*Seru menyeru*

*Mentera peninggalan pak guru*
*Diseru*
*Dengan nama Allah yang Maha Tahu*
*Keadilan dan kebenaran dengan nada padu*
*Menakutkan para ratu bersuku-suku*
*Menyeramkan para hantu bermata satu*

*Masa berlalu*
*Puluhan ribu menyeru*
*Bernada satu*
*Berantai satu-satu*
*Reformasi, reformasi, reformasi*
*Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar*
*Mahathir undur, Mahathir undur, Mahathir undur*
*Sahut menyahut dari anak dan ibu*

*Masa berlalu*
*Umat pun berlalu laju*
*Dari PC, masjid dituju*
*Penunggu menjeling kaku*
*Kereta, motor, lori dan van semua menunggu*
*Hon dan lampu dinyalakan tanda setuju*
*Reformasi bergema dari berbagai penjuru*

*Di masjid umat bertemu*
*Pasrah pada Allah yang satu*
*Berdiri, rukuk, tasbih, tahmid, takbir dan sujud penuh syahdu*
*Umat bernafas baru*
*Segar, damai,tenang dan yakin dengan janji Allah*
*Roh menegak keadilan dan kebenaran mengental padu*
*Pasir, rumput dan pepohon jadi saksi penentu*
*Aku dan umat pernah mengaku bersatu*
*Di depan rumah Mu*
*Menuntut keadilan dan menentang kezaliman di negara ku*

*Umat mengatur langkah berarak*
*Menuju Istana Negara*
*Jalan melimpah bagai air bah*
*Bergerak berasak-asak*
*Bersama seru mentera menderu*
*Megah tanpa malu*
*Istana Negara bercahaya indah*
*Memanah mata umat berkeringat*
*Langkah-langkah terhenti*

*Bila penunggu beraksi*
*Tunjuk gigi dan besi*
*Umat mohon simpati*
*Menyerahkan memorandum ke pihak duli*

*Umat diburu penunggu*
*Disembur air bergas bertalu*
*Penunggu menjelma jadi hantu*
*Menikam,menggigit dan memukul sudah ditunggu-tunggu*
*Wanita,kanak-kanak,tua dan muda jadi tak menentu*
*Penunggu terus memalu tanpa malu*
*Penunggu berpaku tunjuk kuku*
*Menendang dan mendera tidak jadi salah kerana undang-undang tidak lagi laku*
*"Rasakan penendang aku"...berbaju biru*
*"Rasakan penumbuk aku"...bertopi merah*
*"Rasakan! rasakan"... penunggu puas*
*Umat mohon simpati*
*"Aduh-aduh".*
*Suara umat melemah*
*Tak siapa yang tahu*

**Abu Miqdad**

# SENARAI BUKU-BUKU TERBITAN PUSTAKA SYUHADA

| TAJUK BUKU | HARGA SENASKHAH (RM) |
|---|---|
| 01. PENDEDAHAN MUSLIM-MUSLIM PALSU | 3.00 |
| 02. PASANG SURUT GERAKAN ISLAM | 5.00 |
| 03. PERKAHWINAN YANG SUCI | 4.00 |
| 04. HUSNUL KHOTIMAH | 4.00 |
| 05. PICIT REFLEKSI (PERUBATAN) | 4.00 |
| 06. HEALING THROUGH REFLEXOLOGY | 4.00 |
| 07. JALAN DEKAT MENUJU ALLAH | 8.00 |
| 08. FITNAH WANITA | 5.80 |
| 09. PADERI BERTANYA PELAJAR ISLAM MENJAWAB | 10.00 |
| 10. JENAYAH YAHUDI TERHADAP DUNIA ISLAM | 12.00 |
| 11. SIFAT 20 TERAS AQIDAH | 6.50 |
| 12. WANITA WAJIB BERPURDAH | 7.00 |
| 13. UMAR IBN AL KHATTAB MUKMIN PERKASA | 5.50 |
| 14. ADAB SEORANG MUSLIMAH | 6.00 |
| 15. 99 PAHALA BESAR | 7.00 |
| 16. RABIATUL ADAWIYAH & CINTA | 7.90 |
| 17. PEJUANG ISLAM DI MEDAN PERANG | 6.50 |
| 18. PROBLEM WANITA MASA KINI | 8.00 |
| 19. MENUJU JAMA'ATUL MUSLIMIN | 12.50 |
| 20. FIQAH PERKAHWINAN | 6.00 |
| 21. 51 KISAH BENAR | 6.00 |
| 22. KISAH-KISAH SUFI TELADAN | 5.00 |
| 23. MENJELAJAH ANGKASA LEPAS (Siri Metafizika) | 6.50 |
| 24. 10 HARI BERKESAN DALAM KEHIDUPAN RASULULLAH S.A.W. | 10.00 |
| 25. BENARKAH KITA MUSLIM? | 8.70 |
| 26. IBADAH DALAM ISLAM | 6.70 |
| 27. JIHAD SYARAT KEMENANGAN ISLAM | 7.00 |
| 28. 40 TANGGUNG JAWAB IBU BAPA TERHADAP ANAK | 7.00 |
| 29. MUTIARA DOA-DOA PARA RASUL | 7.90 |
| 30. 45 KISAH BENAR KEBERANIAN | 8.00 |
| 31. KEMANUSIAAN MUHAMMAD | 7.50 |
| 32. MENYELUSURI LIKU-LIKU HIDUP MANUSIA | 6.00 |
| 33. PERBUALAN BAHASA INGGERIS | 4.00 |
| 34. AMAL-AMAL YANG MEMBAWA KE SYURGA | 7.80 |
| 35. UNTAIAN MUTIARA DI SEBALIK 99 ASMA ALLAH | 4.00 |
| 36. PELAJARAN SOLAT LENGKAP | 6.50 |

| | | |
|---|---|---|
| 37. | KAEDAH DAN KURIKULUM PENDIDIKAN ISLAM | 15.00 |
| 38. | BAGAIMANA MEMBAHAGIAKAN ISTERI | 7.00 |
| 39. | BAGAIMANA MEMBAHAGIAKAN SUAMI | 7.00 |
| 40. | HIMPUNAN DOA-DOA TERPILIH | 8.70 |
| 41. | PANDUAN DOA DAN ZIKIR RASULULLAH | 9.00 |
| 42. | PANDUAN DAN TATACARA LENGKAP KELAHIRAN, PERNIKAHAN & KEMATIAN | 12.00 |
| 43. | FATWA TERKINI WANITA DAN KELUARGA ISLAM | 16.00 |
| 44. | KBSM BUKU KERJA BAHASA ARAB KOMUNIKASI TINGKATAN 1 | 5.70 |
| 45. | KBSM BUKU KERJA BAHASA ARAB TINGKATAN 2 | 6.50 |
| 46. | BUKU KERJA BAHASA | 5.00 |
| 47. | MEMBINA KELUARGA BAHAGIA | 6.00 |
| 48. | MERINTIS KHILAFAH YANG HILANG | 7.00 |
| 49. | DIALOG DENGAN JIN ISLAM | 16.00 |
| 50. | DAJJAL AKAN MUNCUL DARI KERAJAAN JIN | 18.00 |
| 51. | 10 PEMBINASA MANUSIA | 8.50 |
| 52. | BAHAYA UNDANG-UNDANG MANUSIA | 6.50 |
| 53. | HIBURAN UNTUK ORANG SAKIT | 8.50 |
| 54. | SUKA DUKA KEHIDUPAN PUTERI-PUTERI RASULULLAH | 12.50 |
| 55. | IBUNDA PARA NABI | 9.50 |
| 56. | SIAPA PENGHUNI BUMI SEBELUM MANUSIA | 12.00 |
| 57. | 154 WANITA SALIHAH TELADAN SEPANJANG ZAMAN | 16.50 |
| 58. | PERBUALAN BAHASA ARAB PERINGKAT MENENGAH | 7.50 |
| 59. | KAMUS MUDAHKU - B. MALAYSIA/B. ARAB/B.INGGERIS | 6.00 |
| 60. | PENYAKIT UMAT ISLAM KAEDAH DAN CARA PENGUBATANNYA | 15.00 |
| 61. | PROBLEM REMAJA MASA KINI & PENYELESAIANNYA MENURUT ISLAM | 8.00 |
| 62. | PANDUAN SOLAT LENGKAP LELAKI & PEREMPUAN | 7.50 |
| 63. | 50 WASIAT RASULULLAH UNTUK WANITA (Kulit Keras) | 28.00 |
| 64. | PERANG SALIB DI DUNIA ISLAMI (Kulit Keras) | 25.00 |
| 65. | KEHIDUPAN DALAM TIGA DIMENSI (Kulit Keras) | 30.00 |
| 66. | PMR BAHASA ARAB LATIH TUBI | 7.00 |
| 67. | AMAR MAKRUF NAHI MUNGKAR | 10.00 |
| 68. | BAHAYA RASUAH | 6.50 |
| 69. | BAHAYA SIKAP WAS-WAS | 8.00 |
| 70. | MURTAD TANPA SEDAR | 9.00 |
| 71. | RUMAH IDAMAN YANG TIDAK DI MASUKI SYAITAN | 8.90 |
| 72. | PAFA FARDU AIN | 5.80 |
| 73. | TERJEMAHAN SURAH YASSIN secara harfiah | 7.80 |

| | | |
|---|---|---|
| 74. | 33 PANDUAN UNTUK MENDAPATKAN KHUSYUK DALAM SOLAT | 7.50 |
| 75. | SENYUM DAN TANGIS RASULULLAH | 7.90 |
| 76. | RAHSIA GERAKAN FREEMANSONRY DAN KELAB ROTARY | 11.00 |
| 77. | SIFAT-SIFAT ORANG YANG BERJAYA DUNIA AKHIRAT | 10.00 |
| 78. | JENIS-JENIS PEMERINTAH | 8.90 |
| 79. | BERINTERAKSI DENGAN JIN | 8.00 |
| 80. | RAKYAT MENUNTUT KEADILAN | 17.00 |

Alamatkan Pesanan Anda Kepada:
**PUSTAKA SYUHADA**
NO. 583 A-B JLN. KG. BANDAR DALAM
SENTUL ULU 51100 KUALA LUMPUR
TEL: 03-4432994 FAKS: 03-4416548

## BORANG PESANAN

NAMA:............................................................................................
ALAMAT:........................................................................................
........................................................................................................
Bersama ini saya sertakan Wang Pos / Cek No:....................... **(TANP PALANG)** atas nama **PUSTAKA SYUHADA** sebanya RM:..............................

| | Buku | Kuantiti | Harga |
|---|---|---|---|
| 1. | ______ | ______ | ______ |
| 2. | ______ | ______ | ______ |
| 3. | ______ | ______ | ______ |
| 4. | ______ | ______ | ______ |
| 5. | ______ | ______ | ______ |

Jumlah:...............................

Tarikh:................................ No. Telefon:..................................